

# KRISIS SULTAN – MENTERI BESAR

CHAMIL WARIYA

Penerbit:  
Media Indah Sdn. Bhd.

ISBN 967-9915-13-1

Harga: \$10.00

MEDIA INDAH SDN. BHD.

72, Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr. Ismail  
60000 Kuala Lumpur. Tel: 03-7177701/7177702

Cetakan Pertama 1992

© Hakcipta Chamil Wariya 1992

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan  
mana-mana bahagian, artikel, isi kandungan buku ini dalam apa jua  
bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi,  
mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis  
daripada Media Indah Sdn. Bhd.

Muka taip teks: Palatino Roman

Saiz taip teks: 10/12 poin

M

CHA

Dicetak oleh

JIWAMAS PRINTERS SDN. BHD.

Lot 12, Lorong SS 13/3E,

Subang Jaya Industrial Estate,

P. Jaya 47500 Selangor, Malaysia.

610357

31 MAR 1993

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# DAFTAR ISI

DARI PENGARANG	6
PENGENALAN	
1. Sultan: Kuasa, Peranan dan Fungsi	13
2. Menteri Besar: Kuasa, Peranan dan Fungsi	30
KRISIS SULTAN-MENTERI BESAR	
3. Selangor	51
4. Kelantan	73
5. Pahang	89
6. Johor	104
KESAN, IMPLIKASI DAN PENGAJARAN	
7. Teguran dan Pendedahan	119
8. Siapa Menang, Siapa Kalah?	144
LAMPIRAN-LAMPIRAN	
Sedutan Interbiu Eksklusif	
Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib	169
Tan Sri Mohamad Yaacob	177
Dato' Rahim Bakar	185
Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan	194
Kod Etika Raja: Draf Cadangan UMNO	199
Titah Sultan Kelantan	207
Kertas Kerja Tunku Abdul Rahman	211
Kertas Kerja Tun Suffian Hashim	214
Zaid Ibrahim - Raja Patut Patuhi Undang-undang	220
Rustam A Sani - Raja dan Peranannya	227
Chamil Wariya - Jaminan Perlembagaan Saja Tidak Cukup	230
Raja Melayu dan Dunia Saham	233
Nasihat yang Tidak Boleh Ditolak	236
Menjelaskan Lagi Maksud Nasihat	239
Kod Etika Raja	241
Era Baru Hubungan Raja - Rakyat	243
Rahsia Populariti Raja Inggeris	246
Sistem Monarki British Lebih Baik dari Republik	250
Jangan Takut Berkata Tidak	254

## DARI PENGARANG

SISTEM Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini sebenarnya menjamin hubungan yang harmonis antara Sultan dan Menteri Besar. Peranan, kuasa dan fungsi bagi mereka yang memegang kedudukan-kedudukan utama di peringkat negeri itu adalah jelas. Atas sitatnya sebagai Raja Berperlembagaan, Sultan sudah kehilangan kuasa mutlak untuk memerintah negeri. Kuasa itu sudah berpindah kepada rakyat yang diwakili oleh Menteri Besar pada peringkat tertinggi. Apa juga kuasa yang ada pada Sultan hanyalah simbolik dan dilaksanakan dengan mengambil kira nasihat dan pandangan rakyat.

Bagaimanapun hubungan yang harmonis yang telah dijamin oleh Perlembagaan - Persekutuan dan Negeri-negeri - mungkin kelihatan menarik di atas kertas. Dalam dunia sebenar masalah dalam hubungan Sultan dan Menteri Besar adalah tidak dapat dielakkan. Ada kalanya masalah itu berjaya ditutup dari diketahui umum. Tetapi tidak kurang juga yang meletup menjadi krisis. Ini terjadi di Perak apabila Allahyarham Sultan Idris tidak dapat bekerjasama dengan Menteri Besar, Tan Sri Ghazali Jawi pada 1970-an. Ketika menjadi Menteri Besar Pahang, Rahim Bakar juga berkrisis dengan Sultan negeri itu. Begitu juga Tan Sri Mohamad Yaacob, ketika menjadi Menteri Besar Kelantan. Tan Sri Othman Saat, sewaktu menerajui kerajaan Johor berbalah dengan Sultan Mahmud Iskandar. Dalam peristiwa terbaru Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib pula berkonfrontasi dengan Sultan Selangor.

Buku ini ditulis dengan tujuan untuk memberi gambaran tentang apakah yang sebenarnya terjadi di sebalik krisis Sultan-

Menteri Besar itu. Apa puncanya? Di mana silapnya? Apa kesudahannya? Apa pula pendirian kerajaan Persekutuan dalam menghadapi krisis-krisis serupa itu? Memanglah apa yang benar-benar terjadi bergantung pada persepsi. Yang akan ditinjau di sini ialah perspektif Menteri Besar-Menteri Besar itu sendiri. Setiap Menteri Besar memang diketahui pada ketika-ketika tertentu mempunyai masalah dengan Sultan masing-masing. Bagaimanapun yang akan diperkatakan di sini terbatas pada krisis-krisis zaman Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Tumpuan akan diberi kepada krisis yang terdedah kepada umum. Krisis yang tertutup tidak akan diperkatakan.

Bagaimanapun sebelum kes studi krisis-krisis itu dianalisis buku ini akan menggariskan terlebih dahulu peranan, fungsi dan kuasa Sultan dan Menteri Besar seperti yang ditakrifkan oleh Perlembagaan. Perlembagaan Negeri sebenarnya menyediakan peruntukan yang jelas tentang kedudukan Sultan dalam hal itu dan ini akan dilakukan dalam bab pertama. Kuasa, fungsi dan peranan Menteri Besar pula tidak begitu dijelaskan secara terperinci oleh Perlembagaan Negeri. Untuk tujuan buku ini, kuasa Menteri Besar akan diperkatakan dari pelbagai sudut; eksekutif, legislatif, pengawalan ke atas jentera kerajaan dan sebagainya.

Ini akan diikuti dengan perbincangan tentang krisis-krisis itu sendiri bermula dengan Selangor, Kelantan, Pahang dan Johor.

Adalah jelas bahawa krisis-krisis itu telah mendorong kepada beberapa tindakan oleh parti dan kerajaan yang berkuasa untuk membetulkan apa yang dilihat sebagai kegagalan Raja Berperlembagaan berfungsi seperti sepatutnya. Ini akan diperkatakan dalam bab implikasi, kesan dan pengajaran. Yang akan disentuh di sini ialah teguran-teguran terbuka, yang dilakukan oleh UMNO buat pertama kalinya, dalam Perhimpunan Agung parti itu selama dua tahun berturut-turut pada 1990 dan 1991, diikuti oleh usaha-usaha untuk mewujudkan satu Kod Etika Raja untuk menjelaskan lagi fungsi Raja Berperlembagaan yang dikenali sebagai Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Juga diperkatakan ialah pendedahan-pendedahan tentang kerehah dan salah laku Raja yang telah dibuat oleh UMNO dengan tujuan membina, bukannya memburuk-burukkan.

Penulisan buku ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa dorongan, galakan dan kerjasama banyak pihak. Mustahil untuk

saya menyebut nama mereka satu persatu. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka. Ada antara mereka tidak mahu identiti mereka didedahkan. Saya tidak akan mengkhianati permintaan mereka.

Penghargaan utama saya ialah kepada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad, bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamad dan bekas Menteri Besar Pahang kerana kesudian mereka untuk ditemuramah bagi mendapatkan perspektif mereka bagi penulisan buku ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada sebilangan tokoh-tokoh politik ketiga-tiga buah negeri itu serta Johor yang banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat lain yang diperlukan.

Idea penulisan buku ini bermula selepas saya menghasilkan *Politik dan Raja* yang ditulis tidak lama selepas perhimpunan UMNO 1990. Buku itu bertujuan untuk memberi penerangan asas secara sepintas lalu tentang sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Dalam buku itu saya menyentuh serba ringkas tentang krisis-krisis antara Sultan dan Menteri Besar yang telah berlaku di negeri-negeri.

Komen mereka yang telah membacanya ialah saya telah tidak memberi liputan yang memadai dan secukupnya tentang apa yang benar-benar terjadi di sebalik krisis itu. Dalam kata-kata lain, saya telah tidak menjawab naluri ingin tahu mereka. Lantaran itu, cadangan dibuat supaya saya menulis buku khusus untuk menghuraikan krisis Sultan-Menteri Besar. Cadangan itu saya terima, dan hasilnya adalah buku ini - *Krisis Sultan-Menteri Besar: Apa sebenarnya terjadi*.

Saya berharap, buku ini akan memberi manfaat kepada mereka yang ingin tahu tentang apa yang berlaku di sebalik krisis-krisis Sultan-Menteri Besar. Apa yang tertera ini hanyalah pendedahan awal yang boleh diteroka lebih lanjut selepas ini. Setelah UMNO membuat teguran dan pendedahan tentang kerena Raja, memperkatakan soal-soal yang berkaitan dengannya yang pada satu ketika dianggap sebagai satu larangan, sudah menjadi satu sejarah. UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad dan kerajaan yang dikuasainya sudah membuktikan memperkatakan Raja dengan tujuan untuk memperkukuhkannya dalam konteks demokrasi berparlimen yang menjadi amalan negara adalah dibenarkan. Yang dilarang ialah memperkatakan

Raja dengan tujuan untuk menghina, mencaci dan menghasut rakyat supaya menentang dan membencinya. Perbuatan-perbuatan itu adalah masih dilarang oleh pelbagai akta, termasuk Akta Hasutan 1948. Ini mesti difahami oleh semua. Selamat membaca.

CHAMIL WARIYA  
BUKIT IDAMAN  
14 JULAI 1992.

# PENGENALAN



# SULTAN: PERANAN, FUNGSI DAN KUASA

## LATAR BELAKANG

SULTAN dan Menteri Besar adalah dua jawatan tertinggi dalam pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di sembilan buah negeri Melayu di negara ini. Kedua-dua jawatan itu mempunyai hubungan simbiotik, mencerminkan warisan bangsa dan realiti semasa apabila Persekutuan Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah pada 31 Ogos 1957.

Jika ikutkan keadaan waktu itu, pemerintahan yang diasaskan pada raja, terutamanya raja mutlak sebenarnya sudah tidak lagi popular. Itu sebabnya sebilangan negara yang pernah dijajah, apabila merdeka telah menggulingkan raja yang bertakhta dan mengisytiharkan negara mereka menjadi republik dengan Presiden atau Perdana Menteri sebagai ketua negara. Ini berlaku di Indonesia dan India. Tetapi di Tanah Melayu kerana terdapat kesayangan terhadap raja-raja, kedudukan mereka telah dipertahankan, sekalipun tidak dalam bentuk yang mutlak seperti satu ketika dulu.

Beberapa pindaan terpaksa dibuat untuk disesuaikan dengan kedatangan angin demokrasi yang tidak dapat disekat. Sebagai jalan tengah untuk mempertahankan tradisi dan menerima reformasi yang melibatkan kuasa rakyat dalam pemerintahan negara, maka kedua-dua unsur penting itu telah diadunkan menjadi satu. Maka lahirlah apa yang kemudian dikenali sebagai pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Di bawah sistem baru itu telah berlaku apa yang dipanggil oleh Alvin Tofler sebagai "*powershift*" atau peralihan kuasa. Yang

benar-benar berkuasa dalam sistem seumpama itu ialah rakyat. Kuasa akan ditentukan melalui pertandingan sesama sendiri dalam pilihan raya yang diadakan dari masa ke masa, biasanya setiap lima tahun sekali menggunakan parti-parti politik. Yang menang akan membentuk kerajaan manakala yang kalah menjadi pembangkang. Ketua parti yang mendapat majoriti rakyat di negeri-negeri akan menjadi Menteri Besar.

Kedudukan Sultan pula tidak dipertandingkan. Ia adalah satu kedudukan yang diwarisi secara turun temurun daripada ayah kepada anak, biasanya anak lelaki. Mereka yang tidak berada dalam gelanggang warisan itu, tidak berpeluang untuk menyangandang jawatan itu.

Dalam pentadbiran negeri, sekalipun Sultan sudah tidak lagi berkuasa mutlak, tetapi mereka yang memegang jawatan itu masih lagi diperuntukkan oleh perlembagaan negeri masing-masing dengan kuasa-kuasa tertentu, baik yang berbentuk *functional* mahupun budibicara. Dalam realiti, sisa-sisa kuasa Sultan yang masih ada itu sebenarnya dilaksanakan menurut nasihat Menteri Besar. Orang-orang politik beranggapan bahawa nasihat yang diberi itu mesti dipatuhi. Tetapi Sultan ada kalanya mempunyai pandangan yang berbeza. Keadaan itulah yang selalunya menimbulkan masalah antara Sultan dan Menteri Besar yang jika tidak berjaya dikawal akan tercetus menjadi krisis terbuka yang boleh mengganggu kelicinan perjalanan kerajaan negeri.

Untuk memahami interaksi Sultan-Menteri Besar ini serta bidang-bidang yang boleh menimbulkan potensi konflik antara mereka berdua, ada baiknya ditinjau terlebih dahulu peranan, fungsi serta kuasa Sultan itu sendiri terlebih dahulu.

## SULTAN: PERANAN, FUNGSI DAN KUASA

Dalam pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan, Sultan dan Raja sebenarnya mempunyai kedudukan yang unik dan istimewa. Dari segi protokol, baginda diberi keutamaan di negeri masing-masing. Kedudukan baginda dijamin oleh perlembagaan dan dilindungi oleh undang-undang. Baginda tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah bagi apa juga kesalahan yang dilakukan.

Kedudukan Sultan yang terjamin dan istimewa ini termaktub dalam kedua-dua Perlembagaan Negeri dan Persekutuan. Malah jika Perlembagaan Negeri-negeri yang ada tentang raja diteliti, kita akan dapati bahawa peranan, fungsi, kuasa, kedudukan dan cara menentukan pengganti bagi Sultan-sultan telah digariskan dengan jelas dan nyata. Kedudukan yang terjamin ini pula dihuraikan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 7 (1) yang "menjamin hak raja sesuatu negeri untuk mewarisi, memegang, menikmati dan menjalankan hak Perlembagaan dan keistimewaan raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu. Berbagai-bagai hak istimewa tidak boleh diubah tanpa mendapat persetujuan Raja-raja Melayu. Perkara 38 (4) Perlembagaan Persekutuan mengatakan: "Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja." Perkara 38 (5) pula menetapkan bahawa "Majlis Raja-raja hendaklah diminta fikirannya sebelum dibuat apa-apa perubahan dasar tentang tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153."

Kecuali orang-orang besar negeri dan negara, rakyat biasa tidak berpeluang berinteraksi dengan para Sultan. Istana-istana baginda adalah tertutup kepada mereka yang tidak berkenaan kecuali barangkali apabila diadakan istana terbuka sempena Hari Raya. Langkah juga diambil untuk memastikan bahawa hanya imej-imej yang baik tentang baginda disebarikan kepada umum. Kehidupan peribadi baginda-baginda biasanya jarang dihebahkan kepada ramai. Untuk memastikan bahawa raja-raja itu tidak dicela oleh sesiapa, Akta Hasutan telah diperketatkan selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Di bawah akta itu, adalah menjadi satu kesalahan untuk menghina raja-raja Melayu bersama-sama dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, hak-hak istimewa orang Melayu dan juga kedudukan Islam sebagai agama rasmi.

Begitu terlindungnya para Sultan, sehingga ada yang mengatakan bahawa kerajaan yang sedia ada telah memberi perlindungan yang berlebihan kepada satu institusi penting pemerintahan negeri yang pada asasnya juga dihuni oleh seorang manusia biasa yang terdedah kepada kelemahan-kelemahan tersendiri. Malah kedudukan istimewa martabat Raja-raja itu tidak

boleh dipinda tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja itu sendiri.

Pada umumnya, Sultan di setiap negeri mempunyai dua fungsi utama: Pertama, bertindak sebagai Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu dan kedua menjadi pelindung kepada hak-hak istimewa orang Melayu. Fungsi ini adalah warisan daripada zaman penjajahan manakala peranan kedua adalah tanggungjawab baru selepas merdeka. Kemasukan Inggeris ke negara ini, bermula dengan campurtangan di Pulau Pinang pada 1786, kemudian di Perak pada 1874 serta negeri-negeri Melayu yang lain selepas itu, telah menamatkan kuasa mutlak yang pada satu ketika pernah dimiliki oleh Raja-raja Melayu. Kedudukan mereka sebagai raja kekal, tetapi dalam memerintah negeri, mereka dikehendaki mengikut nasihat-nasihat yang diberikan oleh Residen atau penasihat Inggeris kecuali berkait dengan soal agama dan adat istiadat orang Melayu. Dalam kedua-dua bidang itu, kuasa Sultan dari segi teori dikatakan masih mutlak, tetapi dalam realiti sebenarnya adalah tidak.

Pola pemerintahan itu dikekalkan selepas merdeka dengan Menteri Besar menggantikan Residen sebagai penasihat utama. Yang berbeza cuma sewaktu dijajah, para penasihat itu terdiri daripada orang-orang berkulit putih dan apabila merdeka, Sultan-sultan terpaksa menerima rakyat biasa yang menjadi pemimpin untuk menasihati baginda setelah mendapat mandat pengundi terlebih dahulu. Kerana dalam demokrasi yang berkuasa adalah rakyat, maka baginda tidak ada pilihan kecuali menerima realiti itu. Menolaknya bermakna, kedudukan raja-raja itu sendiri yang berkemungkinan terjejas. Sekiranya dalam demokrasi, raja-raja enggan menerima pemimpin yang diketengahkan oleh rakyat, dengan sendirinya legitimasi kewujudan institusi kesultanan tidak ada lagi.

Dalam melaksanakan dua fungsi utama baginda sebagai Sultan, Perlembagaan Negeri juga memperuntukkan beberapa kuasa yang lebih spesifik. Ini termasuklah: Melantik Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan juga Pegawai Kewangan Negeri; memperkenalkan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri menjadi undang-undang. Sultan

juga mempunyai kuasa memberi pengampunan; menganugerahkan bintang kebesaran dan anugerah negeri yang lain serta membubarkan Dewan Undangan Negeri. Tetapi perlu dijelaskan bahawa dalam melaksanakan tugas-tugas yang spesifik itu, baginda tidak boleh bertindak ikut suka dan selera baginda semata-mata. Perlembagaan juga menetapkan beberapa garis panduan bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut. Ada baiknya setiap satu fungsi itu kita teliti lebih dekat lagi.

KUASA MELANTIK MENTERI BESAR, EXCO DAN PEGAWAI KANAN NEGERI: Perlembagaan-perlembagaan Negeri menetapkan bahawa Sultan memang diberi kuasa budibicara untuk melantik Menteri Besar, kabinet negeri dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan. Dalam berbuat demikian, beberapa garis panduan juga telah ditetapkan. Misalnya dalam melantik seorang Menteri Besar, orang yang hendak dilantik itu hendaklah terdiri daripada seorang yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tetapi bukan sebarang ahli Dewan yang mempunyai dua sifat itu boleh baginda berikan kedudukan Menteri Besar itu. Ahli berkenaan hendaklah seorang tokoh yang menurut perhitungan baginda mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Negeri yang lain. Ini bermakna tokoh itu biasanya terdiri daripada ketua parti politik yang menguasai Dewan Negeri. Ini bermakna bahawa nama bagi menjadi Menteri Besar biasanya akan dipersembahkan kepada baginda oleh ketua parti politik yang berkuasa. Baginda tidak ada kuasa menolak nama itu atau meminta parti berkenaan mengemukakan seorang tokoh yang boleh bekerjasama dengan baginda untuk dicalonkan sebagai Menteri Besar. Perbuatan itu adalah bertentangan dengan perlembagaan dan boleh menimbulkan sengketa antara Istana dengan parti-parti politik seperti yang pernah terjadi di Perak misalnya. Baginda juga tidak payah meminta Dewan Negeri mengundi percaya untuk menentukan tokoh itu mendapat kepercayaan Dewan Negeri sebelum memberi perkenan menjadi Menteri Besar. Keengganan menurut konvensyen yang tidak tertulis yang telah menjadi amalan dalam menentukan kedudukan Menteri Besar itulah yang telah menimbulkan masalah di sebilangan negeri.

Dalam menentukan kabinet negeri atau lebih dikenali sebagai EXCO, Sultan juga ada peranannya. Peranan baginda ialah untuk

membuat lantikan, tetapi seperti yang ditetapkan dengan terang dan nyata oleh perlembagaan, lantikan itu hendaklah dibuat atas nasihat Menteri Besar. Dalam kata-kata lain, apa yang mahu dinyatakan secara tersirat oleh peruntukan Perlembagaan Negeri-negeri itu ialah kabinet negeri sebenarnya ditentukan oleh Menteri Besar. Ini kerana kabinet negeri dan Menteri Besar perlu bekerja sebagai satu pasukan dalam mentadbirkan negeri dan kerana itu, beliau biasanya mahu tokoh-tokoh yang boleh bekerjasama dengannya. Dalam memilih EXCO, Menteri Besar juga mempunyai kriteria tertentu yang akan dihuraikan lebih lanjut apabila kita memperkatakan fungsi jawatan itu nanti. Berasaskan keterangan itu, adalah jelas bahawa siapa juga calon yang dikemukakan oleh Menteri Besar untuk menjadi EXCO biasanya akan diterima oleh Sultan. Itu dari segi teori. Tetapi dalam amalan kita tahu bahawa ada Sultan yang menolak calon Menteri Besar menjadi EXCO, sebaliknya memberi tempat kepada ahli-ahli Dewan Negeri pilihan baginda untuk memegang jawatan itu. Sebagai kompromi, ada Menteri Besar yang menerima pemilihan itu untuk mengelakkan berlakunya ketegangan. Malah di kalangan ahli-ahli Dewan Negeri yang berhajat untuk menjadi EXCO, tetapi tidak dicalonkan oleh Menteri Besar, ada yang diketahui menggunakan hubungan baik mereka dengan Sultan untuk melobi bagi mendapatkan jawatan itu. Ada yang berjaya dalam usaha itu. Misalnya di Selangor, Sultan berjaya mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar sebagai kompromi dengan UMNO yang mahu mengekalkan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib menjadi Menteri Besar selepas pilihan raya 20 Oktober 1990. Di negeri-negeri lain, Sultan juga diketahui cuba mempengaruhi pemilihan Menteri Besar dan juga EXCO, malah dalam kes-kes tertentu ada Sultan yang begitu berpengaruh sehingga boleh menentukan siapa yang boleh menjadi calon sebagai wakil rakyat. Di Pahang, amalan seumpama itu dikatakan pernah terjadi.

Selain mempunyai peranan dalam perlantikan Menteri Besar dan kabinet negeri, Sultan juga diberi kuasa untuk melantik pegawai-pegawai kanan negeri. Secara khusus perlantikan itu melibatkan tiga jawatan: Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri. Sekali lagi dalam menentukan ketiga-tiga jawatan itu, Sultan terpaksa akur nasihat dan pandangan yang diberikan oleh dua pihak - pertama,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan kedua, Menteri Besar. Bagi mengisi ketiga-tiga jawatan itu, apabila berlaku kekosongan, cadangan nama-nama akan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Setelah nama itu diterima dan baginda ingin membuat keputusan, Sultan perlu mendapat nasihat dan pandangan Menteri Besar terlebih dahulu.

Tetapi prosedur itu di beberapa negeri dirumitkan oleh beberapa peruntukan lain yang seolah-olah memberi kuasa mutlak kepada Sultan untuk melantik jawatan-jawatan itu. Misalnya Perlembagaan Negeri Kelantan ada menyatakan sekiranya perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri, tidak terletak dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, Sultan diberi kuasa budi bicara untuk menentukan siapa yang layak asalkan mereka Melayu dan beragama Islam memegang ketiga-tiga jawatan itu. Peruntukan inilah barangkali yang telah digunakan oleh baginda untuk meletakkan pegawai-pegawai awam negeri pilihan baginda sehingga terjadi perbalahan dengan Menteri Besar Tan Sri Mohamad Yaacob.

## MEMBERI PERKENAN RANG UNDANG-UNDANG

Kerana anggota-anggota Dewan Undangan Negeri terdiri daripada mereka yang menang dalam pilihan raya mewakili parti masing-masing, maka ramai yang beranggapan bahawa komposisi Dewan itu cuma terdiri daripada ahli-ahli Yang Berhormat itu sahaja. Anggapan itu sebenarnya adalah tidak betul. Sebenarnya Perlembagaan Negeri juga menetapkan bahawa selain dari ahli-ahli yang dipilih, Sultan juga turut menganggotai Dewan Negeri. Tetapi baginda tidaklah mempunyai kerusi tetap di Dewan. Fungsi utama baginda ialah untuk merasmikan persidangan Dewan, biasanya setahun sekali dan memberi perkenan kepada rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan untuk menjadi undang-undang. Dari segi perlembagaan, baik di peringkat Persekutuan atau negeri, selagi Sultan (atau Yang di-Pertuan Agong) tidak memberi perkenan, rang undang-undang itu tidak boleh diwartakan menjadi undang-undang.

Dalam melaksanakan tugas memberi perkenan ini, perlembagaan tidak pula menyatakan sama ada Sultan boleh enggan

untuk memberi perkenan. Tetapi para peguam perlembagaan berpendapat bahawa kuasa menolak perkenan tidak ada. Kerana Dewan Negeri mewakili kepentingan rakyat, maka diandaikan bahawa apa yang diluluskannya adalah kehendak rakyat dan Sultan tidak berhak untuk menolak apa yang dikehendaki oleh rakyat.

Dalam sejarah sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di peringkat Persekutuan, keengganan Sultan memberi perkenan memang tidak pernah terjadi. Namun begitu di negeri-negeri ada Sultan diketahui telah menyalahgunakan kuasa perkenan ini dengan melambat-lambatkan pemberian perkenan ada kalanya hingga beberapa bulan terhadap Menteri Besar yang baginda tidak boleh bekerjasama. Strategi menanggulang-nanggulkan perkenan ini dikatakan tidak bercanggah dengan perlembagaan. Ia digunakan sebagai salah satu cara bagi Sultan untuk menyatakan rasa tidak senang baginda terhadap pimpinan negeri. Tetapi tindakan itu boleh mengakibatkan kucar-kacir dalam pentadbiran negeri. Sekiranya rang undang-undang kewangan tidak diberi perkenan, maka bermakna peruntukan perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri bagi tahun-tahun tertentu tidak boleh dibelanjakan. Kerajaan Negeri akan ketiadaan wang dan terpaksa berhutang untuk berbelanja. Kejadian-kejadian seperti ini memang diketahui berlaku di sesetengah negeri.

Dalam usaha untuk mengurangkan tendensi Sultan untuk lewat-lewatkan perkenan kepada rang undang-undang yang telah mendorong Kerajaan Persekutuan meminda Perlembagaan Negara berkait dengan soal itu pada 1983 sehingga telah mencetuskan satu krisis perlembagaan. Dalam pindaan asal yang dicadangkan itu, Kerajaan Persekutuan telah menetapkan bahawa mana-mana rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen mesti diberi perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa 15 hari. Jika tidak rang undang-undang itu secara automatik akan menjadi undang-undang sekalipun tidak mendapat perkenan baginda.

Pindaan yang sama dirancang bagi Perlembagaan Negeri-negeri dalam mana para Sultan juga diberi tempoh 15 hari bagi memberi perkenan kepada setiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri.



Bagaimanapun pindaan itu telah tidak dilakukan setelah mendapat bantahan daripada Sultan-sultan berkait dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan sehingga mencetuskan satu krisis antara Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong yang enggan memberi perkenan pada pindaan pada kuasa memberi perkenan itu. Bagaimanapun krisis itu diselesaikan dengan satu kompromi. Tempoh memberi perkenan itu telah dilanjutkan kepada 30 hari, bukannya 15 hari seperti pada mulanya. Sekiranya dalam masa sebulan itu, Yang di-Pertuan Agong tidak setuju dengan rang undang-undang itu, baginda boleh mengembalikannya semula untuk dipertimbangkan oleh Parlimen. Selepas Parlimen menimbangkannya semula, Yang di-Pertuan Agong mestilah memberi perkenan dalam masa 30 hari. Jika tempoh 30 hari kali kedua itu tamat dan perkenan tidak diberi, rang undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang.

Pindaan pemberian perkenan di peringkat Persekutuan itu bagaimanapun tidak dibuat di peringkat negeri. Di bawah apa yang dipanggil sebagai "*gentleman's agreement*" Sultan-sultan di setiap negeri dikatakan telah memberi jaminan bukan saja untuk tidak menolak mana-mana rang undang-undang yang sudah diluluskan oleh Dewan Negeri. Baginda-baginda Sultan juga berjanji tidak akan menggunakan taktik menangguh-nangguhkan mana-mana rang undang-undang seperti yang kerap terjadi di masa silam.

## MEMBUBARKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sekiranya di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk membubarkan Parlimen, kuasa membubarkan Dewan Negeri pula berada dalam tangan Sultan. Sekali lagi, dalam melaksanakan tanggungjawab ini, bukanlah pula bermakna Sultan boleh membubarkan Dewan Negeri pada bila-bila masa seperti yang baginda mahu. Dewan Negeri sebaik saja dipilih selepas pilihan raya biasanya mempunyai hayat lima tahun. Dalam tempoh itu, Sultan diberi kuasa untuk memanggil Dewan mengadakan persidangan, biasanya sekali dalam masa enam bulan. Pembubaran hanya boleh dilakukan apabila tiba pilihan raya umum atau apabila Menteri Besar yang sedia mencadangkan pembubarannya.

Dalam banyak kes, apabila Menteri Besar meminta pembubaran, Sultan biasanya tidak menolak. Tetapi pernah terjadi di Kelantan dalam tahun 1977, Sultan Kelantan menolak permintaan kerajaan Pas untuk membubarkan Dewan Negeri apabila parti itu menghadapi krisis kepercayaan di Dewan Negeri. Sebaliknya Sultan Kelantan, yang menjadi Yang di-Pertuan Agong ketika itu berkenan untuk mengisytiharkan pemerintahan darurat setelah jelas kerajaan Pas kehilangan kepercayaan apabila ada antara wakil rakyatnya berpaling tadah. Kerajaan Persekutuan telah campurtangan dengan mengambilalih urusan kerajaan negeri secara langsung.

Dalam pilihan raya yang diadakan selepas pemerintahan dharurat ditamat, Pas kalah teruk. Pengaruhnya di Kelantan merosot untuk membolehkan UMNO berkuasa.

## **KUASA MENGANUGERAH BINTANG KEBESARAN**

Dalam sistem feodal yang kita amalkan, Sultan-sultan juga mempunyai kuasa untuk menganugerahkan bintang-bintang kebesaran dan anugerah negeri yang lain. Penganugerahan itu biasanya diberi kepada mereka yang berjasa pada negeri itu. Mereka boleh terdiri daripada anak-anak tempatan atau kepada orang luar yang telah menabur jasa kepada negeri berkenaan.

Di sembilan buah negeri yang masih terdapat raja, terdapat berbagai-bagai gelaran yang boleh diberikan oleh seorang Sultan yang biasanya disampaikan sempena hari jadi baginda setiap tahun. Ada anugerah yang membawa gelaran Dato' dengan berbagai variasi - Dato' Seri, Dato' Paduka, Dato' Utama dan bermacam lagi. Ada juga anugerah yang tidak membawa apa-apa gelaran, tetapi sekadar akronim di hujung namanya dengan faedah dan keuntungan yang tidak begitu nyata kepada si penerima. Malah sesetengah kes ada pula yang mengadu anugerah yang diterima daripada Istana memberi masalah kepadanya.

Pada zaman dulu, anugerah-anugerah raja ini memang menaikkan status seseorang. Hanya mereka yang benar-benar berjasa saja atau yang pandai mengampu yang biasanya diberi bintang, terutamanya bergelar Dato'. Dalam zaman moden ini, sekalipun

gelaran seumpama itu masih dihargai, tetapi penerimaan masyarakat tidaklah lagi dalam bentuk sanjungan. Hakikat bahawa ada antara mereka yang digelar Dato' kemudian terlibat dengan jenayah-jenayah tertentu seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan wang dan sebagainya, secara automatik membuat orang berpandangan serong terhadap anugerah yang diberikan oleh Sultan. Ada yang beranggapan bahawa mendapat anugerah Sultan adalah manipulasi imej yang boleh disalahgunakan.

Tetapi hakikat itu tidak pula menamatkan penganugerahan bintang-bintang kebesaran oleh Sultan. Malah bagi Sultan, anugerah yang diberi tetap dianggap tinggi kerana inilah satu-satunya bidang dalam mana kuasa baginda tidak tercabar. Penguasaan baginda adalah mutlak seperti yang dibuktikan oleh Sultan Selangor sempena hari jadi baginda pada 8 Mac 1992. Kerana baginda murka dengan tindak-tanduk pimpinan UMNO negeri yang telah mendedahkan permintaan-permintaan baginda kepada kerajaan negeri dalam perhimpunan agung parti pada November 1991, baginda telah membuat keputusan untuk menolak nama-nama yang dikemukakan oleh UMNO bagi diberi anugerah sempena hari keputeraan baginda pada 1992 itu. Baginda hanya memberi gelaran Dato' dan bintang-bintang kebesaran lain kepada tokoh-tokoh bukan Selangor yang menurut hemat baginda telah berjasa kepada negeri itu. Akibatnya, UMNO Selangor telah menarik balik nama-nama yang dicadangkan bagi mendapat anugerah. Parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain menyertai UMNO. Sultan Selangor tidak mepedulikannya. Baginda terus dengan azam baginda untuk menghukum para pemimpin UMNO negeri yang menurut perhitungan baginda telah memburuk-burukkan nama baginda dan mendedahkan pekung di dada seorang Sultan yang telah dibuat dengan cara yang menurut baginda tidak beradap dan bersopan.

Berdasarkan peristiwa itu, adalah jelas dalam pemberian anugerah dan kebesaran negeri, kuasa Sultan boleh dikatakan tidak terjejas. Baginda masih ada kuasa untuk memberi anugerah kepada siapa saja yang baginda fikir layak. Ini barangkali menjelaskan kepada kita mengapa tauke-tauke Cina yang ada kalanya tidak disenangi oleh kerajaan atau orang Melayu telah mendapat gelaran Dato'. Mereka telah menggunakan hubungan

baik mereka dengan Sultan untuk mendapat gelaran-gelaran yang dihasratkan.

Tetapi dalam pada waktu yang sama, berkait dengan pemberian anugerah ini, Sultan juga telah berkongsi kuasa. Cadangan daripada parti-parti yang membentuk kerajaan juga penting dipertimbangkan. Malah di sesetengah negeri, Menteri Besar memang diketahui memainkan peranan yang *instrumental* dalam pemberian bintang. Ini kerana Sultan, dengan kedudukannya yang terlindung dan pergaulannya yang terbatas, tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang siapa-siapakah tokoh yang sudah berjasa dan wajar diberi anugerah. Baginda ada kalanya terpaksa bergantung pada maklumat dan cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Besar dan jentera-jentera kerajaan yang lain. Dalam kata-kata lain, kuasa memberi anugerah tidak lagi menjadi milik eksklusif Sultan.

## KUASA MEMBERI PENGAMPUNAN

Sesuai dengan statusnya yang tinggi dan mulia, raja dan Sultan juga diberi kuasa memberi pengampunan bagi apa juga jenayah yang dilakukan di negeri di mana baginda memerintah. Tetapi kuasa mengampun ini hanya dilaksanakan dalam kes-kes tertentu saja. Bukan semua penjenayah boleh mendapat pengampunan. Jika pengalaman dijadikan panduan, pengampunan biasanya diberi kepada orang-orang besar yang melakukan jenayah. Misalnya, bekas Menteri Besar Selangor Dato' Harun Idris yang didapati bersalah kerana pecah amanah telah diberi pengampunan. Begitu juga dengan bekas Menteri Belia, Kebudayaan dan Sukan, Dato' Mokhtar Hashim yang telah dikenakan hukuman gantung kerana membunuh. Hukuman ke atas beliau telah diringankan kepada penjara seumur hidup dan beberapa tahun selepas itu beliau telah diberi pengampunan. Penjenayah-penjenayah kejam seperti Botak Chin yang juga dikenakan hukuman bunuh, telah tidak diberi pengampunan. Berpuluh-puluh rakyat Malaysia lain yang terlibat sebagai pengedar dadah juga telah tidak mendapat pengampunan Sultan atau raja.

Orang yang diberi pengampunan oleh Sultan biasanya bersih daripada kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan. Jika mereka orang politik, mereka bebas mengambil bahagian yang

aktif semula dalam politik. Mereka boleh bertanding dalam pilihan raya, memegang jawatan seolah-olah mereka tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan jenayah. Jika mereka tidak mendapat pengampunan itu, selepas menjalani hukuman, mereka dilarang untuk aktif berpolitik. Ini kerana Perlembagaan-perlembagaan Negeri dan juga negara menetapkan bahawa seseorang yang telah didapati salah melakukan jenayah dan dihukum tidak kurang daripada setahun penjara dan denda tidak kurang daripada \$2,000 tidak layak menjadi wakil rakyat. Tetapi sekiranya selepas melakukan jenayah itu, dia mendapat pengampunan diraja, dia berhak untuk menjadi wakil rakyat semula. Itulah keistimewaan mendapat pengampunan Sultan.

Dalam memberi pengampunan, Sultan juga tidak bertindak sendirian. Tindak-tanduk baginda sebenarnya ditentukan oleh satu Lembaga Pengampunan yang terdapat di setiap negeri.

## SULTAN SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM

Kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam juga sebenarnya memberi satu lagi dimensi kuasa kepada raja-raja Melayu yang barangkali tidak disedari oleh banyak pihak. Dalam fungsi ini, Sultan bertanggungjawab terhadap Islam sebagai agama rasmi negeri-negeri. Pada waktu yang sama Perlembagaan Negeri juga menghendaki baginda tidak menghalang pengamalan agama-agama lain selain Islam yang menjadi anutan rakyat di negeri mana mereka bernaung.

Oleh kerana Sultan biasanya tidak mendapat pendidikan yang formal dalam bidang agama, dan lantaran itu pengetahuan mereka dalam bidang itu tidak mendalam, setiap negeri telah ditubuhkan Majlis Agama Negeri yang dilengkapi dengan pelbagai ulama yang pakar dalam berbagai-bagai bidang ilmu. Majlis Hal Ehwal Agama inilah yang bertanggungjawab menasihati Sultan dalam soal-soal agama.

Sebagai ketua agama Islam negeri, ia bermakna bahawa Sultan mempunyai akses langsung terhadap Majlis Agama Islam yang mempunyai rangkaian institusi keagamaan di pelbagai peringkat - negeri, daerah, mukim, kampung. Institusi-institusi itu seperti Jabatan Agama Islam, masjid, sekolah-sekolah agama boleh digunakan untuk mendekati rakyat biasa.

## SULTAN PELINDUNG HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU

Pewujudan hak istimewa orang Melayu adalah salah satu kompromi antara para pemimpin Melayu dengan bukan Melayu untuk memerdekakan negara ini pada 1957. Sebagai balasan kepada kesediaan orang Melayu menerima bukan Melayu menjadi warganegara Tanah Melayu dengan cara yang agak liberal yang telah membolehkan penyertaan mereka ke dalam politik, pemimpin bukan Melayu itu bersetuju dengan permintaan supaya beberapa keistimewaan Melayu dimaktubkan secara hitam putih dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Sultan di negeri masing-masing telah diberi tanggungjawab perlembagaan untuk menjadi penjaga dan pelindung hak istimewa orang Melayu itu.

Tanggungjawab Sultan berkait soal ini adalah jelas. Baginda antara lain diamanahkan untuk memastikan bahawa orang Melayu mendapat peruntukan yang difikirkan munasabah dalam Perkhidmatan Awam Negeri, biasiswa dan pelbagai bentuk latihan pendidikan, permit perniagaan, lesen dan sebagainya yang perlu disediakan oleh kerajaan negeri.

Tetapi sudah tentu tanggungjawab melindungi ini tidak bermakna ia dilakukan sendiri oleh baginda. Jentera-jentera kerajaan mestilah membantu. Malah orang-orang politik yang berkuasa juga tidak terlepas daripada tugas dan tanggungjawab itu kerana merekalah akhirnya yang akan dihakimi sama ada telah menyempurnakan tugas merealisasikan hak-hak istimewa orang Melayu itu atau tidak.

### KESIMPULAN:

Berdasarkan perbincangan tentang peranan, kedudukan, kuasa Sultan yang telah dihuraikan dalam Perlembagaan Negeri dan Persekutuan, beberapa kesimpulan boleh dibuat. Antara yang penting ialah dalam pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, Sultan sebenarnya sudah kehilangan kuasa. Kedudukan baginda yang istimewa adalah simbolik semata-mata. Yang berkuasa ialah rakyat.

Ini bermakna, apa juga baki-baki kuasa yang diperuntukkan oleh perlembagaan kepada Sultan, baik kuasa melantik Menteri

Besar, EXCO, pegawai-pegawai kanan negeri, kuasa memberi perkenan, membubarkan Dewan Negeri, memberi pengampunan, memberi anugerah bintang kebesaran dan sebagainya, hendaklah dilaksanakan mengikut nasihat. Penasihat utama Sultan ialah Menteri Besar.

Memanglah kedudukan baginda sebagai Ketua Agama Islam dan Pelindung Hak Istimewa Melayu memberi Sultan dimensi kuasa secara langsung untuk mendekati rakyat. Tetapi dalam melaksanakan fungsi itu, baginda juga tertakluk kepada nasihat yang diberikan oleh kerajaan negeri. Mana-mana Sultan yang berasakan bahawa dua kedudukan itu serta kuasa-kuasa lain memberi baginda hak untuk campurtangan dalam pentadbiran negeri, baginda sebenarnya telah membuat perhitungan yang silap.

Bagaimanapun kerana adanya Sultan yang mempunyai personaliti yang dominan dan terdapat pula Menteri Besar yang takut untuk berkata tidak kepada Sultan, maka institusi kesultanan menjadi berpengaruh di negeri itu. Malah dalam sesetengah kes, kegagalan Menteri Besar untuk mendisiplinkan Sultan supaya berpegang teguh sebagai Raja Berperlembagaan telah menyebabkan Sultan menjadi punca kuasa. Menteri Besar yang sepatutnya memberi nasihat, akhirnya mendengar titah Sultan dalam mentadbirkan negeri masing-masing. Sesetengahnya pula mengambil jalan mudah dengan mengikut saja apa kehendak Sultan kerana tidak mahu timbul ketegangan dan masalah. Menteri Besar yang begitu sebenarnya telah mengkhianati fungsi perlembagaan mereka. Mereka bukan tidak sedar akan perbuatan silap mereka itu. Tetapi kerana mahu menjaga kedudukan sebagai Menteri Besar, mereka telah mengikut saja.

Dalam pada itu, perlembagaan juga tidak berapa jelas tentang peranan Sultan berkait dengan soal-soal tertentu misalnya tentang permohonan untuk mendapat tanah, balak, lombong, kontrak, tender, peluang-peluang perniagaan yang terdapat di negeri-negeri ini. Kita selalu mengandaikan bahawa oleh kerana Sultan sudah diberi elaun tahunan sekian banyak – jumlahnya berjuta-juta ringgit – maka baginda tidak patut memohon tanah serta kekayaan negeri yang lain.

Malah status Sultan dalam perniagaan juga selalu menjadi tanda tanya. Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa

Sultan sebagai Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang boleh memberi saaraan; tidak boleh mengambil bahagian giat dalam apa-apa *enterprise* perniagaan. Tetapi perlembagaan-perlembagaan negeri, peruntukan yang secara terang-terang menghalang Sultan bergiat dalam *enterprise* perniagaan tidak ada. Apakah ini bermakna Sultan boleh berniaga, baik secara langsung atau melalui proksi?

Kerajaan juga memberi isyarat yang membingungkan tentang persoalan itu. Di satu pihak, ia selalu mengatakan bahawa Sultan tidak boleh melakukan bisnes; tetapi di pihak yang lain, kerajaan juga diketahui melayan permintaan bagi mendapatkan peluang berniaga yang dilakukan oleh orang-orang Sultan. Malah sewaktu projek perusahaan kereta nasional disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kerajaan telah mengumumkan peruntukan saham 100,000 unit setiap satu bernilai lima ringgit bagi setiap Sultan. Kecuali Sultan Kelantan, Sultan-sultan lain menerima tawaran saham istimewa bernilai setengah juta ringgit. Nilainya selepas disenaraikan bernilai lebih daripada itu. Dalam mempertahankan pemberian saham itu, Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata dengan memiliki saham Sultan sebenarnya tidak berniaga.

Tetapi sesetengah pihak tidak setuju. Bagi mereka pemilikan saham adalah satu bentuk perniagaan – sama ada aktif atau pasif. Malah ada yang bertanya: jika ada Sultan yang membeli majoriti saham dalam sesebuah syarikat, bolehkah baginda menjadi pengerusi eksekutif atau menyertai lembaga pengarah syarikat berkenaan? Mengikut logiknya, tentulah boleh.

Adalah jelas dalam interaksi dengan Menteri Besar, terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan yang telah menimbulkan krisis dengan Sultan. Ini termasuklah sejauh manakah Sultan boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepada baginda yang sepatutnya dilaksanakan mengikut nasihat, boleh campurtangan dalam pentadbiran negeri. Persoalan sama ada Sultan boleh mengarahkan kerajaan negeri buat itu dan ini juga kerap menjadi masalah. Tendensi Sultan untuk berbelanja lebih daripada apa yang diperuntukkan dan terlalu kerap untuk meminta perbelanjaan tambahan bagi projek-projek yang tidak dijadualkan (seperti membesarkan dan mengubahsuai istana) juga boleh menimbulkan masalah. Permohonan untuk mendapatkan tanah,



kawasan lombong, balak, peluang-peluang perniagaan yang memang diketahui berlaku juga boleh mencetuskan krisis dan ketegangan antara Sultan dan Menteri Besar. Ini akan ditinjau daripada kes studi yang menjadi topik utama buku ini. Tetapi sebelum itu, ada baiknya kita lihat fungsi Menteri Besar terlebih dulu dan selepas itu bagaimana Sultan dan Menteri Besar harus berinteraksi seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan.

## MENTERI BESAR: PERANAN, FUNGSI DAN KUASA

### LATAR BELAKANG

SEKIRANYA di peringkat Persekutuan jawatan politik tertinggi ialah Perdana Menteri, Menteri Besar pula adalah kedudukan politik paling tinggi di sembilan buah negeri yang masih mempunyai raja atau Sultan. Jawatan yang sama di negeri-negeri yang tidak beraja ialah Ketua Menteri. Bagaimanapun tidak seperti Perdana Menteri yang diperkenalkan dalam pemerintahan negara ini setelah kita mencapai kemerdekaan, Menteri Besar adalah satu jawatan yang sudah wujud sewaktu negeri-negeri Melayu berada di bawah penjajahan Inggeris lagi. Perbezaannya cuma sebelum merdeka, jawatan itu ditentukan secara lantikan, biasanya oleh Sultan dan pemegangnya terhad kepada golongan bangsawan sahaja. Rakyat biasa tidak berpeluang untuk menyandang jawatan tersebut. Selepas merdeka, kedudukan Menteri Besar dipilih oleh rakyat. Siapa juga boleh menawarkan diri bagi jawatan itu sekiranya syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi.

### PERLANTIKAN MENTERI BESAR: MEKANISME PERLEMBAGAAN DAN PELAKSANAANNYA DALAM ALAM SEBENAR

Perlembagaan-perlembagaan Negeri menyediakan cara yang teratur bagaimana jawatan Menteri Besar ditentukan. Kuasa melantik jawatan itu adalah kuasa budi bicara Sultan di setiap negeri. Hakikat itu tidak pula bermakna Sultan boleh melantik siapa saja yang baginda suka. Perlembagaan menetapkan bahawa Menteri Besar hendaklah salah seorang Ahli Dewan Undangan

Negeri yang sewaktu perlantikan dibuat dipercayai mendapat sokongan sebahagian besar ahli-ahli Dewan yang lain. Perlembagaan juga menetapkan bahawa Menteri Besar hendaklah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Dalam bahasa yang mudah, Menteri Besar adalah ketua parti politik atau gabungan parti-parti politik yang menguasai sesebuah Dewan Negeri. Dalam tradisi politik di negara ini, jawatan itu selalunya disandang oleh Ketua UMNO Negeri. Bagaimanapun di Kelantan dan Terengganu terdapat pengecualian. Di kedua-dua buah negeri itu, kedudukan Menteri Besar boleh bertukar tangan antara UMNO dan Parti Islam Malaysia (Pas). Di Terengganu, sebelum UMNO berkuasa pada 1961, negeri itu mempunyai seorang Menteri Besar Pas. Di Kelantan pula, sejak merdeka hingga 1978, negeri itu mempunyai Menteri Besar Pas; antara 1978 hingga pilihan raya umum Oktober 1990, ia diperintah oleh Menteri Besar UMNO manakala sejak 1990 hingga sekarang, seorang tokoh Pas negeri menerajui semula negeri itu. Di tujuh buah negeri lain, sejak merdeka Menteri Besar juga telah bertukar ganti, tetapi pertukaran itu hanya berlaku di kalangan tokoh-tokoh UMNO sahaja. Ini kerana UMNO merupakan parti yang dominan dalam Barisan Nasional dan dalam Perikatan sebelumnya di negeri-negeri. Kedudukan itu telah membolehkannya memegang jawatan itu. Tambahan pula, setiap Perlembagaan Negeri yang mempunyai Menteri Besar juga menetapkan bahawa tokoh yang menyandang jawatan itu hendaklah terdiri daripada seorang Melayu dan beragama Islam. Ini bermakna peluang untuk bukan Islam dan bukan Melayu menjadi Menteri Besar tertutup sama sekali. Misalnya di Perak dan Selangor selepas pilihan raya Mei 1969, parti Melayu yang berkuasa – UMNO – gagal mendapat majoriti yang secukupnya untuk membentuk kerajaan. Pemimpin pembangkang yang dipimpin oleh bukan Melayu di kedua-dua buah negeri pernah membayangkan hasrat masing-masing untuk membentuk kerajaan minoriti. Tetapi Sultan di kedua-dua buah negeri enggan menemui mereka untuk membincangkan soal itu.

Bagaimanakah Sultan menentukan bahawa tokoh yang hendak dipilih menjadi Menteri Besar itu terdiri daripada seorang ahli Dewan yang mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan yang lain? Apakah baginda akan meminta ahli-ahli Dewan membuat undi percaya terhadap tokoh yang hendak dilantik

sebagai Menteri Besar?

Jawapan kepada soalan itu adalah tidak. Ini kerana dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan, sekalipun Sultan diberi kuasa budi bicara untuk melantik Menteri Besar, kuasa itu dilaksanakan dengan nasihat parti yang menang dalam pilihan raya dan mempunyai majoriti yang cukup untuk menegakkan kerajaan. Pemilihan Menteri Besar, jika berlaku kekosongan jawatan kerana Menteri Besar sebelumnya tidak lagi bertanding, diserahkan bulat-bulat kepada parti berkenaan. Siapa juga yang dicalonkan oleh parti itu, Sultan selalunya tidak akan menolak. Penolakan bermakna, Sultan telah tidak menunaikan tanggungjawab perlembagaan seperti sepatutnya.

Dalam realitinya, Perdana Menteri lah yang akan menamakan siapa Menteri Besar setelah berunding dengan Badan-badan Perhubungan UMNO Negeri. Itu sebabnya untuk membolehkan Menteri Besar berfungsi dengan berkesan, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO juga melantiknya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri sekiranya tokoh berkenaan belum lagi menyandang jawatan itu. Ini kerana kuasa menentukan jawatan tertinggi dalam parti di peringkat negeri itu dalam UMNO tidak ditentukan melalui pertandingan seperti di peringkat nasional atau bahagian. Jawatan itu adalah lantikan oleh Presiden parti.

Memanglah dalam sejarah selepas merdeka, ada Sultan yang cuba mempengaruhi perlantikan Menteri Besar di negerinya. Ini pernah berlaku di Perak sewaktu zaman Sultan Idris sehingga menimbulkan krisis antara baginda dengan Menteri Besar UMNO yang tidak disenangi. Di sesetengah negeri pula, ada Sultan yang meminta UMNO Negeri menyerahkan lebih dari satu nama bagi jawatan Menteri Besar untuk membolehkan baginda memilih salah satu nama dalam senarai itu ke jawatan itu. Malah di Kelantan, Sultannya pernah meminta UMNO menukar Tan Sri Mohamad Yaacob daripada menjadi Menteri Besar. Tetapi UMNO tidak melayan permintaan itu sekalipun sebagai akibatnya UMNO tewas di negeri itu. Tatkala Sultan Kelantan gagal mempengaruhi UMNO, Sultan Pahang 1981 berjaya mendesak UMNO supaya memberhentikan Menteri Besar ketika itu, Haji Abdul Rahim Bakar. Tetapi itulah satu-satu kes di mana UMNO mengalah

pada awal zaman Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Tetapi selepas peristiwa Pahang itu Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri telah tidak lagi memberi muka kepada Sultan dalam perlantikan Menteri Besar. UMNO hanya mengemukakan satu nama sahaja bagi menjadi Menteri Besar. Sama ada disukai atau tidak, Sultan perlu memberi perkenan. Baginda tidak ada kuasa menolak.

Ada juga Sultan cuba mempengaruhi perlantikan Menteri Besar dengan seorang tokoh yang disenangi dengan melengahkan perlantikan calon yang dikemukakan oleh parti. Ini pernah berlaku di Selangor selepas pilihan raya umum 1990. Sekalipun Perdana Menteri, sudah mengumumkan bahawa Ketua Perhubungan UMNO Negeri, yang juga Menteri Besar sedia ada, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib adalah calon Barisan Nasional bagi jawatan itu, Sultan berdolak-dalik untuk memberi perkenan bagi Muhammad meneruskan kedudukannya. Tindak tanduk Sultan itu dilihat sebagai isyarat baginda tidak mahukan lagi Tan Sri Muhammad. Sebagai kompromi, hanya setelah cadangan baginda diwujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar Selangor, barulah Tan Sri Muhammad diberi perkenan menjadi Menteri Besar.

Pada keseluruhannya, setiap kali selepas pilihan raya, perlantikan Menteri Besar berjalan lancar. Ini lebih-lebih lagi sekiranya pemegang-pemegang jawatan yang sedia ada bertanding semula. Selepas menang dan membentuk kerajaan, Menteri Besar itu akan menyambung semula khidmatnya. Bagaimanapun jika Menteri Besar tidak bertanding dalam sesuatu pilihan raya, perlumbaan bagi merebut jawatan itu, adalah sengit, terutamanya di belakang tabir. Ini kerana, di setiap negeri, tidak ada petanda yang jelas bagaimana proses penggantian Menteri Besar itu harus berlaku. Pada satu waktu, jawatan Timbalan Menteri Besar tidak ada. Apabila Menteri Besar bercuti panjang, tugas itu biasanya dipangku oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang paling kanan. EXCO kanan itu tidak pula bermakna akan menjadi Menteri Besar jika berlaku kekosongan. Kemudian sesetengah negeri mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar. Tetapi penyandang jawatan itu tidak pula bermakna secara automatik menjadi Menteri Besar jika terdapat

kekosongan. Malah sesetengah negeri, antaranya Johor, Terengganu, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, sampai sekarang tidak mempunyai seorang Timbalan Menteri Besar.

Ketiadaan mekanisme penggantian yang jelas itu bermakna Menteri Besar adalah jawatan yang terbuka yang biasanya ditentukan oleh Perdana Menteri. Ini bermakna, seorang EXCO kanan, seorang Timbalan Menteri Besar atau orang kedua dalam pimpinan UMNO Negeri, bukanlah jaminan untuk menjadi Menteri Besar. Tambahan pula, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO di setiap negeri biasanya adalah seorang menteri kabinet Persekutuan.

Begitu terbukanya pemilihan untuk jawatan Menteri Besar itu sehingga pernah berlaku, seorang ahli Dewan Negeri yang tidak disangka-sangka telah diangkat memegang jawatan itu. Ini berlaku di Selangor selepas pilihan raya 1986. Dalam pilihan raya itu, Menteri Besar sedia ada, Haji Ahmad Razali, tidak lagi bertanding. Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Abu Hassan Omar, yang pada satu ketika calon utama bagi jawatan itu, bertanding di kawasan Parlimen. Dalam keadaan itu, jawatan Menteri Besar itu sepatutnya diberi kepada salah seorang EXCO kanan negeri. Tetapi akhirnya Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, seorang ahli biasa Dewan Negeri kawasan Batang Kali telah dinamakan sebagai Menteri Besar. Beliau tidak pernah merancang untuk menjadi Menteri Besar. Beliau cuma mengharapkan jawatan EXCO kerana kedudukannya dalam parti sebagai Ketua Bahagian UMNO Hulu Selangor selepas pilihan raya itu. Benarlah seperti kata bijak pandai, manusia merancang, tetapi Allah menentukan segala-galanya.

## **MENTERI BESAR: FUNGSI, PERANAN DAN KUASA**

Tatkala peranan Raja Berperlembagaan dihuraikan secara terperinci dalam perlembagaan setiap negeri, peranan, fungsi dan kuasa Menteri Besar tidak. Juga tidak wujud satu buku panduan atau *hand book* yang menggariskan tugas-tugas seorang Menteri Besar. Penghuraian ini barangkali tidak perlu kerana kita sudah menerima bahawa dalam sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini, Menteri Besar adalah jawatan politik tertinggi di negeri-negeri. Politik adalah kuasa dan berasaskan

pegangan itu, siapa juga menjadi Menteri Besar bermakna beliau merupakan orang yang paling berkuasa di negerinya. Kedudukannya adalah utama. Di negeri masing-masing dari segi protokol kedudukannya hanya tidak boleh mengatasi Sultan dan Raja Muda atau Tengku Mahkota. Dalam upacara-upacara rasmi negeri, Menteri Besar bersama Sultan dan Tengku Mahkota, akan duduk di meja utama. Di bawah protokol negeri, kedudukan Menteri Besar adalah lebih tinggi daripada menteri kabinet Persekutuan. Sekiranya wakil-wakil rakyat lain bergelar Yang Berhormat, Menteri Besar memakai gelaran Yang Amat Berhormat. Selain Menteri Besar, hanya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri saja yang boleh menggunakan gelaran itu. Menteri-menteri, Timbalan Menteri, anggota-anggota EXCO yang lain hanya dipanggil sebagai Yang Berhormat sahaja. Pada zaman Dr. Mahathir Mohamad pula, beliau telah mengambil daya usaha untuk memberi gelaran Tan Sri – anugerah kedua tertinggi di peringkat Persekutuan – kepada Menteri Besar. Kecuali Menteri Besar Perlis dan Menteri Besar Kelantan, Menteri Besar-Menteri Besar yang lain telah dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong gelaran Tan Sri sebagai menghargai sumbangan mereka terhadap pembangunan negeri.

Kuasa dan tanggungjawab seorang Menteri Besar sebenarnya boleh ditinjau dari pelbagai sudut. Ia boleh dilihat dalam konteks doktrin pengasingan kuasa di peringkat negeri. Jika ini menjadi kriterianya, kuasa Menteri Besar boleh dilihat dalam konteks eksekutif dan legislatif dan juga kawalannya terhadap jentera-jentera pentadbiran negeri dan daerah. Kuasa Menteri Besar juga boleh dilihat dari sudut politik – statusnya dalam UMNO dan bagaimana status itu membolehkannya mengambil alih kuasa negeri secara legitimasi. Kuasa itu juga boleh dihuraikan dalam konteks hubungan negeri-Persekutuan; hubungan dan interaksi dengan Sultan.

Begitu juga dengan tanggungjawab seorang Menteri Besar. Ia juga boleh dilihat daripada pelbagai sudut: Tanggungjawabnya sebagai ketua pentadbir negeri, tanggungjawabnya terhadap pembangunan dan memajukan negeri di bawah pimpinannya dan juga tanggungjawab terhadap rakyat dan raja, baik secara langsung atau tidak langsung. Setiap satu tugas dan tanggungjawab ini akan dihuraikan satu persatu berikut ini.

## MENTERI BESAR DAN KUASA EKSEKUTIF NEGERI:

Di bawah doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan di negara ini, kuasa di peringkat Persekutuan dan negeri dipecahkan kepada tiga cabang - eksekutif, legislatif dan kehakiman atau *judiciary*. Rasional di sebalik pemecahan itu - yang ditiru daripada sistem demokrasi Barat - bertujuan untuk mewujudkan *checks and balances* dalam pemerintahan negara itu. Dengan itu, kuasa tidak dimonopoli oleh satu kelompok saja. Sebarang penyelewengan dapat dielakkan.

Di bawah doktrin itu, kuasa eksekutif dan legislatif biasanya berada dalam tangan parti politik yang membentuk kerajaan. Di peringkat Persekutuan, kuasa eksekutif itu berada dalam genggaman kabinet. Di peringkat negeri pula, kuasa itu dilaksanakan oleh kabinet negeri yang nama rasminya ialah Majlis Mesyuarat Negeri atau lebih dikenali dengan akronim EXCO. EXCO ini terdiri daripada Menteri Besar dan tidak lebih daripada lapan orang ahli Dewan Negeri yang lain di sesebuah negeri. Tiga orang pegawai kanan kerajaan negeri - Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan dan Penasihat Undang-undang - turut menganggotai EXCO sebagai anggota *ex officio* atau kerana kedudukan mereka sebagai pemegang jawatan-jawatan tertinggi negeri itu.

Sebagai badan yang mempunyai kuasa eksekutif negeri, EXCO merupakan autoriti tertinggi di sesebuah negeri. Ia bertanggungjawab membuat dasar-dasar negeri baik yang kecil atau yang besar, menetapkan arah dan pembangunan negeri. Ia juga bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan negeri. Pendek kata, kuasa EXCO adalah tiada batasnya. Yang membatasi kuasanya cumalah kuasa Persekutuan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa dalam menguruskan kuasa eksekutif negeri ini, peranan Menteri Besar adalah dominan. Pendapat dan pandangan yang beliau suarakan biasanya mempunyai *weight* dalam membuat keputusan-keputusan negeri. Malah ada kalanya Menteri Besar boleh menjadikan pandangan peribadinya menjadi dasar negeri. Anggota-anggota EXCO yang lain biasanya akan mengikut sahaja.

Ini barangkali ada kaitan dengan mekanisme bagaimana EXCO itu sendiri dibentuk. Perlembagaan negeri memperuntukkan bahawa Menteri Besar sebenarnya memainkan peranan yang



penting dalam penubuhan EXCO atau kerajaan negeri. Secara tersurat, perlantikan EXCO adalah ditentukan oleh Sultan. Secara tersirat Menteri Besarlah yang sebenarnya mempunyai kuasa itu. Ini kerana Sultan hanya menamakan EXCO yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang direkomen oleh Menteri Besar. Ini penting kerana Menteri Besar dan EXCO akan bekerja sebagai satu pasukan. Kerana itu, Menteri Besar biasanya akan menempatkan ahli-ahli Dewan yang boleh bekerjasama dengannya dalam satu pasukan menganggotai kerajaan negeri. Malah Menteri Besar juga mempunyai pengaruh untuk menentukan pegawai-pegawai kerajaan yang hendak menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pegawai Kewangan Negeri.

Sekalipun, Menteri Besar mempunyai pengaruh menentukan EXCO, keadaan itu tidak pula bermakna beliau bebas memilih siapa saja menduduki jawatan itu. Beberapa pertimbangan perlu diberikan dalam membuat keputusan. Satu yang penting ialah untuk memastikan bahawa setiap daerah di negeri berkenaan mempunyai wakil dalam autoriti tertinggi negeri supaya dengan itu kepentingan-kepentingan setiap daerah dapat dijadikan *input* untuk membuat keputusan, terutamanya keputusan pembangunan. Dengan itu dapatlah dipastikan bahawa setiap daerah tidak ketinggalan dalam pembangunan negeri. Selain itu, Menteri Besar juga perlu memastikan bahawa parti-parti politik yang membentuk kerajaan dalam Barisan Nasional di Negeri Sembilan, Johor, Selangor, Perak, Perlis, Kedah, Pahang dan Terengganu atau Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan turut diwakili dalam EXCO Negeri.

Bagaimanapun oleh kerana di lapan negeri Melayu, UMNO mempunyai kedudukan yang dominan, maka tokoh-tokoh UMNO negerilah yang menguasai EXCO. Dalam memilih mereka, Menteri Besar tidak mempunyai mekanisme yang seragam. Misalnya, semasa Ahmad Razali menjadi Menteri Besar Selangor, kecenderungan beliau ialah untuk memilih Timbalan Ketua Bahagian UMNO yang menjadi ahli Dewan Negeri menganggotai EXCO. Ini kerana sewaktu mula-mula menjadi Menteri Besar, Ahmad Razali sendiri adalah Timbalan Ketua Bahagian UMNO Sepang. Itu sebabnya dalam membentuk EXCO zamannya, Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor, Muhammad Muhd Taib, dan beberapa Ketua UMNO Bahagian yang lain telah disisihkan. Di

Hulu Selangor misalnya, timbalan ketua bahagian, Dato' Ramli Abdul Rahman telah menjadi EXCO.

Apabila Muhammad Muhd. Taib menjadi Menteri Besar pula, beliau memberi keutamaan kepada Ketua-ketua UMNO Bahagian yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menganggotai EXCO. Sekiranya Ketua UMNO Bahagian menjadi ahli Parlimen, jawatan itu diberi kepada tokoh nombor dua pentingnya di peringkat bahagian.

Tetapi kerana bilangan EXCO adalah terhad kepada tidak lebih daripada lapan orang, tidak semua Ketua Bahagian UMNO yang menjadi ahli Dewan Negeri, boleh menduduki badan itu. Di Selangor misalnya, Bahagian UMNO Ampang Jaya, tidak mempunyai wakil dalam EXCO negeri. Tetapi ketiadaan itu tidak pula bermakna bahagian atau daerah itu terketepi daripada pembangunan negeri. Ahli-ahli Dewan yang mewakili kawasan itu juga boleh memberi *input* pembangunan secara langsung atau tidak langsung kepada Menteri Besar atau anggota-anggota EXCO yang lain.

Sebagai autoriti eksekutif tertinggi negeri, EXCO bertanggungjawab terhadap dasar-dasar utama negeri dan pembangunan negeri seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Secara khusus, dalam pembangunan negeri, EXCO mempunyai kuasa ke atas mengawal sumber-sumber semula jadi negeri seperti tanah, perhutanan, perlombongan, sumber-sumber air dan sebagainya. Dalam pembangunan negeri pula, EXCO mempunyai kuasa ke atas pertanian, perindustrian dan menarik para pelabur ke negeri masing-masing.

Malah EXCO juga mempunyai kuasa dalam membuat keputusan tentang perkara-perkara yang dianggap remeh seperti membuat garis panduan tentang melarang artis berambut panjang sejajar dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa dalam menguruskan kuasa eksekutif negeri ini, Menteri Besarlah yang memainkan peranan penting dan berpengaruh. Banyak contoh boleh dikemukakan dalam soal ini. Misalnya selepas pasukan badminton Piala Thomas negara merampas piala itu pada 17 Mei 1992, pelbagai pertubuhan dan individu telah menawarkan hadiah lumayan kepada mereka. Menteri Besar Selangor Muhammad Muhd. Taib, yang memang komited untuk memupuk nilai-nilai

cemerlang juga ingin memberi anugerah kerajaan Selangor. Sehari selepas kemenangan itu, beliau mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan memberi setiap pemain pasukan Piala Thomas itu sebidang tanah seluas lima ekar bernilai \$1 juta. Komitmen ini beliau buat melibatkan harta kerajaan negeri yang perlu mendapat persetujuan EXCO terlebih dahulu yang telah tidak beliau rundingkan pada pengumuman itu dibuat. Tetapi oleh kerana beliau adalah Menteri Besar dan beliau tahu bahawa rancangannya itu tidak akan mendapat bantahan EXCO, beliau boleh membuat pengumuman itu. Kes itu membayangkan betapa berpengaruhnya kuasa seorang Menteri Besar. Malah boleh disimpulkan bahawa kuasa eksekutif negeri sebenarnya berada dalam genggaman Menteri Besar yang bertindak menggunakan nama EXCO. Apabila rancangan Menteri Besar sudah disahkan oleh EXCO, maka ia secara automatik menjadi program negeri yang perlu didokong dan disokong oleh jentera-jentera negeri tanpa soal jawab lagi.

## MENTERI BESAR DAN LEGISLATIF

Di bawah doktrin pengasingan kuasa, Menteri Besar yang mewakili cabang eksekutif, sepatutnya tidak boleh menguasai dewan perundangan atau legislatif. Tetapi itu cuma dari segi teori. Dari segi praktis, seorang Menteri Besar, seperti juga Perdana Menteri di peringkat Persekutuan, sebenarnya mempunyai peluang untuk menguasai kedua-dua cabang kuasa itu serentak. Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan, seperti halnya dengan sistem yang sama di Britain, Amerika Syarikat dan negara-negara lain, memungkinkan keadaan itu terjadi. Parti politik yang sama boleh menguasai kerajaan dan Dewan perundangan serentak.

Dalam Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan, keadaan seumpama itu memang tidak dapat dielakkan daripada berlaku. Ini kerana untuk membentuk kerajaan (eksekutif) sesebuah parti politik perlu menguasai Dewan legislatif yang salah seorang anggotanya akan dilantik menjadi Menteri Besar dan lapan orang yang lain pula menjadi ahli EXCO dan seterusnya akan memegang kuasa eksekutif. Mekanisme ini bermakna bahawa Menteri Besar dan EXCO mempunyai akauntabiliti terhadap Dewan legislatif.

Malah, kerajaan negeri akan disoal tentang semua keputusan yang dibuat atas nama eksekutif semasa Dewan Undangan Negeri mengadakan persidangan dari masa ke masa. Menteri Besar dan EXCO yang lain tidak boleh mengelakkan daripada memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan baik oleh ahli-ahli Dewan Negeri yang separti dengannya ataupun daripada parti pembangkang. Malah bagi anggota pembangkang, persidangan Dewan Negeri merupakan kesempatan untuk mengemukakan pelbagai pertanyaan yang kritikal terhadap pembangunan negeri. Jika mahu, anggota-anggota pembangkang juga boleh mengkritik kerajaan; malah ramai yang diketahui telah berbuat demikian. Para penyokong kerajaan pula biasanya akan mengemukakan soalan-soalan yang jinak biasanya tentang pembangunan di kawasan-kawasan yang mereka wakili.

Sekalipun Dewan Negeri bertanggungjawab membuat undang-undang tetapi rang undang-undang yang dikemukakan biasanya datang daripada cabang eksekutif. Dewan legislatif sebenarnya adalah institusi yang digunakan oleh eksekutif untuk membuat pelbagai peraturan negeri yang ia mahu laksanakan. Oleh kerana, kerajaan yang berkuasa mempunyai majoriti yang secukupnya di Dewan Negeri, maka eksekutif biasanya tidak menghadapi masalah untuk meluluskan rang undang-undang yang dibentangkan.

Selain membuat undang-undang, eksekutif juga perlu melaporkan apa yang ia buat kepada legislatif, melalui ucapan Menteri Besar, anggota EXCO yang lain. Malah ucapan pembukaan persidangan Dewan oleh Sultan juga mencerminkan program-program yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Sultan pada upacara setahun sekali itu cuma membaca teks ucapan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri.

Menteri Besar mengawal Dewan Undangan Negeri sekurang-kurangnya melalui dua cara. Pertama, atas sifatnya sebagai salah seorang ahli Dewan dan juga kedudukannya sebagai Menteri Besar yang memberinya tempat yang utama dalam menetapkan agenda persidangan Dewan Negeri. Kedua, melalui kedudukannya sebagai Ketua Parti yang menguasai Dewan Undangan Negeri. Itu sebabnya seorang Menteri Besar biasanya dilantik oleh Presiden UMNO untuk menjadi Ketua Perhubungan UMNO

Negeri yang memberi dia kawalan ke atas semua jentera parti di peringkat negeri. Serentak dengan itu juga, Menteri Besar dilantik mengetuai Barisan Nasional Negeri yang memberinya kuasa ke atas parti-parti komponen yang lain supaya tunduk kepada disiplin BN. Berdasarkan senario itu, kawalan mutlak Menteri Besar sebenarnya bukan saja terhadap eksekutif tetapi juga legislatif. Ahli-ahli Dewan daripada parti-parti politik yang dipimpin biasanya akan memberi sokongan kepada Menteri Besar untuk merealisasikan program pembangunannya yang memerlukan sokongan dan kerjasama kedua-dua cabang kuasa itu. Mana-mana anggota yang enggan tunduk, boleh dikenakan tindakan disiplin. Dalam banyak hal, oleh kerana ahli-ahli Dewan juga bergantung kedudukan dan masa depan politik mereka kepada Menteri Besar, mereka biasanya memberikan kerjasama kepada Ketua Eksekutif Negeri itu. Kecuali anggota-anggota pembangkang, tidak ada penyokong kerajaan yang menentang apa juga program pembangunan, belanjawan negeri dan juga rang undang-undang yang dibentangkan oleh cabang eksekutif untuk diluluskan oleh cabang legislatif. Malah di Selangor, satu undang-undang yang kontroversial membenarkan anak-anak bukan Islam membuat keputusan memeluk agama Islam tanpa mendapat izin kedua ibu bapa mereka sebaik saja mereka sampai usia masuk akal atau baligh seperti yang ditetapkan oleh Islam, telah mendapat sokongan daripada anggota-anggota MCA atas sifat mereka sebagai penyokong kerajaan. MCA hanya menentang undang-undang itu selepas ia diluluskan.

## **MENTERI BESAR DAN KAWALAN KE ATAS JENTERA KERAJAAN LAIN**

Sesebuah negeri, bukan saja mempunyai cabang eksekutif, legislatif dan kehakiman. Ia juga mempunyai jentera kerajaan yang lain seperti perkhidmatan awam yang mempunyai kakitangan tetap, agensi-agensi pembangunan lain (seperti Perbadanan Kemajuan Negeri) dan juga syarikat-syarikat kerajaan. Selaku Ketua Pentadbir Negeri dan Ketua Eksekutif Negeri, Menteri Besar juga mempunyai kawalan ke atas institusi-institusi itu secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung ialah dengan Menteri Besar sendiri mengetuai agensi-agensi itu. Misalnya, Menteri Besar juga

biasanya menjadi Pengerusi Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga anak-anak syarikat negeri yang lain. Di Selangor, selain menjadi Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Menteri Besar juga menjadi Pengerusi Perangsang, sebuah syarikat negeri. Menteri-menteri Besar lain juga berada pada kedudukan yang sama. Dengan kedudukan itu, jika soalan ditimbulkan di Dewan Negeri tentang institusi-institusi itu, Menteri Besar boleh memberi jawapannya.

Menteri Besar juga mengawal jentera-jentera kerajaan negeri yang lain, baik secara langsung atau tidak langsung melalui ahli-ahli EXCO negeri yang bertanggungjawab terhadap jentera-jentera tertentu kerajaan. EXCO di peringkat negeri juga sebenarnya mempunyai sistem kabinet: Setiap orang bertanggungjawab terhadap portfolio tertentu. Ada yang bertanggungjawab terhadap pendidikan, kerajaan tempatan, kewangan, agama, pelancongan, belia, ekonomi, pembangunan dan sebagainya. Anggota-anggota EXCO ini bertanggungjawab menyelia jabatan-jabatan kerajaan mengikut portfolio masing-masing di peringkat negeri. Mereka melaporkan tanggungjawab mereka kepada Menteri Besar dan juga Dewan Undangan Negeri.

Menteri Besar juga bertanggungjawab mengawal Perkhidmatan Awam Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri. Itu sebabnya dalam menentukan tiga jawatan tertinggi Perkhidmatan Awam Negeri – Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan dan Penasihat Undang-undang – Menteri Besar akan dirundingi terlebih dahulu oleh Sultan sebelum membuat perlantikan. Malah di sesetengah negeri, Sultan tidak mempunyai kuasa terhadap perlantikan-perlantikan itu. Baginda hanya memberi pengesahan sahaja. Orang yang berkuasa ialah Menteri Besar. Ini berlaku di Selangor pada zaman Tan Sri Muhammad menjadi Menteri Besar. Amalan Sultan Selangor yang pada satu ketika memindahkan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan notis 24 jam telah ditamatkan.

Melalui Setiausaha Kerajaan Negeri, Menteri Besar mengawal jabatan-jabatan kerajaan yang lain di pelbagai peringkat – negeri, daerah, mukim, kampung. Semua jentera kerajaan negeri ini terikat untuk melaksanakan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar dari masa ke masa, termasuk arahan melarang pemberian permit pertunjukan kepada artis-artis yang berambut

panjang. Jentera-jentera di peringkat lebih rendah ini, biasanya akan mengikut sahaja. Malah di peringkat itu, agensi-agensi kerajaan itu turut sama bertanggungjawab melaksanakan pembangunan yang ditetapkan oleh Menteri Besar. Di samping itu, Menteri Besar juga mengalu-alukan maklum balas dari jentera-jentera kerajaan di peringkat lebih rendah itu dalam membantu beliau merangka projek-projek negeri.

## MENTERI BESAR DAN KUASA PERSEKUTUAN

Malaysia ialah sebuah negara Persekutuan. Kerajaan Persekutuan adalah kuasa tertinggi di negara ini yang bertanggungjawab terhadap pembangunan negara, keselamatan dan juga perhubungan dengan negara-negara asing yang lain. Negeri-negeri apabila bersetuju untuk menyertai Persekutuan telah menyerahkan kuasa-kuasa yang sebelum itu menjadi milik mutlak kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang-bidang tertentu. Kuasa kerajaan negeri sejak Tanah Melayu menjadi sebuah federasi telah dikurangkan dengan banyaknya. Kerajaan negeri sekarang mempunyai kuasa yang terbatas dan kuasa itu semakin hari semakin terhakis. Kuasa yang pada satu waktu mutlak, seperti dalam soal tanah, kewangan, menguruskan sumber-sumber air, perhutanan dan pertanian sudah mula diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Oleh kerana undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang negeri, maka kuasa negeri sebenarnya tertakluk kepada kuasa Persekutuan.

Autoriti seorang Menteri Besar, sekalipun amat berkuasa di negeri masing-masing, juga sebenarnya dihadkan oleh kuasa Kerajaan Persekutuan. Untuk memastikan bahawa negeri-negeri mematuhi kuasa Persekutuan, Kuala Lumpur telah membentuk beberapa jentera kerajaan yang turut dianggotai oleh Menteri Besar di peringkat Pusat. Ini termasuklah pewujudan Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara, Majlis Perhutanan Negara dan sebagainya untuk menangani kuasa-kuasa tertentu yang memerlukan penyelarasan negeri dan Persekutuan. Jawatankuasa itu dianggotai oleh menteri-menteri Pusat, Menteri Besar dan biasanya dipengerusikan sendiri sama ada oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Melalui majlis seumpama itu,

Kerajaan Pusat mengeluarkan arahan-arahan yang mesti dipatuhi oleh negeri-negeri.

Dalam banyak hal, oleh kerana kebanyakan kerajaan negeri juga dikuasai oleh parti yang sama yang memerintah di Persekutuan, masalah tidak timbul dalam melaksanakan arahan-arahan yang diberikan. Kerana Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjadi bos kepada Menteri Besar dalam parti, keharmonian dapat dipertahankan. Tetapi di negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang - Sabah dan Kelantan - terdapat ketegangan antara Kerajaan Persekutuan dengan dua buah kerajaan negeri yang masing-masing dipimpin oleh Parti Bersatu Sabah dan Angkatan Perpaduan Umah Pas dan Semangat 46 itu. Pergeseran berlaku sehingga menyebabkan Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan jentera kerajaan yang berasingan untuk melaksanakan program-program pembangunan di kedua-dua buah negeri itu. Jabatan Persekutuan yang bertanggungjawab menjaga kepentingan Kuala Lumpur telah ditubuhkan di Kota Bharu dan Kota Kinabalu. Perbalahan biasanya berlaku berkait dengan hak dan kuasa kerajaan negeri terhadap tanah dan sumber-sumber asli yang lain.

Ini kerana perlembagaan menetapkan bahawa kuasa tanah adalah kuasa negeri, sekalipun tidak lagi mutlak dengan pewujudan beberapa undang-undang di peringkat Persekutuan yang memberi kuasa kepada Kuala Lumpur untuk mengambil alih tanah bagi projek-projek pembangunan. Tetapi sekiranya kerajaan negeri tidak memberikan kerjasama, kuasa Kerajaan Persekutuan itu tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya. Ini pernah berlaku apabila Kelantan dikuasai oleh Pas antara 1959 hingga 1977 dulu. Kerajaan Persekutuan gagal mendapatkan tanah untuk membuka rancangan Felda di negeri itu sedangkan kerajaan negeri yang lain yang dikuasai oleh UMNO memberi izin. Masalah juga timbul berkait dengan pendapatan hasil minyak di Sabah dan Sarawak. Apabila Kerajaan Pusat mengambil semua pendapatan minyak dan mengembalikannya hanya 10 peratus kepada kerajaan negeri, Kota Kinabalu dan Kuching membantah. Sampai sekarang isu itu masih ditimbulkan, terutamanya di Sabah.

Di negeri-negeri yang UMNO mempunyai Menteri Besar dan Ketua Menteri, keharmonian dapat dijalin antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Tambahan pula negeri-negeri memang



mengharapkan bantuan kewangan dan bukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Kerana itu, tidak ada Menteri Besar yang secara terbuka berani melawan Kerajaan Persekutuan. Jika ada yang berbuat demikian, kedudukannya boleh terancam. Menteri Besar itu mungkin ditamatkan perkhidmatannya dalam pilihan raya akan datang.

Sekalipun di negeri-negeri yang dikuasai oleh UMNO mempunyai hubungan harmonis, tetapi di belakang tabir ada kalanya berlaku pergeseran. Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad memang diketahui tidak berpuas hati dengan prestasi sesetengah Menteri Besar terhadap pembangunan negeri. Seruan beliau supaya Menteri Besar memberi pimpinan yang lebih berkesan terhadap pembangunan negeri selepas mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO pada Mei 1992, dilihat oleh sesetengah kalangan sebagai isyarat Dr. Mahathir tidak berpuas hati dengan khidmat tidak berkesan sebilangan Menteri Besar terhadap membangunkan negeri masing-masing.

Selain itu, kebanyakan Menteri Besar juga ada yang tidak mahu melihat bahawa kuasa terhad *vis a vis* kuasa Persekutuan yang ada pada mereka sekarang terus terhakis. Kerana itu, apabila Kuala Lumpur berura-ura untuk mengambil alih pengurusan sumber-sumber air yang berada dalam kawalan negeri pada 1990, Majlis Menteri-menteri Besar yang bersidang di Johor Bharu telah menyatakan bantahan mereka. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Johor, yang bertindak sebagai jurucakap Menteri Besar yang lain, sebaliknya mencadangkan dibentuk Majlis Air Negara (seperti Majlis Tanah Negara, Majlis Perhutanan Negeri, Majlis Kewangan Negara) sebagai syor balas. Di bawah rancangan itu, kuasa memajukan sumber-sumber air tetap berada pada negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh mengemukakan pandangan melalui majlis serupa itu.

Adalah jelas bahawa dalam senario yang lebih luas, Menteri Besar mempunyai kuasa yang terbatas. Dia cuma mempunyai kuasa mutlak di negerinya sahaja; itupun dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Dalam bidang pembangunan, pengawalan ke atas tanah, kuasa itu tidak lagi boleh dikatakan mutlak. Menteri Besar perlu menyelaraskan pembangunan dan pengurusan tanah menepati apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan. Malah dasar-dasar negeri juga perlu diseragamkan dengan dasar

Persekutuan. Menteri Besar tidak ada kuasa terhadap hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan. Bagaimanapun dalam ruang lingkup yang terbatas itu Menteri Besar yang kreatif boleh melakukan sesuatu yang ajaib untuk memajukan dan membangunkan negeri masing-masing iaitu tugas utama apabila seseorang itu menjadi Menteri Besar. Malah kejayaan memimpin negeri akan memberinya peluang untuk menyertai kabinet Persekutuan dan seterusnya mendaki tangga hirarki politik yang lebih tinggi.

## MENTERI BESAR DAN SULTAN

Dari segi perlembagaan, Sultan melantik Menteri Besar. Tetapi selepas dilantik, Menteri Besar tidak bertanggungjawab terhadap Sultan. Menteri Besar bertanggungjawab terhadap rakyat yang memilihnya bagi tempoh tidak melebihi lima tahun melalui Dewan Undangan Negeri. Kepada Dewan Undangan Negerilah Menteri Besar melaporkan program-program pembangunan, dasar-dasar negeri serta keputusan yang dibuat oleh cabang eksekutif yang diketuainya. Dewan Undangan Negeri juga boleh mengajukan pelbagai pertanyaan, termasuk yang tidak disenangi, terhadap Menteri Besar dan juga anggota-anggota kabinet negeri yang lain.

Hubungan Menteri Besar dengan Sultan adalah agak unik. Kerajaan negeri yang dipimpinnya, bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan dan bukan kewangan kepada Sultan setiap tahun. Membiayai institusi kesultanan adalah mahal dan kerajaan negeri bertanggungjawab membiayai itu semua, di samping melayan pelbagai kerendah Sultan yang lain. Ini termasuk melayan peruntukan kewangan tambahan yang diajukan dari masa ke masa, permohonan untuk mendapatkan tanah, peluang-peluang perniagaan dan sebagainya. Terpulanglah kepada Menteri Besar sama ada mahu melayan apa yang dikehendaki oleh Sultan itu ada sebaliknya. Menteri Besar boleh menolak sebarang permintaan Sultan yang tidak munasabah.

Perlembagaan menetapkan bahawa Menteri Besar adalah bertanggungjawab menasihati Sultan tentang urusan-urusan negeri. Nasihat mesti diterima. Jika tidak akan berlaku krisis.

Segala keputusan yang dibuat oleh Menteri Besar juga perlu dipersembahkan kepada Sultan, tetapi ia hanyalah sekadar untuk makluman bukan untuk tindakan atau mendapatkan komen balas. Ini kerana di bawah pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kehadiran Sultan hanyalah sebagai simbol semata-mata. Baginda tidak lagi berkuasa. Kuasa telah berpindah kepada rakyat yang mengambil alih kuasa melalui pilihan raya yang diadakan dari masa ke masa. Sultan dipertahankan sebagai rasa sayang bangsa Melayu terhadap satu sistem politik tradisional yang sebenarnya sudah usang jika ditinjau dari perkembangan masa. Untuk menjamin keharmonian, Menteri Besar-Sultan perlu berpegang kepada peranan perlembagaan yang telah ditetapkan. Tetapi ada yang gagal berbuat demikian sehingga tercetus krisis seperti yang terjadi di Perak, Pahang, Johor, Kelantan dan Selangor pada satu waktu yang akan dihuraikan selepas ini.

### KESIMPULAN:

Tidak dapat disangkal lagi bahawa dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan, Menteri Besar seperti yang diamati dengan tepat oleh Tan Sri Muhammad Muhd. Taib adalah kuasa tertinggi dalam sesebuah kerajaan. Kuasa eksekutif dan juga legislatif berada dalam genggamannya. Dia mempengerusikan mesyuarat EXCO dan boleh membuat keputusan negeri bersama-sama dengan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang lain. Menteri Besar juga memainkan peranan penting untuk membawa kemajuan di negeri meliputi kemajuan dari segi ekonomi, pembangunan, infrastruktur, hubungannya dengan rakyat, hubungan dengan Kerajaan Persekutuan, di samping bekerjasama dengan raja. Jawatan Menteri Besar bolehlah disamakan dengan seorang ketua eksekutif bagi sesebuah negeri. Atas sifat itu, segala jentera kerajaan di peringkat negeri dan daerah berada di bawah kawalannya.

Hubungan Menteri Besar dengan Sultan juga adalah simbolik. Kalau ikutkan perlembagaan, apa saja yang diputuskan oleh kerajaan negeri disebut sebagai nasihat yang kemudian disembahkan kepada raja untuk makluman. Berasaskan pegangan

itu, seorang raja tidak berhak untuk *over rule* mana-mana juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri atau Menteri Besar. Ini bermakna bahawa apa juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang disebut sebagai nasihat apabila disembahkan kepada raja, tidak boleh ditolak.

Dalam mengadakan interaksi dengan raja, tidak ada satu cara seragam yang ditetapkan bagi kegunaan semua negeri. Setiap negeri yang mempunyai raja, mempunyai caranya yang tersendiri. Di Selangor misalnya Menteri Besar biasanya akan berjumpa Sultan apabila ada masalah, apabila ada perkara yang hendak disampaikan kepada raja sebagai taklimat biasa. Ataupun apabila Menteri Besar dijemput oleh Sultan, beliau akan pergi ke Istana. Apabila ada majlis keramaian negeri, atau upacara merasmikan masjid oleh Sultan, Menteri Besar akan hadir sama. Apabila Sultan berangkat atau kembali dari lawatan luar negara, Menteri Besar akan berada di lapangan terbang. Setiap keputusan kerajaan negeri tidak akan meninjau pandangan Sultan di Selangor. Sultan hanya dimaklumkan menerusi minit EXCO setiap minggu.

AR  
ga  
ar.  
eh  
an  
ra  
ap  
ri.  
oa  
ak  
la  
a.  
an  
il-  
ri  
an  
an

# KRISIS SULTAN MENTERI BESAR

### 3

## SELANGOR

SEPERTI di negeri-negeri lain yang mempunyai raja, Menteri Besar Selangor juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah dengan Sultan. Masalah itu sebenarnya bukan baru. Menteri Besar-Menteri Besar Selangor lepas merdeka, bermula dengan Abu Bakar Baginda, diikuti oleh Harun Idris, Hormat Rafie, Ahmad Razali, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib masing-masing menghadapi masalah tersendiri dengan Sultan dalam mentadbirkan negeri. Bagaimanapun masalah yang timbul pada era sebelum Tan Sri Muhammad menjadi pemimpin negeri, tidak terdedah kepada umum. Ia telah diselesaikan secara tertutup di belakang tabir sehinggakan rakyat biasa yang terpisah daripada percaturan kuasa di kalangan elit-elit politik yang memerintah negeri tidak mengetahui apa yang berlaku. Bagi mereka, antara Menteri Besar dan Sultan seolah-olah tidak ada masalah sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya. Lalu hanya imej yang baik-baik Sultan yang memang mempunyai kedudukan dan darjat yang istimewa terdedah kepada rakyat. Apa juga masalah telah diselesaikan dengan cara tertutup, atau kalau gagal telah disapu di bawah permaidani. Menteri Besar sebelum itu, atas kepercayaan bahawa martabat raja mesti dijaga, telah menutup banyak kerenah Sultan yang tidak disenangi. Demi mempertahankan institusi kesultanan supaya tidak tercemar, mereka sanggup berbuat apa sahaja.

Pada zaman Tan Sri Muhammad keadaan bagaimanapun berbeza. Pada peringkat awal beliau juga mengambil pendekatan seperti Menteri Besar-Menteri Besar sebelum itu dalam menangani apa juga masalah yang timbul dengan Sultan. Tetapi menyedari bahawa perbuatan itu hanya boleh membawa kemusnahan pada sistem dan institusi kesultanan serta bertentangan dengan

pemerintahan Demokrasi Berparlimen, beliau telah membuat keputusan untuk mendedahkan masalah yang dihadapi. Sempena dengan Perhimpunan UMNO 1991, UMNO Selangor telah memberi mandat kepada Menteri Besar untuk memberitahu perhimpunan tentang campurtangan Sultan dalam pentadbiran negeri di samping mendedahkan permohonan-permohonan Sultan untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan oleh kapitan-kapitan Cina yang mengelilingi istana.

Teguran itu tidak dibuat dengan tujuan untuk merosakkan nama Sultan tetapi dengan niat untuk menegakkan pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang sudah mula tercemar.

Untuk memahami krisis Tan Sri Muhammad dengan Sultan Selangor dalam perspektif yang sebenarnya, kita tidak dapat memperkatakan hubungan Menteri Besar itu dengan Sultan sebaik saja beliau menjadi Menteri Besar.

## **HUBUNGAN AWAL TAN SRI MUHAMMAD - SULTAN**

Tan Sri Muhammad Muhd. Taib menjadi Menteri Besar Selangor selepas pilihan raya umum 1986. Beliau mengangkat sumpah menjadi Menteri Besar kira-kira sebulan selepas pilihan raya berlangsung. Bagaimanapun kelewatan itu tidak ada kena mengena dengan bantahan Sultan atau Sultan tidak berkenan Tan Sri Muhammad dilantik sebagai Menteri Besar. Kelewatan itu ada kaitan dengan UMNO yang tidak dapat memutuskan siapakah yang hendak dilantik memegang jawatan itu. Menteri Besar yang sedia ada, Ahmad Razali Ali, telah tidak bertanding lagi dalam pilihan raya itu. Di kalangan para pemimpin UMNO Negeri berlaku semacam rebut merebut serta melobi pimpinan tertinggi parti untuk jawatan itu. Ahli EXCO Kanan Negeri seperti Fahmi Ibrahim, Dahlan Zainal, Onn Ismail, Saidin Tamby adalah antara nama-nama yang timbul bagi mengisi kekosongan jawatan Menteri Besar Selangor. Ada antara nama-nama itu telah dipersembahkan kepada Sultan, tetapi dikhabarkan tidak mendapat restu. Dalam keadaan tidak menentu itulah Tan Sri Muhammad secara sekonyong-konyong diumumkan oleh pucuk pimpinan parti sebagai Menteri Besar Selangor.

Menurut Tan Sri Muhammad sendiri, Sultan tidak menyatakan bantahan apabila nama itu dipersembahkan. Maka jadilah Tan Sri Muhammad sebagai Menteri Besar menggantikan Ahmad Razali. Serentak dengan itu, beliau juga mengambil alih Ketua UMNO Negeri dan Ketua Barisan Nasional Selangor. Dalam pemilihan 1987, dalam cubaan kali pertama, Tan Sri Muhammad menang dengan undi yang selesa bagi Majlis Tertinggi UMNO pula.

Selepas menjadi Menteri Besar, Tan Sri Muhammad telah menjalin hubungan yang baik dengan Sultan Selangor. Pemahaman awal beliau bahawa Sultan merupakan sebahagian daripada *set up* penting kerajaan dan mesti dirundingi dalam membuat dasar dan keputusan telah dibetulkan kemudian apabila diberi taklimat yang lebih jelas tentang peranan raja dalam Demokrasi Berparlimen. Pandangan beliau selepas itu tentang peranan raja ialah raja cuma bertanggungjawab secara dari segi keseluruhan tanpa masuk campur dalam perjalanan harian pentadbiran, tanpa campur tangan dalam politik.

Bagaimanapun beberapa ketika selepas menjadi Menteri Besar, hubungannya dengan Sultan mula bertukar. Keadaan itu, menurut beliau dalam satu temuramah telah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama, ada golongan yang tidak berpuas hati dengan beliau sebagai Menteri Besar telah menghasut dan mempengaruhi Sultan supaya membenci Menteri Besar. Kedua, kerana Sultan memperlihatkan kecenderungan untuk campur tangan dalam pentadbiran. Tan Sri Muhammad tidak rela itu terjadi. Beliau tidak mahu sistem Demokrasi Berparlimen diperkotak-katikkan oleh golongan yang berkuasa dengan tidak mendapat mandat rakyat. Ketiga kerana kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Muhammad enggan melayan permohonan dan kehendak Sultan untuk mendapatkan itu dan ini. Setiap satu sebab yang telah mengakibatkan ketegangan dalam hubungan Tan Sri Muhammad dengan Sultan akan dihuraikan secara lebih lanjut berikut ini.

## HASUTAN GOLONGAN ANTI TAN SRI MUHAMMAD MUHD. TAIB

Sebagai Menteri Besar, Tan Sri Muhammad berada pada kedudukan untuk mengagih-agihkan kekayaan Selangor, baik



dalam bentuk projek-projek kerajaan negeri, pemberian tanah, balak, tender kerajaan dan sebagainya. Bagaimanapun dalam pemberian kekayaan negeri ini, Tan Sri Muhammad tentunya mempunyai prioritinya yang tersendiri berdasarkan kepentingan negeri menurut tafsirannya. Peluang-peluang yang hendak diberi itu adalah terbatas. Ada yang dapat, ada yang tidak. Yang tidak tentulah berasa tidak puas hati. Di kalangan yang dapat juga, bukan semuanya tahu berterima kasih dan berpuas hati. Ada juga yang sudah diberi betis hendak mendapat paha. Ketamakan untuk mendapat apa saja telah membuat sesetengah mereka kehilangan perhitungan.

Golongan inilah yang akhirnya mengambil sikap memusuhi Tan Sri Muhammad. Mereka biasanya terdiri daripada golongan perniagaan. Tetapi kerana tidak mahu berdiam diri, mereka tahu bahawa Sultan, walaupun Raja Berperlembagaan dan tidak lagi berkuasa, boleh digunakan untuk mendapat apa juga projek negeri yang dalam permohonan biasa tidak akan dilayan Menteri Besar. Lalu mereka pun menggunakan Istana. Matlamatnya adalah serampang dua mata: Dengan menggunakan Sultan mereka berharap apa yang ditolak oleh Menteri Besar dapat dipenuhi. Jika itu tidak dapat, mereka berharap untuk mencecutkan hubungan yang tegang antara Sultan dengan Menteri Besar. Ini diharapkan membawa pada penyingkiran Tan Sri Muhammad. Pengalaman di Perak, Johor, Pahang dan Kelantan menunjukkan Menteri Besar yang tidak disenangi oleh Sultan biasanya kecundang. Ada antara mereka telah ditamatkan perkhidmatan sebagai Menteri Besar. Ada juga yang kalah dalam pilihan raya seperti yang dialami oleh Tan Sri Mohamad Yaacob di Kelantan. Di Selangor, golongan anti Tan Sri Muhammad itu juga berharap sejarah yang sama akan berulang. Harapan mereka ialah agar Tan Sri Muhammad akan diganti dengan seorang Menteri Besar yang rapat dengan Sultan yang dapat melayan kehendak dan permohonan mereka yang tidak dapat dipenuhi oleh Menteri Besar yang sedia ada. Golongan peniaga Cina yang digelar oleh Zainal Sakom, Setiausaha Politik Tan Sri Muhammad, sebagai kapitan Cina, adalah yang terkedepan dalam mengapi-apikan pergaduhan Sultan-Menteri Besar itu. Golongan itu yang tidak lagi mendapat peluang-peluang perniagaan kerajaan negeri telah memperalatkan Sultan.

Di samping itu, ada juga golongan politik dalam UMNO itu sendiri yang turut memainkan peranan secara sulit-sulit untuk melaga-lagakan Sultan dengan Menteri Besar. Ini kerana, mereka tidak berpuas hati dengan pemilihan Tan Sri Muhammad memegang jawatan itu. Mereka berasakan mereka adalah lebih layak. Ada juga yang berasakan, mereka tidak berada dalam kem politik yang sama dengan Tan Sri Muhammad. Selagi beliau kekal sebagai Menteri Besar, peluang mereka untuk memajukan kerjaya politik atau menghidupkan cita-cita politik yang sudah tersekat tidak ada lagi. Mereka turut menggunakan istana untuk memuaskan nafsu mereka, sama ada disedari atau tidak. Seperti golongan perniagaan tadi, mereka juga berharap bahawa Tan Sri Muhammad akan digantikan sebagai Menteri Besar dan jika rezeki ada, peluang itu akan jatuh kepada mereka. Kerana itu apa juga kesempatan yang ada akan digunakan. Ini termasuklah menggunakan isu Tan Sri Muhammad mengahwini salah seorang puteri Sultan Selangor pada 1990 untuk memburuk-burukkan kepimpinan Menteri Besar itu. Sultan Selangor memang diketahui tidak menyenangi tindakan Menteri Besar Selangor menjadikan Tengku Puteri Zahariah sebagai isteri keduanya kerana beliau tidak mendapat izin baginda. Hakikat bahawa Tengku Zahariah ketika itu adalah janda dan sudah tiga kali bersuami sebelum itu, tidak diberi perhitungan. Sultan Selangor sebenarnya mahu menggunakan isu perkahwinan itu untuk melepaskan geram terhadap Menteri Besar Selangor yang memang tidak disenangi itu. Dengan menggunakan peristiwa itu, pelbagai kata yang tidak menyenangkan telah dilemparkan terhadap Menteri Besar. Apa yang berlaku itu bagaimanapun tidak mengurangkan keyakinan rakyat dan pucuk pimpinan negara terhadap Menteri Besar Selangor. Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad, dalam salah satu sidang Majlis Tertinggi parti tidak lama selepas peristiwa itu telah menegur keghairahan sesetengah akhbar membesarkan perkahwinan Tan Sri Muhammad dengan Tengku Zahariah sebagai tidak bertanggungjawab. Bagi beliau, adalah menjadi hak kepada lelaki untuk berkahwin asalkan dia boleh menunaikan tanggungjawab terhadap isteri-isterinya. Kata-kata yang semacam membela Tan Sri Muhammad itu tentunya mengecewakan para penghasut anti Menteri Besar yang menggunakan istana untuk menyingkirkan Tan Sri Muhammad. Apabila kegiatan kapitan-

kapitan Cina yang mengelilingi Sultan didedahkan dalam perhimpunan UMNO 1991, seluruh kegiatan melaga-iagakan Sultan-Tan Sri Muhammad terhenti, sekurang-kurangnya buat sementara waktu.

## RANCANGAN PENYINGKIRAN YANG HAMPTR BERJAYA

Usaha golongan anti Tan Sri Muhammad menghasut Sultan supaya memecat beliau sebagai Menteri Besar sebenarnya hampir berjaya. Ini berlaku selepas pilihan raya umum pada 20 Oktober 1990. Dalam pilihan raya itu, Tan Sri Muhammad telah berjaya memimpin UMNO dan Barisan Nasional yang diketuainya di Selangor mencapai keputusan cemerlang untuk membentuk kerajaan. Beberapa hari selepas pilihan raya itu, Presiden UMNO membuat keputusan bahawa semua Ketua Perhubungan UMNO Negeri yang menang akan dilantik semula sebagai Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Ini bermakna bagi negeri Selangor, Tan Sri Muhammad telah diberi mandat oleh parti untuk meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar yang telah disandang mulai pilihan raya 1986. Beliau kemudian akan menentukan barisan EXCO yang perlu dipersembahkan kepada Sultan bagi pengesahan. Perlantikan beliau oleh Sultan sepatutnya berlaku secara automatik seperti yang berlaku di negeri-negeri lain.

Tetapi di Selangor telah berlaku semacam kemelut tentang kedudukan Tan Sri Muhammad sebagai Menteri Besar. Sultan Selangor yang pada waktu itu sedang bercuti di luar negara di-  
khabarkan enggan memberi perkenan terhadap penyambungan tugas beliau. Sekalipun secara terbuka baginda tidak ada menyatakan yang baginda tidak lagi mahukan Menteri Besar yang sedia ada, tetapi tindakan Sultan Selangor cuba untuk melewatkan pemberian perkenan yang diperlukan itu dilihat sebagai satu isyarat terselindung bahawa baginda tidak mahu khidmat Tan Sri Muhammad disambung lagi. Tan Sri Muhammad sendiri mengaku bahawa tindakan Sultan menangguhkan perantikannya itu adalah petanda jelas "baginda tidak mahu saya menjadi Menteri Besar hasil daripada cucukan, walaupun ketika itu saya menantu baginda, bukan orang lain." Jika cucukan itu berjaya,

maka golongan yang berkepentingan itu mengharapkan bahawa seorang tokoh yang memihak kepada mereka akan dilantik sebagai Menteri Besar. Dengan itu segala kehendak mereka akan dapat dipuaskan.

Selain itu, di kalangan UMNO Negeri sendiri berlaku lobi-melobi Sultan bagi mendapat kedudukan itu. Peristiwa tersebut terjadi, bukan saja di Selangor, tetapi di negeri-negeri lain bagi mendapatkan jawatan Menteri Besar. Ia berlaku hampir setiap kali pilihan raya selesai terutamanya apabila mereka nampak bahawa Menteri Besar yang ada tidak begitu disenangi oleh Sultan. Masing-masing akan menonjolkan diri sebagai putera mahkota yang layak untuk memegang jawatan tertinggi politik negeri itu.

Pucuk pimpinan UMNO juga nampaknya melihat tindak-tanduk Sultan itu dalam konteks itu. Dr. Mahathir yang sudahpun mengumumkan bahawa Tan Sri Muhammad adalah Menteri Besar Selangor enggan untuk bertolak ansur. Dalam pertemuan yang diadakan dengan Sultan Selangor di Istana Selangor, Kuala Lumpur, Dr. Mahathir telah menyatakan ketegasan UMNO untuk tidak berganjak dengan keputusan awal yang telah dibuat. Sultan Selangor yang tidak berdepan dengan sebarang pilihan kecuali menerima kehendak UMNO lalu membuat cadangan supaya diwujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar di Selangor. Dr. Mahathir tidak menolak cadangan itu kerana bagi beliau tiada ruginya diadakan jawatan itu. Lagi pun Selangor memang sejak sekian lama sudah mempunyai jawatan Timbalan kepada Menteri Besar – satu jawatan yang diadakan pada zaman Dato' Harun Idris menjadi Menteri Besar. Tetapi jawatan itu bukanlah jawatan yang termaktub dalam perlembagaan. Ia cuma sekadar jawatan pentadbiran untuk membantu Menteri Besar Selangor dalam tugas-tugas mentadbir negeri yang semakin berat.

Jawatan Timbalan Menteri Besar yang dicadangkan oleh Sultan itu adalah satu kedudukan yang dimaktubkan dalam perlembagaan. Tetapi pewujudannya tidak pula membawa apa-apa perubahan struktur terhadap status Menteri Besar. Malah tidak ada tugas yang spesifik tentang Timbalan Menteri Besar itu sendiri kecuali tugas-tugas tertentu yang ditetapkan kepadanya sebagai salah seorang EXCO. Dia hanya boleh memangku jawatan Menteri Besar semasa ketiadaannya di dalam negeri

selama lebih 30 hari. Tetapi bagi Tan Sri Muhammad sendiri, beliau setuju dengan pandangan bahawa pewujudan jawatan Timbalan Menteri Besar itu adalah satu permainan untuk memuaskan hati Sultan Selangor. Kata beliau, dalam satu temuramah, "magnanya, kalau baginda tidak dapat meletakkan orang baginda sebagai Menteri Besar, maka baginda hendak seorang Timbalan Menteri Besar yang baginda tonjolkan untuk tunjukkan bahawa Menteri Besar yang ada bukanlah pilihan baginda sepenuhnya."

Dengan persetujuan mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar itu, UMNO sebenarnya telah tidak mengalah. Yang penting, UMNO memperlihatkan ketegasannya bahawa menentukan Menteri Besar adalah hak parti yang menang dalam pilihan raya. Ia bukanlah hak atau kuasa Sultan. Lagi pun, UMNO bersedia menerima cadangan tersebut kerana jawatan itu memang secara rasmi sudah ada dalam pentadbiran negeri Selangor. Di negeri-negeri lain juga kedudukan yang sama telah diwujudkan. Selangor sebagai sebuah negeri perdana dari segi pembangunan memang layak mempunyai jawatan Timbalan Menteri Besar itu. Tidak dapat disangkal lagi bahawa ketegasan UMNO mempertahankan Tan Sri Muhammadlah yang telah menyelamatkan kedudukan beliau sebagai Menteri Besar untuk tempoh sekurang-kurang lima tahun lagi berkuatkuasa mulai 20 Oktober 1990. Buat sementara waktu, golongan yang mencucuk Sultan Selangor supaya menyingkirkan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib tewas. Tetapi itu semua tidak pula bermakna masalah Tan Sri Muhammad dengan Sultannya sudah selesai. Selepas menunaikan tanggungjawab perlembagaan baginda memberi perkenan kepada perlantikan semula, Sultan Selangor kelihatan ingin terus campur tangan dalam pentadbiran negeri.

### **CAMPUR TANGAN SULTAN DALAM PENTADBIRAN: KONTROVERSI PROJEK KEMENSAH/ZOO NEGARA**

Pada 1989, kerajaan negeri Selangor telah memberi kelulusan bagi memajukan Kampung Kemensah yang terletak berhampiran dengan Hutan Simpan Hulu Gombak kira-kira 0.8 kilometer dari Zoo Negara menjadi sebuah taman perumahan moden pinggir bandar dengan pelbagai kemudahan. Para penduduk kampung

tersebut yang mula mendiaminya pada 1960, bersetuju untuk memilih pemaju mereka sendiri bagi menjayakan projek itu. Setiap mereka dibayar pampasan yang lumayan bagi harga tanah yang mereka miliki dengan jaminan bahawa mereka berpeluang untuk membeli rumah yang bakal dibina nanti. Pemaju bercadang untuk membina sebanyak 2,605 buah unit rumah kondominium di kawasan itu. Sebuah padang golf 18 lubang juga dirancang pembinaannya di sana.

Sekalipun projek memajukan Kemensah sudah lama diluluskan, tetapi ia tidak menjadi kontroversi sehinggalah apabila butir-butir lanjut rancangan pembangunan diketahui umum pada September 1991. Oleh kerana projek itu terletak berhampiran dengan Hutan Simpan dan Zoo Negara, maka para pecinta alam sekitar membantah rancangan memajukan Kemensah itu. Zoo Negara sendiri menyatakan rasa tidak senang dengan kerajaan negeri yang telah meluluskan projek itu. Tan Sri Khir Johari, Presiden Zoo Negara, berpendapat bahawa sekiranya projek itu diteruskan, Zoo Negara akan menghadapi masa depan yang gelap kerana ia dikelilingi dengan taman-taman perumahan yang boleh menyulitkan kehidupan haiwan yang terdapat dalam zoo. Pecinta alam sekitar yang lain pula menyatakan bahawa projek Kemensah akan menjejaskan Hutan Simpan Hulu Gombak dengan implikasi terhadap kawasan tadahan air di kawasan itu. Orang ramai yang tidak tahu hujung pangkal tentang projek sebenar juga turut menyatakan kerisauan masing-masing.

Tan Sri Muhammad yang bertanggungjawab meluluskan projek memajukan Kemensah terpaksa mempertahankan keputusan yang telah dibuat. Beliau telah mengambil sikap yang positif melalui kenyataan-kenyataan yang telah dibuat sebagai reaksi terhadap kontroversi yang berlaku. Pada mulanya beliau berkata pihak-pihak tertentu boleh merayu kepada kerajaan negeri bagi mempertimbangkan supaya projek itu dibatalkan jika benar ia menjejaskan kawasan tadahan air dan mengancam kewujudan Zoo Negara. Ini diikuti dengan kenyataan kesediaan kerajaan negeri membatalkan projek itu sama sekali jika itulah yang dikehendaki oleh para pemilik tanah Kampung Kemensah. Beliau kemudian menjelaskan bahawa dalam meluluskan projek itu, kerajaan negeri mengambil berat akan soal ekologi. Penilaian Impak Alam Sekitar yang diperlukan bagi setiap projek juga telah

diminta. Ia antara lain mengatakan, kawasan tadahan air tidak terjejas dan menyatakan kesanggupan kerajaan Selangor menyediakan tapak baru Zoo Negara yang lebih sesuai. Setelah mengambil kira semua pandangan, beliau akhirnya mengumumkan bahawa projek itu akan diteruskan. Rumah-rumah diperlukan bagi menampung keperluan setinggian yang tidak mempunyai kediaman yang sempurna di pinggir Kuala Lumpur dan kepentingan mereka juga perlu diberi keutamaan.

Kontroversi projek Kemensah itu boleh dikatakan sudah selesai, terutamanya apabila para pemilik tanah sendiri menegaskan bahawa mereka mahu projek itu diteruskan. Isu yang sudah selesai itu bagaimanapun hidup semula apabila Sultan Selangor membuat kenyataan campur tangan dalam projek itu. Pada 28 September 1991, baginda mengeluarkan kenyataan yang dilaporkan secara meluas oleh akhbar-akhbar pada keesokan harinya bahawa Sultan Selangor hari ini bertitah kepada kerajaan negeri Selangor supaya menghentikan serta merta projek pembangunan di sekitar Zoo Negara. Baginda menyatakan bahawa jika ia diteruskan, kawasan tadahan air di situ akan terjejas. Baginda kemudian mengumumkan bahawa satu majlis penerangan akan diadakan pada 3 Oktober 1991 di istana baginda di Shah Alam untuk membincangkan projek itu. Kerajaan Negeri, Dana Hidupan Liar (WWF), Ketua Kampung Kemensah dan ketua-ketua jabatan kerajaan telah dijemput untuk menghadiri majlis itu. Satu keputusan sama ada hendak membatalkan projek itu atau tidak dibayangkan akan dibuat dalam pertemuan itu.

Reaksi segera Tan Sri Muhammad selaku Menteri Besar ialah dengan membuat kenyataan itu, Sultan Selangor telah melampaui fungsi dan tugas baginda sebagai Raja Berperlembagaan yang sudah tidak lagi berkuasa mengarahkan kerajaan negeri berbuat itu dan ini. Sekiranya baginda ada pandangan untuk dinyatakan, ia hendaklah dikemukakan melalui mekanisme yang telah disediakan, bukannya secara terbuka. Sebagai menjawab Sultan, Tan Sri Muhammad berkata, pertemuan yang dirancang oleh Sultan itu hanya sekadar majlis taklimat, bukannya satu forum yang akan membuat keputusan. Majlis yang dipanggil oleh Sultan itu, menurut beliau, tidak ada kuasa untuk membuat keputusan. Keputusan kerajaan Selangor hanya boleh diambil oleh EXCO yang beliau ketuai. Bagaimanapun beliau meng-

umumkan bahawa beliau akan hadir di majlis taklimat itu bersama dengan ahli EXCO yang lain.

Dalam pertemuan 3 Oktober itu, Tan Sri Muhammad memulakan perbincangan dengan menegaskan bahawa kuasa membuat keputusan di Selangor adalah di tangan EXCO bukannya pada pihak-pihak lain. Beliau juga menyangkal dakwaan bahawa projek itu telah memberi keuntungan peribadi kepada beliau. Beliau juga menolak tuduhan bahawa beliau bersikap tamak apabila meluluskan projek itu. Keseluruhan majlis penerangan itu berjalan lancar dan pihak-pihak yang hadir telah diberi peluang menyatakan pandangan masing-masing, termasuk Sultan Selangor sendiri. Tidak ada keputusan dibuat tentang projek itu pada pertemuan tersebut.

Tan Sri Muhammad, seperti yang dijanjikan, telah membawa projek memajukan Kemensah itu sekali lagi dalam mesyuarat EXCO pada 9 Oktober. Keputusan dibuat oleh cabang eksekutif kerajaan Selangor itu bahawa projek memajukan Kemensah sebagai kawasan perumahan moden akan diteruskan. Projek golf 18 lubang bagaimanapun telah dibatalkan. Dengan membuat keputusan itu, Menteri Besar Selangor jelas telah tidak tunduk pada titah Sultan supaya pembangunan di sekitar Zoo Negara itu dihentikan. Sultan Selangor yang menyedari bahawa baginda tiada kuasa perlembagaan untuk mengeluarkan arahan itu pada mula nampaknya menerima hakikat. Baginda tidak lagi membantah apabila EXCO memutuskan penerusan projek itu. Tetapi hubungan tegang antara baginda dengan Menteri Besarnya berterusan... Sultan Selangor tidak hadir bagi upacara perasmian penggal baru Persidangan Dewan Negeri Selangor yang diadakan pada 7 November 1991. Mengapa?

## TIDAK HADIR PERASMIAN DEWAN NEGERI

Raja Berperlembagaan di setiap negeri, baik yang bergelar Raja (Perlis), Sultan (Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan) atau Yang Dipertuan Besar (Negeri Sembilan) adalah salah satu komponen (bersama dengan wakil rakyat) yang membentuk Dewan Undangan Negeri. Tetapi tidak seperti wakil rakyat yang lain, baginda-baginda Sultan tidak mempunyai kerusi tetap di badan legislatif itu. Ini mencerminkan



kedudukan raja yang tinggi dan mulia. Bagaimanapun, raja-raja mempunyai dua fungsi perlembagaan sebagai sebahagian daripada Dewan Undangan Negeri. Pertama, merasmikan penggal baru persidangan Dewan setahun sekali. Kedua, memberi perkenan kepada rang undang-undang atau enakmen yang diluluskan oleh legislatif.

Dalam ucapan perasmian, Sultan biasanya akan menyampaikan titah yang menghuraikan program kerajaan negeri bagi tahun itu. Titah itu kemudian akan dibahaskan oleh ahli-ahli Dewan bagi diluluskan. Rakaman terima kasih bagi titah itu juga akan diusulkan. Tugas itu adalah rutin tahunan bagi setiap raja.

Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, perasmian pembukaan penggal baru persidangannya 1991/1992 telah dijadualkan berlangsung pada 7 November tahun itu. Menurut sumber kerajaan, Sultan sendiri telah menetapkan tarikh tersebut. Permintaan itu membayangkan bahawa baginda sendiri akan melakukan upacara perasmian. Menteri Besar Selangor telah memohon supaya upacara perasmian itu dibuat pada satu tarikh lain kerana pada hari itu, UMNO akan mengadakan Perhimpunan Tahunannya di Kuala Lumpur. Perhimpunan itu telah dirancang oleh Majlis Tertinggi UMNO beberapa bulan sebelum itu. Tan Sri Muhammad serta wakil-wakil rakyat yang lain akan mengahadirinya. Permintaan itu bagaimanapun telah ditolak. Penolakan itu bagaimanapun telah tidak dijadikan isu sebagai tanda UMNO menghormati raja.

Namun begitu, apa yang nampaknya menimbulkan kemarahan UMNO Negeri, yang sebenarnya telah berjaya disembunyikan dari pengetahuan umum ialah pada hari perasmian itu, Sultan Selangor telah tidak hadir. Baginda juga tidak menghantar Raja Muda sebagai wakil baginda. Baginda telah menyerahkan tugas itu kepada Tengku Panglima Selangor. Upacara perasmian bagaimana pun berlangsung seperti yang dijadualkan. Menteri Besar, anggota-anggota EXCO yang lain serta wakil rakyat UMNO yang sepatutnya berhimpun di PWTC juga hadir. Apa yang berlaku di Dewan Negeri itu telah menimbulkan teguran di kalangan sebilangan perwakilan UMNO. Di sebalik peristiwa itu sebenarnya tersembunyi ketegangan yang berlanjutan antara Tan Sri Muhammad dengan Sultan Selangor. Krisis antara mereka berdua sekarang sudah terdedah kepada umum.

## DEDAH ATAU TUTUP

Berdepan dengan kerenah Sultan Selangor, Tan Sri Muhammad selaku Menteri Besar sebenarnya mempunyai dua pilihan. Pertama, berdiam diri dan menerima apa yang berlaku sebagai *occupational hazard* yang tidak perlu didedahkan kepada pengetahuan ramai. Amalan ini pernah dibuat oleh Menteri Besar-Menteri Besar sebelum ini. Mereka melayan kerenah Sultan, sekalipun ia tidak menepati semangat Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Pilihan ini akan menjadikan diri Menteri Besar itu popular di kalangan istana. Selain itu, tindakan menutup kelemahan Sultan adalah selari dengan *mood* pada waktu itu. Orang Melayu tidak mahu derhaka kepada Sultan mereka. Kerana itu institusi kesultanan telah diberi perlindungan undang-undang yang berlebihan. Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa tidak ada perubahan terhadap darjat tinggi dan mulia Sultan Melayu boleh dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja yang dianggotai oleh para Sultan itu sendiri. Akta Hasutan 1948 yang dipinda selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 juga memberi perlindungan tambahan kepada raja-raja. Di bawah akta itu adalah menjadi satu kesalahan sebarang perbuatan menghasut atau mencela raja-raja Melayu. Akta itu memelihara kedudukan Sultan bersama-sama dengan hak istimewa orang Melayu, status bahasa Melayu dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Peruntukan yang disediakan untuk membiayai institusi kesultanan juga tidak boleh dibahaskan dalam Parlimen atau Dewan Negeri. Sebarang salah laku raja juga tidak boleh didakwa di bawah undang-undang. Semangat itulah yang telah membuat orang Melayu tidak pernah menegur Sultan mereka secara terbuka. Tradisi itu bagaimanapun sudah ditamatkan dalam Perhimpunan Agung UMNO 1990. Pada tahun itu, UMNO secara terbuka telah menegur raja-raja Melayu yang telah melampaui fungsi mereka sebagai Raja Berperlembagaan apabila para perwakilan membincangkan Usul Raja Berperlembagaan yang dikemukakan oleh UMNO Pulau Pinang. Dalam perhimpunan itu pelbagai teguran, kritik telah dibuat terhadap tingkah laku raja. Tetapi kerana teguran itu dibuat dengan tujuan membina dan memperkuat lagi institusi Raja Berperlembagaan, bukannya untuk menumbangkan pemerintahan raja di negara ini, ia telah dibenarkan oleh pucuk pimpinan parti dan

Kerajaan Persekutuan. Itu sebabnya, wakil-wakil UMNO yang bercakap mengkritik raja-raja Melayu tidak seorangpun telah didakwa di bawah Akta Hasutan atau undang-undang negara yang lain. Dr. Mahathir sendiri telah membuat beberapa kenyataan yang kalau bertujuan untuk menghasut rakyat menggulingkan raja, boleh didakwa di bawah Akta Hasutan kerana ia dianggap sensitif. Tetapi kerana kenyataan itu bertujuan untuk meneguhkan lagi institusi kesultanan, ia telah diterima sebagai sesuatu yang rasional dan tidak sensitif.

*Mood* itulah yang nampaknya telah mempengaruhi Tan Sri Muhammad untuk mengambil pilihan kedua. Pilihan itu ialah mendedahkan masalah beliau yang mewakili kuasa rakyat dengan Sultan Selangor secara terbuka. Dan tidak ada gelanggang yang lebih layak untuk berbuat demikian, kecuali Perhimpunan UMNO 1991 itu sendiri. Perhimpunan yang diadakan setahun selepas UMNO membincangkan usul Raja Berperlembagaan yang kemudian telah dipersembahkan kepada para Sultan untuk perhatian dan tindakan, tidak dijadualkan untuk membincangkan kedudukan raja-raja Melayu. Tetapi oleh kerana selepas usul dipersembahkan, raja-raja seolah-olah tidak memberi perhatian serius, Dr. Mahathir dalam ucapan Presiden telah membuat teguran-teguran yang lebih tajam terhadap institusi kesultanan masa silam. Ucapan itu telah dilihat oleh para perwakilan UMNO sebagai satu isyarat bahawa pucuk pimpinan parti sekali lagi membenarkan Perhimpunan 1991 membahaskan soal raja.

Selain dipengaruhi oleh ucapan Dr. Mahathir, Tan Sri Muhammad sendiri mempunyai hujah-hujah beliau yang kuat untuk meminta UMNO Selangor mendedahkan kerendah Sultan mereka yang tidak lagi dapat ditahan dan dilayan oleh kerajaan negeri. Beliau tidak mahu mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin dan kerajaan negeri sebelum ini yang menurut beliau "telah menutup kelemahan raja - sama ada penyalahgunaan dari segi kuasa, mendapatkan tender, projek untuk diberi kepada kuncu-kuncu baginda." Semua cerita tentang itu telah ditutup oleh para pemimpin UMNO dan diikuti oleh pegawai-pegawai walaupun rasa tidak puas hati itu terpendam dalam jiwa dan makin hari makin membesar.

Sebagai seorang pemimpin yang sayangkan institusi raja dan mahu ia bertahan untuk selama-lamanya, kalau boleh, Tan Sri

Muhammad tidak sanggup bersubahat untuk menutup kelemahan raja kerana perbuatan itu akan hanya membawa kepada keruntuhan sistem itu akhirnya. Seperti yang beliau nyatakan dalam satu temuramah: "Saya berpendapat, kalau salah laku raja tidak dikawal dan diberitahu kepada raja secara terus terang, ia akan menjadi kanser yang akan membunuh dan menghapuskan sistem raja. Oleh itu, generasi yang ada nampak bahawa banyak ketidakbetulan ini berlaku kerana generasi lama membenarkan ia berjalan terus menerus. Dan saya memandangi ini bahaya kepada institusi raja itu sendiri. Oleh itu kita kena beritahu raja. Kadang-kadang penasihat raja yang berada di keliling, tidak mahu memberi nasihat yang betul mungkin kerana mereka tidak mahu mencari masalah. Yang kedua, mereka takut dimurkai dan seterusnya diboikot oleh raja kalau mereka memberitahu keadaan yang sebenar, atau pun mereka tidak kuasa untuk memberitahu keadaan yang sebenar asalkan mereka mendapat habuan yang mereka hendak. Mereka sebenarnya bukan menjadi penasihat. Jadi, kita terpaksa berhadapan dengan satu risiko yang besar untuk mendedahkan satu perkara yang boleh kalau alang-alang kepalang, melenyapkan saya sendiri."

Apa yang dinyatakan oleh Tan Sri Muhammad itu bukanlah satu khayalan. Ini kerana ada Menteri Besar yang tidak disenangi oleh Sultan, telah menjadi korban. Mereka terpaksa meletakkan jawatan dengan masa depan kerjaya politik yang tidak menentu. Yang bernasib akan dibawa ke Pusat untuk menjadi menteri atau timbalan menteri. Yang tidak, terpaksa memendekkan kerjaya politik mereka. Dengan mendedahkan kerendah Sultan Selangor, Tan Sri Muhammad sebenarnya mengambil risiko itu. Tetapi demi menyahut seruan Dr. Mahathir supaya setiap Menteri Besar mempertahankan Demokrasi Berparlimen di negeri-negeri yang mereka pimpin, Tan Sri Muhammad bersedia mengambil risiko itu. Beliau berani kerana beliau tahu bahawa tindakannya mendapat dokongan dan sokongan pucuk pimpinan parti umumnya dan Dr. Mahathir khususnya.

Kata Tan Sri Muhammad: "Kita memikirkan pada tahun 1990, UMNO sudah membuat teguran pada raja tentang beberapa perkara tidak puas hati yang telah ditimbulkan oleh ahli-ahli UMNO mengenai raja-raja. Tetapi teguran yang dibuat pada 1990 itu nampaknya tidak berkesan. Sebelum Dr. Mahathir sendiri

menjadi Perdana Menteri, Hussein Onn pun sudah memanggil raja dan menasihatkan mereka tentang peranan mereka. Tunku Abdul Rahman sewaktu menjadi Perdana Menteri juga pernah menulis dan menasihati raja-raja tentang peranan mereka. Pada zaman British, kita lihat raja-raja mendengar nasihat yang diberikan. Pada awal 1990-an, kita tidak nampak raja-raja telah memainkan peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan. Kita nampak mereka berlumba-lumba menonjolkan kuasa, pengaruh dan kekuatan. Jadi, UMNO nampak ini satu perkara yang tidak sihat dalam sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan. Untuk itu, UMNO Selangor berpendirian, kita mesti habis-habisan menegur raja dan kita tegur raja kita dahulu. Itu sebabnya, kita berani mendedahkan beberapa peri laku yang dianggap tidak betul sehingga mengejutkan ramai orang. Kita mendapat mandat sepenuhnya Perhubungan UMNO Selangor, Pemuda dan Wanita. Inilah yang terpaksa kita buat selepas teguran-teguran yang kita buat sebelum ini tidak diendahkan.”

## **RAHSIA YANG TERBONGKAR: KEENGGANAN MELAYAN KEHENDAK RAJA**

Untuk membiayai perbelanjaan Sultan dan keperluan-keperluan lain istana, setiap kerajaan negeri menyediakan peruntukan khas diraja setiap tahun. Perbelanjaan itu dibayar menggunakan wang rakyat yang dikutip melalui cukai. Berapa yang diperuntukkan bergantung kepada keupayaan sesebuah negeri. Tetapi jumlah yang disediakan adalah mencukupi untuk membolehkan Sultan hidup mewah, bercuti keluar negara, membeli kereta besar dan mewah. Saraan yang agak besar itu diberikan kepada Sultan bagi membolehkan mereka melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh perlembagaan tanpa perlu memikirkan soal mencari pendapatan tambahan melalui sumber-sumber lain. Kalau peruntukan khas tahunan yang diberikan itu tidak mencukupi, Sultan boleh meminta peruntukan tambahan dan permintaan itu memang diketahui dibuat dari masa ke masa.

Bagaimanapun selain memohon perbelanjaan tambahan, terdapat juga desas-desus mengatakan ada Sultan yang memohon untuk mendapatkan tanah, tanah balak, lombong, pelbagai peluang perniagaan, lesen, tender dan sebagainya dari kerajaan

negeri. Sehingga pendedahan tentang kehendak-kehendak Sultan Selangor dibuat oleh UMNO dalam perhimpunan 1991, rakyat cuma mendengar berita-berita angin saja tentang permohonan raja untuk mendapatkan itu dan ini. Ini kerana apa juga permintaan Sultan tidak didedahkan kepada umum oleh kerajaan negeri tidak kira sama ada permintaan itu dilayan atau ditolak. Tetapi pendedahan yang dibuat oleh wakil UMNO Selangor, Haji Zainol Sakom itu memberi bayangan bahawa selain meminta peruntukan tambahan dari masa ke masa, Sultan Selangor juga ada membuat permohonan untuk mendapatkan tanah, kawasan balak, peluang-peluang perniagaan. Apa yang lebih mengejutkan ialah tanah atau kawasan balak yang diminta oleh Sultan itu kemudian diserahkan kepada kapitan-kapitan Cina yang mengelilingi baginda. Untuk menyokong dakwaannya, Haji Zainal telah memberitahu bahawa tanah seluas 400 ekar yang telah diluluskan untuk pembinaan projek padang golf atas nama Istana telah berpindah milik kepada kapitan-kapitan Cina bergelar Dato'. Beliau juga mendakwa bahawa tanah pertanian seluas 1,500 ekar juga telah berpindah milik kepada seorang kapitan Cina.

Sekiranya tidak ada bukti yang sahih, Haji Zainal yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar, tentu berani membuat pendedahan terbuka serupa itu. Tuduhan bahawa Sultan telah diperalatkan oleh kapitan-kapitan Cina, tentu juga tidak akan dibuat tanpa bukti yang sah. Ini kerana dakwaan itu mempunyai implikasi terhadap institusi kesultanan Melayu. Rakyat pada umumnya beranggapan bahawa Sultan atau raja adalah menjadi pelindung kepada hak-hak bangsa Melayu. Sekiranya tanah yang diberi kepada kerabat diraja sewenang-wenangnya berpindah tangan kepada bukan Melayu, maka dengan sendirinya imej Sultan sebagai pelindung Melayu itu tercemar. Sekiranya benteng terakhir yang diharapkan untuk mempertahankan kepentingan Melayu juga sudah berada dalam poket bukan Melayu, bangsa Melayu sebenarnya sudah berada dalam kedudukan yang cukup daif. Kepada siapalah mereka hendak mengadu hal jika mereka tersepit nanti. Selama ini yang kedengaran cuma para pemimpin politik Melayu saja yang telah mengkhianati kepentingan Melayu dengan menjual lesen, tender dan peluang perniagaan yang lain kepada bukan Melayu. Sekiranya Sultan juga begitu, maka habislah. Rimbun untuk berteduh rupanya hanya palsu. Dahan

untuk bergantung rupanya cuma menunggu masa saja untuk patah. Mereka yang mendengar pendedahan Haji Zainal itu tentulah mengharapkan bahawa dakwaan itu hanya palsu belaka. Tetapi pertanyaan juga ditimbulkan jika tiada angin, masakan pokok bergoyang. Dalam pada itu, ramai yang mengharapkan bahawa pendedahan itu akan membantu pihak-pihak yang terbabit untuk membetulkan lakonan masing-masing. Masih ada waktu untuk membetulkan kesilapan. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Marilah kita sama-sama memulakan permulaan baru. Bagi bangsa Melayu, harapan ini diharapkan menjadi kenyataan.

Ini kerana pendedahan ini bagi rakyat biasa adalah memeranjatkan tetapi di kalangan elit-elit politik ia semacam sudah menjadi perkara biasa. Memanglah dari satu segi, Perlembagaan Negeri tidak melarang Sultan membuat permintaan-permintaan serupa itu. Tetapi oleh kerana Sultan sudah disediakan peruntukan kewangan yang besar, ada rakyat mengharapkan bahawa Sultan tidak wajar membuat permohonan-permohonan yang bertujuan untuk bersaing dengan rakyat.

Keberanian UMNO Selangor membuat pendedahan itu memang wajar dipuji. Kesediaan Tan Sri Muhammad mengambil risiko yang boleh menjejaskan kerjaya politiknya adalah luar biasa. Sekiranya beliau ingin mengekalkan hubungan baik dengan Sultan, beliau boleh mengikut apa sahaja kehendak Sultan. Ada Menteri Besar yang memang diketahui berbuat demikian. Segala kehendak Sultan dilayani untuk menyelamatkan kedudukannya.

Tetapi keberanian Tan Sri Muhammad sebenarnya bukanlah keberanian beliau sendiri sahaja. Ia adalah keberanian seluruh para pemimpin Melayu dalam UMNO yang juga dikongsi oleh mereka yang berada di luar parti itu. Ini kerana dalam mendedahkan kehendak-kehendak Sultan itu, Tan Sri Muhammad sebenarnya mendapat sokongan padu Badan Perhubungan UMNO yang beliau ketuai. Malah apabila keputusan dibuat bahawa UMNO perlu berterus terang tentang kerenah raja itu, Tan Sri Muhammad telah mengadakan mesyuarat tergempar UMNO Negeri sehari sebelum Haji Zainal membuat pendedahan yang lantang itu. Mesyuarat pada malam 8 November itu telah dihadiri oleh semua ahli Badan Perhubungan UMNO yang terdiri daripada ketua-ketua 11 bahagian parti itu di Selangor. Ketua Pergerakan

Pemuda dan Wanita turut serta. Mereka secara kolektif telah menandatangani surat pengakuan untuk memberi mandat kepada Tan Sri Muhammad membuat pendedahan itu. Haji Zainal Sakom telah dipilih sebagai jurucakap mereka.

Mendapatkan sokongan padu UMNO Selangor adalah strategi yang penting bagi Tan Sri Muhammad untuk menghadapi apa juga kemungkinan implikasi tindakannya itu. Ini kerana dalam UMNO terdapat penyokong raja. Sekiranya UMNO Selangor berpecah belah menangani isu sebegitu besar, pihak-pihak lain akan mendapat kesempatan untuk pecah dan perintah yang boleh menggoncang kedudukan Tan Sri Muhammad. Sokongan tidak berbelah bagi pucuk pimpinan UMNO sendiri, turut memainkan peranan besar. Ini kerana jika tiada sokongan, Sultan boleh menekan supaya Menteri Besar diberhentikan seperti yang pernah dialami oleh Dato' Rahim Bakar dalam krisis beliau dengan Sultan Pahang pada akhir 1981. Dato' Rahim telah dikorbankan kerana Perdana Menteri ingin memuaskan kehendak Sultan dalam usahanya untuk menjalin hubungan yang baik dengan Sultan Pahang yang menjadi Yang di-Pertuan Agong waktu itu.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa pendedahan Haji Zainal Sakom tentang kehendak-kehendak Sultan Selangor adalah satu keberanian luar biasa yang tidak sanggup dilakukan oleh mana-mana pemimpin Melayu yang mempunyai kedudukan sebelum ini. Keberanian beliau menyatakan bahawa peruntukan \$11 juta bagi membina sekolah agama di Selangor telah ditarik kerana ingin melayan kehendak Sultan yang ingin memperbaiki istananya memperlihatkan bahawa demi menjaga hati Sultan, kerajaan negeri sanggup mengorbankan pembinaan sekolah-sekolah untuk rakyat. Pendedahan beliau bahawa kapitan-kapitan Cina mempengaruhi Sultan untuk mendapatkan projek-projek tertentu, dari segi jangka panjang mungkin mempunyai kesan positif dalam membersihkan Istana Selangor daripada anasir-anasir yang boleh membawa kejatuhan kepada institusi kesultanan itu sendiri. Sultan Selangor wajar berterima kasih kepada pendedahan yang dibuat kerana ia bertujuan untuk menyelamatkan masa depan baginda. Mereka wajar diberi bintang kebesaran. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kerana tersinggung dengan teguran yang dibuat oleh UMNO, Sultan Selangor membuat keputusan untuk tidak memberi tokoh-tokoh



UMNO sebarang bintang sempena hari keputeraan baginda pada 8 Mac 1992. Peristiwa itu merupakan satu lagi episod yang memanjangkan lagi krisis Sultan-Menteri Besar. Ia akan diperkatakan berikut ini.

## PERBALAHAN TENTANG BINTANG

Sultan Selangor memang berhak untuk berasa marah dengan pendedahan yang dibuat oleh UMNO terhadap kerenah baginda dalam perhimpunan parti 1991 itu. Bagaimanapun sekiranya teguran itu diterima secara positif, bukan negatif, teguran itu tentunya boleh diterima dengan baik. Tetapi kerana Sultan Selangor juga adalah manusia biasa, maka baginda juga tidak dapat melepaskan kemarahan baginda terhadap para pemimpin UMNO. Siapa juga yang berada pada kedudukan baginda barangkali akan bertindak begitu. Kesempatan untuk baginda menyatakan reaksinya tiba beberapa bulan kemudian menjelang hari keputeraan baginda.

Seperti biasa, sempena hari keputeraan Sultan, UMNO Selangor beserta dengan pertubuhan-pertubuhan lain mengemukakan nama tokoh-tokohnya untuk mendapat pelbagai gelaran dan kebesaran negeri - daripada Dato' membawalah kepada PJK (Pingat Jasa Kebaktian). Anugerah itu hanya boleh diberi oleh Sultan Selangor. Mengikut tradisinya, Sultan tidak akan menolak nama-nama yang dicadangkan oleh UMNO bagi apa juga anugerah kerana sebagai parti yang berkuasa, ia tahu siapa berjasa kepada negeri dan siapa tidak.

Tetapi kerana marahkan UMNO Selangor, Sultan membuat keputusan untuk menolak nama-nama yang dikemukakan oleh parti itu untuk mendapat anugerah. Apabila mengetahui tindakan itu, Menteri Besar membuat keputusan untuk menarik balik nama-nama yang telah dikemukakan oleh UMNO bagi mendapat penganugerahan.

Sultan pula bertindak balas dengan mengatakan bahawa kuasa untuk memberi bintang adalah kuasa raja yang tidak boleh dicampuri oleh sesiapa termasuk Menteri Besar. Sultan Selangor dalam satu sidang akhbar khas di Pelabuhan Kelang pada 15 Februari menegaskan bahawa soal penganugerahan bintang adalah hak baginda dan ia tidak harus dipersoalkan. Tan Sri

Muhammad pada hari yang sama pula berkata, beliau tidak mempersoalkan hak Sultan tetapi merakamkan rasa dukacita kerana calon-calon kerajaan bagi menghargai mereka yang berjasa ditolak oleh Sultan. Beliau juga membayangkan bahawa kerajaan negeri juga tidak akan mencalon sebarang nama bagi penganugerahan bintang sempena hari keputeraan baginda tahun depan. Konfrontasi terbuka Menteri Besar-Sultan itu bagaimanapun akhirnya tamat begitu saja. Perhubungan Sultan-Menteri Besar nampaknya terus tegang.

### HUBUNGAN KEMBALI MESRA

Waktu adalah pemulihan paling baik bagi mengubati sebarang luka. Begitulah kata bijak pandai. Hubungan Sultan-Menteri Besar Selangor nampaknya telah melalui pengalaman yang sama. Apabila Sultan Selangor mengesan bahawa teguran-teguran yang dibuat itu adalah bertujuan baik, hubungan baginda dengan Menteri Besar kembali seperti sediakala seolah-olah tidak ada apa yang berlaku sebelum ini. Tan Sri Muhammad sendiri mengakui bahawa "Sultan Selangor mungkin memikirkan bahawa apa yang kita buat, tegur menegur ini, adalah untuk membetulkan mana yang tidak betul supaya baginda tahu had mana peranan baginda, had mana peranan Menteri Besar. Jadi, tidak akan berlaku perbuatan mencampuri kuasa orang lain. Jika itu difaham, perhubungan Sultan-Menteri Besar akan baik. Kita akan hormat dia sebagai seorang raja. Saya fikir Tuanku sudah bersetuju dengan teguran-teguran yang kita buat. Jika tidak, perhubungan tentulah tidak baik semula." Tan Sri Muhammad juga mengamati bahawa mesej yang ingin disampaikan oleh UMNO kepada raja sudah sampai dan diterima oleh Sultan Selangor. Menurut beliau, Sultan Selangor adalah antara Sultan yang mengatakan bagus diwujudkan Kod Etika Raja yang sudahpun diterima oleh Majlis Raja-raja dalam persidangannya di Kuching pada 23 Jun 1992 yang dikenali sebagai Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan.

### KESIMPULAN

Tidak dapat disangkal bahawa krisis Menteri Besar-Sultan Selangor telah membawa beberapa kesan positif dalam me-

mahamkan rakyat tentang sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Ketika krisis memuncak memang terdapat kebimbangan bahawa ia mungkin meninggalkan kesan negatif. Apabila ia berakhir dengan damai, ramai menyatakan kesyukuran. Demokrasi Berparlimen yang hampir tercemar telah ditegakkan. Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang mengambil pentas utama dalam perjuangan itu tidak menjadi korban. Tekanan Sultan yang ingin perkhidmatan beliau ditamatkan, berjaya dipatahkan.

Sokongan UMNO Selangor kepada beliau dalam menangani persoalan itu telah memainkan peranan penting. Tidak kurang penting ialah sokongan bulat Dr. Mahathir dalam memper-tahankan tindak-tanduk Menteri Besar Selangor itu. Kesanggupan Sultan Selangor menerima teguran-teguran yang dilemparkan terhadap baginda, sekalipun pahit untuk ditelan, juga membantu keadaan. Episod itu diharap memberi pengajaran kepada pihak-pihak lain yang ingin menegakkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

## 4

# KELANTAN

TAN Sri Mohamad Yaacob menjadi Menteri Besar UMNO yang pertama di Kelantan selepas pilihan raya umum 1978 apabila parti itu berjaya menawan negeri Cik Siti Wan Kembang dari tangan Pas yang telah berkuasa di negeri itu selama 18 tahun. Beliau memegang jawatan itu secara terus menerus selama tiga penggal sehinggalah tewas dalam pilihan raya umum pada 20 Oktober 1990. Di sebalik kejatuhan UMNO dan Tan Sri Mohamad itu ialah satu krisis berpanjangan antara beliau dan parti yang dipimpin pada satu pihak dengan Sultan Kelantan pada pihak yang lain. Apakah punca krisis itu? Bilakah ia bermula? Mengapa ia tidak dapat diselesaikan? Bilakah kemuncaknya? Apakah kesudahannya? Jika Tan Sri Mohamad meletakkan jawatan ketika krisis itu memuncak, apakah UMNO dapat memulihkan hubungan dengan Sultan seperti yang dipercayai oleh sesetengah pemerhati politik? Inilah antara persoalan-persoalan yang akan dihuraikan dalam bab ini. Apa yang sebenarnya berlaku di sebalik krisis Menteri Besar-Sultan akan cuba diperkatakan di sini.

### HUBUNGAN AWAL YANG MESRA

Apabila Tan Sri Mohamad Yaacob kembali ke Kelantan sebagai Menteri Besar, beliau sebenarnya telah menjalin hubungan awal yang cukup mesra dengan Sultan Kelantan. Beliau sebenarnya sempat berkhidmat dengan dua orang Sultan. Yang pertama, Sultan Yahya Petra (Almarhum) dan kedua, Sultan Kelantan sekarang. Tetapi kerana Sultan Yahya menjadi Yang di-Pertuan Agong sewaktu beliau mengambil alih pimpinan kerajaan negeri,

Tan Sri Mohamad banyak berurusan dengan Sultan Kelantan sekarang yang ketika itu Pemangku Sultan.

Sebagai Menteri Besar, Tan Sri Mohamad adalah seorang yang berpengalaman. Beliau adalah seorang peguam sebelum mencuri politik UMNO secara aktif dengan bertanding dalam pilihan raya umum 1969. Selepas menang, beliau dilantik oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kemudian Menteri Pendidikan dan seterusnya Menteri Perusahaan Awam.

UMNO memang telah lama berusaha untuk menawan Kelantan - satu-satunya negeri yang masih dikuasai oleh Pas di Semenanjung yang belum dapat dikuasai oleh UMNO. Kelantan telah berada di bawah Pas sejak pilihan raya 1959 lagi. Terengganu juga berada dalam tangan Pas waktu itu. Bagaimanapun UMNO dapat menguasainya pada 1961 apabila beberapa orang ahli Dewan Negeri Pas di Terengganu berpaling tadah menyertai UMNO. Pas meminta Sultan Terengganu membubarkan Dewan Negeri. Baginda menolak. Sebaliknya menyerahkan kepada UMNO yang sudah mempunyai majoriti kerana adanya ahli Pas yang menyertainya, untuk membentuk kerajaan.

Di Kelantan, UMNO juga pernah berusaha untuk memikat ahli-ahli Dewan Negeri Pas supaya menyertai UMNO, tetapi tidak berjaya. Peluang hanya diperolehi apabila Pas bersetuju untuk menyertai Barisan Nasional yang didominasi oleh UMNO pada awal 1970-an. Kerjasama yang bermula dalam bentuk kerajaan Pas dengan Perikatan di peringkat negeri dan Pusat itu, ekoran tragedi berdarah 13 Mei 1969, telah memberi kesempatan kepada UMNO untuk mendekati kuasa di Kelantan. Apabila Pas menganggotai pula Barisan Nasional, parti itu secara tidak langsung menerima dasar-dasar UMNO. Penyertaan Pas ke dalam BN itu telah menyebabkan perpecahan di dalam Pas. Sebilangan pemimpin dan pengikut Pas yang tidak setuju dengan tindakan Yang Dipertua Pas itu, Tan Sri Asri Muda, awal-awal lagi meninggalkan parti itu. Mereka melihat tindakan Asri itu telah mengkompromikan perjuangan keislaman Pas. Tetapi tidak semua yang tidak berpuas hati meninggalkan Pas serta merta. Sebilangan yang lain masih berada dalam parti itu.

Pertentangan antara puak yang pro Asri dengan yang tidak inilah yang telah mencetuskan satu lagi perpecahan yang lebih

besar pada pertengahan 1970-an. Sementara itu, UMNO oleh kerana sudah menjadi sebahagian dari kerajaan di Kelantan, telah dapat mempengaruhi Menteri Besar Pas di Kelantan waktu itu, Dato' Mohamad Nassir yang dilihat oleh sesetengah kalangan telah berada di bawah telunjuk UMNO. Dato' Asri sendiri tidak berpuas hati dengan prestasi Dato' Mohamad Nassir dan memulakan usaha penyingkiran beliau. Undi tidak percaya dikemukakan kepada beliau dalam Dewan Negeri. Berlaku perbalahan antara para penyokong Asri dan Mohamad Nassir sehingga keadaan menjadi kacau bilau. Beliau meminta Sultan Kelantan, ketika itu Yang di-Pertuan Agong supaya membubarkan Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan satu pilihan raya negeri diadakan. Baginda menolak permintaan itu. Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Hussein Onn dengan didorong oleh keinginan untuk menguasai Kelantan, tidak berdiam diri. Beliau berkongsi pandangan para pemimpin kanan UMNO yang lain bahawa krisis di Kelantan itu adalah waktu yang sesuai untuk menumbangkan pengaruh Pas yang boleh membawa manfaat kepada UMNO.

Kerajaan Pusat lalu mengemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya mengisytiharkan pemerintahan darurat di negeri itu. Cadangan itu diterima. Kelantan diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan secara langsung. Seorang pegawai kanan kerajaan, Tan Sri Aman Hashim dilantik sebagai pengarah yang bertanggungjawab mentadbirkan jentera-jentera kerajaan negeri. Mekanisme itu telah membolehkan UMNO, menerusi kedudukannya sebagai Kerajaan Persekutuan, mendekati jentera-jentera kerajaan negeri yang selama ini ia tidak mempunyai akses. Tengku Razaleigh Hamzah telah memainkan peranan penting untuk menyusun semula kerajaan Kelantan supaya pro UMNO. Setelah berpuas hati bahawa UMNO boleh menang di negeri itu, pemerintahan darurat dibatalkan tidak lama sebelum pilihan raya umum 1978 diadakan. Dengan berpecahnya Pas kepada dua kelompok utama, harapan UMNO untuk menang memang cerah. Dato' Mohamad Nassir yang ditentang oleh Asri telah membentuk partinya sendiri - Berjasa. Dalam keadaan itulah, UMNO akhirnya berjaya menamatkan penguasaan 18 tahun Pas di Kelantan. Tan Sri Mohamad Yaacob dilantik menjadi Menteri Besarnya yang pertama. Sebagai membalas jasa Dato'

Mohamad Nassir yang telah membolehkan UMNO berkuasa, beliau dilantik menjadi Senator dan diberi jawatan Menteri dalam kabinet Pusat.

Tan Sri Mohamad Yaacob bukan saja seorang menteri yang berpengalaman, tetapi juga mahir dengan selok-belok istana dan adat Melayu Kelantan. Ini kerana pada 1954, beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Sultan Kelantan. Ketika itu masih zaman British. Waktu itu lagi, beliau mempelajari interaksi antara Sultan dengan pembesar-pembesar negeri. Sebagai seorang peguam, beliau faham benar maksud Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Dilihat dari sudut itu, Tan Sri Mohamad sebenarnya tidak ada sebarang masalah untuk menjalin hubungan yang mesra dengan Pemangku Sultan Kelantan yang kemudian selepas kemangkatan ayahandanya menjadi Sultan.

Malah untuk melicinkan lagi perjalanan kerajaan negeri dengan Sultan, Tan Sri Mohamad telah memperkenalkan satu amalan baru dalam hubungannya dengan Sultan yang tidak dilakukan sebelum ini. Setiap minggu, sebelum EXCO mengadakan mesyuarat mingguannya, beliau akan terlebih dahulu mengadap Sultan Kelantan memberitahu agenda-agenda yang akan dibincangkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri itu. Sekiranya Sultan Kelantan ada sebarang pertanyaan, beliau boleh menjawabnya ketika itu. Amalan itu tidak diwajibkan oleh Perlembagaan Negeri. Tetapi ia dibuat semata-mata kerana terdapat kemesraan hubungan dengan Sultan.

Tan Sri Mohamad juga beruntung kerana Sultan Kelantan yang jauh lebih muda itu sendiri menganggapnya sebagai ayahanda baginda. Mereka berdua juga ada kalanya boleh bergurau senda. Tan Sri Mohamad sendiri memberitahu bahawa dari segi kerenah seperti memohon tanah, kawasan balak, Sultan Kelantan tidaklah begitu ghairah. Baginda hanya ada meminta peruntukan tambahan kewangan bagi membiayai percutian baginda di luar negara setiap tahun yang tidak ada masalah untuk dipenuhi oleh kerajaan Kelantan. Menurut Tan Sri Mohamad ketidakghairahan Sultan Kelantan meminta tanah dan balak ini adalah kaitan dengan satu peristiwa pada zaman Hussein Onn. Sebagai Perdana Menteri, beliau pernah menolak permohonan Sultan Kelantan, sebelum menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan satu kawasan tanah yang agak luas bagi projek tertentu.

Kemesraan hubungan antara Tan Sri Mohamad dengan Sultan Kelantan yang telah dijalin mulai 1978 itu bagaimanapun tidak kekal. Mulai 1983, hubungan mereka mula memburuk dan pemburukan hubungan itu tidak ada kena mengena dengan ketegasan Tan Sri Mohamad mendisiplinkan istana, tetapi ada kaitan dengan tindakan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan tempoh dua minggu bagi raja-raja memberi perkenan kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen. Pindaan yang sama di peringkat negeri dijangka menyusul. Sultan Kelantan murka dan Tan Sri Mohamad yang dianggap sebagai ayahanda turut dimusuhi. Detik itu menjadi permulaan krisis Menteri Besar dengan Sultan ke tahap yang lebih parah selepas itu.

### KESAN PINDAAN PERLEMBAGAAN 1983

Perlembagaan sesebuah negara adalah sesuatu yang dinamik. Ia dirangka bagi memenuhi keperluan semasa. Apabila keadaan berubah, maka pindaan dibuat terhadapnya. Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan negeri-negeri yang bersekutu di bawahnya, juga begitu. Sejak merdeka, beberapa peruntukan perlembagaan asal yang digubal pada 1957 telah mengalami beberapa pindaan. Dalam membuat pindaan-pindaan itu, perkara asasi atau pokok telah tidak disentuh.

Antara perkara pokok yang dimaksudkan itu ialah status dan kedudukan raja-raja. Tidak ada pindaan boleh dibuat tentangnya kecuali mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Majlis Raja-raja itu sendiri. Ini adalah jaminan Perlembagaan Persekutuan yang telah dihormati oleh kerajaan. Sebarang pindaan yang bertujuan untuk menghakis lebih lanjut saki-baki tentu tidak akan dipersetujui oleh raja-raja itu.

Pada tahun 1983, Dr. Mahathir Mohamad telah meminda satu peruntukan perlembagaan yang menyentuh kuasa Raja Berperlembagaan itu. Pindaan itu menetapkan bahawa sebarang rang undang-undang yang sudah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah diberi perkenan dalam masa dua minggu oleh Raja Berperlembagaan. Jika baginda enggan, rang undang-undang itu secara automatik akan menjadi undang-



undang sekalipun ia tidak mendapat perkenan. Pindaan itu adalah untuk Persekutuan, tetapi negeri-negeri dijangka akan mengikut jejak Kuala Lumpur itu. Selain itu, pindaan perlembagaan itu juga memindahkan kuasa mengisytiharkan darurat yang sejak merdeka berada dalam genggaman Yang di-Pertuan Agong kepada Perdana Menteri. Kedua-dua pindaan yang dicadangkan itu menimbulkan kontroversi. Setelah diluluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Yang di-Pertuan Agong enggan memberi perkenan.

Di bawah peruntukan perlembagaan sedia ada, tempoh memberi perkenan itu tidak ditetapkan. Terpulanglah kepada raja untuk memberi perkenan itu. Jika wujud keadaan harmoni antara raja dengan kerajaan, masalah memberi perkenan itu tidak timbul. Tetapi jika berlaku perbalahan seperti yang terdapat di Perak sebelum itu dan juga di Pahang, maka beberapa rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tidak dapat diwartakan menjadi undang-undang kerana raja enggan memberi perkenan.

Apa yang berlaku di kedua-dua negeri itu sebenarnya bukanlah Sultan Perak dan Pahang secara terbuka menyatakan mereka tidak mahu memberi perkenan. Baginda berdua tahu bahawa keengganan memberi perkenan adalah bertentangan dengan fungsi perlembagaan baginda. Apa yang mereka buat ialah melambat-lambatkan pemberian perkenan itu dengan tujuan untuk menyulitkan pentadbiran negeri dan kedudukan Menteri Besar yang tidak baginda senangi itu. Menurut Rahim Bakar, tindakan melewat-lewatkan pemberian perkenan, bukan tidak mahu memberi perkenan berlaku di Pahang berkait dengan dua rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Bagi bekas Menteri Besar Pahang itu, beliau amat yakin bahawa pindaan Perlembagaan 1983 yang menghadkan tempoh memberi perkenan itu adalah reaksi Dr. Mahathir terhadap apa yang terjadi di Pahang. Tetapi pemerhati politik yang lain pula menyatakan bahawa krisis di Pahang bukanlah faktor tunggal bagi tindakan Kerajaan Persekutuan itu. Pindaan itu juga dibuat sebagai persiapan untuk menghadapi Sultan Johor menjadi Yang di-Pertuan Agong. Sultan Johor memang diketahui seorang yang bebas pemikirannya. Setelah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong bagi menggantikan Sultan Pahang, terdapat desas-desus

mengatakan bahawa baginda akan menggunakan kuasa perlembagaan baginda sebagai Ketua Negara untuk mengawal tindak-tanduk Kerajaan Persekutuan dengan lebih ketat lagi. Cakap-cakap itu dikatakan menggusarkan kabinet kerana sebelum itu Sultan Johor baru saja berkrisis dengan Menteri Besar, Tan Sri Othman Saat. Dalam krisis itu baginda telah mengambil alih Bukit Timbalan yang menempatkan kompleks pejabat Menteri Besar. Baginda juga mengumumkan bahawa pengawalan yang lebih rapi terhadap pentadbiran negeri. Sebagai persiapan, dua pindaan utama terhadap kuasa raja telah disyorkan. Kerana kerajaan menguasai kedua-dua Dewan legislatif – Dewan Rakyat dan Dewan Negara – ia tidak menghadapi masalah untuk diluluskan.

Sewaktu perbahasan, para penyokong kerajaan tidak membincangkan pindaan perlembagaan itu secara terperinci. Kerana ia dikemukakan bagi diluluskan pada hari terakhir persidangan Parlimen, maka tidak banyak masa diberikan untuk perbincangan. Adalah jelas bahawa strategi kerajaan ialah untuk menyegerakan penglulusan rang undang-undang itu tanpa heboh-heboh. Di kalangan ahli Parlimen, strategi itu berkesan, tetapi ia kemudian menjadi satu krisis antara raja dan eksekutif.

Sekalipun Dr. Mahathir berhujah bahawa pindaan itu bertujuan untuk menjelaskan dan melicinkan lagi fungsi Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, tetapi raja-raja tidak dapat menerima hujah itu. Mereka melihat bahawa pindaan itu mengancam kuasa mereka dan pindaan itu adalah menjejaskan kedudukan dan status raja-raja. Bagi mereka, pindaan itu jika hendak dibuat mestilah terlebih dahulu merundingi Majlis Raja-raja sejajar dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Sultan Kelantan adalah antara Sultan yang amat marah dengan tindakan Dr. Mahathir meminda perlembagaan itu. Menurut Tan Sri Mohamad Yaacob, baginda berasakan pindaan itu adalah permulaan bagi menumbangkan raja-raja Melayu. Jika kuasa memberi perkenan itu ditetapkan dua minggu dan jika tidak mendapat perkenan secara automatik pula menjadi undang-undang, maka terdapat kebimbangan bahawa masa depan sistem beraja sebenarnya adalah tidak selamat. Kekhawatiran ditimbulkan jika kerajaan membuat satu undang-undang yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah republik, maka raja-raja tidak ada pilihan kecuali menerimanya. Jika enggan, undang-undang

menjadikan Malaysia republik itu secara automatik akan berkuatakuasa. Kedudukan raja dengan sendirinya terhapus.

Analogi seumpama itu sebenarnya boleh jadi betul, boleh jadi tidak. Sebagai raja, ketakutan itu barangkali berasas kerana ia secara langsung menyentuh kepentingan mereka. Tetapi jika diambil kira bahawa UMNO adalah satu-satunya parti politik yang menjunjung konsep Raja Berperlembagaan, ia mungkin tidak tergamak berbuat demikian. Lagi pun, jika rakyat satu hari nanti mahu raja ditiadakan, jaminan-jaminan Perlembagaan tentang betapa kuat sekalipun kedudukan raja sebenarnya tidak bermakna. Lihat saja apa yang terjadi pada Shah Iran, Raja Farook, Mesir, Raja Idris, Libya dan banyak lagi. Mereka adalah raja mutlak di negara masing-masing. Segala jentera kerajaan – represif dan bukan represif – berada di bawah kawalan mereka. Tetapi apabila kebangkitan popular rakyat tidak mahukan raja terjadi, mereka menjadi orang yang terbuang.

Dalam menghadapi pindaan Perlembagaan 1983 itu, Sultan Kelantan telah meminta Tan Sri Mohamad supaya jangan memberi sokongan kepada usaha Dr. Mahathir itu. Sebagai Menteri Besar yang setia kepada Perdana Menteri, beliau tidak dapat memenuhi kehendak Sultan Kelantan itu. Tan Sri Mohamad turut menyokong pindaan itu kerana menurut beliau "setelah Perdana Menteri memberi taklimat kepada Menteri Besar-Menteri Besar, saya mendapati bahawa tindakan itu adalah rasional." Tidak seperti Sultan Kelantan, Tan Sri Mohamad berpendapat bahawa pindaan itu tidak bertujuan untuk menggulingkan raja-raja. Sebaliknya bagi beliau, pindaan itu adalah baik bagi melenyapkan gangguan-gangguan istana terhadap pentadbiran negeri.

Apabila Tan Sri Mohamad menyatakan pandangannya yang tidak berpihak kepada Sultan Kelantan berkait dengan pindaan perlembagaan itu, baginda murka. Hubungan mesra bagaikan "ayahanda-anakanda" antara mereka berdua yang dijalin sejak menjadi Menteri Besar pada 1978 tiba-tiba berubah. Sultan tidak lagi menyenangi Tan Sri Mohamad sebagai Menteri Besar. Pada mulanya beliau tidak lagi dibenarkan mengadap Sultan. Menteri Besar Kelantan itu sudah dipandang serong. Beliau mula dimusuhi oleh Sultan sendiri. Keadaan menjadi semakin buruk selepas Tengku Razaleigh Hamzah, bapa saudara kepada Raja Perempuan Kelantan, tewas kepada Dr. Mahathir dalam per-

tandingan merebut jawatan Presiden UMNO dalam pemilihan 1987. Hubungan Tan Sri Mohamad dengan Sultan Kelantan terputus sama sekali.

## TERSEPIT DALAM PERBALAHAN TENGGU RAZALEIGH - DR MAHATHIR

Apabila putera istana Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mencabar kedudukan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dalam pemilihan parti 1987, tidak ramai yang menduga bahawa pertandingan itu akan membawa kepada perpecahan bangsa Melayu di dalam UMNO. Ramai pemerhati politik melihat bahawa pertandingan itu adalah sesuatu yang biasa yang dibenarkan oleh demokrasi yang menjadi amalan UMNO. Selepas pertandingan, tokoh-tokoh yang bersaing serta pengikut masing-masing akan melupakan persaingan masing-masing, bersatu semula untuk memperkuatkan parti.

Tetapi apa yang diharapkan itu tidak terjadi. Perpecahan yang berlaku antara Team A pimpinan Dr. Mahathir-Ghafar Baba dengan Team B pimpinan Tengku Razaleigh-Musa Hitam rupanya berlarutan selepas pemilihan selesai. Tindakan Dr. Mahathir memecat menteri-menteri dan timbalan menteri-timbalan menteri yang telah memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh telah memburukkan lagi keadaan. Benar sebilangan yang menyokong Razaleigh, yang prominén antaranya Musa Hitam dan Abdullah Badawi kemudian menyertai semula kem Dr. Mahathir tetapi Team A dan Team B kemudiannya berpecah menjadi dua ekor an pengharaman UMNO pada awal 1988. Team A kekal sebagai UMNO manakala Team B pula membentuk Parti Semangat 46 yang mahu menghidupkan UMNO asal yang telah diharamkan itu.

Bagi Tan Sri Mohamad Yaacob, beliau turut tersepit dalam konfrontasi Dr. Mahathir-Tengku Razaleigh itu. Sejak mula lagi apabila Tengku Razaleigh menentang Dr. Mahathir, kesetiaan Menteri Besar Kelantan itu adalah kepada Perdana Menteri. Menurut perhitungan beliau, sebagai pemimpin nasional dan Perdana Menteri, Dr. Mahathir adalah pilihan yang lebih tepat. Adalah jelas semangat kekelantanan telah tidak mengabui penilaian objektif Tan Sri Mohamad. Dalam pemilihan 1987 itu,

Tan Sri Mohamad, sekalipun orang Kelantan, telah mengusahakan sokongan undi UMNO negeri itu untuk Dr. Mahathir.

Kemudian apabila diadakan pertemuan Dr. Mahathir dengan rakyat dikenali sebagai Semarak yang pertama kali diadakan di Lubok Jong dalam kawasan Rantau Panjang, Tan Sri Mohamad, yang telah berucap, menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir. Beliau juga menyatakan kesediaan untuk jatuh dan bangun bersama Perdana Menteri.

Dalam percaturan politik Kelantan, tindakan Tan Sri Mohamad menyokong Dr. Mahathir dalam pemilihan UMNO 1987 telah menyulitkan lagi kedudukan beliau dalam hubungan dengan Sultan Kelantan. Ini kerana Sultan Kelantan yang telah memupuk sikap anti Mahathir ekoran pindaan Perlembagaan 1983 telah menamatkan pendirian *neutral* baginda dalam politik. Baginda telah berusaha untuk menjamin kemenangan Tengku Razaleigh. Kerana Tan Sri Mohamad telah tidak bersama-sama baginda dalam usaha itu, beliau telah dihukum. Selepas berucap di Lubok Jong di mana Tan Sri Mohamad menyatakan sokongan terbuka yang tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir, Sultan Kelantan telah menafikan akses Menteri Besar itu dengan baginda. Dalam majlis hari jadi baginda yang diadakan tidak lama lepas Semarak di Rantau Panjang itu, Tan Sri Mohamad bukan saja telah tidak diundang, tetapi tidak diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan terima kasih rakyat seperti sebelumnya. Permintaan untuk mengadap juga ditolak. Tan Sri Mohamad juga tidak dibenarkan hadir dalam majlis-majlis yang Sultan menjadi tetamu. Menteri Besar itu tidak boleh berada di lapangan terbang untuk menghantar baginda berangkat ke luar negara atau sewaktu pulang. Hubungan Tan Sri Mohamad dengan Menteri Besar sudah berkerat rotan, berpatah arang.

Dalam saat-saat itu, Tan Sri Mohamad terfikir juga untuk meletakkan jawatan. Tetapi kerana pucuk pimpinan parti mahu beliau meneruskan khidmat sebagai Menteri Besar, Tan Sri Mohamad meneruskan tugasnya sekalipun berdepan dengan krisis besar dengan Sultan. Beliau mengakui bahawa memang ada kalangan di Kelantan yang berpendapat jika beliau berhenti, terdapat peluang untuk memulihkan hubungan baik dengan Sultan. Tan Sri Mohamad sendiri tidak setuju dengan pandangan itu. Dalam satu temuramah, beliau memberitahu bahawa selagi

Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, selagi itulah Sultan Kelantan akan memusuhi siapa juga orang UMNO yang menjadi Menteri Besar di negeri itu. Ini kerana persetujuan sebenarnya bukanlah antara Sultan dengan Menteri Besar, tetapi antara Sultan dengan Dr. Mahathir. Siapa juga yang menjadi Menteri Besar adalah calon pucuk pimpinan parti dan dia perlu bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Ini bermakna, jika Tan Sri Mohamad digantikan, Menteri Besar baru itu belum terjamin akan mendapat kerjasama Sultan.

Tesis ini tentunya menarik untuk diperbahaskan. Ini kerana ada kalangan yang berpendapat, jika Tan Sri Mohamad diundurkan lebih awal, maka krisis besar Sultan dengan UMNO dapat dikawal daripada merebak hingga tidak dapat dikawal. Di Kelantan ketika itu, memang ada tokoh-tokoh UMNO yang cuba mengengahkan idea itu kepada pucuk pimpinan. Tetapi Dr. Mahathir nampaknya tidak setuju. Menurut Tan Sri Mohamad, Dr. Mahathir sendiri sebenarnya pernah memberitahu Menteri Besar Kelantan itu bahawa khidmat beliau sebagai Menteri Besar akan ditamatkan dalam masa dua tahun selepas pilihan raya umum 1986. Tan Sri Mohamad bersetuju dengan arahan itu. Tetapi dua tahun selepas pilihan raya berlalu, berlaku pertarungan sengit antara Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir yang telah mencetuskan krisis antara Menteri Besar dengan Sultan. Dalam keadaan itu, Dr. Mahathir membuat keputusan untuk meneruskan khidmat Tan Sri Mohamad sebagai Menteri Besar. Akibatnya, UMNO tewas teruk dalam pilihan raya umum 20 Oktober 1990. UMNO bersama Tan Sri Mohamad tumbang bersama. Dalam pilihan raya itu, dakwaan ditimbulkan bahawa Sultan Kelantan telah mencampuri politik. Bagaimanakah campur tangan itu telah dilakukan? Apakah Sultan Kelantan telah berkempen secara langsung? Ikutilah tulisan ini seterusnya.

## **PILIHAN RAYA 1990: CAMPUR TANGAN SULTAN DALAM POLITIK**

Pilihan raya umum 1990 yang diadakan pada 20 Oktober adalah gelanggang bagi Tengku Razaleigh Hamzah mencabar kekuatan dan pengaruh Dr. Mahathir Mohamad di kalangan rakyat. Dalam cabaran pusingan pertama di kalangan bangsa Melayu dalam

UMNO dalam pemilihan 1987, pemenangnya ialah Dr. Mahathir. Pilihan raya itu merupakan kesempatan putera dari Kelantan itu untuk merealisasikan cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri yang tidak dapat dipenuhi melalui UMNO tiga tahun sebelum itu. Untuk membuktikan bahawa beliau adalah pesaing serius bagi jawatan itu, Tengku Razaleigh telah mengambil daya usaha untuk membentuk barisan pembangkang untuk mencabar Barisan Nasional. Kerana soal asas perjuangan yang berbeza di kalangan parti-parti pembangkang, beliau gagal menyatukan mereka ke dalam satu barisan. Dua barisan pembangkang telah dibentuk: Satu Angkatan Perpaduan Umah yang dianggotai oleh Semangat 46, Pas dan Berjasa dan satu lagi Gagasan Rakyat yang dianggotai oleh Semangat 46 dan parti-parti pembangkang bukan Melayu lain seperti DAP. Adalah jelas Semangat 46 telah menjadi sauh kepada dua barisan pembangkang yang menjadi alternatif untuk pilihan rakyat. Parti Bersatu Sabah pimpinan Datuk Pairin Kitingan menyertai Gagasan Rakyat (dalam perkahwinan tidak rasmi) lima hari menjelang hari mengundi setelah ia bertindak keluar dari Barisan Nasional. Penyertaan PBS itu telah menguatkan lagi peluang Tengku Razaleigh untuk mendiami Sri Perdana. Sekurang-kurangnya itulah anggapan para penyokong beliau. Kerana PBS sudahpun mempunyai 14 kerusi Parlimen yang akan membentuk kerajaan bersama Gagasan Rakyat, maka menjelang pilihan raya Tengku Razaleigh dengan angkuh berkata kepada para wartawan, soalnya bukan lagi sama ada barisan pembangkangnya akan membentuk kerajaan, pilihan raya itu akan menentukan majoriti kerusi yang bakal diterimanya. Kenyataan ini dibuat atas premis bahawa dalam menghadapi pilihan raya itu, beliau mempunyai kekuatan yang sama dengan Dr. Mahathir untuk membentuk kerajaan. Dan dengan penyertaan PBS ke pangkuannya, bermakna beliau mempunyai kelebihan berbanding dengan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir. Datuk Pairin dalam membuat keputusan untuk bersama Tengku Razaleigh juga membuat andaian bahawa oleh kerana UMNO dan Semangat 46 mempunyai keahlian yang sama ramai, maka Tengku Razaleigh juga mempunyai peluang yang saksama untuk membentuk kerajaan. Jika Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, maka tuntutan-tuntutan Pairin yang tidak dilayan oleh Dr. Mahathir, akan dapat dipenuhi. Logik itulah yang telah

membuat Pairin menikam Dr. Mahathir dari belakang, menyertai kem Razaleigh hanya lima hari menjelang hari mengundi.

Di Kelantan, negeri yang menjadi pangkalan politik Razaleigh, keyakinan bahawa parti yang beliau pimpin akan membentuk kerajaan dan beliau akan menjadi Perdana Menteri adalah cukup kuat. Sekalipun di luar negeri itu, ramalan itu masih menjadi tanda tanya, tetapi di negeri Cik Siti Wan Kembang, tidak ada siapa yang meragui andaian tersebut. Begitu taksubnya mereka dengan kemenangan Tengku Razaleigh untuk mengambil alih Kerajaan Persekutuan sehinggakan Semangat 46 bersedia memberi lebih banyak kerusi negeri kepada Pas. Sebagai balasan, Pas pula memberi lebih banyak kerusi Parlimen kepada Semangat 46 untuk membolehkan Razaleigh menjadi Perdana Menteri. Rasional di sebalik persetujuan itu ialah Semangat 46 yang mengetuai Barisan Pembangkang akan memerintah Malaysia, manakala Pas pula mengambil sikap yang realistik untuk mengambil alih kerajaan negeri. Sekiranya dalam pemilihan 1978, Tengku Razaleigh adalah orang yang bertanggungjawab menjatuhkan parti Islam itu, dalam pilihan raya 1990, Tengku Razaleigh pula bertanggungjawab menegakkan kerajaan Pas yang telah ditumbangannya itu. Betapa ironisnya politik.

Sultan Kelantan, yang sepatutnya menjadi orang berkecuali, dalam sengketa politik rakyat, tidak dapat menyembunyikan lagi perasaannya untuk berpihak dan membantu kemenangan Tengku Razaleigh. Bagi baginda inilah kesempatan untuk membantu menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad yang memang tidak disenangi ekoran tindakan Perdana Menteri itu meminda Perlembagaan Persekutuan pada 1983. Perasaan anti-Mahathir itu semakin tebal selepas Tengku Razaleigh kalah dalam pemilihan Presiden UMNO pada 1987. Bagi baginda kemenangan Razaleigh bukan saja bermakna bapa saudara kepada isterinya, Raja Perempuan, akan menjadi Perdana Menteri. Kemenangan itu juga bermakna satu keupayaannya untuk mengalahkan Dr. Mahathir yang seolah-olah sudah menjadi seterunya.

Bagaimanakah Sultan Kelantan mahu membantu kemenangan Tengku Razaleigh? Sultan Kelantan sebenarnya tidaklah sebodoh yang disangka. Baginda tahu bahawa sebagai Raja Berperlembagaan, baginda tidak boleh terlibat secara langsung dengan berkempen bagi pihak Tengku Razaleigh. Berbuat



demikian bukan saja akan mencemar kedudukan baginda, ia juga adalah satu perbuatan yang bercanggah dengan perlembagaan. Tetapi sebagai Sultan, baginda mempunyai dua saluran yang boleh digunakan untuk mendekati. Pertama, melalui Perkhidmatan Awam Negeri dan kedua, melalui jentera agama negeri. Kedua-dua institusi itu berada di bawah kawalan baginda secara langsung. Sebagai Ketua Agama Negeri, Majlis Agama Islam Kelantan berada di bawah naungan baginda. Baginda juga bertanggungjawab terhadap Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Sekalipun tanggungjawab itu sebenarnya dilaksanakan menurut nasihat Menteri Besar, tetapi amalan di Kelantan adalah tidak seperti itu. Tan Sri Mohamad Yaacob sendiri mengakui hal itu. Ia bukan saja berlaku ketika beliau menjadi Menteri Besar, tetapi sejak zaman Pas memerintah lagi.

Kerana adanya amalan itu, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri adalah lantikan terus Sultan Kelantan. Begitu juga dengan ahli-ahli Suruhanjaya itu yang lain. Sepatutnya nama-nama itu dikemukakan oleh Menteri Besar, tetapi itu telah tidak diamalkan. Tan Sri Mohamad memberitahu kerana tidak mahu berkonfrontasi, beliau telah menerima amalan itu, sama seperti Tan Sri Asri sebelum itu.

Untuk membantu Tengku Razaleigh dalam menghadapi pilihan raya 1990 itu, beberapa bulan sebelum itu, Sultan telah mengarahkan pertukaran-pertukaran pegawai-pegawai tadbir negeri. Pegawai-pegawai yang bersimpati dengan UMNO, telah ditukarkan ke kawasan-kawasan kubu kuat Pas. Mereka yang pro Pas pula dipindahkan ke kawasan-kawasan UMNO. Kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Mohamad yang merasakan Sultan tidak ada kuasa untuk melakukan pertukaran itu telah membatalkan pertukaran-pertukaran tersebut. Sultan murka memanggil Menteri Besar. Tan Sri Mohamad telah dihina dengan kata-kata kesat dan maki hamun. Kata-kata yang tidak manis telah dilemparkan terhadap beliau.

Sultan Kelantan sendiri menyedari bahawa baginda telah melakukan kesilapan dengan menukar pegawai-pegawai tadbir negeri itu kerana baginda pada hakikatnya tidak ada kuasa itu. Lalu baginda mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang bertanggungjawab terhadap kakitangan kerajaan supaya melakukan pertukaran itu bagi membatalkan arahan

pertukaran yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Kerana Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri adalah lantikan baginda, kehendak Sultan Kelantan itu tidak ada masalah untuk dipenuhi. Dengan menempatkan pegawai-pegawai yang bersimpati kepada Semangat 46 dan Pas di kawasan UMNO, merekalah yang diharapkan untuk mensabotaj UMNO dan membantu Semangat 46.

Hal yang sama dilakukan dengan jabatan-jabatan yang berada di bawah naungan Majlis Agama Islam Kelantan. Kakitangan yang berkhidmat telah digunakan untuk berkempen bagi membantu kemenangan Tengku Razaleigh dan Pas. Guru-guru agama, imam-imam, sekalipun tidak semua, telah digerakkan untuk membantu Semangat 46 dan Pas. Asas kempen itu ialah inilah peluang untuk meletakkan seorang anak Kelantan menjadi Perdana Menteri. Sekiranya Tengku Razaleigh menghuni Sri Perdana, wang yang banyak akan dicurahkan ke Kelantan. Dengan wang sebanyak itu, janji yang dibuat oleh APU dalam manifestonya untuk memberi pencen seratus ringgit sebulan kepada orang-orang tua, anak-anak muda yang mempunyai motosikal tidak lagi perlu membayar cukai jalan, dan berbagai kemudahan-kemudahan kebajikan lain, akan dapat direalisasikan.

Di Kelantan, para pengundi telah termakan dengan kempen-kempen itu. Ini terbayang dalam keputusan pilihan raya 20 Oktober itu. Tatkala di luar negeri itu, Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh mengalami kekalahan yang mengecewakan, di Kelantan ceritanya adalah berlainan. Angkatan Perpaduan Umah yang menggabungkan Pas, Semangat 46 dan Berjasa, telah menyapu bersih kesemua 39 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 13 kerusi Parlimen di negeri itu. UMNO tidak memenangi sebarang kerusi. Kekalahan ini adalah di luar dugaan sama sekali. Tan Sri Mohamad sendiri memberitahu bahawa beliau tidak menduga kekalahan UMNO adalah begitu teruk sekali.

UMNO yang jelas pedih dengan kekalahan yang dialami di Kelantan itu jelas berasa marah dengan peranan yang telah dimainkan oleh Sultan Kelantan dalam pilihan raya itu. Campur tangan Sultan Kelantan dalam politik dan pentadbiran dengan menggunakan birokrasi-birokrasi Majlis Agama Islam Negeri dan pegawai-pegawai tadbir kerajaan untuk berpihak kepada Tengku Razaleigh adalah amat dikesali. Perbuatan Sultan Kelantan yang

sepatutnya *neutral* dalam politik, telah ditegur secara terbuka sebulan kemudian apabila UMNO mengadakan Perhimpunan Agung 1990 dalam bulan November. Satu usul tentang Raja Berperlembagaan telah dibahaskan. Rumusan usul itu ialah UMNO mahu raja-raja Melayu tidak campur tangan dalam politik dan pentadbiran negeri. Usul itu yang diluluskan sebulat suara kemudiannya dipersembahkan kepada semua raja-raja Melayu untuk perhatian dan tindakan. Apabila jelas bahawa usul itu tidak begitu difahami, Perhimpunan 1991 sekali lagi memperkatakan soal raja dengan lebih terbuka. Kali ini beberapa negeri telah membangkitkan apa yang dianggap sebagai salah laku raja-raja. Ini termasuk permohonan untuk mendapatkan tanah, kawasan balak, lesen perniagaan, peluang-peluang bisnes, peruntukan tambahan dan sebagainya. Satu memorandum tentang perkara itu kemudian dirangka dan dipersembahkan kepada raja. Untuk mendisiplinkan raja-raja, satu Kod Etika telah digubal dengan persetujuan raja-raja Melayu itu sendiri. Tidak syak lagi, tindak-tanduk Sultan Kelantan dalam memihak kepada Semangat 46 dan Pas dalam pilihan raya umum 1990 itu telah mendorong kerajaan untuk mendedahkan apa yang dianggap sebagai salah laku mereka. Tidak dapat disangkal lagi keputusan Kerajaan Persekutuan mendedahkan perbuatan Sultan Kelantan melarikan kereta mewah Lamborghini Diablo dalam simpanan kastam di Lapangan Terbang Kuala Lumpur adalah salah satu usaha itu. Kereta yang dibeli dari Itali itu masih belum dijelaskan cukainya oleh Sultan Kelantan. Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pengecualian cukai seperti yang selalu diberikan kerana Sultan Kelantan sudah melebihi kuota membeli kereta mewah tanpa cukai yang ditetapkan kepada tujuh buah oleh Kerajaan Persekutuan. Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim meminta Sultan Kelantan memulangkan kereta itu semula kepada Kastam atau jelaskan cukainya. Sultan Kelantan tidak mahu menyerahkan kereta itu dan tidak juga mahu membayar cukainya. Kerana Sultan Kelantan, seperti Sultan-sultan lain, adalah berada di atas undang-undang, kerajaan tidak boleh mendakwa baginda ke mahkamah untuk dibicarakan. Di bawah imuniti undang-undang itu, sekalipun Sultan melakukan pembunuhan, baginda tidak boleh didakwa.

## 5 PAHANG

### LATAR BELAKANG

DATO' Abdul Rahim Bakar terpilih menjadi Menteri Besar Pahang selepas pilihan raya umum 1978 dalam usia yang agak muda iaitu ketika berumur 34 tahun. Sebagai pendatang baru dalam UMNO Pahang, cara beliau naik dalam politik adalah mendadak. Tetapi seperti mana beliau naik, begitu jugalah beliau jatuh. Belumpun sempat beliau menamatkan penggal pertama sebagai Menteri Besar, beliau telah meletakkan jawatan pada akhir 1981. Perletakan jawatan itu bukanlah secara sukarela, atau kerana beliau tidak lagi berupaya untuk mentadbir negeri Pahang tetapi atas kehendak pucuk pimpinan parti yang telah memaksa Rahim melepaskan kedudukan yang disandangnya dalam usaha menamatkan krisis yang beliau (bermakna juga UMNO) hadapi dengan Sultan Pahang ketika itu. Pihak istana memang telah mengarahkan Rahim supaya berhenti dari menjadi Menteri Besar tidak lama selepas beliau menyandang jawatan itu. Presiden parti waktu itu merangkap Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn enggan melayan permintaan itu. Allahyarham berpegang teguh kepada prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan telah mempertahankan dan mengekalkan Rahim Bakar. Bagaimanapun, apabila berlaku perubahan pimpinan di peringkat nasional - dalam kerajaan dan parti - mulai 16 Julai 1981 dengan Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih teraju negara, nasib politik Rahim Bakar turut berubah. Hari-hari beliau menjadi Menteri Besar Pahang boleh dihitungkan. Tidak lama kemudian, Rahim mengundur diri. Mengapa pucuk pimpinan mahu beliau meletakkan jawatan sampai sekarang masih menjadi

spekulasi - dan sebab-sebab musababnya akan cuba dihuraikan kemudian. Dengan perletakan jawatan itu, krisis UMNO dengan Sultan reda. Yang masih menjadi persoalan: Apakah yang sebenarnya berlaku di sebalik krisis Rahim Bakar dengan Sultan Pahang. Bila ia bermula? Apa puncanya? Mengapa ia berkesudahan dengan pengunduran Rahim? Jawapan kepada persoalan-persoalan ini serta lain-lain yang berkaitan, akan cuba dibincangkan dalam bab ini.

## BERMULANYA MASALAH DENGAN SULTAN

Masalah Rahim Bakar dengan Sultan Pahang, yang kemudian tercetus menjadi satu krisis yang tidak lagi dapat disembunyikan bermula dengan pencalonan beliau sebagai Menteri Besar Pahang. Dalam pilihan raya umum 1978, Menteri Besar sebelum itu, Dato' Mohamad Jusoh tidak lagi bertanding. Sekalipun beberapa nama disebut sebagai pengganti beliau, tetapi siapakah orang sebenar yang akan mengambil alih jawatan itu terus menjadi teka teki. Menurut Rahim Bakar sendiri salah seorang calon *favourite* ialah Abdul Razak Hitam. Tetapi nasib beliau malang kerana awal-awal lagi telah ditohmah dengan pelbagai tuduhan negatif oleh kalangan yang cemburu dengan pemilihan beliau. Surat layang tentang pelbagai keburukan beliau - benar atau palsu soal lain - telah disebar. Pucuk pimpinan parti akhirnya mengambil jalan selamat dengan mengenepikan Razak. Dalam keadaan itulah nama Rahim muncul sebagai calon Menteri Besar. Beliau sendiri tidak menduga akan mendapat jawatan itu. Selepas pilihan raya umum 1978, beliau yang pernah menjadi Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Pahang itu cuma berharap untuk menjadi seorang EXCO. Pendirian itu adalah realistik kerana beliau adalah pendaftar baru dalam politik Pahang. Ramai lagi orang lama dalam UMNO yang memang mengidamkan jawatan Menteri Besar itu.

Pemilihan Tun Hussein Onn terhadap Rahim barangkali dipengaruhi oleh beberapa faktor. Selain beliau orang baru dan masih mempunyai rekod yang bersih, Rahim juga adalah seorang pengurus yang berkebolehan dan dedikasi. Selepas pilihan raya itu, Hussein juga mengamalkan semacam satu dasar untuk menempatkan darah-darah baru pada kedudukan tertentu sebagai

menyediakan barisan pelapis pimpinan masa depan UMNO. Di Negeri Sembilan, seorang tokoh muda, Rais Yatim, telah dinamakan sebagai Menteri Besar awal-awal lagi. Di Melaka, seorang lagi tokoh muda UMNO, Adib Adam telah dilantik menjadi Ketua Menteri. Pemilihan Rahim Bakar, ketika itu 34 tahun, juga menepati hasrat itu. Mereka semua barangkali sedang dididik sebagai persediaan untuk mengambil alih pimpinan negara satu hari nanti.

Sultan Pahang, selaku Raja Berperlembagaan, memang diketahui berminat dengan proses mengisi kekosongan jawatan Menteri Besar di negeri itu. Memanglah Perlembagaan Negeri itu memperuntukkan kuasa budi bicara bagi Sultan untuk melantik Menteri Besar. Tetapi seperti yang dihujah, baginda tidak boleh melaksanakan kuasa itu dalam kekosongan sosial. Pandangan parti yang menang perlu diambil kira. Malah calon yang dikemukakan olehnya tidak boleh ditolak kecuali Sultan mempunyai sebab yang baik dan munasabah. Dalam menentukan pengisian jawatan Menteri Besar selepas pilihan raya umum 1978 itu, Sultan Pahang dikatakan telah membayangkan kepada Tan Sri Hamzah Abu Samah, ketika itu seorang menteri Persekutuan dan Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, supaya lebih dari satu nama dipersembahkan kepada baginda sebagai calon. Baginda kemudian dikatakan akan menggunakan kuasa budi bicara baginda untuk melantik salah satu nama yang dikemukakan sebagai Menteri Besar.

Tan Sri Hamzah Abu Samah bagaimanapun telah tidak mengikut kehendak Sultan itu. Bukan kerana beliau tidak mahu, tetapi kerana Presiden UMNO, Hussein Onn, berkeras bahawa hanya satu nama saja perlu dipersembahkan kepada Sultan. Suka atau tidak, Sultan perlu menerimanya. Bagi Hussein, kedudukan Menteri Besar, bukan sahaja di Pahang, tetapi di negeri-negeri lain, bukanlah hak Sultan, tetapi oleh parti yang menguasai negeri itu. Pegangan ini adalah sejajar dengan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini. Bagi beliau, Sultan hanya memberi pengesahan secara formal terhadap nama yang dikemukakan oleh parti. Dilihat dalam senario itu, masalah Rahim Bakar dengan Sultan sebenarnya bermula sebelum beliau menjadi Menteri Besar lagi. Perlantikan beliau sebenarnya telah menimbulkan kontroversi. Selepas menjadi Menteri Besar,

timbul pula masalah-masalah lain yang telah mengakibatkan hubungannya dengan Sultan semakin tegang. Ini termasuk cara Rahim melayan permintaan dan kehendak Sultan dari masa ke masa; cucukan kalangan yang cemburu terhadap beliau yang akan diperkatakan lebih lanjut kemudian nanti.

## SIKAP RAHIM BAKAR TERHADAP SULTAN

Keberanian Rahim berhadapan dengan Sultan Pahang sewaktu menjadi Menteri Besar telah menyebabkan beliau dicap dengan dua watak yang bertentangan. Di kalangan mereka yang pro raja, Rahim dianggap sebagai penderhaka. Beliau adalah Hang Jebat moden yang berani berkata tidak kepada kehendak-kehendak Tuanku. Di kalangan para pendokong sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan, Rahim adalah seorang jaguh dan sepatutnya menjadi Menteri Besar contoh kepada Menteri Besar-Menteri Besar lain dalam berhadapan dengan Sultan. Kejaguhan Rahim bagaimanapun bergantung kepada sokongan UMNO di negerinya sendiri serta pucuk pimpinan nasional. Tanpa sokongan itu, beliau tidak boleh melakukan apa yang telah dilakukan.

Sekalipun pendirian Rahim sepanjang krisis itu memperlihatkan beliau adalah seorang yang progresif, tetapi beliau sebenarnya adalah seorang yang konservatif berkait dengan soal raja ini. Dalam satu temuramah, beliau berkata bahawa sekalipun beliau kritikal terhadap raja, tetapi "saya tidak rela institusi itu diruntuhkan. Sebabnya mudah. Bagi saya, definisi Melayu itu termasuk raja - raja adalah sebahagian daripada Melayu. Sebarang pejuang Melayu, saya tidak rela raja dijatuhkan."

Tetapi menerima raja sebagai sebahagian Melayu tidak pula bermakna beliau menerima apa saja yang dilakukan oleh raja. Yang ingin beliau tegakkan ialah pemerintahan Raja Berperlembagaan. Katanya: "Yang saya tidak setuju, kerenah dan kelakuan tidak senonoh raja dalam berbagai-bagai aspek termasuk penyertaan dalam bisnes, masuk campur aduk dengan kuasa-kuasa politik."

Pendirian Rahim terhadap raja ini bukan saja sekarang, tetapi ketika beliau menjadi Menteri Besar lagi. Walaupun beliau berkrisis dengan Sultan, Rahim memberitahu bahawa "saya tidak

pernah engkar pada arahan raja. Apabila dipanggil mengadap, saya datang. Tidak ada rekod yang saya tidak pernah mengadap apabila dijemput. Malah sewaktu berkrisis, saya selalu mohon mengadap, sekalipun tidak dipenuhi. Ini adalah pendirian konsisten saya. Betul atau salah, soal lain. Sama ada saya betul membuat tafsiran bahawa raja adalah *part and partial* orang Melayu, adalah soal pendapat. Orang lain mungkin tidak setuju. Tetapi itulah saya."

Memahami pendirian Rahim terhadap raja ini tidak syak lagi akan membantu kita untuk mengetahui mengapa beliau bersungguh-sungguh mempertahankan sistem Demokrasi Berparlimen yang telah memindahkan kuasa kepada rakyat. Sama ada, beliau seorang jaguh atau penderhaka, bergantung pada tafsiran. Tetapi tidak dapat disangkal lagi dengan caranya, Rahim telah memberi sumbangan dalam meneguhkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

## PILIHAN RAHIM BAKAR

Apabila berdepan dengan masalah dengan Sultan pada peringkat awal bermulanya era beliau sebagai Menteri Besar, Rahim mengakui bahawa terdapat peluang untuk membetulkan keadaan. Sultan Pahang, menurut beliau, sebenarnya mahukan seorang Menteri Besar yang mendengar cakap baginda; yang bersedia untuk melayan kehendak dan permohonannya. Berdepan dengan senario itu, Rahim sebenarnya mempunyai dua pilihan.

Pertama, menjadi Menteri Besar yang dapat memuaskan kehendak Sultan dengan melayan segala permintaan istana. Cara ini akan menjadikan dia seorang yang popular dengan istana. Beliau tahu ada Menteri Besar yang pernah berbuat demikian. Masa depan politiknya akan lebih terjamin. Peluangnya untuk terus menjadi Menteri Besar juga terbuka.

Rahim Bakar bagaimanapun telah tidak memilih jalan itu. Beliau telah memilih laluan kedua iaitu menjalin hubungan dengan raja berdasarkan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Beliau tidak mahu menyerahkan kuasa rakyat yang diperolehi melalui pilihan raya kepada satu institusi yang jelas tidak demokratik. Keadaan itu tidak pula bermakna bahawa



beliau telah tidak melayan kehendak Sultan. Ada antara permohonan Sultan dipenuhi, tetapi apa yang dipinta tidaklah diberi seratus peratus.

Selain dari dipengaruhi oleh perjuangan untuk menegakkan Demokrasi Berparlimen, apa yang dibuat oleh Rahim itu sebenarnya adalah selari dengan arahan Tun Hussein Onn kepada semua Menteri Besar dalam menangani kerenah Sultan di negeri masing-masing. Menurut Rahim, salah satu arahan Hussein Onn kepada Menteri Besar ialah supaya mereka merujuk kepada beliau sebelum meluluskan apa juga permohonan yang diajukan oleh Sultan, baik untuk mendapat tanah, kawasan balak, lesen perniagaan dan sebagainya. Rahim adalah seorang Menteri Besar yang mentaati arahan itu. Ada Menteri Besar yang tidak. Tetapi kerana Hussein sendiri sibuk dengan urusan negara yang lain, beliau tiada masa untuk menyelia sama ada arahan yang diberikan itu dipatuhi oleh Menteri Besar atau sebaliknya. Akhirnya, terpulanglah kepada setiap Menteri Besar untuk melayan atau tidak melayan kehendak Sultan di negeri masing-masing.

Apabila Rahim Bakar membuat keputusan untuk berpegang kepada arahan yang diberikan oleh Perdana Menteri tentang sebarang permohonan raja, perkara itu tidak menyenangkan istana. Akibatnya, krisis beliau dengan Sultan semakin parah. Beliau tidak lagi dipanggil mengadap. Pada hari keputeraan baginda, Menteri Besar tidak lagi diberi peluang menyembahkan ucapan taat setia rakyat. Ini berlaku pada 1980 dan 1981. Pada hari keputeraan Sultan pada 1980, Rahim dijemput, tetapi beliau tidak berucap. Kehadirannya juga telah tidak dilayan sebagai seorang Menteri Besar. Dalam majlis itu, tempat duduk beliau tidak di meja utama bersebelahan dengan raja atau Tengku Mahkota di mana sepatutnya beliau berada dari segi protokol. Beliau dilambakkan bersama-sama dengan rakyat biasa. Beliau tidak dibenarkan masuk ke dewan jamuan menggunakan pintu orang-orang kenamaan. Kerana hormatkan raja, Rahim tidak berasa apa-apa.

Pada hari keputeraan tahun berikutnya pula, Rahim telah tidak diundang. Ini membayangkan bahawa krisis beliau dengan Sultan telah memasuki episod yang tidak lagi boleh diperbaiki. Beliau berasa terkilan kerana bagi perayaan hari keputeraan 1981 itu, beliau telah pulang lebih awal daripada menunaikan haji di

Mekah khususnya untuk bersama Sultan pada hari ulang tahun baginda. Beliau rasa tanggungjawabnya sebagai Menteri Besar tidak sempurna jika tidak dapat bersama-sama raja pada hari keputeraannya. Kerana itu, sebaik saja tiba ke tanah air, perkara pertama yang dilakukan ialah untuk menghubungi istana sama ada, ada jemputan untuk beliau atau tidak. Apabila diberitahu, tidak ada, beliau mengambil cuti ke Kelantan bersama keluarganya. Tidak lama lepas itu, Rahim meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar.

Perletakan jawatan itu seolah-olah tidak lagi dapat dielakkan. Ini kerana hubungannya dengan istana menjelang waktu itu sudah terputus sama sekali. Sebagai Menteri Besar, beliau tidak lagi dijemput untuk menghadiri majlis-majlis Sultan. Beliau sebenarnya sudah menjadi Menteri Besar yang tempang. Beliau tidak dapat memenuhi fungsinya dengan sempurna.

Pada waktu yang sama semacam satu krisis perlembagaan juga sudah tercetus di Pahang. Dua rang undang-undang yang sudah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri – tentang pengurusan perhutanan dan saraan wakil rakyat – belum lagi mendapat perkenan Sultan untuk membolehkannya menjadi undang-undang. Sultan tidak mengatakan baginda enggan menurunkan tandatangan baginda kerana baginda tahu perbuatan itu bertentangan dengan semangat yang termaktub dalam perlembagaan. Sultan hanya berdiam diri seolah-olah menanggukahkan pemberian perkenan. Tindakan itu dilihat tidak bercanggah dengan perlembagaan kerana perlembagaan tidak menetapkan tempoh atau jangka waktu tertentu bagi Sultan memberikan perkenan. Perlembagaan Negeri cuma mengatakan sebarang rang undang-undang hendaklah diberi perkenan setelah diluluskan oleh Dewan Negeri dan atas nasihat kerajaan. Tidak ada batas waktu bagi tugas itu. Dari satu segi, apa yang berlaku tidak bersalahan dan bercanggahan dengan perlembagaan. Tetapi ada juga pendapat bahawa jika mana-mana Sultan tidak memberi perkenan dalam satu tempoh yang munasabah, maka perbuatan itu adalah bertentangan dengan perlembagaan.

Sultan Pahang sengaja berbuat demikian kerana hendak menekan UMNO supaya menamatkan khidmat Rahim Bakar. Dan dengan menyisihkan beliau daripada sebarang upacara rasmi negeri yang dihadiri oleh Sultan, isyarat yang hendak di-

sampaikan ialah Rahim tidak lagi dikehendaki sebagai Menteri Besar. Dalam perjuangan ini, Sultan berjaya. Pada akhir 1981, Rahim secara rasmi meletakkan jawatan, diberi cuti belajar di luar negara.

### KORBAN PERUBAHAN PIMPINAN NASIONAL?

Masalah Rahim Bakar dengan Sultan Pahang boleh dikatakan bermula pada hari pertama beliau menjadi Menteri Besar. Sekiranya ikutkan logik khidmat beliau tidak dapat bertahan agak lama. Tetapi hakikat bahawa beliau kekal sebagai Menteri Besar untuk lebih hampir empat tahun, rekod itu adalah mengka-gumkan. Lalu pertanyaan ditimbulkan mengapa secara mendadak pula pada akhir 1981, hanya beberapa bulan lagi menjelang pilihan raya umum 1982, Rahim Bakar terpaksa meletakkan jawatannya.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa jawapan kepada persoalan ada berkait dengan perubahan pimpinan dalam UMNO dan Kerajaan Persekutuan. Mulai 16 Julai 1981, pimpinan parti politik itu dan negara telah diambil alih oleh Dr. Mahathir Mohamad. Beliau menggantikan Hussein Onn yang bersara atas-atas sebab kesihatan. Hussein adalah tokoh yang telah bertanggungjawab meletakkan Rahim Bakar pada kerusi Menteri Besar Pahang. Selama tempoh itu, sekalipun Rahim bermasalah dengan Sultan, Hussein telah mempertahankan Rahim. Hussein enggan tunduk pada tekanan istana yang memang sejak sekian lama meminta Rahim Bakar digantikan sebagai Menteri Besar. Beliau berazam untuk menegakkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dalam erti kata yang sebenar. Kerana itu, sekalipun desakan demi desakan dibuat, beliau tidak mengendahkannya. Sebaliknya sokongan diberikan kepada Rahim untuk meneruskan tugasnya.

Kemunculan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO dalam politik nasional bagaimanapun telah mengubah nasib politik Rahim. Untuk beberapa bulan pertama, Perdana Menteri nampaknya mempertahankan Menteri Besar Pahang itu. Seperti Hussein Onn sebelumnya, Dr. Mahathir juga memang diketahui merupakan seorang pemimpin yang komited untuk menegakkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja

Berperlembagaan. Malah kesungguhan untuk menghalang campur tangan istana dalam pentadbiran dan politik adalah lebih tinggi berbanding dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Sokongan yang diberikan kepada seorang lagi Menteri Besar, Othman Saat dari Johor yang pada waktu yang sama adalah indikasi pada pendirian Dr. Mahathir dalam mendisiplinkan raja-raja Melayu supaya tidak menyeleweng daripada fungsi dan tanggungjawab mereka sebagai raja yang tidak lagi berkuasa. Ketegasannya meminda Perlembagaan Persekutuan pada 1983 yang bertujuan untuk memberi tempoh kepada Yang di-Pertuan Agong di peringkat Persekutuan dan Sultan di negeri-negeri, memberi perkenan kepada rang undang-undang yang sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat adalah satu lagi kezaman untuk menghadkan kuasa-kuasa raja. Keengganan beliau tunduk kepada kehendak Sultan Kelantan yang mahu Menteri Besar, Tan Sri Mohamad Yaacob adalah satu lagi bukti. Dr. Mahathir bersedia menerima kekalahan UMNO di Kelantan daripada melayan kehendak Sultan Kelantan yang beliau dakwa terang-terang yang telah campur tangan dalam politik dan pentadbiran negeri.

Dengan semangat itu, Dr. Mahathir sepatutnya memihak kepada Rahim Bakar dalam perbalahannya dengan Sultan Pahang, yang apabila beliau mengambil alih pimpinan kerajaan sudahpun menjadi Yang di-Pertuan Agong. Untuk beberapa bulan, begitulah nampaknya. Tetapi tanpa diduga pada akhir 1981, Dr. Mahathir juga tunduk kepada kehendak Sultan Pahang. Beliau meminta Rahim Bakar supaya meletakkan jawatan Menteri Besar yang disandang selepas pilihan raya umum 1978. Keputusan Dr. Mahathir itu, sampai sekarang, menimbulkan pelbagai spekulasi. Ada yang melihat bahawa tindakan itu adalah tidak konsisten dengan pendirian Dr. Mahathir untuk menegakkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dr. Mahathir dikatakan telah mengambil sikap *double standard*. Dengan Sultan-sultan lain, beliau tidak mengalah. Tetapi dengan Sultan Pahang, barangkali beliau menjadi Yang di-Pertuan Agong, beliau mengalah. Dr. Mahathir sendiri tidak pernah menghuraikan kepada umum tentang rasional beliau bertindak begitu.

Tetapi para pemerhati politik tanah air berpendapat Dr. Mahathir telah mentaati kehendak Sultan Pahang menyingkirkan

Rahim bukan kerana beliau mengalah dalam perjuangan mendisiplinkan raja-raja Melayu supaya berpegang kepada fungsi perlembagaan mereka. Dr. Mahathir terpaksa mengambil tindakan itu kerana beliau ingin menjaga hubungan baik dengan Sultan Pahang yang ketika itu menjadi Yang di-Pertuan Agong yang dikatakan mendesak beliau memecat Rahim setiap kali Perdana Menteri mengadap di Istana Negara. Bagi Dr. Mahathir, hubungan baik dengan Yang di-Pertuan Agong adalah lebih penting bagi memastikan dia boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. Maklumlah ketika itu, beliau baru saja menjadi Perdana Menteri. Beliau tidak boleh mengambil sikap yang terlalu keras dengan Sultan Pahang kerana perbuatan itu boleh melemahkan kedudukannya. Lagi pun Dr. Mahathir memang diketahui sudah mempunyai hubungan yang agak baik dengan Sultan Pahang sebelum baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong. Hubungan yang sama dengan Sultan Kelantan dan Sultan Johor tidak ada.

Dalam senario itu, sekalipun tindakannya kelihatan beralah, adalah bijaksana bagi Dr. Mahathir mengorbankan kerjaya politik Rahim Bakar demi memelihara kepentingan Perdana Menteri yang lebih besar. Matlamat beliau di sini ialah untuk mengurangkan permusuhan dengan pihak-pihak yang boleh mengganggu rancangannya. Sekiranya Rahim menjadi penghalang kepada usaha itu, adalah munasabah beliau disingkirkan. Inilah yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir. Sama ada tindakan itu konsisten dengan perjuangannya untuk menegakkan Demokrasi Berparlimen adalah soal lain. Yang penting waktu itu ialah mengemaskan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Demi mencapai matlamat itu, Rahim Bakar yang boleh dianggap sebagai jaguh dalam menegakkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen terpaksa dikorbankan. Dilihat dalam konteks itu, Rahim sebenarnya adalah korban perubahan pimpinan nasional. Sekiranya Hussein Onn masih Perdana Menteri, senarionya mungkin berbeza.

Tetapi ada juga yang tidak setuju dengan pendapat itu. Golongan itu berhujah bahawa sekalipun Hussein tidak berhenti, kedudukan Rahim Bakar sebenarnya berada dalam bahaya. Ini kerana krisis beliau dengan Sultan Pahang sudah sampai ke tahap yang boleh meletakkan Pahang dalam krisis perlembagaan. Dua

rang undang-undang sudahpun tidak diberi perkenan. Bayangan juga diberikan oleh istana bahawa lebih banyak lagi rang undang-undang yang bakal melalui pengalaman yang sama. Jika itu benar, adalah mustahil untuk kerajaan berfungsi seperti sepatutnya. Rahim juga sudah disisihkan daripada istana. Beliau tidak dibenarkan mengadap. Berdepan dengan keadaan itu, kata golongan itu, Hussein Onn juga akhirnya tiada pilihan kecuali meminta Rahim Bakar meletakkan jawatannya seperti yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir. Apabila Menteri Besar tidak lagi mendapat kerjasama dengan istana, tindakan logik yang wajar diambil oleh pimpinan UMNO ialah menasihatkan Menteri Besar supaya berhenti. Raja tidak boleh disuruh berbuat demikian kerana baginda mempunyai kedudukan yang tidak boleh disentuh. Ini berlaku di Perak sebelum ini. Andaian ini membayangkan bahawa pada waktu Dr. Mahathir mengambil alih pimpinan negara, hari-hari beliau sebagai Menteri Besar sudah boleh dihitung. Beliau cuma menunggu masa sahaja untuk dinasihatkan supaya meletakkan jawatan. Malangnya, kenyataan itu hanya berlaku pada ketika Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Dr. Mahathir sendiri barangkali tidak mahu berbuat begitu kerana perbuatannya itu akan mencemar konsistensi menegakkan Demokrasi Berparlimen. Tetapi dalam perjuangan ada kalanya seseorang terpaksa berundur setapak kerana mahu melangkah dua atau tiga tapak ke depan apabila keadaan mengizinkan. Terbukti kemudian bahawa Dr. Mahathir tetap tegas dalam mendisiplinkan raja-raja Melayu supaya tidak menyeleweng dari fungsi dan peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan. Selepas kekalahan UMNO di Kelantan dalam pilihan raya umum 1990 kerana adanya campur tangan Sultan dalam politik, Dr. Mahathir memperhebatkan perjuangannya itu. Beliau mengizinkan Perhimpunan Agung UMNO tahun itu membahaskan soal Raja Berperlembagaan dalam mana perbuatan menyeleweng mereka telah didedahkan dan ditegur. Dalam perhimpunan 1991, UMNO sekali lagi membincangkan soal raja. Satu memorandum kemudian dirangka oleh UMNO yang telah dipersembahkan kepada raja-raja Melayu. Persetujuan dicapai untuk mewujudkan Kod Etika Raja untuk menjelaskan lagi kedudukan raja-raja Melayu berkait dengan bisnes, campur tangan dalam pentadbiran, penggunaan akhbar dan sebagainya.

Kod itu kemudian diterima menjadi Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan.

## TERBUANG DAN TENGGELAM

Apabila dilantik menjadi Menteri Besar Pahang dalam usia yang muda selepas pilihan raya umum 1978, Dato' Rahim Bakar dianggap sebagai bintang yang sedang naik dalam politik negeri itu. Beliau dikatakan mempunyai masa depan politik yang cerah untuk meningkat lebih tinggi. Jika apa yang diharapkan itu tidak menjadi kenyataan, kejayaan yang dicapai oleh beliau itu memang sudah cukup membanggakan siapa sahaja. Sebagai anak nelayan, yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan keluarga bangsawan, Rahim telah mencapai kejayaan yang agak luar biasa. Jawatan Menteri Besar yang sebelumnya seolah-olah dikhususkan untuk golongan atasan sudah menjadi miliknya.

Sekalipun asal usulnya adalah dari golongan bawahan, Rahim sebenarnya tidak kekok memegang jawatan itu. Ini kerana kedudukannya sebagai Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang telah memberikannya akses untuk mendekati Menteri Besar sebelumnya, Dato' Mohamad Jusoh. Malah sewaktu bertugas di sana, beliau amat rapat dengan Dato' Mohamad dan menjadi orang kepercayaan untuk memberi nasihat. Begitu berpengaruhnya Rahim dengan Menteri Besar sehinggakan cakapnya didengar. Ada kalanya pandangan yang disuarakan oleh Rahim tentang isu-isu pembangunan negeri mengatasi pandangan Setiausaha Kerajaan Negeri. Dari situlah Rahim sebenarnya sudah menikmati kuasa. Apabila beliau menjadi Menteri Besar, Rahim sudah menjadi seperti ikan yang tidak perlu diajar berenang lagi.

Bagaimanapun bagi Rahim Bakar, panas rupanya tidak sampai ke petang. Masalahnya dengan Sultan, yang kemudian tercetus menjadi krisis terbuka, telah memendekkan kerjaya politiknya. Selepas meletakkan jawatan, kedudukan beliau terumbang-ambing. Pada mulanya beliau ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran. Kemudian beliau dilantik menjadi Pengerusi MARA. Dalam pilihan raya umum 1982, beliau bertanding bagi kerusi Parlimen Kuantan, menang dan dilantik menjadi Timbalan Menteri selama satu penggal. Dalam pilihan

raya umum 1986, tempat beliau di Kuantan telah diberi kepada Adam Kadir. Apa yang berlaku itu membayangkan kedudukan Rahim yang lemah dalam politik Pahang yang sudah dikuasai oleh golongan yang tidak sehaluan dengan beliau. Keadaannya menjadi rumit kerana penaja-penajanya dalam politik di peringkat lebih tinggi iaitu Hamzah Abu Samah dan Hussein Onn, juga sudah tiada lagi. Kejaguhannya menentang raja saja tidak cukup untuk membolehkannya mendapat habuan politik dalam bentuk kedudukan. Rahim Bakar sebenarnya sudah tenggelam dan hanyut. Jikalau tidak kerana kejayaannya memenangi kerusi Majlis Tertinggi parti dalam pemilihan 1990, Rahim sebenarnya sudah lama lenyap dalam politik tanah air. Beliau sudah menjadi tokoh semalam. Kedudukannya sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka tidak memberi sebarang manfaat politik. Beliau tahu itu. Tetapi sebagai memenuhi permintaan Anwar Ibrahim, ketika itu Menteri Pendidikan, yang telah mendesaknya beberapa kali supaya menerima jawatan itu, Rahim telah menerimanya.

Apakah beliau menyesal dengan takdir yang telah dilaluinya? Dalam satu temuramah beliau berulang kali memberitahu: Tidak. Katanya: "Bila saya naik haji pada kali pertama pada 1978, doa saya di depan Kaabah adalah begini: Ya, Allah, ya Tuhanku, berilah kekuatan kepada aku supaya senantiasa bersyukur dengan apa saja kamu takdirkan kepada aku, dan matikanlah aku dalam iman. Saya tidak kesal dan sesal dengan apa yang berlaku. Itu sudah takdir, saya mesti bersyukur."

Ditanya jika sebagai Menteri Besar, beliau mengikut arus, tidak menentang raja, apakah beliau sampai sekarang masih mempunyai tempat, Dato' Rahim secara terus terang berkata: "Saya tidak melihat politik sebagai matlamat atau *end* semata-mata. Saya mencari satu kerelaan dan keredaan dan kesenangan hati dan politik adalah sebahagian daripada kehidupan saya. Jadi apa yang menyenangkan hati, apa *conscience* saya adalah berbeza. Itu sebabnya saya mengatakan diri saya kadang-kadang tidak tepat dengan apa yang dikatakan sebagai orang politik. Saya lebih suka dikatakan *statesman* dari *politician*. Itupun harap saja, belum tentu saya *statesman*. Yang saya takut ialah amanah. Jadi orang besar, besar amanahnya. Sebab orang agama selalu kata, orang pertama disoal di akhirat nanti ialah pemimpin. Saya benar-benar



takut dengan amanah. Saya tidak sanggup mengorbankan amanah kerana kepentingan politik. Dari satu segi saya tidak *political minded*. Politik pada dasarnya di negara ini adalah *Michaevallian - the ends justify the means*. Saya tidak setuju dengan itu. Begitu juga dengan asas kefahaman agama saya. Mudah: Kita hendak sembahyang, bagaimana sempurna sekalipun kita buat, belum tentu lagi diterima. Tetapi kalau kita sembahyang dan tidak ada air sembahyang, sudah tentu tidak sampai. Kalau kita tak takbir, tentu sembahyang tidak sah. Ertinya, dalam agama, membuatkan adalah *means*, *the end* adalah Allah. Kita usaha, Allah tentukan. Saya buat apa yang saya fikir betul untuk waktu itu, setakat yang saya mampu. Kalau kemampuan saya tidak cukup, apa boleh saya buat."

Ditanya sama ada kalau tidak berlaku perubahan pimpinan dalam parti dan kerajaan, cara menangani masalah yang beliau hadapi dengan Sultan adalah berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir, Rahim berkata, "Saya rasa begitulah, tetapi tidak semestinya lebih baik. Itu kita boleh kata. Yang mana lebih baik hanya spekulasi. Ini saya pasti sebab Hussein Onn pada kaca mata saya lebih tegas dalam pentadbiran. Beliau tidak begitu bermain politik; tidak ada *trade off*, tidak ada *juggling*."

Nasib politik Rahim Bakar sekarang sudah menjadi sejarah. Tetapi tidak dapat tidak, cara Dr. Mahathir menangani krisis politik rakyat-raja di Pahang itu akan terus diperkatakan. Berbagai-bagai spekulasi - positif dan negatif akan dibangkitkan. Kerana Dr. Mahathir sendiri tidak begitu menonjolkan apa yang telah berlaku di Pahang itu, ada dakwaan bahawa beliau cuba menutup sesuatu yang kira-kiranya silap dari segi tindakan. Cara beliau menangani masalah waktu itu dikatakan tidak tepat dengan *trend* yang beliau bawa sekarang ini. Tindakan Dr. Mahathir di Pahang itu seolah-olah tidak *konsisten* dalam perjuangan rakyat dengan raja. Keadaan itu akan menjadi lebih jelas apabila perbandingan kes Rahim dibuat dengan apa yang berlaku di Johor pada waktu yang sama. Ketika itu juga, Menteri Besar negeri, Othman Saat juga lantang dengan Sultan Johor, tetapi beliau tidak dipaksa berhenti. Bagaimanapun perbandingan itu tidak harus dilihat secara tersurat sahaja. Tersirat di sebalik apa yang berlaku ialah hubungan Dr. Mahathir dengan kedua-dua orang Sultan itu. Dr. Mahathir dengan Sultan Pahang adalah

baik. Sultan Pahang adalah Yang di-Pertuan Agong. Hubungan Dr. Mahathir dengan Sultan Johor adalah tidak rapat, ada semacam perang dingin dan salah faham. Hubungan mereka hanya baik setelah Sultan Johor menjadi Yang di-Pertuan Agong. Itu barangkali menyebabkan Dr. Mahathir berbeza menangani dua kes itu. Pada hal dari segi rentak, krisis rakyat-Sultan yang berlaku di kedua-dua negeri adalah sama seriusnya. Malah ada yang mengatakan, krisis di Johor adalah lebih serius kerana Othman Saat dikatakan telah mencampuri siapa jadi pengganti apabila Sultan mangkat. Tetapi tatkala Rahim di suruh berhenti, Othman tidak. Beliau hanya berhenti kerana tidak lagi bertanding dalam pilihan raya 1982. Itupun tidak ada kaitan dengan krisisnya dengan Sultan tetapi kerana beliau sudah terlalu lama menjadi Menteri Besar dan kerana Dato' Musa Hitam ingin mengukuhkan kedudukannya dalam politik Johor dengan menempatkan orang-orangnya di negeri itu.

## 6 JOHOR

### LATAR BELAKANG

SELAKU Menteri Besar, Tan Sri Othman Saat telah berkhidmat di bawah dua orang Sultan – Almarhum Sultan Ismail (mangkat pada 10 Mei 1981) dan pengganti baginda, Sultan Mahmood Iskandar. Dengan Almarhum Sultan Ismail, Tan Sri Othman telah menjalin hubungan kerja yang baik apabila beliau mula-mula menjadi Menteri Besar pada 1967. Bagaimanapun pada dua tiga tahun terakhir beliau menerajui kerajaan negeri, terdapat kerenggan dalam hubungan beliau dengan Almarhum Sultan. Kerana Sultan yang sudah agak berumur itu selalu uzur, Menteri Besar dikatakan telah tidak berinteraksi seperti sepatutnya. Almarhum Sultan Ismail merasakan telah tidak dipedulikan sehingga beliau meminta campur tangan bekas Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahmah Putra untuk menyelesaikannya. Dalam bukunya *The Malaysian Politics*, Tunku Abdul Rahman telah menceritakan betapa Sultan Ismail mengadu kepadanya bahawa baginda telah tidak diberi taklimat tentang urusan kerajaan negeri sejak 1979 dan meminta bekas Perdana Menteri itu membetulkan keadaan. Tunku Abdul Rahman dalam pertemuan itu sebaliknya telah mengingatkan Sultan Johor itu bahawa di bawah sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, Sultan sebenarnya tidak perlu dirundingi dalam membuat keputusan-keputusan negeri dan mengingatkan bahawa baginda tidak patut berasa kecil hati jika tidak dilibatkan dalam proses membuat dasar. Pada waktu yang sama, Tunku Abdul Rahman juga telah meminta Othman Saat supaya tidak mengeneipkan sama sekali Sultan tentang urusan kerajaan negeri –

satu nasihat yang menurut bekas Perdana Menteri tidak langsung diberi perhatian oleh Menteri Besar itu.

Akibatnya, apabila Sultan Ismail membuat keputusan untuk melantik semula anakanda baginda, Tengku Mahmood Iskandar sebagai Tengku Mahkota iaitu waris yang bakal menggantikan baginda sebagai Sultan Johor, Tan Sri Othman Saat, telah tidak dilibatkan. Menteri Besar itu berasa tersinggung, pada mulanya cuba mempertikaikan keputusan itu. Kerana itu, apabila Tengku Mahmood menggantikan ayahandanya sebagai Sultan, ketegangan hubungan telah terjalin antara baginda dengan Menteri Besar. Tetapi krisis antara mereka tidak berlaku serta merta. Ia hanya tercetus menjadi terbuka pada September 1981, apabila Sultan Mahmood meminta Tan Sri Othman Saat supaya mengosongkan pejabat Menteri Besar di Bukit Timbalan kerana baginda ingin menjadikan pejabat itu sebagai pejabat Sultan. Baginda juga memberitahu akan mengikuti pentadbiran kerajaan negeri dengan cara lebih dekat lagi.

Apakah punca tindakan baginda itu? Bilakah ia bermula? Bagaimanakah krisis itu berakhir dan diselesaikan? Seluruh episod krisis Tan Sri Othman Saat-Sultan Mahmood Iskandar itu akan diperkatakan di sini.

## KRISIS MB-SULTAN: APA PUNCANYA

Pada 29 April 1981, satu pengisytiharan telah dibuat oleh Istana Serene, Johor Bharu mengumumkan perlantikan semula Raja Muda, Tengku Mahmood Iskandar sebagai Tengku Mahkota, menggantikan adinda baginda, Tengku Abdul Rahman yang telah diturunkan pangkat menjadi Tengku Bendahara. Pengisytiharan itu bermakna bahawa sekiranya Sultan Ismail yang sedang gering itu mangkat – dan ini benar-benar terjadi pada 10 Mei 1981 – Tengku Mahmoodlah yang menjadi Sultan. Dari satu segi, perlantikan Tengku Mahmood sebagai Tengku Mahkota hanya mengembalikan kedudukan yang pernah baginda sandang satu ketika dulu. Ini kerana antara 20 Ogos 1959 hinggalah kepada 8 Ogos 1961, baginda merupakan pewaris takhta Johor. Bagaimanapun pada 8 Ogos 1961 itu, Sultan Ismail dengan nasihat Majlis Kerabat Diraja telah melucutkan kedudukan itu yang telah diberi kepada adiknya, Tengku Abdul Rahman. Selepas peristiwa

itu, Tengku Mahmood dilantik sebagai Tengku Bendahara dan pada 1966, kedudukan baginda telah dinaikkan menjadi Raja Muda. Perlantikan itu adalah yang pertama dalam sejarah kesultanan Johor sejak 1895. Dalam hirarki sistem beraja negeri itu, kedudukan Raja Muda sebenarnya tidak ada. Tetapi sebagai Raja Muda, baginda bukanlah pewaris takhta. Pewaris takhta tetap Tengku Mahkota.

Keputusan Sultan untuk melantik Tengku Mahmood sebagai Tengku Mahkota itu dibuat di luar pengetahuan Menteri Besar, Tan Sri Othman Saat. Beliau sendiri mengetahui tentang perlantikan itu melalui pengumuman yang telah dikeluarkan oleh Istana Serene. Keadaan itu menggambarkan bahawa pandangan dan nasihat Menteri Besar terlebih dahulu telah tidak diminta. Secara tidak langsung ia juga menggambarkan hubungan, atau ketiadaan hubungan antara Tan Sri Othman dengan Sultan sehinggakan dalam membuat satu keputusan yang begitu besar, Menteri Besar yang menjadi penasihat utamanya dalam hal-hal serupa itu telah dibiarkan berada dalam kegelapan. Jika itu benar maka nasihat yang diberikan oleh Tunku Abdul Rahman supaya Tan Sri Othman Saat mendekati Sultan yang merasa tidak lagi dipedulikan oleh Menteri Besar itu telah tidak diikuti.

Memanglah perlembagaan Johor menetapkan bahawa kuasa untuk menentukan pewaris takhta adalah hak mutlak Sultan. Sultan boleh melantik siapa saja yang baginda kehendaki dari kalangan keluarga baginda menggantikan baginda sebagai Sultan. Bagaimanapun untuk mengelakkan keadaan yang tidak menentu, mekanisme tertentu telah diwujudkan. Kedudukan Tengku Mahkota diadakan untuk memberi petanda yang jelas tentang siapa bakal Sultan. Tetapi dalam mengisi kedudukan itu, Perlembagaan Negeri Johor memperuntukkan bahawa Menteri Besar juga tidak boleh dikebelakangkan. Fasal 7(1) Undang-undang Tubuh Negeri Johor mengatakan memanglah menjadi satu kebiasaan untuk mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Menteri Besar terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diambil.

Dalam kes perlantikan Tengku Mahmood Iskandar sebagai Tengku Mahkota ini adalah jelas bahawa Tan Sri Othman telah tidak diminta pandangan dan nasihatnya. Kerana itu, tidaklah menghairankan apabila beliau mengambil masa empat hari untuk

menyatakan reaksinya terhadap perlantikan itu. Sebaik saja pengumuman itu dibuat, Tan Sri Othman telah berlepas ke Kuala Lumpur untuk berbincang dengan Perdana Menteri/Presiden UMNO ketika itu, Tun Hussein Onn. Jelas dalam keadaan tidak menentu, Othman Saat tidak berani membuat keputusan yang memandai-mandai. Tetapi adalah memang diketahui beliau tidak senang dengan apa yang berlaku. Tindakan Sultan mengeneppikan beliau dalam membuat keputusan pada mulanya dilihat sebagai tidak mengikut perlembagaan.

Bagaimanapun untuk tidak mengeruhkan lagi suasana yang sudah kusut, Tan Sri Othman akhirnya membuat kenyataan di Muar pada 1 Mei 1981 bahawa perlantikan Tengku Mahmood sebagai Tengku Mahkota Johor adalah mengikut semangat dan lunas-lunas perlembagaan negeri. Dalam kenyataan itu beliau berkata: "Perlantikan tersebut tidak boleh disentuh-sentuh, apatah lagi ditimbulkan di dalam Dewan Negeri. Perlantikan tersebut yang dibuat oleh Sultan di bawah Fasal 7(2) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor adalah menjadi hak mutlak baginda melakukannya mengikut kehendaknya tanpa boleh disentuh kerana melibatkan kedaulatan Tuanku."

Fasal 7(2) itu, antara lain menyatakan raja boleh pada bila-bila masa dengan kaedah yang ditetapkan memutuskan melantik "waris" yang hendaklah bergelar Tengku Mahkota Johor. Tetapi dalam kenyataan yang sama, Tan Sri Othman Saat tidak dapat menyembunyikan rasa terkilannya kerana perlantikan itu telah dibuat tanpa pengetahuan Menteri Besar. Apabila beliau menimbulkan bahawa Fasal 7(1) undang-undang yang sama juga memperuntukkan Menteri Besar diminta nasihat dan pandangannya tentang perubahan orang yang memegang kedudukan Tengku Mahkota itu, tindakan itu dengan sendirinya membanggakan bahawa ada mesej tersirat yang ingin beliau sampaikan ke istana.

Sekalipun, soal perlantikan Tengku Mahkota itu sudah dianggap selesai dan dibuat mengikut perlembagaan, adalah jelas bahawa antara Menteri Besar dengan Tengku Mahkota yang baru terdapat ketegangan. Tindak-tanduk Menteri Besar dalam menangani perlantikan itu telah dilihat sebagai satu campur tangan terhadap kuasa Sultan menentukan pengganti. Dan ini adalah tidak disenangi. Tan Sri Othman Saat terpaksa meng-

hadapi risikonya apabila Sultan Ismail mangkat pada 10 Mei 1981 dan pada waktu yang sama, Tengku Mahmood Iskandar pula diangkat menjadi Sultan yang baru. Dalam menentukan Sultan baru itu, Menteri Besar selaku Pengerusi Majlis Pengakuan Negeri yang bertanggungjawab melantik pengganti Sultan, telah tidak membuat sebarang bantahan. Atas sifat baginda sebagai Tengku Mahkota, maka Sultan Mahmood secara rasmi diumumkan sebagai Sultan pada 11 Mei. Upacara mengangkat sumpah diadakan di Istana Serene pada hari yang sama. Mulai tarikh itu juga, Tan Sri Othman Saat berhadapan dengan Sultan baru.

Sekalipun hubungan beliau dengan Sultan Mahmood Iskandar diketahui tegang, tetapi untuk empat bulan pertama, tidak ada peristiwa yang tidak diingini berlaku. Hubungan mereka seolah-olah tenang. Tetapi di sebalik ketenangan itu sebenarnya sedang terbentuk satu gelora. Gelora itu memecahkan ketenangan pada 30 September 1981. Pada hari itu, Sultan Mahmood telah memerintahkan Tan Sri Othman Saat supaya mengosongkan pejabat Menteri Besar di Bukit Timbalan. Baginda memberitahu bahawa pejabat Menteri Besar itu ingin dijadikan pejabat baginda. Baginda berkata, baginda ingin menggunakan pejabat itu untuk menjalankan tugas pentadbiran harian. Tan Sri Othman diberi tempoh sehingga 5 Oktober untuk mengosongkan pejabat itu. Kerana tidak mahu menderhaka, beliau mematuhi perintah raja itu. Pada hari yang ditetapkan, beliau berpindah ke pejabat lain, menumpang buat sementara di pejabat Setiausaha Politiknya. Tetapi pengosongan pejabat itu boleh dikatakan dibuat serta merta.

Tindakan Sultan itu telah mendapat perhatian pelbagai pihak di luar negeri itu. Kerajaan Persekutuan telah mengutus Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat yang memang diketahui mempunyai hubungan rapat dengan Sultan Johor itu untuk memujuk baginda supaya menangguhkan keputusannya itu. Usaha itu tidak berjaya. Baginda tetap mahukan pejabat Menteri Besar itu dikosongkan.

Dr. Mahathir Mohamad sendiri tidak membuat sebarang ulasan tentang tindakan Sultan Johor yang jelas telah melanggar fungsi baginda sebagai Raja Berperlembagaan itu. Tetapi bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, dalam kolumnya *As I See*

It dalam akhbar *The Star* telah mengulas bahawa apa yang dilakukan oleh Sultan Johor itu adalah bercanggah dengan semangat Demokrasi Berparlimen dan Baja Berperlembagaan. Menurut bekas Perdana Menteri itu, dalam sistem yang kita amalkan "Raja-raja tidak mempunyai hak untuk campur tangan terhadap Menteri Besar yang dipilih sebagai wakil rakyat."

Kenyataan Tunku Abdul Rahman yang dibuat untuk mempertahankan Menteri Besar Johor dan juga Menteri Besar Pahang yang menghadapi krisis pada waktu yang sama itu telah mendapat sokongan pelbagai pihak. Para Menteri Besar dan Ketua Menteri yang bermesyuarat di Kuala Lumpur pada 6 Oktober 1991 – sehari selepas Tan Sri Othman Saat mengosongkan pejabat Menteri Besarnya atas titah Sultan – bersetuju dengan pandangan Tunku Abdul Rahman itu. Mereka juga meminta para Sultan supaya menghormati para pemimpin yang dipilih oleh rakyat untuk mentadbirkan negeri. Tetapi pandangan bekas Perdana Menteri itu nampaknya tidak diambil perhatian oleh kedua-dua Sultan Johor dan Pahang. Baginda berdua nampaknya berazam untuk berkonfrontasi dengan Menteri Besar masing-masing.

Dalam kes Othman Saat selepas krisis itu adalah jelas bahawa hari-harinya sebagai Menteri Besar sudah boleh dihitung. Kedudukan yang dipegangnya pada 1967 itu sudah berada di penghujung. Terbukti, itulah nasib yang menimpa beliau selepas itu. Dalam pilihan raya umum pada 22 April 1982, beliau tidak lagi bertanding apa-apa kerusi – negeri atau Parlimen. Kedudukan Dewan Negeri memberinya akses menjadi Menteri Besar selama ini telah ditarik. Sebelum itu, beliau telah diminta oleh Presiden UMNO melepaskan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Johor – jawatan tinggi dalam parti yang disandang sejak 1970. Kedudukan itu telah diberikan kepada Dato' Musa Hitam. Tan Sri Othman Saat kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor. Adalah jelas bahawa yang mahukan Othman Saat tidak lagi meneruskan khidmatnya sebagai Menteri Besar bukan sahaja Sultan, tetapi juga Dato' Musa Hitam sendiri. Dato' Musa, yang baru saja dipilih menjadi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri juga mahukan pengaruh Othman Saat dalam UMNO Johor disekat. Beliau sedang mengukuhkan kedudukannya. Tidak syak lagi, Dato' Musa juga telah meng-



gunakan krisis Othman Saat-Sultan, untuk menjatuhkan Menteri Besar itu.

## DIMENSI POLITIK KRISIS OTHMAN SAAT-SULTAN JOHOR

Tan Sri Othman Saat menjadi Menteri Besar Johor pada 1967 menggantikan Dato' Hassan Yunus. Tiga tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor - kedudukan yang disandangnya sehinggalah beliau meletakkan jawatan pada 1981. Sekalipun mempunyai latar belakang pendidikan setakat sekolah rendah sahaja, Othman, selaku Menteri Besar, telah menguasai pimpinan UMNO Johor. Di peringkat negeri, pimpinannya boleh dikatakan tidak dicabar. Sebab utamanya ialah para pemimpin Johor yang lain lebih berminat dengan politik nasional dan mereka berlumba-lumba untuk mendapat kedudukan dalam kabinet. Johor memang terkenal sebagai sebuah negeri yang telah membekalkan politik nasional dengan tokoh-tokoh besar sejak sebelum merdeka lagi. Dato' Onn Jaafar, Presiden UMNO yang pertama, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Tun Sardon Jubir, Tan Sri Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nassir Ismail (semuanya Allahyarham), Dato' Musa Hitam, Dato' Mohamed Rahmat adalah antara sebilangan tokoh-tokoh utama Johor yang telah menguasai gelanggang politik nasional. Keadaan itu sedikit sebanyak telah memberi manfaat kepada Othman Saat untuk kekal sebagai Menteri Besar selama tiga penggal pilihan raya. Bagi politik Johor selepas merdeka, itu adalah rekod. Begitu dominannya pimpinan beliau di peringkat negeri sehingga beliau muncul sebagai salah seorang broker kuasa yang berpengaruh dalam sebarang pemilihan UMNO di peringkat nasional. Dengan kedudukan sebagai Ketua Perhubungan, sebahagian besar perwakilan 18 buah bahagian UMNO di negeri itu mendengar cakap beliau dalam membuat keputusan dalam setiap pemilihan.

Tetapi di sebalik kedudukan Tan Sri Othman yang kelihatan kuat itu, tidak semua menerima pimpinan secara mutlak. Ada juga di kalangan UMNO yang tidak senang dengan cara beliau menguruskan UMNO di peringkat negeri. Ada tuduhan bahawa beliau terlalu autokratik dan hanya memberi habuan kepada para

penyokong setianya sahaja. Pada akhir 1970-an, suara-suara mula kedengaran, yang juga pernah diketengahkan beberapa tahun sebelumnya, bahawa Tan Sri Othman sudah terlalu lama menjadi Menteri Besar. Beliau sepatutnya memberi laluan kepada seorang tokoh yang lebih muda. Keengganan beliau menyediakan barisan pelapis untuk mengambil alih pimpinan Johor juga dibangkitkan. Kritikan terhadap beliau semakin lantang setelah Dato' Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO. Dato' Musa secara terbuka telah menegur Tan Sri Othman Saat kerana didakwa telah memberikan kawasan balak dan tanah berasaskan pertimbangan politik. Beliau mengarahkan Othman supaya menghentikan amalan itu dan meminta Menteri Besar melaporkan kepadanya tentang pemberian-pemberian itu.

Adalah jelas bahawa dengan kemunculan Dato' Musa sebagai orang nombor dua dalam UMNO, nasib politik Othman Saat juga menjadi tanda tanya. Sekalipun, mereka sama-sama pemimpin Johor, tetapi antara Dato' Musa dan Othman Saat sebenarnya tidak sehaluan. Untuk kepentingan politik nasionalnya, Dato' Musa memang diketahui berhasrat untuk menguasai Johor dengan meletakkan orang-orang kepercayaannya di negeri itu. Dalam *design* Musa untuk Johor, Tan Sri Othman Saat, tidak ada tempat. Dato' Musa sudah mempunyai orang-orang sendiri yang hanya menunggu masa saja untuk diberi kedudukan. Beliau melihat bahawa krisis Menteri Besar dan Sultan itu adalah kesempatan yang baik untuk menamatkan kerjaya politik Tan Sri Othman Saat.

Othman Saat sendiri sedar akan hal itu. Beliau tahu selepas Hussein Onn berundur dari kehidupan aktif berpolitik, tempat beliau bergantung juga sudah patah. Beliau sekarang dikelilingi oleh generasi baru dalam UMNO negeri. Apa juga yang dibuat untuk memuaskan hati Musa, beliau tidak akan dapat menembusi kem Timbalan Perdana Menteri. Hari-harinya dalam politik sudah boleh dihitung. Beliau benar-benar berada dalam keadaan serba salah. Menyokong Dato' Musa pun beliau tidak dapat apa-apa; menentang beliau juga memberi kesan yang sama malah lebih buruk lagi.

Dalam keadaan itu, dan demi menyelamatkan masa depan politiknya, Tan Sri Othman Saat telah tidak menyokong Dato'

Musa apabila beliau bertanding melawan Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam pemilihan 1981. Tan Sri Othman menilai bahawa dengan menyokong Tengku Razaleigh, dan sekiranya putera dari Kelantan itu menang, masa depan politiknya masih ada. Kerana itu dengan beraninya Tan Sri Othman Saat membuat kenyataan di Johor Bharu pada 23 Mei 1981 - kira-kira sebulan menjelang pertandingan - bahawa Perhubungan UMNO Johor yang beliau ketua tidak mengarahkan para perwakilan negeri itu mengundi calon-calon tertentu sebagai Timbalan Presiden. Kata beliau arahan itu tidak perlu kerana "wakil-wakil kita sudah matang dan kita tidak perlu membuat arahan siapakah yang mesti mereka pilih. Kalaupun kita membuat arahan mesti memilih seseorang, belum tentu arahan kita dipatuhi kerana undi itu sulit."

Kenyataan Tan Sri Othman ini adalah jelas bahawa beliau tidak memberi sokongan kepada Dato' Musa Hitam. Dengan mengambil pendirian yang seolah-olah berkecuali, beliau sebenarnya telah memihak kepada Tengku Razaleigh. Ini terbukti apabila beliau mengadakan jamuan untuk para perwakilan UMNO yang akan menghadiri perhimpunan UMNO 1981 itu di kediaman rasminya di Johor Bharu, Tengku Razaleigh telah diundang manakala Dato' Musa tidak. Secara terang-terang Tan Sri Othman Saat telah menyatakan siapakah calonnya sebagai Timbalan Presiden. Hubungan rapat beliau dengan Tengku Razaleigh juga telah mendorong beliau untuk menyertai Semangat 46 selepas UMNO berpecah dua ekoran pemilihan sengit pimpinan 1987.

Kerana menyekutukan diri kepada Tengku Razaleigh, Tan Sri Othman terpaksa menghadapi padah politiknya. Dato' Musa Hitam yang menang sebagai Timbalan Presiden dan kemudian dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri telah menggunakan kedudukan barunya untuk mengajar Tan Sri Othman Saat. Pelbagai teguran terbuka terhadap cara Menteri Besar itu menguruskan negeri telah dibuat. Tujuannya untuk melemahkan kedudukan Tan Sri Othman Saat. Tan Sri Othman sendiri dalam pemilihan Majlis Tertinggi pada perhimpunan 1981 itu kalah. Tiga bulan selepas kekalahan itu, Presiden parti menasihatkan beliau supaya meletakkan jawatan Ketua Perhubungan UMNO yang disandang sejak 1970. Beliau melobi cuba mempertahankan kedudukan itu tetapi gagal. Pada akhir September beliau me-

nyerahkan surat perletakan jawatan. Dato' Musa yang sebelum itu Timbalan Ketua Perhubungan seperti yang diduga dilantik oleh Presiden parti mengetuai UMNO Johor. Othman telah diturunkan pangkat menjadi timbalan ketua. Ibarat pengemis yang tidak berdaya untuk membuat sebarang pilihan, beliau menerima kedudukan itu, tentunya dengan hati yang berat. Keadaan beliau benar-benar seperti sudah jatuh ditimpa tangga. Sudahlah Sultan Johor terang-terang menyatakan baginda tidak lagi mahu beliau menjadi Menteri Besar, sekarang beliau menghadapi tekanan daripada golongan Musa Hitam pula supaya melepaskan jawatannya.

Tidak syak lagi dengan menamatkan khidmat Tan Sri Othman Saat itulah sebenarnya mesej Musa. Kerana itu selepas tidak lagi menjadi Ketua Perhubungan UMNO, cakap-cakap juga ditimbulkan bahawa Tan Sri Othman akan meletakkan jawatannya dalam kerajaan. Malah sebilangan para pemimpin cawangan mengeluarkan kenyataan terbuka mendesak Othman supaya berundur. Tetapi kerana beliau juga masih ada penyokong, cawangan-cawangan yang menyokong beliau mengeluarkan kenyataan balas mendesak Menteri Besar itu supaya meneruskan tugasnya. Membaca keratan-keratan akhbar tentang peristiwa itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa UMNO Johor sebenarnya berbelah bagi tentang kedudukan Othman sebagai Menteri Besar yang sudah mula dianggap tempang itu. Sebagai meredakan keadaan, beliau sendiri menegaskan bahawa beliau tidak akan berhenti sebagai Menteri Besar. Bagaimanapun beliau sendiri tahu bahawa kenyataan itu dibuat sebagai untuk menyedapkan hati sahaja. Tan Sri Othman Saat sebenarnya sudah tewas dalam perjuangan untuk mempertahankan kedudukannya. Beliau tahu bahawa krisisnyanya dengan Sultan telah digunakan oleh musuh-musuh politiknya untuk melemahkan lagi kedudukannya itu.

Pilihan raya umum 1982 akhirnya menyaksikan berakhirnya kerjaya politik Tan Sri Othman. Beliau tidak lagi bertanding dalam pilihan raya itu. Seorang pemimpin Johor berkata, beliau sebenarnya ingin bertanding lagi, tetapi Dato' Musa telah menghalang. Pemimpin itu memberitahu bahawa Tan Sri Othman telah terus terang diberitahu bahawa sekiranya beliau bertanding, apa yang dianggap sebagai "penyelewengan" yang telah beliau lakukan sebagai Menteri Besar akan dibawa ke tengah. Jika beliau

bertanding, ia akan didiamkan. Sama ada cerita ini benar atau tidak, tidak dapat disahkan. Mereka yang terlibat setakat ini enggan mengesah atau menafikan. Tetapi kemungkinan itu berlaku, memang sukar untuk dinafikan.

Pilihan raya umum 1982 itu telah membolehkan Dato' Musa menguasai UMNO dan kerajaan negeri secara *total*. Orang-orang kepercayaannya telah diberi tempat di peringkat negeri dan Parlimen. Orang-orang yang ada hubungan dengan Othman Saat telah disisihkan. Setiausaha Politiknya, Ajib Ahmad telah dilantik menjadi Menteri Besar Johor yang baru menggantikan Othman Saat. Kedudukan Othman Saat sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor juga diberikan kemudian kepada Ajib. Satu-satunya kedudukan politik yang tinggal pada Othman Saat ialah Ketua UMNO Bahagian Pagoh. Kedudukan itu juga kemudian hilang. Beliau tewas kepada Muhyiddin Yassin, sekarang Menteri Besar Johor dalam mempertahankan jawatan itu pada 1983.

### KESIMPULAN:


Adalah jelas krisis Tan Sri Othman Saat dengan Sultan Johor bukanlah sekadar satu krisis antara Menteri Besar dengan istana. Pada peringkat awalnya krisis itu memang krisis mereka berdua. Ia ada kaitan dengan perlantikan Tengku Mahmood Iskandar sebagai Tengku Mahkota yang telah dibuat dengan membelakangkan Tan Sri Othman. Menteri Besar yang sepatutnya dirundingi oleh Sultan tentang sebarang pertukaran waris takhta, telah tidak dilibatkan sama sekali. Keadaan itu ada kaitan dengan hakikat bahawa sejak 1979, Tan Sri Othman tidak lagi berinteraksi dengan Sultan Ismail kerana beliau selalu uzur dan juga kerana jika betul seperti yang dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman tidak lagi berminat dengan pentadbiran negeri. Masa baginda, kata Tunku lagi, lebih banyak dihabiskan untuk melayan dan menjaga haiwan-haiwan yang baginda pelihara.

Ketegangan Sultan Mahmood Iskandar dengan Tan Sri Othman Saat pada mulanya kelihatan tidak akan meletup. Bagaimanapun pada bulan September 1981, baginda memrintahkan Tan Sri Othman mengosongkan pejabat Menteri Besar yang baginda ingin jadikan pejabat baginda. Tempoh 24 jam yang

diberi kemudian dipanjangkan menjadi seminggu selepas Dato' Mohamed Rahmat yang dihantar oleh Kerajaan Persekutuan membuat rayuan. Dato' Mohamed, ketika itu Menteri Penerangan, memberitahu bahawa beliau merayu supaya tempoh sebulan diberikan, tetapi Sultan tidak bersetuju. "Tetapi kerana kau sudah datang merayu, beta setuju beri seminggu," Sultan memberitahu Dato' Mohamed.

Sepanjang krisis dengan Sultan, tidak ada usaha dibuat untuk menyelamatkan hubungan Menteri Besar dengan Sultan oleh Kerajaan Persekutuan. Dato' Mohamed sendiri memberitahu bahawa beliau dihantar bukannya untuk memberitahu Sultan bahawa tindakan baginda itu bertentangan dengan semangat Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Sebaliknya, pimpinan Pusat sudah menerima hakikat bahawa krisis itu tidak lagi dapat diperbaiki. Hanya dengan pemberhentian Tan Sri Othman saja yang dapat menyelamatkan keadaan.

Bagaimanapun krisis Othman Saat-Sultan itu ada dimensi politiknya di kalangan tokoh-tokoh UMNO Johor itu sendiri. Dato' Musa Hitam, selepas terpilih menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, ingin menguasai politik Johor sepenuhnya. Beliau melihat bahawa Tan Sri Othman merupakan penghalang. Dalam rangka barunya bagi Johor, Othman Saat tidak ada tempat. Kerana itu, krisis dengan raja itu telah digunakan dengan bijaknya untuk menyisihkan Tan Sri Othman. Tambahan pula dalam pemilihan 1981 itu, beliau telah berpihak kepada Tengku Razaleigh. Tugas menyingkirkan Othman adalah lebih mudah. Selepas menang, khidmat Tan Sri Othman sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri ditamatkan. Dalam pilihan raya 1982, Othman tidak diberi tempat. Cita-cita Dato' Musa untuk menjadi pemimpin unggul UMNO Johor dapat direalisasikan. Dengan menggunakan satu batu, Dato' Musa dapat menamatkan krisis Menteri Besar-Sultan di Johor dan beliau juga berjaya menempatkan diri sebagai pemimpin terkemuka di negeri itu dengan menempatkan orang-orang kepercayaan dalam pelbagai jawatan penting di peringkat dalam kerajaan negeri dan politik. Krisis Tan Sri Othman-Sultan Iskandar telah digunakan oleh Dato' Musa untuk membongkar akar umbi pengaruh Othman Saat di Johor.



**KESAN, IMPLIKASI  
DAN PENGAJARAN**



THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
PRESS

## TEGURAN DAN PENDEDAHAN

SISTEM pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam bentuk yang ada sekarang telah diinstitusikan oleh UMNO apabila negara ini mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Secara kebetulan pula, sejak merdeka parti itu telah menjadi tunggak kepada pembentukan kerajaan, di peringkat Persekutuan dan juga di negeri-negeri yang mempunyai raja. Ini bermakna kerajaan yang dipimpin oleh UMNOlah yang bertanggungjawab memastikan bahawa raja-raja berpegang teguh kepada persetujuan yang telah mereka perkenankan. Adalah jelas bahawa sekalipun berlaku masalah, ada kalanya serius sehingga tercetus krisis antara Menteri Besar dengan raja seperti yang telah terjadi di Perak, Pahang, Johor, Kelantan dan Selangor, komitmen UMNO terhadap Raja Berperlembagaan masih belum luntur. Ia masih mempertahankan pemerintahan beraja. Sekalipun ia sudah membuat teguran secara terbuka terhadap kerenah dan kelakuan sebilangan raja, tetapi tidak pula bermakna UMNO sudah mahu menjatuhkan raja-raja. Ia kekal sebagai satu-satu parti politik di negara ini yang ingin mempertahankan pemerintahan Raja Berperlembagaan sebagai satu satu perjuangannya. Tetapi sudah tentu, pemerintahan beraja yang ingin dipertahankan oleh UMNO itu pemerintahan yang benar-benar berpegang pada semangat Raja Berperlembagaan seperti yang ia definisikan.

Dalam menangani persoalan kerenah Raja Berperlembagaan ini UMNO sebenarnya berdepan dengan dua pilihan. Pertama, berdiam diri dan membiarkan saja dengan kerenah masing-masing sehingga mereka boleh mencampuri politik, mengemu-

kakan pelbagai permohonan mendapatkan tanah, balak, peluang-peluang perniagaan dan juga pengecualian cukai bagi kereta mewah yang dibeli dari luar negara. Hingga ke batas-batas tertentu, ini memang telah dilakukan. Kerenah dan salah laku raja telah dilindungi. Tetapi para pemimpin UMNO sedar bahawa jika itu pilihannya bermakna ia telah bersubahat untuk melindungi hal-hal yang tidak patut dilakukan oleh Raja Berperlembagaan. Dari segi jangka pendek, kesannya mungkin positif. Tetapi dari segi jangka panjang, menutup keburukan raja, akan membawa kesan negatif. Sekiranya hanya imej baik dan mulia raja ditonjolkan kepada rakyat sedangkan rakyat tahu bahawa itu semua adalah palsu, maka kebencian rakyat terhadap raja dan juga kerajaan yang melindunginya akan meningkat. Bila kemarahan rakyat tidak lagi dapat dikawal, institusi raja berada dalam bahaya. Masa depannya menjadi tanda tanya.

Kerana tidak rela melihat keadaan yang pernah dialami oleh raja-raja lain di luar negara berlaku di negara ini, maka UMNO telah mengambil keputusan untuk menegur perbuatan-perbuatan raja yang jelas bercanggah dengan fungsi dan peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan itu. Membuat teguran itu sebenarnya bukan baru bagi UMNO. Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelum ini, bermula dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan juga Tun Hussein Onn (semuanya Allahyarham) telah mengingatkan Sultan-sultan tentang peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan. Ada Sultan yang mendengar nasihat yang diberikan; ada yang tidak. Bagaimanapun teguran-teguran di bawah ketiga-tiga Perdana Menteri itu telah dibuat secara tertutup, di belakang tabir. Kerana itu, rakyat biasa tidak mengetahuinya. Tambahan pula mengatakan soal raja secara terbuka adalah satu larangan bukan saja oleh perlembagaan negara tetapi juga pelbagai akta lain. Salah satu darinya ialah Akta Hasutan 1948 yang telah dipinda selepas peristiwa berdarah 1969. Di bawah pindaan itu, kedudukan raja-raja Melayu bersama dengan status Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak istimewa orang Melayu, tidak boleh dipertikaikan.

Teguran terbuka terhadap raja hanya dibuat pada zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Akta Hasutan telah diberi tafsiran baru. Menurut tafsiran itu, yang tidak boleh diperkatakan

ialah perbuatan yang bertujuan untuk menjatuhkan raja-raja. Tetapi memperkatakan soal raja-raja dengan tujuan untuk memperkukuhkannya, seperti perbincangan terbuka ketika krisis Perlembagaan 1983, perbincangan khusus tentang Raja Berperlembagaan di perhimpunan UMNO 1990 dan 1991, pendedahan tentang Sultan Kelantan melarikan kereta mewah Lamborghini Diablo pada awal 1992, Yang di-pertuan Agong membuat permohonan bagi membeli kereta baru, menempah baju pertabalan di luar negara, pemberian saham Proton dan sebagainya, tidak lagi dilihat sebagai menghasut. Lantaran itu, tidak ada dakwaan dibuat terhadap mereka yang telah memperkatakannya.

Malah bukan itu saja. UMNO juga telah menghantar memorandum kepada raja-raja Melayu yang bertujuan untuk mendisiplinkan mereka selepas perbincangan dalam parti itu selama dua tahun berturut-turut tentang peranan Sultan dalam Demokrasi Berparlimen. Ekoran memorandum itu, kedua-dua belah pihak - UMNO yang mewakili rakyat dan raja-raja - bersetuju kepada satu penggubalan Kod Etika Raja yang sekarang dikenali sebagai Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan. Pengisytiharan itu telah menghuraikan lebih lanjut tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh Raja Berperlembagaan terutamanya berkait dengan bidang-bidang yang sekarang kabur dan tidak begitu jelas. Apa yang berlaku itu adalah antara beberapa kesan, implikasi dan pengajaran daripada krisis-krisis Menteri Besar dan Sultan yang berlaku di negeri-negeri ini. Setiap satu kesan dan pengajaran itu akan dihuraikan secara lebih terperinci dalam bab ini.

## **MENJELASKAN FUNGSI RAJA - PINDAAN PERLEMBAGAAN 1983**

Usaha pertama kerajaan pimpinan UMNO untuk menjelaskan lagi fungsi Raja Berperlembagaan melalui pindaan perlembagaan telah dibuat pada 1983 - satu tindakan yang menimbulkan kontroversi sehingga hampir-hampir mencetuskan satu krisis perlembagaan apabila Yang di-pertuan Agong enggan memberi perkenan kepada pindaan-pindaan yang telah dicadangkan itu. Dalam pindaan yang dikemukakan itu, dua kuasa raja telah disentuh. Pertama, menetapkan tempoh bagi raja memberikan perkenan

atau persetujuan kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara menjadi undang-undang. Kedua, memindahkan kuasa mengisytiharkan darurat daripada tangan Yang di-Pertuan Agong kepada Perdana Menteri.

**RAJA DAN RANG UNDANG-UNDANG:** Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa mana-mana rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen perlu diberi persetujuan oleh Yang di-Pertuan Agong sebelum ia boleh diwartakan menjadi undang-undang. Perlembagaan-perlembagaan negeri juga menyediakan peruntukan yang sama kepada Sultan-sultan. Ini bermakna tanpa persetujuan atau perkenan raja, rang undang-undang tidak boleh dijadikan undang-undang. Apabila kuasa ini diberi, ia adalah satu pengiktirafan kepada kedudukan Raja Berperlembagaan sebagai salah satu komponen Parlimen dan Dewan Negeri. Ia juga dibuat atas andaian bahawa raja tidak akan menolak atau melengah-lengahkan pemberian perkenan itu. Lantaran itu, ketika perlembagaan digubal, tempoh tidak ditetapkan bagi raja memberi perkenan atau persetujuannya itu.

Bagaimanapun, ada Sultan telah tidak berpegang kepada semangat itu. Apabila berlaku krisis Sultan-Menteri Besar di beberapa buah negeri, ada Sultan yang diketahui telah melambatlambatkan pemberian perkenan. Ini berlaku di Perak, di Pahang dan juga di Kelantan. Dalam kes-kes yang terjadi, Sultan tidak mengatakan bahawa baginda enggan memberi perkenan. Baginda tahu bahawa perbuatan itu adalah bertentangan dengan fungsi perlembagaan baginda. Apa yang telah dilakukan ialah kerana perlembagaan tidak menetapkan tempoh untuk pemberian perkenan itu, maka ada Sultan yang telah mengamalkan strategi melengah-lengahkan pemberian perkenan. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesulitan pada Menteri Besar.

Di peringkat Persekutuan, keengganan Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan memang tidak pernah berlaku kecuali berkait dengan pindaan-pindaan pada 1983 itu. Tetapi memandangkan bahawa kejadian itu terjadi di negeri-negeri dan jika sesuatu tidak dibuat ia berkemungkinan berleluasa, maka kerajaan pada 1983 membuat keputusan untuk meminda Perkara 66 tentang kuasa Yang di-Pertuan Agong menjalankan kuasa perundangan. Pindaan yang membawa kepada kesan yang sama di peringkat negeri, juga akan dibuat selepas itu. Di bawah

pindaan itu, keputusan dibuat untuk tempoh 15 hari kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan persetujuan kepada setiap rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pindaan itu telah mendapat tentangan daripada raja-raja Melayu itu. Mereka melihat bahawa pindaan yang dicadangkan itu adalah terlalu drastik. Mereka bukan saja melihat apa yang tersurat, tetapi juga yang tersirat. Malah di kalangan mereka ada yang melihat bahawa pindaan itu adalah usaha pertama untuk menjatuhkan raja-raja. Ada yang berhujah bahawa sekiranya kerajaan meminda perlembagaan untuk menjadikan Malaysia sebuah republik, dan sekiranya Yang di-Pertuan Agong enggan memberi perkenan, pindaan yang dikemukakan itu boleh berkuatkuasa sekalipun selepas dua minggu berlalu. Dr. Mahathir sendiri kemudian menjelaskan bahawa menjatuhkan raja-raja bukanlah menjadi matlamat tersurat atau tersirat kerajaannya menetapkan tempoh memberi perkenan itu. Tetapi ini tidak meyakinkan raja-raja. Yang di-Pertuan Agong tetap enggan memberikan persetujuan. Malah pada peringkat itu, raja-raja menyatakan bahawa tindakan kerajaan menetapkan tempoh 15 hari memberi perkenan itu adalah bercanggah dengan perlembagaan. Mereka berhujah bahawa kuasa raja tidak boleh dipinda kecuali setelah dibincang dan mendapat persetujuan Majlis Raja-raja seperti yang ditetapkan oleh Perkara 7 (1) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan membalas hujah dengan berkata, bahawa persetujuan Majlis Raja-raja tidak perlu kerana pada asasnya pindaan yang dicadangkan itu tidak menghapuskan kuasa raja memberikan persetujuan, tetapi menjelaskan lagi kuasa itu untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

Apabila Yang di-Pertuan Agong tetap enggan memberi perkenan, kerajaan pimpinan Dr. Mahathir telah membawa isu kepada rakyat. Perhimpunan-perhimpunan untuk menerangkan rasional kerajaan meminda perlembagaan telah diadakan di setiap negeri. Dalam perhimpunan-perhimpunan, raja-raja telah ditegur, ada kalanya dengan kata-kata pedas dan tajam. Perdana Menteri memberitahu bahawa di dalam Demokrasi Berparlimen, Raja Berpelembagaan, yang berdaulat bukan saja raja-raja. Kedaulatan rakyat menyamai, ada kalanya mengatasi kedaulatan raja. Sejak sistem itu diasaskan, inilah pertama kali para pemimpin kerajaan

dan UMNO memperkatakan soal raja secara terbuka. Tetapi kerana tujuannya bukanlah untuk menjatuhkan sistem itu, maka ia tidak dianggap sebagai menghasut. Tidak ada tindakan undang-undang diambil terhadap mereka.

Apabila jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong dengan sokongan Sultan-sultan lain enggan memberi perkenan terhadap pindaan yang dicadangkan, maka kerajaan dan UMNO bersetuju memberi kompromi. Di bawah tolak ansur itu, kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh memberi perkenan itu kepada sebulan. Sekiranya dalam tempoh itu, raja tidak berpuas hati ke atas mana-mana rang undang-undang, baginda boleh mengemukakan bersama dengan kritik yang dibuat kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Badan legislatif kemudian akan membincangkannya semula dengan mengambil kira pandangan raja, rang undang-undang itu kemudian dipersembahkan semula kepada raja bagi mendapatkan perkenan. Raja juga mempunyai sebulan untuk memberi perkenan yang dikehendaki. Jika tidak, rang undang-undang itu secara automatik boleh diwartakan menjadi undang-undang. Bagaimanapun pindaan yang sama tidak dibuat di negeri-negeri. Andaian dibuat bahawa Sultan juga mengambil iktibar tentang pemberian perkenan itu daripada Perlembagaan Persekutuan.

**YANG DI-PERTUAN AGONG DAN PENGISYTIHARAN DARURAT:** Perlembagaan Persekutuan, menerusi Perkara 150, telah memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan pemerintahan darurat meliputi seluruh negara atau mana-mana bahagian negara ini. Perkara 150(1) itu antara lain menyatakan: "Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar yang sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat dengan membuat dalamnya pengumuman yang bermaksud sedemikian."

Kuasa mengisytiharkan darurat ini pernah digunakan beberapa kali sebelum ini. Keadaan darurat pernah diisytiharkan di Sarawak sewaktu negeri itu menghadapi krisis politik pada 1960-an. Ketika berlaku peristiwa berdarah selepas pilihan raya 13 Mei 1969, keadaan darurat juga telah diisytiharkan. Parlimen

digantung dan negara diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Pada 1977, keadaan darurat juga diisytiharkan di Kelantan apabila tercetus krisis politik di negeri itu. Kerajaan negeri telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Semua keadaan darurat ini telah diisytiharkan oleh Yang Di-Pertuan Agong menggunakan kuasa yang diberikan kepada baginda. Tetapi cadangan bagi darurat itu bukanlah dibuat atas kehendak baginda sendiri, tetapi atas syor Perdana Menteri berdasarkan maklumat yang beliau perolehi daripada agensi-agensi keselamatan yang berada di bawah jagaannya. Perdana Menteri lah yang akan membuat pertimbangan berdasarkan *input* yang ada padanya sama ada keselamatan negara terancam dan pemerintahan darurat perlu diisytiharkan atau tidak. Jika perlu, beliau akan meminta Yang Di-Pertuan Agong mengumumkan perisytiharan darurat itu.

Memandangkan bahawa itulah caranya keputusan pemerintahan darurat dibuat, maka dalam pindaan Perlembagaan 1983 itu, kerajaan Dr. Mahathir mengambil keputusan itu untuk memindahkan kuasa mengisytiharkan darurat kepada Perdana Menteri. Keputusan itu adalah logik. Lagipun, selama ini Yang Di-Pertuan Agong melaksanakan kuasa itu atas nasihat Perdana Menteri. Memindahkan kuasa itu tidak membawa perubahan struktur pada kuasa Yang Di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun soal itu juga, bersama dengan tempoh 15 hari untuk Yang Di-Pertuan Agong memberi perkenan kepada rang undang-undang telah dianggap sebagai menyentuh kuasa Raja Berperlembagaan. Dalam kompromi yang dicapai, kerajaan bersetuju untuk mengekalkan kuasa mengisytiharkan kuasa darurat pada tangan Yang Di-Pertuan Agong seperti asal. Persetujuan ini diberi kerana kerajaan menyedari bahawa sekalipun kuasa mengisytiharkan darurat kuasa Yang Di-Pertuan Agong, tetapi pada asasnya, kuasa itu hanya dilaksanakan atas nasihat Perdana Menteri atau kabinet. Yang Di-Pertuan Agong, tidak kira betapa bebas pemikirannya, tidak boleh mengisytiharkan darurat ikut suka. Jika itu dilakukan, ia adalah bercanggah dengan Perkara 150 (2A) yang dengan jelas menyatakan bahawa Yang Di-Pertuan Agong hanya boleh mengisytiharkan darurat sebagaimana yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri.



## TEGURAN TERBUKA UMNO TERHADAP RAJA

UMNO yang telah menginstitusikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen setiap tahun mengadakan perhimpunan untuk membincangkan berbagai dasar-dasar penting negara - politik, ekonomi dan sosial. Tetapi sehingga perhimpunan 1990, parti itu tidak pernah memperkatakan peranan Raja Berperlembagaan secara terbuka. Ini membayangkan pada keseluruhannya UMNO, sekali pun dari masa ke semasa ada gangguan di sana sini, berpuas hati dengan perjalanan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang telah ia asaskan. Apa juga ketempangan dalam sistem itu seperti misalnya berkait dengan kehadiran Menteri-menteri Besar yang tidak begitu disenangi oleh Sultan-sultan, telah dibetulkan dengan cara yang tidak menimbulkan masalah. Dalam banyak hal, UMNO biasanya mengambil sikap beralah. Menteri Besar yang tidak disenangi oleh Sultan, seperti yang berlaku di Perak dan di Pahang telah diganti. UMNO telah tidak mengambil pendirian yang berkonfrontasi sekali pun sebagai mewakili kuasa rakyat ia sebenarnya boleh berbuat demikian. Dan begitu sayangnya UMNO terhadap pemerintahan beraja, sehinggakan ia telah mengambil langkah-langkah memperketatkan Akta Hasutan 1948 selepas peristiwa berdarah 1969 berkait dengan kedudukan istimewa raja-raja. Siapa juga yang membangkitkan soal raja dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap sistem itu dianggap sebagai menghasut. Perbuatan itu dianggap menderhaka. Ahli-ahli Parlimen juga tidak lagi mendapat keistimewaan untuk mempersoalkan perbelanjaan diraja di Parlimen seperti sebelum pindaan itu dibuat. Apa juga yang diperuntukkan untuk keperluan diraja, diluluskan tanpa perbahasan. Dalam keadaan itu, tidak siapa yang berani untuk memperkatakan kedudukan raja sekali pun Akta Hasutan, seperti yang dijelaskan oleh peguam Zaid Ibrahim, sebenarnya tidak melarang membahaskan peranan Raja Berperlembagaan sekiranya ia bertujuan untuk memperkukuhkan dan menjelaskan lagi peranan sistem itu.

Tetapi toleransi dan kesabaran UMNO juga ada hadnya. Sebagai reaksi kepada tindak-tanduk Sultan Kelantan yang menurut hemat pucuk pimpinan UMNO - negeri dan Pusat - telah melampaui fungsi baginda sebagai Raja Berperlembagaan dalam

pilihan raya umum Oktober 1990, parti itu telah memutuskan untuk memperkatakan peranan Raja Berperlembagaan secara terbuka dalam perhimpungan tahunan UMNO tahun itu. Tujuan perbincangan itu diadakan, seperti yang dijelaskan oleh Presiden parti, bukannya bertujuan untuk mempersoal peranan Raja Berperlembagaan, tetapi untuk menjelaskan peranan itu seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan. Komitmen UMNO pada sistem raja, kata beliau tidak pernah luntur. UMNO sebaliknya bukan saja akan mempertahankan sistem itu, tetapi akan mengambil jalan untuk memperkukuhkannya ke darjat yang benar-benar mulia.

Atas kesedaran itu, dengan persetujuan Majlis Tertinggi, beliau telah membenarkan Perhimpunan Agung UMNO 1990 membincangkan satu usul peranan Raja Berperlembagaan buat pertama kalinya dalam sejarah parti itu. Matlamatnya untuk menjelaskan kepada umum dan kepada raja-raja Melayu itu apakah maksud Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen supaya penyelewengan dalam sistem itu, seperti yang berlaku di Kelantan, tidak merebak sehingga mencemari sistem Raja Berperlembagaan itu sendiri.

Dalam pilihan raya umum Oktober 1990, Barisan Nasional pimpinan UMNO sekali lagi telah menang dengan majoriti dua pertiga di peringkat Persekutuan. Tetapi kejayaan itu telah dicemari oleh kekalahan teruk parti pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Kelantan. Kerajaan UMNO di negeri itu telah tumbang pada gabungan Pas dan Parti Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Tidak seorang pun calon UMNO, baik bagi kerusi Parlimen atau negeri, telah menang di Kelantan. Penguasaan UMNO di Kelantan yang berjaya ditawan daripada Pas dalam tahun 1978 berakhir.

UMNO menghormati pilihan rakyat Kelantan itu. Tetapi di sebalik penerimaan itu, peranan Sultan Kelantan dalam pilihan raya itu telah ditimbulkan. UMNO merasakan, dan perasaan ini memang berasas, bahawa dalam pilihan raya itu Sultan Kelantan terang-terang telah melanggar fungsi baginda sebagai Raja Berperlembagaan dengan mencampuri urusan politik. Dalam pilihan raya itu, Sultan Kelantan dikatakan telah memihak kepada Pas dan Semangat 46. Baginda telah menghasut pengundi supaya jangan mengundi UMNO menggunakan institusi-institusi negeri

yang bernaung di bawah baginda. Selaku Ketua Agama, Sultan Kelantan mempunyai pengaruh langsung terhadap Majlis Agama Negeri dan institusi-institusi majlis yang berada di bawahnya. Sebagai Sultan, baginda juga mempunyai pengaruh langsung ke atas Perkhidmatan Awam.

Lebih dari itu, baginda yang diketahui tidak menyenangi Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Mohamad Yaacob yang juga Ketua UMNO Kelantan. Rasa tidak senang itu memuncak apabila baginda memberitahu Tan Sri Mohamad supaya tidak payah menghadiri majlis-majlis rasmi negeri yang dihadiri oleh baginda. Menteri Besar itu juga telah tidak dijemput untuk berucap pada perayaan hari jadi Sultan atau menyambut kepulangan baginda dari lawatan luar negeri di lapangan terbang. Tindak-tanduk baginda itu adalah isyarat bahawa baginda mahu UMNO menggantikan Tan Sri Mohamad sebagai Menteri Besar. Tetapi pucuk pimpinan UMNO yang berpendapat baginda tidak ada hak untuk menyatakan pilihan siapa yang patut menjadi Menteri Besar, tidak mengendahkan isyarat-isyarat itu. Sekali pun Sultan tidak menyenangi Tan Sri Mohamad sebagai Menteri Besar, beliau turut bertanding dalam pilihan raya 1990 itu yang telah menghasilkan keputusan yang mengejutkan itu.

Di sebalik perbalahan Sultan-Menteri Besar itu juga tersembunyi perpecahan di kalangan orang-orang UMNO di Kelantan yang ada kaitan dengan kegagalan Tengku Razaleigh Hamzah, seorang kerabat diraja Kelantan, untuk mengalahkan Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dalam pemilihan 1987. Kekalahan itu mendorong Tengku Razaleigh membentuk serpihan daripada UMNO yang dikenali sebagai Semangat 46. Sekalipun perpecahan itu berlaku di negeri-negeri lain, tetapi di Kelantan, kerana pengaruh kenegerian, perpecahan itu begitu menonjol sekali. Sultan Kelantan yang mempunyai persaudaraan dengan Tengku Razaleigh, jelas telah membantu kemenangan Tengku Razaleigh di negerinya sendiri. Bagi UMNO apa yang telah baginda lakukan itu adalah penyelewengan daripada fungsi baginda sebagai Raja Berperlembagaan yang menghendaki Sultan tidak mencampuri urusan politik. Apa yang dimahukan oleh UMNO ialah bukan bagi Sultan Kelantan, atau mana-mana Sultan yang lain, untuk menyokong parti itu, atau mana-mana parti lain yang bertanding dalam pilihan raya. UMNO mahu Sultan-

Sultan mengambil sikap yang berkecuali dan tidak memihak pada mana-mana parti dan selepas itu menerima saja pihak yang menang untuk diresmikan membentuk kerajaan. Tetapi dengan terang-terang mencampuri urusan politik, Sultan Kelantan menurut hemat UMNO, telah mencabuli status baginda sebagai Raja Berperlembagaan. Patutkah perkara itu didiamkan sahaja? UMNO membuat keputusan untuk memperkatakan perkara itu secara terbuka. Perhimpunan Agung Parti yang diadakan pada Disember 1990 iaitu kira-kira dua bulan selepas pilihan raya UMNO adalah landasan yang sesuai.

Usul Raja Berperlembagaan UMNO dalam perhimpunan 1990 telah dicadangkan oleh UMNO Pulau Pinang dan disokong oleh UMNO Negeri Sembilan pada petang 1 Disember 1990. Dua belas orang wakil UMNO daripada setiap negeri, termasuk wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita telah membahaskannya selama setengah hari keesokannya – 2 Disember. Ia diluluskan sebulat suara.

Usul tersebut tidak bermaksud untuk mengancam kedudukan raja-raja Melayu. Encik Zaharin Mohd Hashim, sewaktu mencadangkan usul tersebut menyatakan usul tersebut antara lain bertujuan untuk:

- Terus berusaha memelihara dan mengambil langkah-langkah untuk mempertahankan martabat, keutuhan dan kedaulatan raja-raja Melayu dan institusi kesultanan dari apa juga bentuk penyelewengan dan pencabulan oleh mana-mana pihak
- Terus berusaha agar raja-raja Melayu dan institusi kesultanan kekal menjadi lambang ketuanan dan perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip dan amalan Raja Berperlembagaan.
- Berusaha bagi memastikan agar Raja-raja Melayu tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan politik kepartian atau kumpulan dan pentadbiran melainkan mengikut apa yang termaksud dalam perlembagaan.
- Menentang sekeras-kerasnya kumpulan institusi dan pertubuhan yang telah mengheret seorang raja di negeri tertentu ke gelanggang politik kepartian dan kumpulan sehingga menyebabkan nama raja tercemar kerana berkempen dalam pilihan raya.
- Memohon kebijaksanaan Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu

supaya berpegang teguh kepada Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri demi menjamin keutuhan, kedaulatan serta kelangsungan institusi kesultanan.

- Memohon kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu untuk memastikan supaya apa juga institusi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang terletak di bawah kuat kuasa raja-raja Melayu seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Majlis Agama Islam lebih-lebih lagi perkhidmatan awam tidak lagi disalahgunakan untuk kepentingan politik kepartian, kumpulan atau pertubuhan.
- Memohon kefahaman dan keprihatinan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu bahawa sistem Demokrasi Berparlimen, bererti politik kepartian, kumpulan dan pentadbiran adalah peranan yang dipertanggungjawabkan kepada parti-parti politik yang diberi mandat oleh rakyat melalui pilihan raya.

Encik Zaharin juga menerangkan, pihak beliau telah mengemukakan usul itu kerana tiga sebab. Pertama, prinsip Raja Berperlembagaan adalah amat penting dan UMNO mestilah mempertahankan prinsip perlembagaan UMNO seperti di masa-masa lalu khususnya pada waktu banggunya UMNO menentang Malayan Union yang berhasrat untuk menghapuskan raja-raja Melayu. Kedua, negara kita mendokong prinsip kedaulatan rakyat yang meletakkan kuasa pada tangan rakyat melalui Dewan Rakyat dan Jemaah Menteri yang dipilih oleh rakyat. Ketiga, ada tanda-tanda bahawa prinsip Raja Berperlembagaan tidak difahami dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu hingga ia menjadi bertentangan dengan prinsip kedaulatan rakyat.

Apabila UMNO memutuskan untuk membincangkan peranan Raja Berperlembagaan secara terbuka, terdapat kebimbangan bahawa ahli-ahli parti akan membincangkannya secara emosional sehingga menimbulkan perkara-perkara yang dianggap sensitif. Terbukti tanggapan itu adalah silap. Mereka yang berpeluang untuk membahaskan usul tersebut telah memperlihatkan kematangan yang agak luar biasa. Mereka memahami peruntukan-peruntukan perlembagaan berkait dengan soal itu. Dalam membahaskan usul itu, tidak ada desakan dibuat supaya sistem Raja Berperlembagaan dikaji semula; atau suara-suara yang mahukan sistem itu dilenyapkan sekiranya ia tidak lagi meng-

untungkan. Yang bercakap semuanya menyatakan pendirian bahawa raja dan UMNO adalah ibarat aur dengan tebing, muzik dan irama, isi dengan kuku. Kata-kata itu membayangkan bahawa UMNO dan raja mempunyai ikatan simbiotik yang tidak dapat dipisahkan. Apa yang dikehendaki oleh untuk kedua unsur itu memainkan peranan seperti yang ditetapkan. Tidak lebih tidak kurang.

Setiap pembahas turut memuji Sultan masing-masing yang mereka kata bagi sebahagian besar tempoh mereka bertakhta senantiasa berpegang teguh pada perjanjian yang telah dibuat dengan rakyat. Malah wakil Kelantan, Zaid Ibrahim sendiri tidak mengambil pendirian yang kritikal terhadap Sultannya. Bagi beliau Sultan Kelantan sebenarnya cerdik, tetapi telah diperdayakan oleh golongan-golongan tertentu. Beliau tidak menyalahkan Sultan, tetapi kumpulan-kumpulan tersebut kerana telah mengheret istana ke dalam politik kepartian.

Pembahas-pembahas lain, antaranya Adam Abdul Hamid, Dr. Affifuddin Omar bukan saja menyalahkan Sultan apabila mereka mencampuri politik. Menurut mereka orang-orang UMNO sendiri yang pada waktu-waktu tertentu mengheret Sultan ke kancah politik. Ini kerana menurut mereka ada antara orang UMNO kerana ingin menjadi EXCO atau Menteri Besar telah melobi pihak istana. Malah ada orang UMNO yang didakwa tidur di istana semata-mata kerana ingin menjadi ahli Dewan Rakyat. Jelas di sini bahawa yang dikritik oleh orang-orang UMNO ialah kecenderungan mereka sendiri untuk melibatkan Sultan dalam politik. Hal ini tidak patut berlaku, kata mereka, dan jika terjadi, UMNO sendirilah yang patut disalahkan.

Dalam perbahasan terbuka di perhimpunan UMNO itu juga kita didedahkan dengan cara yang berterus terang mengenai apa yang dianggap sebagai campur tangan Sultan dalam politik, bukan saja di Kelantan, tetapi rupa-rupanya di negeri lain selama ini. Antara yang didedahkan termasuklah: Ada Sultan bertindak tidak mengikut nasihat Menteri Besar; Sultan menolak calon Menteri Besar yang dikemukakan oleh UMNO negeri; Sultan melengah-lengahkan perlantikan Menteri Besar dan EXCO; adanya Sultan yang ingin mengambil kesempatan untuk menentukan Menteri Besar, EXCO dan mempengaruhi perlantikan dalam perkhidmatan awam.

Di samping itu, pembabitan Sultan-sultan tertentu dalam dunia perniagaan, yang jelas dilarang oleh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri juga didedahkan dan dihuraikan secara terperinci. Ini dilakukan oleh Dr. Affifuddin Omar dari Kedah. Menurut analisis beliau, Sultan berkecimpung dalam dunia perniagaan kerana ingin memperbaiki status sosio ekonomi mereka yang semakin dicabar oleh kemunculan jutawan-jutawan Melayu yang secara terbuka sudah menyaingi kedudukan Sultan itu sendiri. Ini berlaku kerana ada antara jutawan Melayu baru itu memiliki kedudukan kebendaan yang lebih baik. Sultan yang tidak mahu kalah dari segi persaingan itu lalu melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

Jelas bahawa selama setengah hari dalam perhimpunan UMNO 1990, para perwakilan UMNO buat pertama kalinya telah membincangkan peranan Raja Berperlembagaan secara terbuka dan berterus terang tanpa emosi. Anggapan bahawa memperkatakan raja adalah satu *taboo* atau larangan, sudah dipisahkan. Orang-orang Melayu sekarang maklum bahawa sekiranya memperkatakan kedudukan raja-raja mereka dengan tujuan kebaikan, perbuatan itu sebenarnya tidak menghasut atau satu penderhakaan. Mereka hanya akan dituduh menghasut sekiranya mereka memperkatakan kedudukan raja-raja dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap institusi itu. Dalam perhimpunan UMNO itu jelas kecenderungan ke arah itu tidak ada. Apa yang ada ialah seruan supaya Sultan-sultan berpegang pada perjanjian dengan rakyat untuk menjadi Raja Berperlembagaan yang disara sepenuhnya oleh rakyat. UMNO nampaknya akan terus mempertahankan Raja Berperlembagaan yang telah ia asaskan. Ucapan-ucapan 14 orang perwakilan UMNO yang telah membahaskan usul Raja Berperlembagaan membayangkan komitmen UMNO itu. Ini pula diperkukuhkan oleh Presiden parti, Dato' Sri Dr. Mahathir dalam ucapan penutupnya.

Itu sebabnya, selepas usul itu diluluskan, pucuk pimpinan UMNO telah menyerahkannya kepada raja-raja Melayu untuk makluman baginda. Tidak ada cadangan bagi meminda perlembagaan berkait dengan soal itu. Malah desakan supaya Akta Hasutan 1948 dilonggarkan bagi membolehkan rakyat membincangkan tandak-tanduk raja-raja Melayu secara terbuka

tanpa berdepan dengan dakwaan menderhaka atau menghasut, telah tidak dilayan oleh kerajaan pimpinan UMNO. Ini bermakna bahawa memperkatakan sesuatu yang berkait dengan raja-raja Melayu dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian atau kehinaan terhadap institusi itu, tetap dianggap satu kesalahan besar dari segi undang-undang negara. Komitmen UMNO pada institusi Raja Berperlembagaan tetap tidak luntur seperti pada 1946 dan 1957 tatkala kita memasuki abad ke-21.

### **MENDEDAHKAN PERMOHONAN DAN KERENAH RAJA**

Selain dari disediakan peruntukan tahunan, raja dan Sultan juga membuat permohonan tambahan dari kerajaan dari masa ke masa. Ada yang meminta perbelanjaan tambahan bagi membesarkan istana atau bagi tujuan kerja mengubah suai istana. Ada juga yang meminta peruntukan tambahan bagi menampung perbelanjaan di luar jangkaan. Ada juga yang memohon mendapatkan tanah, kawasan balak, lombong, tender dan peluang-peluang perniagaan yang lain. Tidak semua permohonan dilayan oleh kerajaan negeri. Ada permintaan yang diterima, ada juga yang ditolak. Tetapi sama ada permohonan itu dipersetujui atau tidak, rakyat biasanya tidak diberitahu. Kerajaan sendiri tidak mendedahkan permohonan dan kerenah raja kepada umum. Yang kedengaran cuma desas-desus.

Bagaimanapun di bawah Dr. Mahathir, terdapat semacam usaha sengaja untuk mendedahkan permohonan-permohonan raja. Pendedahan itu begitu menonjol selepas kerajaan mendapati bahawa teguran-teguran yang disuarakan oleh UMNO, pada mulanya secara tertutup, kemudian secara terbuka, seolah-olah tidak begitu diendahkan oleh raja. Empat kes akan dijadikan contoh di sini. Pertama, tindakan Yang di-Pertuan Agong menempah pakaian pertabalan di London; kedua, tindakan Sultan Kelantan melarikan kereta Lamborghini Diablo bernilai \$2.1 juta dari simpanan kastam di Lapangan Terbang Subang; ketiga, pemberian saham kepada raja dan akhir sekali pendedahan UMNO Selangor tentang kerenah dan permohonan Sultan negeri itu.



## AGONG DAN BAJU PERTABALAN:

Sejak merdeka hingga sekarang, Malaysia sudah mempunyai sembilan orang Yang di-Pertuan Agong. Tempoh bagi setiap Sultan memegang jawatan itu secara bergilir-gilir ialah lima tahun. Sebagai mengisytiharkan Yang di-Pertuan Agong baru, upacara pertabalan diadakan biasanya tidak lama selepas baginda memegang jawatan. Bagi upacara itu, Yang di-Pertuan Agong dikehendaki memakai baju khas yang disulam dengan benang emas. Di mana baju itu ditempah, barangkali tidak ramai yang tahu. Rakyat hanya mendapat gambaran tentangnya apabila akhbar-akhbar pada 5 April 1989 melaporkan bahawa Sultan Azlan Shah, yang telah dipilih oleh Majlis Raja-raja menjadi Yang di-Pertuan Agong ke sembilan, telah berlepas ke London menempah baju pertabalannya di ibu negara Britain itu. Berapa belanja tempahan tidak pula dinyatakan.

Tetapi oleh kerana inilah pertama kali baju pertabalan Yang di-Pertuan Agong dijadikan berita, maka pelbagai tanda tanya ditimbulkan tentang motif pendedahan berita itu. Ada yang melihat bahawa itu adalah usaha kerajaan untuk mendedahkan kepada umum tentang perbelanjaan raja sehingga untuk menempah baju pertabalan juga dibuat di luar negara. Apakah tidak ada tukang jahit di dalam negara yang mampu untuk menyiapkan baju itu? Persoalan itu telah ditimbulkan oleh seorang pembaca dalam suratnya kepada ruangan *Forum Utusan Malaysia* beberapa hari selepas itu. Keadaan itu tidak patut berlaku kerana sejak merdeka, menurut surat itu, tukang jahit tempatan sepatutnya sudah ada kemampuan untuk membuat baju pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Selepas didedahkan bahawa Yang di-Pertuan Agong telah pergi ke London, lima hari selepas itu akhbar-akhbar mendedahkan pula bahawa Kerajaan Pusat telah menempah sebuah kereta Rolls Royce model terbaru berharga \$1.3 juta untuk kenderaan rasmi baginda. Sebuah lagi kereta mewah jenis Daimler berharga \$700,000, telah dibeli untuk kegunaan Raja Permaisuri Agong. Pembocoran berita itu tentunya dibuat untuk memberi gambaran secara sepintas lalu tentang peruntukan yang diberikan kepada institusi raja di negara ini. Selama ini rakyat tidak begitu mengetahui tentangnya kerana kerajaan sendiri tidak

mendedahkannya kepada umum. Apa juga permohonan raja, diterima atau ditolak, ditutup. Kerajaan pimpinan UMNO nampaknya tidak bersedia berbuat demikian lagi. Ini terbukti apabila kerajaan juga mendedahkan tindakan Sultan Kelantan melarikan kereta mewah Lamborghini Diablo yang belum dibayar cukai di Lapangan Terbang Subang pada Mac 1992. Sebelum itu, Selangor telah mendedahkan permohonan-permohonan tambahan yang telah dibuat oleh Sultan negeri itu dalam Perhimpunan Agung UMNO dalam bulan November 1990.

### **MENDEDAHKAN PERMOHONAN SULTAN SELANGOR**

Negeri pertama yang secara berani dan berterus terang mendedahkan permohonan-permohonan tambahan Sultan, selain dari peruntukan tahunan yang disediakan oleh kerajaan ialah Selangor. Pendedahan ini telah dilakukan dalam Perhimpunan Agung UMNO 1991 oleh Setiausaha Politik Menteri Besar, Haji Zainal Sakom yang telah diberi mandat oleh UMNO Selangor berucap dalam perhimpunan di Kuala Lumpur itu. Ia dilakukan ketika masalah Menteri Besar dengan Sultan memuncak dan sebagai lanjutan kepada teguran yang dibuat tahun sebelumnya ketika UMNO membincangkan usul Raja Berperlembagaan pada 1990. Ketika itu, perbincangan masih lagi secara sindir-sindir dan tidak ada pendedahan tentang kerenah dan permohonan raja telah didedahkan. Dalam perhimpunan 1991 itu, Haji Zainal telah tidak berselindung-selindung lagi menghebahkan apa yang telah diminta oleh Sultan dari kerajaan.

Ini termasuk permohonan untuk mendapat tanah, tender dan kontrak kerajaan, lesen dan berbagai-bagai lagi peluang perniagaan yang boleh diberikan oleh kerajaan negeri. Yang diminta bukan saja projek-projek yang besar, tetapi juga yang kecil-kecil termasuk tender \$80,000 oleh Majlis Perbandaran Kelang, permohonan untuk membina stesyen minyak di Shah Alam. Permohonan Sultan untuk mendapatkan peruntukan tambahan sebanyak \$11 juta bagi memperbaiki Istana Shah Alam juga telah didedahkan. Kerana kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan itu, maka wang sebanyak itu yang telah ditetapkan bagi membina sekolah-sekolah agama di negeri itu telah dipotong dan

disalurkan kepada istana kerana "mahu menjaga hati Sultan tetapi malangnya baginda tidak pernah berpuas hati."

Haji Zainal bukan saja mendedahkan permohonan-permohonan Sultan Selangor yang telah meletakkan kerajaan negeri dalam serba salah, tetapi juga menimbulkan kehadiran apa yang beliau panggil "kapitan-kapitan Cina" yang mengelilingi Sultan dan mendapat faedah daripada projek-projek yang diluluskan. Beliau menceritakan bagaimana tanah yang diberi kepada Sultan berpindah kepada kapitan-kapitan Cina itu dan bagaimana tender yang diberikan juga akhir jatuh ke tangan tauke-tauke Cina yang dituduh telah memeralatkan Sultan untuk kepentingan mereka. Kapitan-kapitan Cina itu apabila tidak berpuas hati dengan Menteri Besar dituduh menghasut Sultan supaya membenci Menteri Besar. Setiap kali pilihan raya diadakan, mereka akan memainkan peranan untuk cuba menentukan calon Menteri Besar dan EXCO dengan harapan kuda tunggangan mereka akan diberi jawatan itu supaya mereka mendapat habuan yang dikehendaki selepas itu.

Dakwaan-dakwaannya yang dibuat oleh Haji Zainal terhadap Sultan Selangor itu adalah sesuatu yang serius dan tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pemimpin UMNO dalam satu perhimpunan terbuka serupa itu. Ia boleh membuat rakyat tertanya-tanya kepentingan siapakah yang sebenarnya dijaga oleh Sultan. Jika Sultan boleh diperalatkan oleh bukan Melayu, bolehkah baginda diharapkan untuk menjaga kepentingan Melayu seperti yang diminta oleh perlembagaan? Persoalan juga ditimbulkan apakah Sultan Selangor sahaja yang berbuat demikian? Atau apakah ia satu fenomena meluas yang juga berlaku pada Sultan-sultan lain? Soalan-soalan mungkin jahat nadanya, tetapi ia adalah pertanyaan-pertanyaan yang logikal. Ia boleh membuat orang Melayu mempunyai pandangan kedua tentang Sultan-sultan mereka. Bagaimanapun jika tuduhan yang ditimbulkan oleh Haji Zainal Sakom itu tidak berasas, beliau tentu tidak akan berani untuk membangkitkannya. Kata orang kalau tidak ada angin, masakan pokok bergoyang. Namun begitu kerana pendedahan yang dibuat bukan sebagai satu penderhakaan, tetapi untuk membetulkan penyelewengan yang berlaku dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, beliau sanggup menghebahkan sesuatu yang selama ini ditutup. Pada

mulanya Sultan Selangor berasa murka seperti yang terbayang apabila baginda memutuskan untuk tidak menganugerahkan sebarang bintang kebesaran negeri kepada calon-calon yang dicadangkan oleh UMNO. Bagaimanapun akhirnya baginda menerima hakikat dan menerima pendedahan yang dibuat dengan hati yang terbuka. Ini terbukti dengan kesediaan baginda menandatangani Perisytiharan Raja Berperlembagaan bersama dengan lima Sultan lain pada 4 Julai 1992 di Istana Negara. Hubungan baginda dengan Menteri Besar juga selepas itu pulih.

### SULTAN KELANTAN DAN LAMBORGHINI DIABLO

Kisah Sultan Kelantan "melarikan" kereta mewah Lamborghini Diablo yang telah dibeli dari Itali dengan harga \$650,000 dari simpanan kastam ini menjadi berita utama muka satu akhbar nasional pada 23 Mac 1992. Sultan Kelantan telah mengambil tindakan itu selepas permintaan baginda untuk mendapatkan pelepasan cukai bagi kereta tersebut yang dinilai \$2.5 juta telah ditolak oleh Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Serentak dengan itu, didedahkan juga bahawa Sultan Kelantan juga masih belum menjelaskan bayaran tambang bagi kereta itu kepada Penerbangan Malaysia. Kereta Lamborghini itu telah diletakkan di bawah simpanan Jabatan Kastam sejak 2 Mac 1992. Selepas dua minggu menunggu dan selepas usaha untuk mendapatkan pelepasan cukai ditolak, Sultan Kelantan sendiri telah pergi ke Kompleks Kargo MAS/Jabatan Kastam untuk melihat dan seterusnya memandu uji kereta yang sejak sekian lama menjadi idaman baginda itu. Dalam proses memandu uji itu, baginda telah "melarikan" kereta tersebut ke salah sebuah istananya di Kuala Lumpur. Ia kemudian dibawa ke Kota Bharu.

Dalam keadaan biasa jika Sultan Kelantan tidak ada masalah dengan Kerajaan Persekutuan, tindakan baginda itu mungkin akan ditutup. Malah ia tidak akan berlaku pada mulanya kerana hubungan yang baik tidak akan menimbulkan persoalan untuk baginda, atau Sultan-sultan lain, mendapatkan pelepasan cukai yang diperlukan bagi mengimport kereta mewah. Ini kerana sekalipun terdapat persetujuan antara Majlis Raja-raja dengan Kerajaan Persekutuan bahawa seorang Sultan semasa bertakhta hanya boleh mendapat pelepasan cukai bagi kereta mewah yang

dibeli dari luar, peraturan itu telah tidak dikuatkuasakan dengan cara yang ketat. Misalnya Sultan Kelantan sendiri sudah memiliki 21 buah kereta mewah yang dibeli tanpa membayar cukai. Jumlah itu melebihi kuota tujuh yang ditetapkan, tetapi telah diberi kerana baginda mempunyai hubungan yang baik dengan Kuala Lumpur. Lamborghini Diablo itu adalah kereta mewah baginda yang ke-22 dan menurut perhitungan baginda sekiranya yang ke-21 diberi pelepasan cukai, yang ke-22 juga tidak ada masalah. Tambahan pula baginda sendiri mempunyai tafsiran yang berbeza tentang kuota tujuh buah kereta yang ditetapkan itu. Menurut baginda, kerajaan tidak ada kuasa menghadkan bilangan itu. Kuasa itu adalah kuasa *Ruler in Council* iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telahpun meluluskan permohonan baginda untuk membeli kereta itu.

Kerajaan Persekutuan bagaimanapun tidak setuju. Oleh kerana Jabatan Kastam dan Eksais adalah tanggungjawab Menteri Kewangan, maka beliaulah menteri yang terkedepan dalam menangani isu Sultan Kelantan dan Lamborghini Diablo itu. Dato' Sri Anwar tidak mengambil masa yang lama untuk menyatakan pendirian kerajaan. Pada 25 Mac - dua hari selepas berita menggemparkan diketahui - beliau memberi kata dua kepada Sultan Kelantan: Serahkan kereta yang dilarikan itu atau jelaskan cukai \$2.1 juta yang belum dibayar. Beliau juga secara rasmi memberitahu bahawa permohonan Sultan Kelantan untuk mendapatkan pelepasan cukai telah ditolak. Beliau juga menganggap tindakan Sultan Kelantan melarikan kereta dalam simpanan kastam itu sebagai "cubaan mengelak cukai, melanggar peraturan dan tidak menghormati pegawai." Tuduhan-tuduhan begini terhadap seorang Sultan belum pernah dilemparkan oleh seorang menteri sebelum ini. Beliau juga mengingatkan Sultan Kelantan bahawa kuasa memberi pelepasan cukai adalah kuasa Persekutuan bukan negeri. Kerana Sultan Kelantan sudah memenuhi kuota bagi mendapatkan pelepasan cukai yang dihadkan kepada tujuh buah pada 1972, kerajaan tidak dapat melayan permohonan baginda.

Sultan dan kerajaan Kelantan tidak berdiam diri terhadap kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Anwar itu. Sultan sendiri pada mulanya tidak membuat sebarang kenyataan rasmi. Tetapi Setiausaha Sulitnya, Fuad Hassan dan juga Menteri Besar, Nik

Aziz Nik Mat serta EXCO Kelantan yang lain, telah mempertahankan tindakan Sultan melarikan kereta itu. Mereka berpendapat bahawa Sultan hanya mengambil apa yang hak bagi baginda. Kerajaan Kelantan pula menjelaskan bahawa hak menentukan bilangan kereta untuk Sultan adalah hak kerajaan negeri Kelantan, bukannya Majlis Raja-raja. Kerana itu, ia berhujah bahawa selepas Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan meluluskan permohonan Sultan itu, pelepasan cukai sepatutnya diberikan. Anwar tidak setuju dengan tafsiran itu. Beliau tetap mempertahankan bahawa cukai adalah kuasa Kerajaan Persekutuan.

Apabila isu Lamborghini itu menjadi semakin hangat, Sultan Kelantan yang pada mulanya membisu, akhirnya membuat kenyataan pada 27 Mac 1992. Baginda telah bertitah di Masjid Muhammadi selepas sembahyang Jumaat pada hari itu untuk memberitahu rakyat Kelantan bahawa berita yang disebarikan oleh media massa bahawa baginda telah melarikan kereta tanpa membayar cukai adalah tidak benar. Menurut baginda "berita gempar yang tidak benar, yang diatur sedemikian rupa untuk maksud-maksud tertentu yang membayangkan niat yang tidak bersih dan motif yang dipimpin oleh prasangka buruk dan dendam-dendam halus yang bertentangan dengan semangat Ramadan (ketika kenyataan itu dibuat bulan puasa) yang bertimbang rasa dan adil.... Ia merupakan berita sebelah pihak yang dirancang untuk tujuan penghinaan dan menjamu selera tertentu, tetapi kebenaran dan keadilan tidak mungkin dikelirukan semudah dan semurah itu."

Sultan Kelantan selanjutnya bertitah: Sebenarnya isu pembelian kereta yang dilakukan oleh raja-raja Melayu yang lain bukanlah isu yang rumit seperti yang mahu digambarkan oleh sesetengah pihak yang tidak senang dengan kedudukan raja di dalam perlembagaan atau oleh sesetengah pihak yang ingin terus berdendam kerana suatu cita-cita yang tersemat di dalam lubuk hati mereka.... Jika peraturan mengenai pembelian kereta oleh raja-raja Melayu itu dibaca tanpa prasangka dan dendam-dendam halus, tentulah tidak ada perkara yang boleh dijadikan isu hangat kerana istilah-istilah yang digunakan dalam peraturan-peraturan itu cukup jelas dan tidak mungkin mendatangkan kekeliruan."

Dalam titah tujuh halaman itu, Sultan Kelantan turut memperkatakan secara ringkas peranan raja sebagai Ketua Agama dan pelindung hak istimewa orang Melayu. Baginda juga menolak Kod Etika Raja yang disyorkan oleh UMNO untuk raja-raja Melayu dan sebaliknya bertitah tatacara serupa itu tidak perlu. Bagi baginda "sebagai Ketua Agama Islam di negeri, maka tidak ada *Code of Ethic* yang lain yang mengikat raja-raja Melayu selain dari *Code of Ethic Al Koran, Al Sunnah* dan *Sirah Rasulullah*. Inilah satu-satunya *Code of Ethic* yang berupaya mengikat setiap Muslim dari raja-raja, ketua-ketua negara, Perdana Menteri, menteri-menteri kabinet, pegawai-pegawai dari semua lapisan dan rakyat jelata dari semua peringkat."

Kerajaan Kelantan juga kemudian mengeluarkan Buletin Khas memperincikan pembelian Lamborghini Diablo daripada mulanya permohonan dibuat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada November 1991 membawalah ketibaannya di Subang pada 2 Mac 1992 dan seterusnya tindakan Sultan melarikan kereta itu pada 19 Mac 1992. Buletin itu juga menurunkan sebahagian Akta Kastam 1967 (Pindaan 1991) yang memberi kuasa kepada *Ruler in Council* yang ditafsirkan oleh kerajaan Kelantan sebagai Majlis Mesyuarat Kelantan menghadkan jumlah kereta yang boleh dimiliki oleh seorang raja.

Seperti yang diduga, titah Sultan Kelantan serta kerajaan negeri telah tidak meredakan keadaan. Sebaliknya ia menjadi minyak yang menyemarakkan lagi kemarahan Kerajaan Persekutuan. Pendirian tegas Dato' Sri Anwar itu juga mendapat sokongan menteri-menteri kabinet yang lain, termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri serta para penyokong kerajaan yang lain. Bagaimanapun setelah jelas bahawa Sultan Kelantan tidak mahu tunduk pada kata dua Anwar – bayar cukai atau serah kereta – Anwar sendiri akhirnya memberitahu bahawa isu Lamborghini itu akan diselesaikan mengikut saluran biasa. Pihak kastam telah ditugaskan untuk mendapatkan bayaran cukai itu, atau jika gagal mengusahakan cara untuk merampas kereta tersebut. Itu adalah tugas yang boleh dikatakan mustahil. Kedudukan Sultan di atas undang-undang, tidak membolehkan Jabatan Kastam menggunakan mahkamah untuk menuntut cukai. Untuk pergi ke istana bagi mengambil Lamborghini ada risiko tersendiri. Pihak polis siang-siang lagi

sudah menyatakan bahawa polis tidak akan menghalang kastam merampas kereta itu dari Sultan. Tetapi ia sendiri tidak akan berbuat demikian kerana tugas itu adalah tugas kastam.

Setelah Anwar membuat kenyataan bahawa isu Sultan Kelantan akan diselesaikan ikut saluran biasa, soal Lamborghini itu lenyap. Pemerhati mengatakan, isu itu akan menemui jalan buntu dan tidak akan dapat diselesaikan. Tetapi pengamatan ini terbukti tidak tepat. Pada 24 Jun 1992, selepas kira-kira tiga bulan berlalu dan orang sudah hampir lupa dengan isu Sultan Kelantan dan Lamborghini itu, Dato' Sri Anwar Ibrahim mengeluarkan kenyataan bahawa persoalan itu sudah diselesaikan dengan cara yang memuaskan hati beliau. Pada hari yang sama, Jabatan Kastam dan Eksais juga mengeluarkan kenyataan yang membawa maksud yang sama.

Kerana tidak ada penjelasan lanjut bagaimana penyelesaian itu dibuat, maka kenyataan Anwar itu telah membangkitkan lebih banyak persoalan. Apakah bentuk penyelesaian yang dicapai? Sudahkan Sultan Kelantan menjelaskan cukai \$2.1 juta yang dituntut? Atau apakah kerajaan membuat keputusan untuk memberi pelepasan cukai yang dipohon oleh Sultan Kelantan? Persoalan menjadi lebih rumit, apabila Setiausaha Sulit Sultan Kelantan keesokannya memberitahu bahawa Sultan Kelantan telah tidak membayar duti import Lamborghini itu. Lalu ada yang membuat kesimpulan bahawa ada pihak lain yang telah membayar cukai itu. Kalau betul, siapakah yang telah meminta pihak itu menjelaskan cukai tersebut? Sultan Kelantan? Pihak istana segera menjelaskan bahawa Sultan Kelantan tidak ada mengarahkan sesiapa membayar cukai itu bagi pihak baginda. Apakah bayaran itu telah dibuat secara sukarela. Pelbagai spekulasi tentang pembayar misteri yang katanya terdiri dari tiga atau empat orang usahawan Bumiputera itu telah ditimbulkan. Ada kalangan (antara lain Lim Kit Siang, lihat *New Straits Times* 4 Julai) membuat kesimpulan bahawa tindakan membayar cukai Lamborghini itu bukannya untuk menolong Sultan Kelantan, tetapi Dato' Sri Anwar sendiri yang tersepit dalam isu itu. Dengan menjelaskan cukai tersebut, Anwar dengan sendiri tidak lagi dibebankan dengan isu itu, kata mereka. Ini kerana sekiranya soal itu dibiarkan berpanjangan dan Anwar gagal mencari penyelesaian, kewibawaannya akan tercabar. Di satu pihak beliau



bertegas manakala pada pihak lain beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana kedudukan istimewa Sultan di atas undang-undang.

Bagi Anwar sendiri spekulasi negatif itu tidak dihiraukan. Yang penting bagi beliau ialah isu Lamborghini Sultan Kelantan itu sudah selesai dengan cara yang memuaskan hati beliau. Orang lain tidak puas hati dan terus berada dalam misteri seolah-olah tidak menjadi hal baginya. Tetapi tindakan Sultan Kelantan itu ada pengajarannya kepada Sultan-sultan yang lain. Dengan bertindak tegas, Kerajaan Persekutuan juga telah memberi notis kepada baginda-baginda bahawa permohonan raja-raja untuk mendapatkan pelepasan cukai bagi kereta mewah yang dibeli dari luar seandainya had tujuh buah yang diberikan sudah dipenuhi, adalah tidak lagi automatik. Tetapi menarik untuk diperhatikan ialah apakah ketegasan yang sama akan dilaksanakan terhadap raja-raja yang tidak ada masalah dengan para pemimpin Persekutuan atau hanya untuk yang tidak disenangi seperti Sultan Kelantan?

## PEMBERIAN SAHAM KEPADA RAJA

Pemberian saham Proton sebanyak 100,000 unit kepada raja-raja Melayu (dan 50,000 unit kepada Yang di-Pertuan Negeri) adalah rahsia yang terdedah kepada umum tidak lama selepas berlaku kontroversi Sultan Kelantan melarikan Lamborghini Diablo. Pendedahan itu tidak dibuat oleh Kerajaan Persekutuan yang telah menawarkan saham-saham tersebut tetapi sebaliknya oleh sepucuk surat yang ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Rafidah Aziz kepada Sultan Kelantan. Surat itu menawarkan 100,000 unit saham Proton (bernilai setengah juta ringgit) kepada baginda. Baginda telah menolaknya, bukan kerana baginda tidak mahu menerimanya tetapi bimbang bahawa penerimaannya akan dijadikan isu yang akan diungkit-ungkit dalam Perhimpunan Agung UMNO kemudian nanti. Tetapi dengan menyebarkan surat tersebut terdapat satu lagi motif tersirat Sultan Kelantan. Baginda sebenarnya ingin memberitahu bahawa tanpa ada permohonan dari raja-raja, kerajaan juga ada kalanya telah mengambil inisiatifnya sendiri untuk memberi sesuatu yang tidak diminta oleh raja.

Dr. Mahathir Mohamad dengan segera dapat membaca motif tersirat penyebaran surat tawaran khas saham Proton kepada Sultan Kelantan itu. Beliau lalu membuat penjelasan pemberian saham tersebut dibuat oleh kerajaan kerana ada beberapa orang raja (tidak termasuk Sultan Kelantan tentunya) sebenarnya telah membuat permohonan untuk mendapat saham Proton itu. Sebelum inipun, ada antara mereka yang telah berbuat demikian, tetapi telah tidak dilayan. Bagaimanapun menurut Dr. Mahathir oleh kerana projek kereta Proton adalah kejayaan nasional, maka beliau berfikir adalah wajar bagi raja-raja Melayu turut sama menikmati kejayaan itu. Keputusan dibuat untuk mengeluarkan tawaran khas saham kepada Sultan-sultan. Persoalannya ialah apakah pemberian itu hanya dibuat kepada Sultan yang membuat permohonan atau kepada semua termasuk empat Yang Dipertua Negeri? Keputusan dibuat bahawa pemberian itu adalah untuk semua. Sekiranya hanya yang memohon saja diberi, akan timbul tuduhan bahawa kerajaan telah berlaku tidak adil: Mengapa ada raja yang dapat, ada yang tidak. Untuk mengelakkan tuduhan-tuduhan itu, maka pemberian sama rata sebanyak 100,000 unit diputuskan. Pemberian itu bukanlah percuma. Raja-raja kenalah membayar mengikut harga yang ditetapkan. Tetapi dengan mendapat tawaran khas, raja-raja tidaklah perlu bersaing dengan ribuan rakyat biasa lain yang juga telah membuat permohonan untuk mendapatkan saham Proton itu. Kerana bilangan rakyat yang memohon adalah ramai, ada antara mereka tidak mendapatnya, sekalipun terpaksa bersaing. Semua raja dan Sultan - kecuali Kelantan - telah menerima tawaran khas itu kerana saham Proton terbukti kemudian memberi pulangan yang terjamin.

## SIAPA MENANG SIAPA KALAH?

DALAM menangani kerendah raja dan Sultan yang dianggap sudah melampaui peranan, fungsi dan kuasa mereka sebagai Raja Berperlembagaan, UMNO bukan sekadar membuat teguran dan pendedahan. Berasaskan teguran dan pendedahan itu, UMNO telah merakamkan rasa tidak senangnya terhadap tanduk raja dalam sebuah memorandum yang kemudian dipersembahkan kepada raja-raja itu sendiri untuk perhatian dan tindakan. Ekoran pembentangan memorandum itu, raja-raja bersetuju kepada penggubalan satu kod etika yang menjadi satu garis panduan tambahan, selain dari Perlembagaan Negeri-negeri dan Persekutuan, tentang kuasa, peranan dan fungsi mereka *vis a vis* Menteri Besar di setiap negeri. Kod etika itu, setelah dipersetujui dan ditandatangani pada 4 Julai 1992, dikenali sebagai Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Sekalipun hanya enam orang Sultan saja telah menandatangani perisytiharan itu, tiga lagi - Sultan-sultan Kelantan, Johor dan Kedah enggan - tetapi UMNO tetap berpendapat bahawa ia akan membentuk hubungan baru antara raja dan rakyat. Persoalan ditimbulkan: Dengan terbentuknya perisytiharan itu siapa yang menang: UMNO atau raja? Persoalan juga ditimbulkan: Apakah perisytiharan itu akan menjamin hubungan yang baik antara raja dengan Menteri Besar? Berakhirkah krisis Sultan dan Menteri Besar? Ini adalah antara persoalan-persoalan yang akan ditinjau dalam bab ini. Tetapi sebelum itu, penghuraian serba ringkas tentang memorandum UMNO kepada raja adalah perlu.

## MEMORANDUM UMNO KEPADA RAJA

Memorandum UMNO memperincikan tindak-tanduk raja-raja yang dianggap bercanggah dengan fungsi mereka sebagai Raja Berperlembagaan telah diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong pada 24 Februari 1992 dan kepada raja-raja Melayu lain sehari kemudian pada 25 Februari. Penyerahan kepada Yang di-Pertuan Agong telah dibuat oleh rombongan yang terdiri daripada tiga Naib Presiden Parti, Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita; manakala penyerahan memorandum kepada raja-raja Melayu lain, kesemua ahli Majlis Tertinggi dengan diketuai oleh tiga orang Naib Presiden telah turut serta. Dokumen itu telah diserahkan di Istana Negara. Dalam majlis penyerahan itu, semua Sultan - kecuali Sultan Kelantan dan Kedah - hadir. Sultan Kelantan tidak hadir kerana negeri itu diperintah oleh APU, bukan UMNO manakala Sultan Kedah pula dikatakan memberi alasan bahawa salah laku yang ditimbulkan dalam memorandum itu tidak pernah baginda buat. Jadi tidak ada sebab untuk baginda turut serta. Bagi UMNO pula, Presiden dan Timbalan Presiden tidak menyertai rombongan kerana mereka ingin memberitahu raja-raja bahawa rasa tidak senang UMNO sebenarnya bukanlah pandangan mereka berdua sahaja, seperti yang disangka oleh sesetengah raja, tetapi merupakan pendirian UMNO pada keseluruhannya.

Memorandum itu secara spesifik tidak pula menggariskan mana-mana raja yang dianggap telah bersalah. Pandangan yang dinyatakan adalah umum dan tidak ditujukan kepada sesiapa. Tetapi memorandum yang berasingan tentang tindak-tanduk Sultan di setiap negeri telah disediakan oleh setiap Menteri Besar jika diperlukan untuk dijadikan bukti bagi melengkapi tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh UMNO. Tetapi kerana raja-raja menerima memorandum itu dengan baik, dokumen-dokumen lain yang dibentangkan tidak perlu dikemukakan. Selepas penyerahan memorandum itu, wakil raja pada mula menyatakan mereka menerimanya dan meminta masa untuk mengkajinya dan mahu majlis itu berakhir di situ sahaja. Tetapi rombongan UMNO itu mendesak supaya memorandum itu dibacakan supaya semua yang hadir dapat mendengarnya. Raja-raja pada mulanya berkata itu tidak perlu, tetapi akhirnya mengalah apabila wakil UMNO

berkeras bahawa tugas mereka tidak sempurna jika apa yang terkandung dalam memorandum itu tidak disampaikan secara lisan oleh jurucakap mereka, Anwar Ibrahim.

Memorandum itu sebenarnya tidak mencadangkan sesuatu yang radikal terhadap sistem raja yang boleh membawa kepada perubahan struktur atau terhapusnya sistem beraja di negara ini. Sebaliknya ia adalah satu pernyataan bahawa UMNO mendokong pemerintahan Raja Berperlembagaan dalam Demokrasi Berparlimen dan kemudian menggariskan perbuatan-perbuatan yang dianggap bertentangan dengan semangat Raja Berperlembagaan. Secara lebih khusus, memorandum telah menyentuh hubungan raja dengan pentadbiran, perniagaan, media massa, peranan mereka sebagai Ketua Agama, perbelanjaan istana, politik, undang-undang dan lawatan ke luar negara.

Dalam aspek Raja dan Pentadbiran, memorandum itu menjelaskan peranan raja dalam perlantikan ahli-ahli pentadbiran Pusat dan negeri yang melibatkan jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, Menteri Besar, ahli majlis kerajaan negeri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan dan negeri. Ia juga menyentuh tentang hubungan ketua kerajaan dengan raja-raja, hubungan istana dengan pentadbiran dan perbelanjaan istana. Tentang perlantikan Perdana Menteri, memorandum itu menekankan bahawa kedudukan itu ditentukan oleh parti yang mendapat mandat majoriti dari rakyat dalam pilihan raya umum. Beliau akan dijemput oleh Yang di-Pertuan Agong membentuk kerajaan. Kemudian dijelaskan pula bahawa kuasa membentuk Kerajaan Persekutuan adalah terletak kepada Perdana Menteri menurut budi bicara dan kebijaksanaannya. Perdana Menteri kemudiannya akan menyembahkan senarai kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong dan baginda hendaklah memperkenankannya sebelum upacara mengangkat sumpah menyimpan rahsia dan jawatan.

Tentang jawatan Menteri Besar pula memorandum itu menyatakan bahawa kedudukan itu "ditentukan oleh ketua parti yang mendapat mandat majoriti dari rakyat dalam pilihan raya umum di peringkat negeri. Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah memperkenankan perlantikan beliau. Kuasa membentuk kerajaan negeri adalah terletak kepada Menteri Besar

menurut budi bicara dan kebijaksanaannya. Menteri Besar akan menyebarkan senarai ahli Majlis Kerja Kerajaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan baginda hendaklah memperkenankannya sebelum upacara mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia." Sebarang keputusan yang dibuat oleh parti yang memerintah mengenai ahli-ahli pentadbiran baik di peringkat Persekutuan atau negeri hendaklah diperkenankan oleh raja-raja.

Perlantikan pegawai-pegawai tinggi kerajaan juga kerap menjadi punca pergeseran Menteri Besar-Sultan. Sultan merasakan bahawa perlembagaan memberi mereka kuasa melantik sedangkan kerajaan pula berpendapat kuasa itu adalah kuasa mereka dan penglibatan Sultan adalah sekadar memberi perkenan atau persetujuan. Dalam hal ini, memorandum UMNO itu menegaskan bahawa di peringkat Persekutuan, semua perlantikan akan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kecuali jawatan-jawatan "staff" yang akan diputuskan oleh Perdana Menteri dan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Perlantikan setiausaha kerajaan, pegawai kewangan dan pegawai undang-undang akan dibuat atas nasihat Menteri Besar dan dipersembahkan kepada Sultan untuk mendapat perkenan.

Memorandum itu juga menyentuh tentang amalan sesetengah Sultan yang berbelanja lebih daripada apa yang telah diperuntukkan. Amalan ini tidak patut berlaku dan tidak wajar diteruskan. Memorandum itu menyatakan perbelanjaan yang berkaitan dengan institusi raja hendaklah dikawal dan terhad kepada peruntukan yang telah diluluskan; pembinaan dan ubah suai istana hanya dibuat atas peruntukan yang disediakan; sambutan perayaan hari ulang tahun hendaklah dibuat secara sederhana dan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.

Tentang politik, memorandum itu menegaskan bahawa raja-raja tidak boleh melibatkan diri sama sekali dalam politik kepartian. Sekalipun tidak dinyatakan, kenyataan ini merujuk kepada apa yang berlaku di Kelantan sebelum dan semasa pilihan raya umum 1990.

Peranan raja dalam perniagaan juga telah disentuh oleh memorandum UMNO itu. Perbuatan raja mempengaruhi kerajaan untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan, secara langsung atau tidak langsung menerusi proksi telah didedahkan.

Tindakan kerabat-kerabat raja menggunakan kedudukan mereka untuk mendapat layanan istimewa telah juga dibangkitkan. Amalan ini tidak wajar berterusan dan raja-raja diingatkan bahawa tindakan mereka melibatkan diri secara aktif dalam dunia perniagaan akan memberi kesan yang tidak begitu baik terhadap institusi raja itu sendiri. Ingatan dibuat, jika boleh, raja janganlah berniaga dan bagi kerabat-kerabat yang berniaga pula, mereka janganlah mengharapkan layanan istimewa.

Memorandum itu juga meminta raja-raja supaya berpegang teguh kepada fungsi mereka sebagai Ketua Agama selaras dengan Perkara 3 (1), (2) dan (3) Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan-perlembagaan negeri dalam mana raja-raja adalah simbol keagungan agama. Dalam hubungan ini, memorandum itu menyatakan raja-raja hendaklah melarang mana-mana pihak menggunakan institusi masjid dan mana-mana organisasi rasmi agama Islam dari digunakan untuk kepentingan politik pihak-pihak tertentu. Raja-raja juga telah diminta supaya berusaha mengasuh para kerabat agar mereka dapat bersama-sama memelihara kesucian institusi raja sebagai lambang ketuanan Melayu dan ketua Islam. Raja-raja juga hendaklah berusaha mengawasi serta menasihati para kerabat supaya mereka tidak mencemarkan serta memperalatkan institusi raja bagi kepentingan peribadi. Ingatan juga diberikan bahawa sekalipun kedudukan raja-raja mengatasi undang-undang, tetapi mereka sebagai simbol keadaulatan negara hendaklah mematuhi dan menghormati undang-undang.

Tentang raja dan media massa pula, memorandum itu telah menegur raja-raja yang telah membuat kenyataan yang bercanggah dengan perlembagaan dan dasar negara dan negeri. Ia menyatakan raja-raja tidak boleh membuat kenyataan terbuka mengenai hal ehwal pentadbiran, politik, agama serta lain-lain perkara yang bertentangan dengan dasar negara. Raja-raja juga tidak boleh mengarahkan mana-mana wartawan ataupun akhbar untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan dasar kerajaan.

Adalah jelas bahawa memorandum UMNO itu merupakan satu rayuan bagi raja-raja supaya berpegang kepada semangat Raja Berperlembagaan yang telah dipersetujui. Ia sebenarnya mencerminkan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para

perwakilan dalam Perhimpunan Agung 1990 dan 1991 di mana kedudukan Raja Berperlembagaan telah diperkatakan secara terbuka. Ia adalah lanjutan kepada teguran-teguran awal secara tertutup yang telah dibuat oleh para pemimpin UMNO sebelum ini sejak ketika Allahyarham Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri membawalah kepada Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Tetapi kerana teguran-teguran tertutup itu tidak mendapat perhatian, maka Dr. Mahathir Mohamad merasa perlu untuk membuat teguran terbuka supaya raja-raja dapat merasakan bahawa keseriusan teguran dan pendedahan yang dibuat dan dengan itu tidak menganggapnya sebagai main-main.

## REAKSI RAJA

Sekalipun pada mulanya ada ramalan bahawa rombongan Majlis Tertinggi UMNO yang mengadap raja-raja Melayu untuk menyerahkan memorandum mereka akan diberi sambutan dingin dan konfrontasi akan berlaku, namun apa yang diramalkan itu tidak berlaku. Gambaran itu barangkali sengaja dibuat untuk mempersiapkan kedua-dua pihak dengan apa juga kemungkinan. Ternyata, pertemuan itu telah berlangsung dengan mesra dan raja-raja telah menunjukkan sikap positif terhadap memorandum itu. Kecuali Sultan Kelantan dan Kedah, raja-raja Melayu yang lain telah hadir. Kehadiran itu membayangkan sikap terbuka raja terhadap teguran dan pendedahan yang telah dibuat oleh UMNO. Mereka mendengar memorandum yang dibacakan dengan penuh minat dan menurut seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO, sesekali ada yang menggeleng kepala seolah-olah tidak mempercayai apa yang telah disebutkan itu berlaku. Malah gambaran beliau ialah setiap Sultan telah menyatakan apa yang disebut dalam memorandum itu tidak berlaku di negeri masing-masing.

Raja-raja itu tahu bahawa kedatangan rombongan Majlis Tertinggi UMNO tidak sekadar membawa memorandum. Kebimbangan mereka ialah apa yang akan dibuat oleh UMNO sebagai tindakan lanjut untuk merealisasikan kandungan-kandungan yang termuat dalam memorandum itu. Barangkali ada antara mereka mengetahui bahawa langkah berikutnya ialah untuk meminda perlembagaan-perlembagaan negeri yang dikuasai oleh UMNO. Melalui pindaan itu, fungsi lebih jelas raja



yang sekarang kabur dan boleh ditafsir ikut sudut yang berbeza, akan dihitamputihkan. Malah akhbar-akhbar sudahpun melaporkan kemungkinan itu dibuat. Pada 17 Februari, kira-kira 10 hari sebelum Majlis Tertinggi menyerahkan memorandumnya, akhbar-akhbar melaporkan tentang hasrat kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi menjelaskan maksud istilah "nasihat" dan "perkenan" yang sering kali menjadi perbalahan. Bagi raja, nasihat kerajaan boleh dan tidak boleh diterima. Bagi kerajaan pula, nasihat yang diberikan kepada raja tidak boleh ditolak dan mesti diberi perkenan. Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir Mohamad sewaktu menggulung perbahasan tentang Raja Berperlembagaan dalam Perhimpunan UMNO 1990, nasihat kerajaan tidak boleh ditolak kerana ia adalah keputusan yang dibuat berasaskan mandat rakyat. Desas-desus dibuat bahawa kerajaan bercadang untuk menukar istilah nasihat kepada memaklumkan. Laporan yang sama juga memberi gambaran bahawa kerajaan juga bercadang untuk menjelaskan lagi fungsi Sultan berkait dengan perlantikan Perdana Menteri, menteri-menteri, Menteri Besar dan ahli Majlis Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Kuasa Sultan akan ditarik dan sebarang nama yang diberikan mesti diperkenankan.

Berasaskan senario itu, raja-raja sebenarnya cuba mengelakkan perlembagaan dipinda yang melibatkan kuasa mereka. Pindaan perlembagaan akan dianggap satu kekalahan bagi mereka. Untuk mengelakkan itu terjadi, dalam pertemuan dengan Majlis Tertinggi, raja-raja telah mengambil inisiatif bagi digubal satu Kod Etika (Tatacara Laku Raja) yang berasingan dan tidak dijadikan sebagai sebahagian dari perlembagaan negeri. Cadangan yang dikira bijak itu telah diterima oleh UMNO. Malah untuk memberi gambaran bahawa raja-raja serius bagi diwujudkan satu kod etika itu, mereka meminta UMNO menyegerakan penggubalannya. Tempoh ditetapkan bahawa kod itu mesti siap bagi ditandatangani pada Persidangan Majlis Raja-raja yang berlangsung di Kuching pada 23 Jun 1992. Memorandum UMNO boleh dijadikan asas bagi kod etika itu. Rombongan Majlis Tertinggi UMNO bersetuju dengan cadangan itu. Tiga orang Naib Presiden UMNO, bersama-sama dengan Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita Kebangsaan telah diserahkan tanggungjawab bagi menyediakan kod etika itu.

Selepas enam pertemuan kod etika itu akhirnya menjadi kenyataan. Rundingan dengan raja kemudian ditingkatkan ke tahap kerajaan, bukan lagi UMNO dan apabila diterima kod etika itu bertukar nama menjadi Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan.

## PERISYTIHARAN PRINSIP-PRINSIP PERLEMBAGAAN

Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan ini telah ditandatangani pada 4 Julai 1992. Sultan-sultan itu sendiri telah tidak menurunkan tandatangan masing-masing pada dokumen tujuh halaman itu. Mereka telah diwakili oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Malaysia, Engku Dato' Ibrahim bin Engku Ngah. Sultan-sultan yang bersetuju dengan perisytiharan itu telah hadir untuk menyaksikan upacara itu. Mereka ialah Yang di-Pertuan Agong, Raja Perlis, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Pahang, Pemangku Raja Perak, Sultan Selangor dan Sultan Terengganu yang juga menerima prinsip itu telah tidak diwakili kerana menurut Anwar Ibrahim, mereka gering. Sultan-sultan Kedah, Johor dan Kelantan tidak menerima perisytiharan tersebut. Kerajaan pula diwakili oleh Perdana Menteri serta menteri-menteri UMNO yang telah menggubal perisytiharan itu serta Menteri-menteri Besar.

Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan itu dimulai dengan mengingatkan keistimewaan-keistimewaan Sultan yang diperuntukkan oleh perlembagaan. Perkara 71 dan Perkara 181 telah dipetik. Perkara 71 menjamin hak raja sesebuah negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan raja negeri itu mengikut perlembagaan negeri itu. Perkara 181 pula mengakui kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa raja-raja dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang, tertakluk kepada peruntukan perlembagaan berkenaan, adalah tetap dan tidak tersentuh. Raja-raja yang bersetuju menerima perisytiharan itu kemudian membuat pengakuan-pengakuan berikut: "Kita berhasrat supaya perlembagaan dan undang-undang Malaysia dipatuhi oleh semua rakyat negara ini sepanjang masa; dan bahawasanya kita ber-

pegang teguh kepada prinsip-prinsip "the rule of law"; dan bahawasanya akan mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa.

Perisytiharan itu mengandungi 10 tajuk utama yang menyentuh fungsi, peranan dan kuasa raja di peringkat negeri. Kuasa di peringkat Persekutuan telah tidak disebut. Tajuk-tajuk itu ialah: Penglibatan dalam politik, perlantikan Menteri Besar, perlantikan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, bertindak atas nasihat, perlantikan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, perniagaan, perbelanjaan istana, agama, media massa, dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tentang penglibatan raja-raja dalam politik, perisytiharan itu menyatakan: Selaras dengan amalan dan konvensyen, KITA (maksudnya raja-raja) tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam parti politik.

Tentang perlantikan Menteri Besar, raja-raja memberi jaminan bahawa "selaras dengan perlembagaan negeri, KITA memperkenankan pencalonan seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli dalam Dewan Undangan Negeri sebagai Menteri Besar. Sekiranya tidak ada parti yang mendapat majoriti yang jelas di dalam Dewan Undangan Negeri, KITA hendaklah menggunakan budi bicara KITA dalam perlantikan tersebut selaras dengan prinsip-prinsip perlembagaan yang tertentu. Apabila KITA tidak berpuas hati di atas kesesuaian orang yang dicalonkan sebagai Menteri Besar, KITA boleh merujuk pencalonan tersebut bagi dipertimbangkan semula oleh pemimpin parti berkenaan untuk keputusan muktamad."

Tentang perlantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, raja-raja mengakui bahawa perlantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah atas nasihat Menteri Besar sendiri dan selaras dengan perlembagaan negeri, KITA memperkenankan perlantikan tersebut.

Raja bertindak atas nasihat juga telah dihuraikan secara mendalam oleh Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Tentang bertindak atas nasihat ini, ikrar dibuat bahawa: "KITA akan bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negeri masing-masing. KITA selaras dengan amalan perlembagaan yang tertentu, mengakui bahawa istilah "acting on advice"

atau "*Ruler in Council*" dan lain-lain istilah yang serupa bermaksud bahawa KITA akan menerima dan memperkenankan nasihat dari kerajaan negeri seperti mana yang dipersembahkan oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Selaras dengan amalan perlembagaan, KITA mempunyai hak untuk dirunding, hak memberi galakan, dan hak memberi peringatan kepada kerajaan. Lanjutan dari hak kita untuk mendapat sebarang maklumat mengenai pentadbiran negeri seperti mana yang diperuntukkan dalam perlembagaan setiap negeri, KITA adalah berhak untuk disembah taklimat oleh Menteri Besar apabila dititah mengadap pada bila-bila masa dan juga sebelum sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri."

Tentang perlantikan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, Perisytiharan itu menyatakan: KITA akan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri atas perakuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan dan juga selaras dengan amalan dan peruntukan perlembagaan negeri, setelah nama calon dipersembahkan kepada KITA oleh Menteri Besar. Selaras dengan amalan masa kini, KITA hendaklah dipersembah maklum terlebih dahulu semua perlantikan ketua-ketua jabatan Persekutuan di peringkat negeri. KITA akan melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaras dengan undang-undang negeri yang berkenaan.

Tentang perniagaan dinyatakan bahawa "KITA tidak boleh aktif dalam perniagaan melainkan melalui pemegang amanah. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja boleh berniaga tetapi melalui pemegang amanah/penama (*nominess*)."

Tentang perbelanjaan istana, raja-raja membuat komitmen bahawa Dato' Pengelola Istana hendaklah mengawal dan menadbir peruntukan berpelanjaan istana yang ditetapkan dalam Peruntukan Diraja (*Civil List*) mengikut peraturan kewangan.

Tentang agama: Selaras dengan prinsip perlembagaan yang memperuntukkan bahawa KITA adalah Ketua Agama Islam di negeri masing-masing, KITA mengesahkan kedudukan KITA bahawa KITA akan terus mendokong ajaran dan amalan Islam.

Tentang media massa pula, Perisytiharan itu menyatakan: KITA selaras dengan amalan perlembagaan, tidak seharusnya mendedah atau membincangkan dengan pihak media massa apa-

apa perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi mengenai hal ehwal pentadbiran negeri.

Menyentuh kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perisytiharan itu menegaskan "kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan Persekutuan, Perisytiharan ini akan dipakai, *mutatis mutandis* (selepas perubahan-perubahan yang diperlukan dibuat) terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong."

### SIAPA MENANG SIAPA KALAH

Usaha UMNO untuk mendisiplinkan raja-raja Melayu supaya tidak menyeleweng daripada peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan yang bermula dengan teguran terbuka, pendedahan, berkesudahan dengan penerimaan Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan oleh pihak raja. Lalu persoalan ditimbulkan: Siapa menang, siapa kalah? Persoalan ini ditimbulkan kerana mereka melihat bahawa kes UMNO lawan raja ini dalam konteks "*zero sum game*" - satu istilah dalam dunia strategi yang menggambarkan bahawa dalam sebarang konfrontasi yang menang, menang semua dan kalah, kalah semua. Tetapi persepsi begitu sebenarnya tidak boleh dipakai berkait dengan soal UMNO dan raja. Sebenarnya tidak ada pemenang mutlak baik pada pihak UMNO dan kerajaan mahupun pihak raja. Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan adalah hasil kompromi antara kedua-dua mereka dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri menjadi *guiding principlenya*. Tidak dapat disangkal bahawa hajat UMNO tidak semua tercapai, tetapi raja juga terpaksa tunduk kepada beberapa permintaan UMNO untuk mengelakkan sebarang pindaan perlembagaan. Yang penting fungsi, peranan dan kuasa Raja Berperlembagaan *vis a vis* kuasa, peranan dan fungsi Perdana Menteri dan Menteri Besar telah diperjelaskan lagi. Sekalipun ia bukan satu *zero sum game*, tidak pula bermakna kita tidak boleh meninjau untung rugi yang diperolehi oleh kedua-dua pihak.

UNTUNG RUGI RAJA: Persetujuan untuk menerima Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan tentunya melegakan raja-

raja. Dengan penerimaan itu bermakna bahawa perlembagaan-perlembagaan negeri tidak akan dipinda untuk menjelaskan lagi kuasa mereka. Pindaan itu, jika dibuat, adalah satu kekalahan kepada raja kerana mereka tidak berpeluang untuk campur tangan dalam kata-kata yang digunakan. Pindaan perlembagaan akan mempunyai implikasi undang-undang. Raja perlu mematuhi, jika tidak perbuatan itu adalah bercanggah dengan perlembagaan. Tetapi dengan Perisytiharan itu keadaannya berbeza. Sebagai satu dokumen, ia tidak mempunyai *legal standing* seperti Perlembagaan. Ia cuma satu garis panduan sukarela. Sekiranya tidak dipatuhi, tidak ada tindakan boleh dikenakan ke atas raja. Raja akan dituduh mungkir janji. Kedudukan baginda yang mengatasi undang-undang bermakna kerajaan atau UMNO tidak boleh mendakwa mereka. Tetapi baginda juga tahu, Perisytiharan itu mengikat raja-raja supaya berpegang teguh kepada apa yang dipersetujui. Jika tidak, kerajaan tiada pilihan kecuali menjadikan Perisytiharan itu sebagai sebahagian daripada perlembagaan negeri-negeri. Sultan tentu tidak mahu itu terjadi.

Adalah jelas bahawa Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan ini sedikitpun tidak menyentuh kedudukan istimewa raja yang sedia ada. Status baginda mengatasi undang-undang tidak tercabar. Benar raja-raja tidak boleh terlibat dalam politik kepartian, tetapi melalui Perisytiharan itu baginda mendapat jaminan untuk berniaga melalui pemegang amanah. Apa yang tidak boleh dilakukan ialah untuk melibatkan diri secara aktif dalam perniagaan secara langsung. Jika pemegang amanah aktif berniaga bagi pihak baginda, perbuatan itu tidak dilarang. Sebelum ini, soal tersebut tidak dijelaskan dalam Perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan cuma mengatakan, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam sebarang *enterprise* yang memberi baginda saraan. Perlembagaan negeri-negeri tidak mempunyai peruntukan itu. Lalu umum beranggapan bahawa Raja Berperlembagaan sebenarnya tidak boleh berniaga. Kerana itu, apabila datang permintaan istana memohon mendapatkan peluang-peluang perniagaan, tender dan kontrak kerajaan negeri berada dalam serba salah. Diberi akan menafikan peluang bagi rakyat biasa. Tidak diberi, Menteri Besar akan dimurkai. Tetapi kedudukan sekarang adalah jelas. Raja tidak

boleh menggunakan kedudukan istimewa secara langsung untuk mempengaruhi kerajaan mendapatkan tender, kontrak dan sebagainya. Tetapi betapa pula halnya kalau baginda secara tidak langsung menggunakan pengaruh baginda melalui pemegang amanah? Kedudukan perkara ini tidak begitu jelas dalam Perisytiharan itu. Ia boleh menjadi potensi krisis antara Menteri Besar dengan Sultan.

Tidak dapat disangkal lagi kuasa raja tentang perlantikan Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan adalah bertambah jelas. Baginda tidak ada kuasa menentukan kedudukan-kedudukan itu secara langsung. Peruntukan perlembagaan negeri yang sedia ada menjadi panduan utama. Misalnya, dalam melantik Menteri Besar, baginda akan memperkenankan pencalonan seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan ahli-ahli dalam Dewan Undangan Negeri menyandang jawatan itu. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang sedia ada. Tetapi Perisytiharan memberi penjelasan tentang kuasa baginda jika tidak ada parti yang mendapat majoriti jelas. Dalam keadaan serupa itu seperti yang pernah berlaku di Selangor dan Perak di mana Perikatan waktu itu tidak mempunyai majoriti yang secukupnya untuk membentuk kerajaan, Sultan boleh menggunakan budi bicara baginda dalam perlantikan tersebut selaras dengan prinsip-prinsip Perlembagaan yang tertentu. Perisytiharan itu juga memperuntukkan kuasa baru kepada Sultan untuk menolak pencalonan sebagai Menteri Besar jika baginda tidak puas hati di atas kesesuaian orang yang dicalonkan. Baginda boleh merujuk pencalonan itu bagi dipertimbangkan semula oleh pemimpin parti berkenaan untuk keputusan muktamad. Ini bermakna Sultan diberi hak oleh Perisytiharan itu untuk menolak pencalonan orang yang menurut hemat baginda tidak sesuai. Kuasa itu tidak patut ada pada baginda. Baginda patut menerima siapa saja yang dicalonkan oleh parti yang mendapat mandat majoriti.

Tentang perlantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Perisytiharan itu menetapkan raja hendaklah memberi perkenan nama-nama yang dicadangkan oleh Menteri Besar. Ini bermakna raja tidak boleh menolak siapa juga yang dicadangkan oleh Menteri Besar. Sebelum ini pernah berlaku Sultan mencadangkan tokoh-tokoh tertentu menjadi EXCO.

Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan juga menjelaskan lagi kuasa melantik Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan. Jika dihalusi, kuasa raja dalam perlantikan itu nampaknya diperkukuhkan. Ini kerana nama-nama bagi kedudukan itu akan dipersembahkan oleh Menteri Besar kepada Sultan, tetapi nama-nama itu hendaklah terlebih dahulu diperakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang ahli-ahlinya dilantik oleh baginda. Di bawah Perisytiharan itu ditetapkan bahawa raja akan melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaras dengan undang-undang negeri berkenaan. Ini bermakna bahawa akauntabiliti ahli-ahli Suruhanjaya itu ialah kepada Sultan yang telah melantik mereka bukannya kepada Menteri Besar. Sekiranya mahu, Sultan boleh memanipulasikan perlantikan-perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri. Ini boleh dilakukan dengan membayangkan kepada ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri calon pilihan baginda yang mesti mereka perakukan sebelum nama-nama itu diserahkan kepada Menteri Besar untuk dipersembahkan bagi mendapat perkenan. Proses itu agak kompleks. Tetapi Sultan yang bijak boleh memperalatkan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang berada di bawah kawalan baginda untuk memenuhi kepentingan baginda. Menteri Besar yang lemah dan tidak berani berkata tidak akan mengikut telunjuk sahaja.

Soal raja enggan menerima nasihat juga tidak akan berlaku lagi setelah adanya Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Di bawah prinsip Perisytiharan itu, raja-raja bersetuju bahawa baginda bertindak atas nasihat Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tetapi mulai sekarang baginda juga berhak untuk disembah taklimat oleh Menteri Besar apabila dititah mengadap pada bila-bila masa dan juga sebelum sesuatu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sesetengah negeri sudahpun mengamalkan tradisi itu sejak sekian lama.

Di samping itu, dengan bersetuju menerima Perisytiharan itu, raja-raja tidak lagi boleh mendedah atau membincangkan dengan pihak media massa apa-apa perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi mengenai hal ehwal pentadbiran negeri. Baginda juga berjanji untuk berbelanja menepati apa yang ditetapkan oleh Peruntukan Diraja mengikut peraturan



kewangan. Jika ini dipatuhi, raja tidak boleh membuat peruntukan tambahan bagi membaiki istana ikut suka seperti sebelum ini. Ini adalah satu kemenangan kepada kerajaan.

Secara keseluruhannya raja-raja sepatutnya berpuas hati dengan Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Tidak ada saki baki kuasa mereka telah dirampas seperti yang didakwa oleh para pemimpin Semangat 46. Dari beberapa segi, raja-raja patut bergembira kerana fungsi baginda dalam melantik Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam semakin mantap. Penglibatan baginda dalam perniagaan dibenarkan, cuma baginda tidak boleh aktif secara langsung. Perniagaan dibenarkan melalui Pemegang Amanah. Lebih dari itu, kedudukan raja-raja yang istimewa, mengatasi undang-undang tidak sedikitpun terjejas.

UNTUNG RUGI UMNO: Para pemimpin UMNO, dari Presidennya, Dr. Mahathir Mohamad membawalah kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi nampaknya berpuas hati dengan kesediaan raja-raja Melayu menerima Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan yang telah digubal bersama-sama UMNO itu. Hakikat bahawa hanya enam orang Sultan saja menerima Perisytiharan itu tidak mendukacitakan mereka. UMNO memang wajar berasa gembira kerana apa yang dipersetujui itu dari beberapa segi menguatkan kedudukan kerajaan. Ia juga memberi garis panduan yang lebih jelas bagi setiap Menteri Besar berhadapan dengan Sultan dalam mentadbirkan negeri. Sekiranya, perisytiharan itu dipegang bersama, krisis Menteri Besar-Sultan seperti yang selalu berlaku, tidak akan berulang lagi.

Tetapi ada juga pemerhati yang berpendapat bahawa penerimaan raja akan Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan itu adalah satu kejayaan lampung atau *hollow victory*. Ini kerana apa yang terkandung dalam Perisytiharan itu adalah sekadar tafsiran-tafsiran baru terhadap perlembagaan yang sedia ada. Persetujuan untuk memberi Sultan hak menolak pencalonan seorang Menteri Besar yang didapati tidak sesuai, adalah satu kekalahan kepada UMNO. UMNO dan kerajaan sepatutnya menetapkan jawatan Menteri Besar hendaklah ditentukan oleh Ketua Parti yang mendapat mandat majoriti dari rakyat dalam pilihan raya umum di peringkat negeri; Sultan hendaklah

memperkenankan perlantikan itu seperti yang telah digariskan dalam draf Kod Etika Raja yang telah dikemukakan UMNO. Begitu juga dengan kuasa raja melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang telah diberi oleh Perisytiharan. Sepatutnya kuasa itu bukan kuasa Sultan, tetapi kuasa kerajaan dan Sultan hendaklah memperkenankan perlantikan itu tanpa soal jawab. Dengan itu kesetiaan ahli-ahli Suruhanjaya itu adalah kepada kerajaan bukannya Sultan.

Tentang perbelanjaan istana, pihak kerajaan juga sepatutnya menggunakan kesempatan itu untuk mendapatkan jaminan raja-raja bahawa mereka hanya benar-benar berbelanja terhadap kepada peruntukan yang telah diluluskan. Kerajaan juga patutnya mendapatkan jaminan raja-raja untuk mengawal lawatan luar negeri yang dibuat oleh mereka. Di peringkat Persekutuan, lawatan itu sepatutnya dibuat hanya atas cadangan Perdana Menteri manakala di peringkat negeri pula Menteri Besar hendaklah meluluskan lawatan Sultan. Pertimbangan juga sepatutnya diberikan untuk meletakkan raja tidak mengatasi undang-undang seperti yang pernah dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman apabila Allahyarham mencadangkan ditubuhkan satu Tribunal Raja pada 1987.

Secara keseluruhannya, UMNO juga patut berpuas hati dengan kesediaan raja-raja menerima Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan itu kerana dalam konteks waktu, itu adalah penyelesaian terbaik yang boleh diperolehi. Ia sekarang menyerahkan kepada Sultan untuk mematuhi prinsip-prinsip yang dipersetujui kerana jika tidak, UMNO selepas ini akan mengusulkan pindaan terhadap perlembagaan-perlembagaan negeri. Tidak perlu baginya untuk membuat teguran dan pendedahan lagi kerana strategi itu akan hanya memberi kesan negatif terhadap parti yang berkuasa. Sekiranya konfrontasi meletus lagi antara Sultan dan Menteri Besar, langkah logik UMNO dan kerajaan ialah untuk menghitamputihkan kuasa, peranan dan fungsi Raja Berperlembagaan ke dalam perlembagaan-perlembagaan itu sendiri. Perang meletakkan raja-raja pada landasan Raja Berperlembagaan yang sebenarnya belum lagi berakhir. Ia sebenarnya baru saja bermula.

## BERAKHIRKAH KRISIS SULTAN-MENTERI BESAR?

Tidak dapat disangkal lagi bahawa dalam had yang terbatas Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan telah menjelaskan lagi fungsi, peranan dan kuasa Sultan dan raja *vis a vis* kuasa, peranan dan fungsi Menteri Besar. Cita-citanya untuk menjadikan krisis Sultan-Menteri Besar, seperti yang pernah terjadi di Selangor, Kelantan, Johor, Pahang dan Perak, sebagai satu sejarah yang tidak berulang lagi. Andaiannya di sini ialah dengan pentakrifan yang lebih jelas, sebarang kekeliruan tentang soal raja bertindak ikut nasihat, perlantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, perbelanjaan berlebihan dan permohonan Sultan untuk mendapat tender, kontrak, tanah, kawasan balak, lombong serta kekayaan negeri yang lain, soal raja dan perniagaan, politik, media, kedudukan baginda sebagai ketua agama, hubungan yang harmoni dapat dijalin antara Sultan sebagai Raja Berperlembagaan dengan Menteri Besar yang mewakili rakyat. Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan dan Perlembagaan Negeri-negeri serta Persekutuan akan menjadi *guiding principle* dalam membentuk hubungan tanpa sebarang masalah.

Dari segi teori tiada siapa boleh menidakkan kenyataan itu. Sekiranya raja-raja berpegang pada apa yang telah dipersetujui tidak akan timbul sebarang masalah. Tetapi sekiranya raja meneruskan kerenahnya, secara halus atau secara terbuka, maka krisis yang cuba dihindari itu akan berlarutan. Keamanan tidak akan wujud. Ini kerana sebagai raja, dengan berbagai-bagai keistimewaan, kedudukan yang dilindungi oleh undang-undang memang boleh mendorong perbuatan yang tidak menyenangkan. Sekiranya Menteri Besar adalah lemah, tidak mempunyai kekuatan, maka raja tidak akan segan silu untuk membuat pelbagai permohonan yang jika tidak dilayan akan membuat mereka bermasam muka.

Gambarannya di sini ialah sekiranya Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen hendak berjalan baik, Menteri Besar mempunyai tanggungjawab dan mesti ada keberanian untuk berkata tidak kepada Sultan. Permohonan Sultan hendaklah jangan dilayan sekiranya apa yang dipinta itu terang-terang melanggar atau melebihi apa yang telah ditetapkan oleh perlembagaan. Seperti yang telah diamati dengan tepatnya oleh

rencana pengarang *Utusan Malaysia*, 27 Februari 1992 "kegagalan Menteri Besar untuk bertegas sama ada atas dasar hormat atau kerana inginkan populariti atau kerana mereka memang pemimpin yang lemahlah yang telah menyebabkan berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan institusi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Keadaan ini mesti dibetulkan oleh UMNO itu sendiri. Ia hendaklah menempatkan pemimpin di peringkat negeri yang tahu kuasa mereka dan tidak teragak-agak untuk melaksanakannya. Jika tidak, bentuklah beberapa kod etika, teguran serta keresahan yang telah dibuat oleh para perwakilan UMNO dalam perhimpunan 1990, 1991 tentang tindak-tanduk sesetengah raja Melayu akan berulang." Akhbar itu seterusnya berpendapat bahawa pemimpin rakyat di peringkat inilah yang akan bertindak sebagai *gate keeper* untuk melayan atau tidak melayan permintaan para Sultan mendapatkan tanah, kawasan balak, lombong, membina istana baru atau membesarkan istana yang sedia ada yang selama ini dibuat secara sembunyi-sembunyi. Para Menteri Besar sudah tahu kuasa mereka dan sekiranya mereka melayan permintaan istana di luar batas yang ditetapkan, maka merekalah yang gagal melaksanakan kod etika itu dengan semangat yang betul. Malah sesetengah pihak merasakan bahawa tanpa Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan hubungan Sultan-Menteri Besar boleh berjalan dengan baik sekiranya Menteri Besar bertegas melaksanakan kuasa perlembagaannya.

Memanglah untuk bertegas menangani Sultan, Menteri Besar bukan saja perlu tahu kuasanya, tetapi dia mestilah seorang tokoh yang tidak korup. Dengan itu barulah pimpinannya dihormati. Sekiranya dia seorang yang rasuah dan menggunakan kedudukannya untuk membuncitkan perutnya sendiri atau mengagih-agihkan kekayaan negeri sesama kawan-kawannya sahaja, Sultan boleh mengambil kesempatan daripada kelemahan itu untuk mengemukakan pelbagai permohonan. Kerana tidak mahu tembelengnya terdedah, Menteri Besar mungkin akan melayan apa juga kehendak Sultan. Malah tanpa permintaan dari istana, Menteri Besar itu cuba untuk memuaskan nafsu Sultan semata-mata kerana mahu menjaga kepentingannya daripada didedahkan oleh Sultan.

Selain itu, untuk bertegas menghadapi Sultan, Menteri Besar juga perlu memastikan bahawa partinya di peringkat negeri

dan Persekutuan berada di belakangnya. Sekiranya pimpinannya dalam parti di negeri tidak mendapat sokongan padu pemimpin negeri yang lain, maka besar kemungkinan Sultan boleh mengamalkan dasar pecah dan perintah. Di sesetengah negeri sebelum ini memang diketahui ada tokoh UMNO yang cuba menggunakan Sultan untuk mendapat jawatan sama ada sebagai Menteri Besar dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekiranya itu berlaku, Sultan akan mendapat gambaran bahawa kedudukan Menteri Besar adalah lemah dan boleh diancam. Kerana itu, seorang Menteri Besar hendaklah terlebih dahulu memastikan kedudukannya dalam parti di negeri sendiri adalah kukuh sebelum memulakan sebarang ofensif untuk mendisiplinkan Sultan.

Sokongan Perdana Menteri terhadap Menteri Besar yang cuba bertegas dengan Sultan juga adalah instrumental. Menteri Besar yang diketahui ada masalah dengan Sultan semata-mata kerana beliau mahu menegakkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen jangan sesekali dikorbankan semata-mata sebab Perdana Menteri ingin menjalin hubungan yang baik dengan Sultan berkenaan. Sekiranya sokongan tidak diberi apabila Sultan mendesak Perdana Menteri supaya menukar Menteri Besar yang baginda tidak senangi, Perdana Menteri dengan sendirinya telah mengkhianati sistem yang hendak ditegakkan.

Adalah jelas bahawa Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan bukanlah jaminan bahawa krisis Sultan-Menteri Besar secara automatik akan lenyap dan menjadi sejarah. Hubungan yang harmoni antara Sultan-Menteri Besar sebenarnya banyak bergantung kepada kedua-dua pihak berpegang teguh pada fungsi masing-masing seperti yang telah ditakrifkan dengan jelas oleh Perlembagaan Negeri dan Persekutuan. Ia juga memerlukan ketegasan pada pihak Menteri Besar melaksanakan apa yang telah dipersetujui. Menteri Besar mesti berani untuk menolak dan berkata tidak kepada permintaan berlebihan Sultan. Jika tidak, krisis antara Sultan-Menteri Besar yang cuba diselesaikan oleh Perisytiharan itu akan berlanjutan.

## **JIKA KRISIS BERLAKU LAGI APA JADI**

Selepas diwujudkan Kod Etika Raja, atau nama rasminya Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan, krisis antara Sultan dan

Menteri Besar berlaku juga, apakah yang akan terjadi? Apakah parti yang berkuasa akan membuat teguran dan pendedahan lagi? Tidakkah teguran dan pendedahan akan hanya memberi gambaran bahawa Menteri Besar dan Perdana Menteri gagal mendisiplinkan raja-raja?

Sekiranya krisis Sultan-Menteri Besar terjadi lagi, parti yang berkuasa, tidak kira siapa, tetapi besar kemungkinannya tetap UMNO, sebenarnya mempunyai tiga pilihan. Pertama, berdiam diri, membiarkan apa saja kerenah raja tanpa ditegur dan pendedahan dengan harapan tindak-tanduk itu akhirnya tidak disenangi oleh rakyat. Rakyat dalam keadaan itu akan diminta untuk menentukan sikap mereka secara terbuka terhadap raja: Sama ada mereka mahu dikekalkan dalam bentuk yang ada atau sebaliknya. Andaiannya di sini ialah untuk membiarkan kerenah dan tindak-tanduk raja itu memusnahkan dirinya sendiri seperti yang berlaku di banyak negara-negara lain.

Pilihan kedua ialah untuk membuat pindaan kepada perlembagaan-perlembagaan negeri menjelaskan lagi kuasa perlembagaan Sultan dalam bentuk hitam putih dengan bahasa yang mudah difahami. Istilah bertindak atas nasihat boleh ditukar. Kuasa raja mungkin boleh ditetapkan seperti yang terdapat pada kuasa Yang Dipertua Negeri. Selain pindaan perlembagaan negeri, pelbagai undang-undang yang melindungi Sultan daripada ditegur secara terbuka juga boleh dipinda. Akta Hasutan 1948 yang melarang kata-kata mencaci Sultan boleh dipinda. Malah dalam perhimpunan 1990 dan 1991, sudah ada kalangan, antaranya peguam Zaid Ibrahim, yang mengemukakan cadangan itu. Buat waktu ini ia belum lagi diterima oleh kerajaan. Tetapi selepas membuat teguran terbuka, pendedahan dan bersetuju pula kepada perjanjian sukarela dengan Sultan untuk mendisiplinkan institusi itu dan krisis juga berlanjutan, pilihan logik bagi UMNO jika ia masih berkuasa ialah untuk membuat pindaan yang telah dicadangkan.

Tetapi UMNO tahu bahawa ia tidak mudah dilakukan. Ini kerana sebarang pindaan yang melibatkan status dan kedudukan istimewa raja bukan saja perlu diluluskan oleh Parlimen dan juga Dewan Negeri. Ia juga mesti mendapat persetujuan Majlis Raja-raja seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Raja-raja tahu akan hal itu dan mereka tentu tidak akan memberi

perkenan jika ada usaha ke arah itu. Krisis perlembagaan 1983 adalah contoh yang jelas bahawa apabila pindaan tentang kuasa Yang di-Pertuan Agong (berkait dengan kuasa memberi perkenan dan mengisytiharkan darurat) tidak mendapat persetujuan Majlis Raja-raja, telah tercetus semacam satu krisis perlembagaan. Kedudukan raja yang tidak boleh diubah itulah yang telah meletakkan raja-raja pada kedudukan yang amat kuat. Sekiranya proses perundangan biasa digunakan, tidak ada apa yang boleh dibuat oleh kerajaan. Hanya perubahan secara drastik saja yang boleh membawa transformasi. Ini tidak mungkin berlaku kerana orang Melayu pada umumnya masih bersikap feodalistik. Kesetiaan mereka kepada Sultan, sekalipun sudah tidak setebal dulu, masih kuat.

Pilihan ketiga ialah untuk mengkaji semula kedudukan monarki di negara ini. Kajian ini bukanlah bertujuan untuk menenyapkan mereka tetapi untuk menjadikan tindak tanduk mereka lebih akauntabiliti lagi kepada rakyat. Cadangan ke arah itu pernah dibuat beberapa kali sebelum ini. Allahyarham Tunku Abdul Rahman sendiri dalam satu kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Mengenai Perlembagaan anjuran Aliran pada 15 Ogos 1987 mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Tribunal Raja untuk menghakimi raja-raja Melayu. Kata Tunku Abdul Rahman: "Apa yang menarik perhatian saya ialah tentang kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu yang berada di luar undang-undang. Dengan lain perkataan, baginda sekalian bebas melakukan jenayah tanpa boleh didakwa di bawah undang-undang. Kepada saya, perkara ini mesti mendapat perhatian yang serius dari semua pihak semasa menyemak perlembagaan. Saya percaya tidak seorangpun yang harus dikecualikan dari undang-undang, tetapi sebuah mahkamah khas bolehlah disediakan untuk mengendalikan kes-kes mereka yang berada di luar undang-undang. Mahkamah khas hendaklah dianggotai oleh semua raja-raja Melayu yang mana keputusannya adalah muktamad. Ini adalah untuk melindungi hak-hak asasi rakyat negara ini."

Dalam mengkaji kedudukan monarki di Malaysia, kajian juga boleh dibuat berasaskan cadangan yang pernah dikemukakan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian Hashim. Beliau mencadangkan dalam usaha untuk mengelakkan gelaran raja

disalahgunakan dan seterusnya membusukkan nama raja, ada baiknya dihadkan pemakaian gelaran raja itu sendiri kepada waris yang rapat dengan Sultan sahaja. Kerabat yang lain hendaklah dilarang menggunakan gelaran raja. Kata Tun Suffian: "Hari ini di Asia hanya di Bhutan, Brunei, Jepun, Malaysia, Nepal dan Thailand sahaja yang mempunyai raja. Raja-raja yang terakhir sekali dihapuskan ialah di Afghanistan dan Iran. Jika raja mempunyai nama yang baik yang tidak dijejas oleh skandal, tidak ada sebarang sebab mengapa raja tidak akan berkekalan di Malaysia. Keharuman nama raja di Malaysia kadangkala dijejas oleh jenayah dilakukan oleh Tunku-tunku yang tidak berkedudukan. Jawapan kepada masalah ini berada di tangan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu sendiri jika baginda sekalian misalnya mengurangkan jumlah mereka yang dapat memakai gelaran raja, Tengku dan Tunku. Hanya Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu yang dapat bertindak mengecilkan bilangan pemakai gelaran berkenaan yang ada hubung kait dengan raja. Tidak ada kerajaan walau betapa kuat sekalipun yang sanggup melakukannya dan menjadi tidak popular."

Menurut Tun Suffian, ramai kerabat diraja kerana adanya sembilan raja dan melalui poligami, "amat biasa sekali dengan hidup senang tetapi tidak memiliki pelajaran atau kelayakan yang baik. Akibat darinya mereka tidak memiliki wang bagi menyokong cara hidup yang dianggap sebagai hak kepada diri mereka. Walaupun demikian, ramai daripada mereka hidup di luar kemampuan sendiri: Mereka memandu kereta, singgah di hotel-hotel yang mahal dan makan di restoran-restoran cantik yang mereka tidak mampu. Akhirnya mereka dihadapkan ke mahkamah dan kemudian dihantar ke penjara. Nama busuk yang mereka dapati, padanlah dengan diri mereka. Akan tetapi pada masa yang sama mereka itu membusukkan juga nama anak-anak raja yang lain yang berkelakuan baik dan sungguh-sungguh dihormati." Tun Suffian berkata mengecilkan kerana diraja bukan satu amalan baru. Di England dan Thailand ia sudah lama dilakukan.

Terdapat juga cadangan supaya raja-raja Melayu didedahkan dengan pemerintahan Raja Berperlembagaan sebenarnya yang terdapat di enam buah negara Eropah yang masih mengamalkan pemerintahan serupa itu iaitu England, Sweden, Belgium,



Belanda, Denmark dan Norway. Cadangan ini dibuat oleh peguam Zaid Ibrahim yang berpendapat bahawa di benua itu raja-raja ini tidak lagi terikat dengan konsep-konsep yang mengasingkan diri mereka daripada masyarakat. Mereka telah menyesuaikan diri dengan keadaan, mematuhi undang-undang dan kemahuan rakyat dari masa ke masa. Mereka senantiasa bersikap terbuka kepada kritikan dan teguran yang dibuat oleh rakyat atau para pemimpinnya. Malah di kalangan raja-raja Eropah itu ada yang menyatakan bahawa istana mereka itupun bukan hak mereka tetapi hak rakyat walaupun ia diwarisi turun temurun. Apa yang penting bagi mereka bukanlah kemewahan hidup atau keistimewaan tertentu tetapi ingin diterima dan dihormati oleh rakyat seluruhnya.

Apa yang diamati berlaku pada raja-raja di enam buah negara Eropah oleh Zaid Ibrahim dalam tulisannya berjudul Raja Wajib Patuhi Undang-undang (*Utusan Malaysia*, 9 April 1992) itu tidak berlaku di Malaysia. Kolomnis Rustam A Sani dalam ruangan minggunya dengan judul Institusi raja dan peranannya (*Utusan Malaysia* 30 Mac 1992) dengan tepatnya mengamati bahawa "sayangnya, institusi raja dalam masyarakat kita, dari segi tanggapan umum, lebih sering dihubungkan dengan keramaian, upacara, sukan, cara hidup mewah (*conspicuous consumption*), hiburan, para penghibur dan sebagainya. Peranan ilmu dan kesenian - apa lagi penglibatan yang mendalam dalam bidang-bidang itu - jarang sekali dihubungkan dengan institusi raja. Amatlah menyedihkan bahawa dalam usaha kita memantapkan dan mencari relevans institusi raja dalam masyarakat, kita hanya dapat berbicara tentang perkara-perkara dangkal seperti kereta mahal, kapal mahal, perbelanjaan besar, isteri muda dan hal-hal serupa itu sahaja. Quo vadis institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia?"

Pertanyaan Rustam itu memang wajar ditimbulkan dan dijawab. Dan yang boleh menjawabnya ialah raja-raja itu sendiri. Ke mana mereka hendak membawa diri mereka dalam kita menghadapi abad ke-21 ini, mereka sendirilah yang akan menentukan.

## LAMPIRAN

## SEDUTAN INTERBIU EKSKLUSIF TAN SRI MUHAMMAD MUHD. TAIB

SOALAN: Selaku Menteri Besar apakah kuasa yang ada pada Tan Sri?

Tan Sri Muhammad: Menteri Besar mentadbirkan sebuah negeri. Kuasa yang ada padanya adalah kuasa tertinggi dalam sesebuah kerajaan negeri; dia mempengerusikan mesyuarat EXCO dan boleh membuat keputusan negeri bersama-sama dengan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang lain. Menteri Besar juga memainkan peranan untuk membawa kemajuan di negeri – kemajuan dari segi ekonomi, pembangunan, infrastruktur, hubungannya dengan rakyat, hubungan dengan Kerajaan Persekutuan, di samping bekerjasama dengan raja. Jadi Menteri Besar seolah-olah seorang ketua eksekutif di sesebuah negeri.

Menteri Besar juga memutuskan dasar-dasar kerajaan negeri, selok-belok pentadbiran, pelaburan, projek-projek yang hendak dibangunkan, dia boleh mempengaruhi pembangunan di satu-satu tempat dan saya fikir dia boleh memajukan atau tidak memajukan negeri.

Soalan: Apa instrument negeri yang berada di bawah kawalan seorang Menteri Besar?

Tan Sri Muhammad: Pertama, EXCO. Dia mempengerusikan mesyuarat tertinggi EXCO, bermakna dia memutuskan dasar dan perjalanan kerajaan; dia juga mempengerusikan semua anak-anak syarikat kerajaan. Pendek kata, segala jentera pentadbiran di negeri dan daerah berada di bawah kawalan Menteri Besar. Dia menjadi Pengerusi Pembangunan Negeri.

Soalan: Bagaimanakah dengan peranan sebagai penasihat, seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan, kepada raja?

Tan Sri Muhammad: Kalau ikut perlembagaan, apa saja yang diputuskan oleh kerajaan negeri disebut sebagai nasihat, kemudian disembahkan kepada raja; seorang raja mestilah mengikut segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Seorang raja tidak berhak untuk *over rule* mana-mana juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Ini bermakna bahawa apa juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang disebut sebagai nasihat apabila disembahkan kepada raja, raja kena ikut.

Soalan: Bagaimana interaksi Menteri Besar dengan Sultan berlaku? Apakah ada upacara mengadap minguang, misalnya?

Tan Sri Muhammad: Sebenarnya tidak ada yang ditetapkan. Biasanya Menteri Besar akan berjumpa dengan raja apabila ada masalah, bila ada perkara yang hendak disampaikan kepada raja sebagai taklimat biasa. Atau pun bila Menteri Besar dijemput oleh raja, Menteri Besar akan pergi ke istana. Atau pun apabila ada majlis-majlis, keramaian, merasmikan masjid oleh Sultan, Menteri Besar akan hadir. Apabila raja berangkat keluar negeri atau kembali dari lawatan luar negeri, Menteri Besar pergi ke lapangan terbang. Bagi saya macam itu.

Soalan: Keputusan EXCO tidakkah perlu dipersembahkan kepada Sultan?

Tan Sri Muhammad: Tidak. Sultan hanya dimaklumkan melalui minit EXCO setiap minggu. Kita tidak membuat keputusan daripada raja. Ia dihantar untuk makluman sahaja.

Soalan: Apabila Tan Sri pertama kali dilantik menjadi Menteri Besar selepas pilihan raya 1986, apa persepsi Tan Sri tentang peranan Sultan?

Tan Sri Muhammad: Ketika itu saya menganggap bahawa raja itu sebahagian daripada *set up* kerajaan yang begitu penting sekali. Raja berperanan bersama untuk mengekalkan kestabilan politik

dengan cara dia memberikan hujah, melibatkan diri bersama-sama dalam pentadbiran, bersama juga membuat keputusan pentadbiran. Ini pemahaman awal. Tetapi selepas saya memegang jawatan, mendapat nasihat daripada pegawai-pegawai dan mengetahui sebenarnya peranan raja, maka saya faham bahawa raja cuma bertanggungjawab secara dari segi keseluruhan sahaja tanpa masuk campur perjalanan harian pentadbiran, tanpa campur tangan dalam politik. Itu beza antara mula-mula dengan setelah saya memahami peranan raja.

Soalan: Bagaimana dengan hubungan awal empat tahun pertama setelah jadi Menteri Besar.

Tan Sri Muhammad: Hubungan sangat baik. Saya menghormati raja hingga hari ini. Tetapi ia menjadi bermasalah apabila ada orang yang mempunyai kepentingan tertentu (*vested interest*) menggunakan istana untuk mendapatkan sesuatu, mungkin dari segi perniagaan dan juga orang politik. Perniagaan ialah orang-orang yang menggunakan raja untuk mendapat sesuatu daripada kerajaan, kalau mereka gagal mereka menggunakan tekanan mempengaruhi raja dan juga memburuk-burukkan pemimpin dan juga boleh sehingga raja akan bertindak mengambil tindakan sesuatu. Misalnya pernah berlaku Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dipindahkan 24 jam kerana ada seorang peniaga yang tidak dapat tender. Kemudian apabila ada perayaan-perayaan di negeri Selangor, apabila dia tidak datang alasan diberi bahawa dia tidak mendapat jemputan dan mengatakan ini kesalahan kerajaan negeri serta dilaporkan kepada raja, raja akan murka dan seterusnya memindahkan pegawai itu 24 jam. Inilah cara yang digunakan. Peranan ini akan berterusan dan kalau ia dibiarkan terus, maka raja dan Menteri Besar akan bertembung. Dan ini perkara yang memang berlaku di negeri Selangor kepada semua Menteri Besar. Semua MB di Selangor pernah menghadapi masalah dengan raja kerana ada orang yang tidak dapat projek, tanah, tender, balak dan sebagainya, mereka akan menghasut Tuanku dan ceritakan yang bukan-bukan sehingga Tuanku marah dan memusuhi Menteri Besar. *Trend* ini berlaku pada semua. Ahmad Razali sembilan bulan tidak ditegur oleh Sultan Selangor sehingga dia turun dari menjadi Menteri Besar. Dato' Hormat,

Dato' Harun, Dato' Abu Bakar Baginda semuanya menghadapi masalah dengan raja apabila kita kesan mereka semua mengalami keadaan yang sama walaupun Menteri-menteri Besar ini sedikit sebanyak melayan kehendak Tuanku, tetapi oleh kerana banyak sangat ahli perniagaan yang belum dapat, maka salah satunya akan cucuk Tuanku.

Soalan: Menteri Besar-Menteri Besar sebelum ini ada masalah, tetapi tertutup. Tetapi masalah Tan Sri terbuka, mengapa...?

Tan Sri Muhammad: Sebenarnya pemimpin UMNOlah yang menutup kelemahan-kelemahan raja bukan saja di Selangor tetapi di seluruh negara. Merekalah yang sebenarnya mempertahankan raja. Pemerintahan UMNO dengan pentadbiran pegawai di bawah UMNO menutup kelemahan raja - sama ada penyalahgunaan dari segi kuasa, mendapatkan tender, projek dan beri kepada kuncu-kuncu semua cerita ini ditutup dengan begitu rapi oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan diikuti oleh pegawai-pegawai walaupun rasa tidak puas hati ini terpendam dalam jiwa dan makin hari makin membesar.

Saya berpendapat kalau ini tidak dikawal dan diberitahu kepada raja secara terus terang, ia akan menjadi kanser yang akan membunuh dan menghapuskan sistem raja. Oleh itu, generasi yang ada yang lebih kemudian nampak bahawa banyak ketidakbetulan ini berlaku kerana generasi lama membenarkan ia berjalan terus menerus. Dan saya memandangi ini bahaya kepada institusi raja itu sendiri. Oleh itu kita kena beritahu raja. Kadang-kadang penasihat raja yang berada di keliling, tidak mahu memberi nasihat yang betul mungkin kerana mereka tidak mahu mencari masalah. Yang kedua takut disnub dan seterusnya diboikot oleh raja kalau mereka memberitahu keadaan yang sebenar, ataupun mereka tidak kuasa untuk memberitahu keadaan yang sebenar asalkan mereka dapat habuan yang mereka hendak. Mereka sebenarnya bukan menjadi penasihat. Jadi, kita terpaksa berhadapan dengan satu risiko yang besar untuk mendedahkan satu perkara yang boleh kalau alang-alang kepalang, saya sendiri akan hapus.

Soalan: Masalah Tan Sri dengan Sultan, bila sebenarnya bermula?

Tan Sri Muhammad: Dia macam ini. Bila kehendak-kehendak raja dilayan kerana mengambil hati dengan memberi sebahagian daripada apa yang dikehendaki, saya dapati ia tidak memuaskan raja. Raja cuba campur tangan terhadap pentadbiran. Contohnya: Zoo. Walaupun kita tahu apa yang kita buat itu betul dan apabila Tuanku mendapat nasihat daripada orang lain, raja boleh panggil akhbar dan mengeluarkan kenyataan yang begitu kuat, sewenang-wenangnya menuduh kerajaan negeri tamak dan kerja yang tidak betul. Jadi saya berpendapat Tuanku sudah tidak melaksanakan tanggungjawab dengan betul, maka yang kita anggap tidak betul itu mesti dibetulkan.

Soalan: Perlantikan Tan Sri sebagai Menteri Besar bagi kali kedua selepas pilihan raya 1990 juga dilewat-lewatkan?

Tan Sri Muhammad: Inilah soalnya. Di negeri Selangor ini khususnya setiap kali selepas pilihan raya ada orang yang melobi raja untuk menjadi Menteri Besar. Dan ini tidak terkecuali pada zaman saya dan berlaku setiap kali selepas pilihan raya. Ada golongan perniagaan yang bekerjasama dengan pemimpin politik. Mungkin mereka ada kepentingan bersama. Mungkin sesetengah ingin mendapat sesuatu jika kerja mereka berhasil. Kerana itu mereka mengusahakan daripada raja untuk menonjolkan calon yang mereka fikir mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih. Jadi, itu sebabnya pilihan Menteri Besar di Selangor selalu lewat dibuat.

Soalan: Penangguhan perlantikan Tan Sri itu apakah isyarat yang Sultan tidak mahu lagi Tan Sri jadi Menteri Besar.

Tan Sri Muhammad: Memang jelas baginda tidak mahu saya jadi Menteri Besar hasil daripada cucukan, walaupun ketika itu saya menantu baginda bukan orang lain. Tetapi UMNO begitu tegas siapa yang hendak menjadi Menteri Besar sehingga baginda sendiri bersetuju untuk menerima saya. Jadi di sini nampak bahawa baginda dikawal perasaannya oleh sebahagian daripada orang yang pada masa itu memainkan peranan bersungguh-sungguh untuk melobi orang lain jadi Menteri Besar.

Soalan: Pewujudan jawatan Timbalan Menteri Besar apakah ia satu permainan Sultan?

Tan Sri Muhammad: Memang satu permainan untuk memuaskan hati baginda. Maknanya, kalau baginda tidak dapat meletakkan orang baginda sebagai Menteri Besar, maka baginda hendak seorang Timbalan Menteri Besar yang baginda tonjolkan untuk tunjukkan bahawa Menteri Besar yang ada bukanlah pilihan sepenuhnya.

Soalan: Dalam perhimpunan UMNO 1991 UMNO Selangor membuat pendedahan mengejut tentang Sultan Selangor dalam bisnes. Apa latar belakang tindakan itu?

Tan Sri Muhammad: Kita memikirkan pada tahun 1990, UMNO sudah membuat teguran pada raja tentang beberapa perkara tidak puas hati yang telah ditimbulkan oleh ahli-ahli UMNO mengenai raja-raja. Tetapi teguran-teguran yang dibuat pada 1990 nampaknya tidak berkesan. Sebelum Dr. Mahathir sendiri menjadi Perdana Menteri, Hussein Onn pun sudah memanggil raja dan menasihati mereka tentang peranan mereka. Tunku Abdul Rahman sewaktu menjadi Perdana Menteri juga pernah menulis dan menasihati raja-raja tentang peranan raja-raja. Pada zaman British kita lihat raja-raja mendengar dan mengikuti nasihat raja. Pada tahun awal 1990-an, kita tidak nampak raja-raja telah memainkan peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan. Kita nampak mereka berlumba menonjolkan kuasa, pengaruh dan kekuatan. Jadi, UMNO nampak ini satu perkara yang tidak sihat dalam sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan.

Untuk itu, UMNO Selangor berpendirian, kita mesti habis-habisan menegur raja dan kita mesti tegur raja kita dahulu. Itu sebabnya kita berani mendedahkan beberapa peri laku yang dianggap tidak betul hingga mengejutkan orang ramai. Kita mendapat mandat sepenuhnya Perhubungan UMNO Selangor, Pemuda dan Wanita. Inilah yang terpaksa kita buat selepas teguran-teguran yang kita buat sebelum ini tidak diendahkan.

Soalan: Tentang campur tangan Sultan terhadap perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, bagaimana ia dilakukan?

Tan Sri Muhammad: Perlantikan SUK ini adalah kuasa mutlak kerajaan. Peranan raja cuma menerima perlantikan yang dipilih



oleh Menteri Besar. Kalau raja campur tangan untuk menyatakan pilihannya, nanti keadaan satu kapal dua nakhoda akan berlaku. Ini akan menyusahkan pentadbiran, kuasa rakyat akan terhakis dalam mentadbirkan negeri. Di Selangor sekarang ini, semua saya lantik, selepas itu barulah Sultan memberikan persetujuan. Itu cuma *ceremonial* sahaja.

Soalan: Penganugerahan bintang sempena hari jadi Sultan pada 8 Mac 1992, menimbulkan masalah. Apa cerita sebenar di sebalik kekecohan tersebut?

Tan Sri Muhammad: Soal bintang ini bukanlah perkara penting sangat kepada kita. Tetapi kita tidak mahu ia digunakan untuk memecahbelahkan UMNO. Kalau ia digunakan untuk pecah belah, ia akan jejas kedudukan kita. Oleh itu, apabila istana cuba menggunakan bintang untuk mempermainkan kita, maka kita buat keputusan tak payahlah kita terima. Kita pun tidak mahu merayu sangat kerana bagi kita bintang-bintang ini tidak penting.

Soalan: Di negeri lain – Perak, Pahang, Johor, Kelantan – apabila Menteri Besar ada masalah dengan Sultan, ia berkesudahan dengan MB itu sama ada letak jawatan. Tapi Tan Sri terus jadi MB. Apa rahsiannya.

Tan Sri Muhammad: Alhamdulillah, saya rasa bersyukur. Dengan baginda Tuanku pun saya sudah baik, macam tidak ada apa-apa. Mungkin Tuanku memikirkan apa yang kita buat, tegur menegur ini adalah untuk membetulkan mana yang tidak betul supaya baginda tahu had mana peranan baginda dan had mana peranan Menteri Besar. Jadi, tidak akan berlaku perbuatan mencampuri kuasa orang lain. Jika itu difaham, perhubungan akan baik. Kita akan hormat dia sebagai seorang raja. Saya memikirkan Tuanku sudah bersetuju dengan teguran-teguran kita. Jika tidak perhubungan tentulah tidak baik semula.

Soalan: Tan Sri membuat kesimpulan bahawa mesej yang ingin disampaikan kepada raja oleh UMNO Selangor sampai kepada baginda?

Tan Sri Muhammad: Saya fikir sampai. Sekarang kita dapat buat kod etika dan Sultan Selangor menerimanya dan mengatakan bagus diadakan etika. Baginda boleh nampak rasional teguran yang dibuat. Orang istana bagi tahu baginda sudah tidak rapat lagi dengan kapitan Cina. Kalau hendak berkawan pun sorok-sorok. Jadi saya lihat di Selangor kesan teguran UMNO ada.

## SEDUTAN INTERBIU EKSKLUSIF TAN SRI MOHAMAD YAACOB

SOALAN: Tan Sri menjadi Menteri Besar UMNO di Kelantan pada 1978 dan kekal dengan jawatan itu sehingga UMNO tumbang kepada Angkatan Perpaduan Umah pada 1990. Di sebalik kejatuhan Tan Sri ialah krisis dengan Sultan Kelantan. Boleh Tan Sri terangkan bila krisis itu bermula dan apa puncanya?

Tan Sri Mohamad: Ia bermula pada tahun 1983 apabila Dr. Mahathir Mohamad membuat pindaan perlembagaan untuk menghadkan kuasa raja. Saya sebagai Menteri Besar dalam mesyuarat Menteri Besar-Menteri Besar telah mendapat penerangan yang jelas tentang rasional membuat pindaan itu dan kami berpendapat bahawa itu adalah caranya untuk menegakkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Kami Menteri Besar-Menteri Besar menyokong dan berdiri teguh di belakang Dr. Mahathir untuk membuat pindaan itu bagi menetapkan tempoh raja memberi perkenan kepada rang undang-undang kerana sudah ada raja yang tidak mahu memberi perkenan itu. Di situlah bermulanya. Hubungan dengan Sultan mula tegang, tetapi saya masih boleh mengadap. Dari situ, Sultan Kelantan sudah mengambil sikap anti Mahathir; baginda kata Mahathir hendak jatuhkan raja dan kunci-kunci di Kelantan ada yang bersetuju dengan baginda. Saya terus juga berkhidmat, menjalankan tugas menggunakan diplomasi.

Kemudian berlaku pula pertandingan antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh; ada rombongan dari istana meminta saya sokong Tengku Razaleigh. Untuk tidak menyinggung, saya sendiri secara terang-terang waktu itu tidak menyatakan saya menyokong Dr. Mahathir. Saya beritahu kita orang Kelantan ni

kalau boleh mahu anak Kelantan jadi Perdana Menteri. Tetapi saya sendiri berpendapat bahawa antara mereka berdua, Dr. Mahathir adalah pilihan yang tepat. Sayapun menyokong Dr. Mahathir, cuma tidak bercakap mulut.

Apabila Dr. Mahathir menang, saya hendak mengadap Sultan susah. Lepas itu, diadakan pula Semarak di Lubok Jong dalam kawasan Rantau Panjang. Saya diminta berucap. Dalam ucapan itu saya nyatakan sokongan kepada Dr. Mahathir; saya tegaskan bahawa jatuh bangun kita adalah bersama beliau. Kenyataan ini terang-terang tidak menyokong Tengku Razaleigh. Tidak menyokong Tengku Razaleigh dianggap saya menentang Sultan. Sejak itu, saya tidak lagi boleh mengadap. Lepas saya berucap di Lubok Jong itu, diadakan pula hari jadi Sultan Kelantan. Di situ saya patut buat ucapan, tetapi saya telah tidak dijemput untuk memberikan ucapan. Itulah pertama kali saya sebagai Menteri Besar disnub oleh Sultan. Lepas itu ada juga istiadat di istana saya tidak lagi dijemput berterusan hinggalah pilihan raya 1990.

Istana berazam untuk mengalahkan Barisan Nasional. Sultan marah bukan sangat kerana saya, tetapi kerana Dr. Mahathir. Tetapi kerana saya menyokong Dr. Mahathir, maka saya turut menjadi mangsa. Kempen habis-habisan menentang UMNO dimulakan bukan secara langsung oleh Sultan, tetapi oleh pegawai-pegawai tadbir negeri, tok-tok penggawa (penghulu), semua kakitangan kerajaan negeri digunakan. Premis kempen mereka ialah inilah peluang Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri dan kalau dia menang, dia akan bawa banyak duit ke Kelantan. Sebab itu sebilangan besar menyokong Angkatan Perpaduan Umah-Pas dengan Semangat 46. Keyakinan mereka diasaskan kepada tindakan PBS keluar Barisan Nasional yang telah memberi mereka 14 kerusi Parlimen.

Manifesto APU untuk beri pencen seratus ringgit sebulan kepada mereka yang berusia 55 tahun ke atas, mereka yang bermotosikal tidak perlu membayar cukai jalan, juga nampaknya termakan. Ramai rakyat Kelantan yang percaya.

Soalan: Tan Sri mengatakan bahawa Sultan Kelantan tidak senang dengan pindaan perlembagaan 1983 sehingga menjadi krisis antara Menteri Besar dengan Sultan. Secara lebih khusus, apa yang sebenarnya tidak disenangi oleh Sultan Kelantan?

Tan Sri Mohamad: Baginda marah sangat kerana menurut perhitungan baginda, kuasa raja hendak diambil. Sultan Kelantan mahu kuasa itu dikekalkan seperti sedia kala, tidak ada sebarang perubahan dibuat.

Soalan: Hubungan Tan Sri dengan Sultan Kelantan sebelum 1983 bagaimana?

Tan Sri Mohamad: Baik, bagus. Saya dianggap sebagai orang tua. Perhubungan sangat baik. Selain tugas rasmi, saya juga boleh bergurau senda. Perhubungan yang baik itu bermula apabila baginda menjadi Pemangku Sultan ketika ayahandanya menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Soalan: Di Kelantan, apakah Tan Sri menghadapi masalah untuk melayan kehendak Sultan, seperti minta tanah, kawasan balak, peluang perniagaan dan sebagainya...

Tan Sri Mohamad: Dalam soal minta tanah, kayu balak tidak ada. Saya berpuas hati dalam segi itu. Perbelanjaan sikit-sikit tu adalah seperti perbelanjaan cuti tahun di luar negara. Permintaan besarkan istana ada, itupun sempena Persidangan Majlis Raja-raja hendak diadakan di Kota Baru. Pada mula, kerajaan bercadang untuk membesarkan Hotel Perdana dan kami membuat pinjaman daripada Kerajaan Pusat, tetapi ditolak oleh Menteri Kewangan, Daim Zainuddin. Sultan kata kalau pembesaran Hotel Perdana tidak boleh, kita besarkan istanalah – istana Kota Lama dan Istana Negeri.

Soalan: Menjelang pilihan raya umum 1990, dakwaan ditimbulkan tentang campur tangan dalam pentadbiran dan politik. Bagaimana ini dilakukan?

Tan Sri Mohamad: Di Kelantan, perlembagaan negeri memberi kuasa kepada Sultan menjaga institusi agama dan perkhidmatan awam negeri. Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dilantik oleh Sultan. Ini amalan sejak zaman Pas memerintah lagi. Sepatutnya tidak begitu, tetapi peruntukan perlembagaan ditulis dengan cara yang longgar, maka Sultan seolah-olah telah mendapat kuasa itu.

Apa yang berlaku menjelang pilihan raya itu ialah istana telah membuat pertukaran pegawai-pegawai tadbir negeri. Mereka yang tidak menyokong UMNO ditukar ke kawasan di mana Pas kuat. Pegawai-pegawai yang bersimpati dengan Pas dan Semangat 46 ditempatkan di kawasan-kawasan di mana UMNO kuat.

Kerajaan negeri, setelah berunding dengan Kerajaan Persekutuan membantah. Surat pekeliling dikeluarkan untuk membatalkan arahan bertukar itu. Istana marah. Lalu ia meminta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang bertanggungjawab menjaga kakitangan kerajaan Kelantan supaya membuat pertukaran semula. Kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa kerana Suruhanjaya itu seratus peratus dikuasai oleh Sultan.

Selepas itu saya dihina begitu teruk sekali.

Soalan: Penggunaan institusi agama pula bagaimana?

Tan Sri Mohamad: Sultan memang menguasai institusi agama seratus peratus. Menjaga agama hak baginda dan kuasa raja. Semua imam, sekolah-sekolah agama dan kadi berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Ia juga telah digunakan untuk menumbangkan UMNO dalam pilihan raya 1990 itu.

Soalan: Tan Sri menyatakan institusi agama ini tidak boleh digunakan oleh raja?

Tan Sri Mohamad: Tidak boleh digunakan untuk berpihak dalam politik. Sultan sepatutnya menjadi seorang yang neutral, non partisan.

Soalan: Jadi Tan Sri sebenarnya menjadi mangsa kepada perbalahan yang lebih besar, tersepit antara Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir.

Tan Sri Mohamad: Memang jadi mangsa, tetapi saya adalah mangsa yang rela kerana perjuangan parti - UMNO dan Barisan Nasional. Tidak mengapalah saya menjadi mangsa asalkan kita boleh menegakkan perjuangan kita.

Soalan: Sultan mengatakan oleh kerana Tan Sri menentang Tengku Razaleigh, maka Tan Sri juga menentang Sultan?

Tan Sri Mohamd: Saya rasa macam itulah. Sebab Tengku Razaleigh bapa saudara Raja Perempuan. Kerana itu, saya diminta menyokong Tengku Razaleigh.

Soalan: Tindak-tanduk Sultan itu adalah jelas bahawa baginda tidak lagi mahu Tan Sri jadi Menteri Besar. Kalau Tan Sri berhenti waktu itu, apakah UMNO akan selamat dan kekal berkuasa? Apakah masalah UMNO dengan Sultan selesai?

Tan Sri Mohamad: Saya rasa tidak selagi Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Memang ada antara kami di Kelantan yang menonjolkan bahawa sekiranya mereka menjadi Menteri Besar, krisis UMNO-Sultan boleh diatasi. Tetapi pemikiran Presiden berlainan sedikit. Saya diminta terus berkhidmat.

Soalan: Tan Sri sendiri pernah terfikir untuk berhenti?

Tan Sri Mohamad: Memang ada. Bahkan dalam pilihan raya 1986 semasa saya berjumpa Dr. Mahathir dan Encik Ghafar tentang calon-calon, Dr. Mahathir sendiri bercakap bahawa saya akan hanya menjadi Menteri Besar untuk dua tahun. Saya setuju. Tetapi selesai dua tahun itu krisis memuncak, Dr. Mahathir minta saya terus berkhidmat. Saya sendiri berpendapat masa untuk bersara kerana sudah masuk tiga penggal jadi Menteri Besar. Sebelum itu sejak 1969, saya menjadi timbalan menteri, menteri Pusat, saya rasa sudah lama sangat berkhidmat. Tetapi kerana krisis, tidak kena juga kalau saya tarik diri. Majlis Tertinggi sokong saya.

Soalan: Semasa Tan Sri menjadi Menteri Besar pertama kali pada 1978, apa pemahaman Tan Sri tentang peranan Menteri Besar dan bagaimana Menteri Besar berinteraksi dengan Sultan?

Tan Sri Mohamad: Saya pernah menjadi Setiausaha Sulit kepada Sultan Kelantan pada 1954 semasa British. Jadi, saya tahu sangat interaksi Menteri Besar dengan Sultan, tentang adat dan sebagainya. Sewaktu saya menjadi Menteri Besar, saya buat amalan,

yang tidak diamalkan sebelum itu, untuk mengadap raja tentang perkara-perkara yang hendak dibincangkan dalam mesyuarat mingguan EXCO. Tetapi tidaklah sampai mengadap hari-hari. Saya pun tidak ada masa. Bila dipanggil mengadap, saya pergi mengadap.

Fungsi sebagai Menteri Besar pula ialah untuk mentadbirkan negeri bersama-sama EXCO, membuat dasar negeri sejajar dengan keputusan kabinet Pusat, Majlis Tertinggi. Menteri Besar juga mewakili negeri dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis-majlis Tanah, Kewangan, Perhutanan Negara dan mesyuarat Menteri Besar-Menteri Besar dengan Perdana Menteri.

Soalan: Apakah masalah Tan Sri menghadapi Sultan ini diperulitkan kerana UMNO Kelantan sendiri tidak berdiri teguh di belakang Tan Sri. Apakah ada EXCO yang berdiri atas pagar dan bermuka-muka: Di depan mereka sokongan Tan Sri di belakang tidak?

Tan Sri Mohamad: Pada hemat saya, mereka menyokong saya. Tetapi ada antara mereka kerana tidak mahu dimarahi raja atau kerana hendak naik, mereka pergi juga mengadap. Tetapi mengadap itu tidak pula bermakna mereka tidak menyokong saya.

Soalan: Apabila Sultan memutuskan hubungan dengan Tan Sri apakah perasaan Tan Sri?

Tan Sri Mohamad: Saya berasa dukacita. Tetapi saya fikir, saya hendak meneruskan pembangunan Kelantan, maka saya teruskan tugas kita. Dan kertas-kertas EXCO kita sampaikan begitu saja. Tidak perlu mengadap. Tidak ada yang bertentangan dengan perlembagaan.

Soalan: Tan Sri tidak boleh mengadap bila?

Tan Sri Mohamad: Selepas pemilihan UMNO 1987. Krisis makin teruk lepas Semarak Lubok Jong. Hubungan terputus terus, tidak lagi boleh diperbaiki.



Soalan: Tan Sri Menteri Besar UMNO yang pertama dan sehingga parti itu jatuh di Kelantan. Menoleh ke belakang, apa ertinya peristiwa itu dalam kehidupan Tan Sri?

Tan Sri Mohamad: Episod yang saya rasa patut diketahui oleh generasi akan datang. Satu episod yang pahit, tetapi kebbaikannya juga ada, bukan hitam semata-mata. Tetapi untuk perseorangan, saya menjadi semacam mangsa, tetapi mangsa pun saya boleh terima. Semuanya sudah ditakdirkan oleh Tuhan.

Soalan: Kalau Tan Sri ikut kehendak Sultan dan berpihak kepada Tengku Razaleigh, apa akan jadi?

Tan Sri Mohamad: (Ketawa besar) Ramalan macam-macam. Ada yang kata saya akan jadi orang besar negeri. Tetapi saya rasa tidak guna jadi Menteri Besar jika tidak ikut kehendak parti; jadi Menteri Besar tanpa sokongan. Lebih baik saja tidak menjadi Menteri Besar.

Soalan: Tan Sri tidak pernah memberi *input* kepada Dr. Mahathir supaya melihat kerumitan masalah Kelantan dan memulakan rekonsiliasi dengan istana?

Tan Sri Mohamad: Dr. Mahathir sebenarnya mendapat *input* tentang Kelantan dari pelbagai punca sebelum buat keputusan. Kita beritahu apa yang patut, dan kemudian serahkan kepada pucuk pimpinan parti buat keputusan.

Soalan: Tidakkah yang penting ketika itu ialah untuk menyelamatkan UMNO?

Tan Sri Mohamad: Kita sebenarnya tidak sangka UMNO akan kalah begitu teruk. Kita buat beberapa kali tinjauan sebelum pilihan raya, keputusannya berpihak kepada kita. Perubahan hanya berlaku tujuh hari menjelang pilihan raya kerana pengundi termakan kempen dengan janji APU pada saat-saat akhir. Sehingga pemuda-pemuda kita yang sudah dipupuk dengan kursus bina semangat juga berpaling tadah. Orang-orang tua yang sudah mendapat bantuan kerajaanpun berpaling tadah kerana

mereka ingin pencen yang dijanjikan. Mereka kata, benar kami sudah dapat rumah, tetapi kami juga ingin pencen seratus ringgit sebulan.

Soalan: Raja turut berkempen menentang UMNO?

Tan Sri Mohamad: Baginda sendiri tidak. Tetapi orang-orang istana ada menggunakan institusi agama dan kakitangan kerajaan.

## SEDUTAN INTERBIU EKSKLUSIF DATO' ABDUL RAHIM BAKAR

SOALAN: Selalu dikatakan masalah Dato' dengan Sultan Pahang bermula dengan perlantikan Dato' sebagai Menteri Besar. Dalam menentukan kedudukan itu selepas pilihan raya umum 1978, Sultan dikatakan telah meminta UMNO Negeri mengemukakan lebih daripada dua nama bagi baginda pertimbangkan tetapi UMNO enggan. Apakah cerita itu betul?

Dato' Rahim: Betul, betul. Presiden yang putuskan satu nama, bukan Datuk Hamzah (ketua perhubungan negeri.) Hussein Onn beri satu nama iaitu nama saya. Situasinya: *Take it or leave it.*

Soalan: Sultan berasa tersinggung dengan keputusan itu?

Dato' Rahim: Itu buat Sultan tidak senang. Itu sebabnya selepas pilihan raya 1978, Pahang paling akhir mengumumkan siapa jadi Menteri Besar kerana masalah yang disebutkan tadi. Selepas masalah itu boleh diperbaiki dengan syarat kita meluluskan apa saja yang dipohon oleh Sultan. Itupun raja tak dapat. Itulah memburukkan lagi hubungan sehingga berbagai-bagai isu ditimbulkan, termasuklah saya bukan orang Pahang, tidak tahu istiadat raja.

Soalan: Bagaimana hubungan awal Dato' dengan Sultan?

Dato' Rahim: Selepas dilantik, MB yang bersara Dato' Mohamad Jusoh mahu diadakan satu upacara penyerahan kecil-kecilan. Jadi, tiga empat orang hadir dalam bilik MB. Bila *handover*, sebelum saya sempat duduk pada kerusi MB, saya diserahkan

surat permohonan raja untuk dapatkan kawasan balak sampai ke tangan saya. Dua minggu kemudian mesyuarat EXCO di Cameron Highlands, permohonan raja ditolak. Sebelum itu, saya telah berunding dengan Hussein Onn yang bagi tahu supaya permohonan itu ditolak. Maknanya sejak hari pertama lagi masalah sudah bermula.

Lepas pada itu, berita tersebar cepat. Maknanya dalam EXCO sudah ada beritahu Sultan. Bila saya minta *appointment* untuk memberitahu Sultan tentang keputusan itu, Sultan ketika itu belum jadi Yang di-Pertuan Agong, tidak mahu terima saya mengadap. Saya diberitahu hendak mengadap buat apa, tulis surat saja sudahlah. Itu bermakna Sultan sudah tahu. Saya tulis surat, menerangkan keseluruhannya dan saya juga minta mengadap.

Lepas pada itu memang tidak dapat jumpa. Ada tak ada, saya jumpa tahun 1978 sempena hari jadi. Itulah setahun saja saya menyembah ucapan bagi pihak rakyat. Tahun-tahun lain saya tidak diberi. Ia adalah satu kepincangan dari segi adat kerana biasa MB menyembah ucapan, raja menitahkan ucapan. Rakyat mesti diwakili. Pada 1979 dan 1980 masih dibenarkan hadir, tapi tidak berucap. Tapi 1980 hadir saya tu agak pelik juga dari segi kedudukan. Dari segi protokol negeri, saya duduk sebelah Tengku Mahkota, Raja, Raja Perempuan, kalau ada PM atau TPM merekalah dan Menteri Besar, lepas itu baru menteri kabinet. Tapi pada tahun itu, saya tidak diletakkan di meja utama, tetapi dilambakkan dengan orang ramai. Hinggakan saya tidak dibenarkan masuk ikut pintu VIP masuk, saya dibenarkan masuk ikut pintu orang ramai masuk. Saya mencari-cari tempat duduk. Ada nama, tetapi bersama rakyat. Saya nampak orang sekitar berasa *embarrassed* kerana saya duduk bersama mereka. Barangkali mereka takut untuk berbual.

Pada 1981, saya naik haji. Saya balik haji sebelum hari jadi Sultan kerana saya rasa tanggungjawab saya tidak sempurna jika saya tidak bersama Sultan pada hari jadi. Sampai-sampai sahaja, saya terus cek ada jemputan atau tidak. Tidak ada. Saya tulis surat pada Tunku, beritahu saya sudah balik dan ingin menyertai perayaan hari keputeraan. Tidak ada jawapan. Saya sendiri tanya istana, saya memang tidak dijemput. Sehari atau pada hari jadi itu, saya bercuti ke Kota Bharu. Tidak lama lepas itu saya berhenti.

Disember 1981 atau awal 1982 saya keluar negeri, Amerika. Itulah gambaran hubungan saya dengan Sultan.

Soalan: Kalau ikut cerita Dato' istana memainkan peranan penting?

Dato' Rahim: Tidak. Cuma dalam soal rang undang-undang itu sahaja. Itupun saya rasa menyalahi semangat perlembagaan. Sultan tidak boleh tidak beri perkenan. Dia mesti *sign* dalam masa yang munasabah. Jika itu diikuti, tidak ada masalah dan tidak ada kepincangan. Soal peranan raja dalam pentadbiran, tidak ada. Kalau semua berjalan ikut semangat – tersurat dan tersirat – tidak ada masalah dengan raja. Semuanya ada dalam perlembagaan. Saya tidak nampak perlunya perlembagaan ditukar kalau masing-masing ikut semangat perlembagaan.

Masalah yang ada sekarang bukan masalah perlembagaan, tetapi watak yang menjalankan pentadbiran itu lemah. Mereka *dirun over* oleh raja. Inilah masalahnya.

Soalan: Kalau Hussein masih ada, cara menangani masalah itu mungkin berlainan?

Dato' Rahim: Saya rasa begitulah. Tidak mestinya lebih baik. Itu kita boleh kata. Tetapi semestinya berbeza. Yang mana lebih baik hanya spekulasi. Saya pasti sebab Hussein Onn pada kaca mata saya dia lebih *stiff* dalam pentadbiran. Tidak begitu bermain politik. Tidak ada *trade off* dan *juggling*. Hussein Onn tidak begitu. Dari segi itu, saya boleh kata cara Dr. M mengendalikan kes saya adalah lebih baik. Tetapi dalam pada itu, ada silapnya. Masih ada untuk membetulinya kerana kita masih ada kuasa. Kalau sudah lemah, susah kita. Syukur kerana kita boleh menangani masalah ini kerana kita berada dalam kekuatan. Kalau tidak, teruk.

Soalan: Hubungan Dato' dengan Sultan tidak baik sejak mula jadi MB dan boleh bertahan sampai 1981. Kemuncak krisis itu apa sebenarnya?

Dato' Rahim: Tidak ada kemuncak sebenarnya. Ia mendatar, tetapi

menghimpun, akumalatif terutama selepas permohonan-permohonan raja, bukan saja balak, tetapi yang lain-lain, ditolak. Kemudian ada usaha untuk menyingkirkan saya. Banyak episod. Bila Sultan Pahang jadi Agong, tekanan dibuat ke atas Hussein Onn. Tapi Hussein tidak layan. Apabila Dr. M mengambil alih itulah waktunya. Sebenarnya saya disuruh berhenti hanya beberapa bulan selepas Dr. Mahathir ambil alih. Maknanya perubahan itu waktu Dr. Mahathir. Perubahan pimpinan negara yang mengubah pendirian.

Tidak ada kemuncak kerana saya tidak pernah menolak apabila dijemput. Begitu juga apabila diminta mengadap. Tinggal lagi di akhir-akhir saya jadi MB, saya tidak diberi *appointment* untuk mengadap Tuanku sebagai Agong atau Pemangku Raja. Saya ada dua atau tiga surat memohon mengadap, tetapi tidak dapat.

Arahan berhenti dari parti. Arahan istana memang telah lama ada, tetapi tidak makan. Sebenar Dr. M mengarahkan saya berhenti. Dia kata tak tahan, kerana setiap kali jumpa Agong, dia tekan saya berhentikan Rahim. Saya ni baru. Saya banyak idea yang hendak dilaksanakan. Beliau beritahu, bahawa kes Rahim ini adalah terlalu kecil untuk menyekat saya menjadi PM yang berkesan.

Dari segi itu, dia bertindak betul untuk mengorbankan saya. Tetapi persoalannya sama ada mengorbankan saya dengan meminta saya meletakkan jawatan adalah cara terbaik untuk menyelesaikan masalah. Mungkin ada cara lain untuk mencapai matlamat itu sambil dalam memelihara imej parti, dalam mempertahankan dari segi rekod kita tidak mengalah pada raja. Hajatnya untuk membawa negara ini ke tahap lebih berkesan, itu betul. Tetapi penyelesaian untuk mendapatkan kedudukan itu, berdasarkan pengalaman, ada cara lain yang saya tidak mahu *venture*.

Reaksi saya: saya naik kerana parti, Presiden putus dan apabila sudah tiba masanya saya tidak lagi memberi manfaat saya setuju berhenti bila-bila saja. Itu yang saya beritahu parti. Dr. M minta saya tulis surat letak jawatan kepada PM, saya tolak. Saya dilantik oleh raja, saya letak jawatan pada raja. Saya tulis surat khas kepada PM - dua surat : Satu pada raja dan satu pada Presiden.

Soalan: Semasa menghadapi krisis dengan Sultan, Dato' pernah terfikir untuk mengambil jalan mudah dengan ikut sahaja kehendak raja.

Dato' Rahim: Dia begini: Daripada awal ada juga terfikir satu penyelesaian dengan raja iaitu satu cadangan kita bagi satu kawasan 10-20 ribu ekar balak kepada raja, tetapi tidak terus diberi kepada raja, tetapi kepada satu badan amanah. Jual balak dan kawasan itu dibangunkan jadi ladang menggunakan hasil penjualan balak. Satu ekar kawasan hutan dara itu harganya sekitar \$4,000. Untuk tanam kelapa sawit sehingga mengeluarkan hasil tiga tahun kemudian, kosnya antara \$1,800 hingga \$2,000 sekar waktu itu. Masih ada baki yang boleh diberi kepada raja. Ladang itu boleh memberi pendapatan yang besar kepada raja. Cadangan itu tidak diterima.

Saya juga pernah mengadakan pertemuan dengan Hussein Onn untuk bincangkan soal itu. Dalam pertemuan itu saya memberitahu bahawa sekiranya Hussein ingin mengubah pendirian yang mengikut kehendak raja, saya mahu seorang MB lain menjalankan usaha itu bukan saya. Saya lebih rela letak jawatan. Hussein Onn marah, dan meminta saya teruskan pendirian yang telah diambil.

Soalan: Arahan Hussein Onn supaya bertegas dengan Sultan ini, apakah untuk semua MB?

Dato' Rahim: Mengikut arahan waktu itu, begitulah. Tetapi tidak semua merujuk kepada PM. Ada MB yang pandai-pandai sendiri. Arahan bukan untuk Pahang. Ada MB beri senyap-senyap kepada Sultan.

Soalan: Pendirian Dato' terhadap raja, apa dia?

Dato' Rahim: *Simple*. Saya tidak rela institusi ini diruntuhkan walaupun saya melalui sejarah pahit dengan raja. Sebabnya mudah. Bagi saya definisi Melayu itu termasuk raja; raja adalah *integral part of Malay*. Sebagai pejuang Melayu, saya tidak rela raja dijatuhkan. Barangkali ini pendirian dan pandangan konservatif. Yang saya tidak setuju kerenah dan kelakuan tidak senonoh raja

dalam berbagai-bagai aspek termasuk penyertaan dalam bisnes, masuk campur aduk dengan kuasa-kuasa politik sebab kedudukannya memang sudah ada dan terjamin dan tidak patut buat apa yang mereka buat sekarang.

Soalan: Ini jugalah pendirian Dato' sewaktu jadi MB pada usia 34 tahun?

Dato' Rahim: Ya. Sebab itu saya tidak pernah engkar pada arahan raja. Apabila dititah mengadap, saya datang kecuali apabila dia menyalahi prinsip perjuangan. Tidak ada rekod yang saya tidak pernah pergi mengadap apabila dijemput. Malah mohon pula untuk mengadap. Ini adalah pendirian konsisten saya semasa jadi MB lagi. Betul atau salah, soal lain. Sama ada saya betul membuat tafsiran bahawa raja adalah *part and partial* orang Melayu, adalah soal pendapat. Orang lain mungkin tidak setuju. Tetapi itulah saya.

Soalan: Dato' tidak pernah menyesal dengan apa yang dilalui kerana ia menjejaskan kerjaya politik Dato'?

Dato' Rahim: Tidak. Bila saya naik haji pada kali pertama pada 1978, doa saya di depan Kaabah adalah begini: Ya, Allah, ya Tuhanku, berilah kekuatan kepada Aku supaya senantiasa bersyukur dengan apa saja Kamu takdirkan kepada aku, dan matikanlah aku dalam iman. Saya tidak sesal dan kesal dengan apa yang berlaku. Itu sudah takdir, saya mesti bersyukur. (Berkali-kali nyatakan tidak kesal).

Soalan: Kalau Dato' ikutkan arus, tidak menentanginya, Dato' boleh jadi masih ada tempat.

Dato' Rahim: Saya tidak lihat politik sebagai matlamat atau *end*. Saya mencari satu kerelaan dan keredaan serta kesenangan hati dan politik adalah sebahagian daripada kehidupan saya. Jadi, apa yang menyenangkan hati, apa *conscience* saya berbeza. Itu sebab saya mengatakan diri saya kadang-kadang tidak tepat dengan apa yang dikatakan sebagai orang politik. Saya lebih suka dikatakan *statesman* dari *politician*. Itu pun harap saja, belum tentu lagi saya



*statesman*. Yang saya takut ialah amanah. Jadi orang besar, besar amanah. Sebab orang agama selalu kata, orang pertama disoal dalam akhirat ialah pemimpin. Saya benar-benar takut dengan amanah. Saya tidak sanggup mengorbankan amanah kerana kepentingan politik. Dari satu segi, saya tidak *political minded*. Politik pada dasarnya di negara ini adalah *Michaevalian – the ends justify the means*. Saya tidak setuju dengan itu. *The means should justify the ends*. Begitu juga dengan asas kefahaman agama saya. Mudah: Kita hendak sembahyang, bagaimana sempurna sekalipun kita buat, belum tahu lagi diterima. Tetapi kalau kita sembahyang dan tidak ada air sembahyang, sudah tentu tidak sampai. Kalau kita tak takbir, tentu sembahyang tidak sah. Ertinya dalam agama membuatkan adalah *means, the end* adalah Allah. Kita usaha, Allah tentukan. Dari segi ini saya takut. Saya buat apa yang saya fikir untuk waktu itu, setakat yang mampu. Kalau kemampuan saya tidak cukup, apa boleh saya buat.

Salah satu kenyataan yang saya beritahu Hussein Onn apabila saya mula-mula ditanya hendak terima jadi MB atau tidak, saya menyatakan kepada Hussein Onn, kalaulah saya sudah diberi kepercayaan dan harapan, saya akan buat apa yang terbaik. Tetapi kalau Dato' mahu lebih baik daripada yang terbaik saya lakukan, carilah orang lain.

Soalan: Asas pemilihan Dato' sebagai MB, apa dia?

Dato' Rahim: Saya menjadi Menteri Besar paling muda pada waktu itu. Apa dasarnya saya tidak tahu. Susah hendak kata. Saya bukan anak orang feudal. Saya tidak kenal pemimpin. Saya tidak ada hubungan kekeluargaan atau kenalan dengan pemimpin. Saya seorang anak nelayan, ditakdirkan dapat naik ke atas. Saya tidak ada keluarga termasuk dalam tentera yang mempunyai kedudukan tinggi.

Selepas di universiti lebih 14 tahun – kecuali lapan bulan ketika berkhidmat di Kementerian Luar Bandar – saya bekerja di Pahang. Salah satu hobi saya ialah membuat unjuran tentang politik: Siapa akan naik, siapa akan turun. Jadi permainan itu mengheret saya ke dalam politik. Sebagai Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang, waktu itu primadona

agensi-agensi kerajaan yang lain, membenarkan saya bergeser bahu dengan pegawai-pegawai tinggi negeri - Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang, EXCO dan Menteri Besar. Kebetulan pula waktu itu, saya menyemai hubungan yang rapat dengan mendapat kepercayaan Menteri Besar, Dato' Mohamad Jusoh. Jadi, saya menjadi begitu berpengaruh di negeri di kalangan kakitangan kerajaan. Hinggakan pada masa-masa tertentu saya boleh mencabar keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dari segi itu, saya mempelajari dan merasa kuasa.

Dua bulan sebelum pilihan raya 1978, saya jumpa MB lepas bincang dengan kawan-kawan yang selalu bertanya mengapa saya tidak masuk politik. Saya hendak beritahu kesediaan saya hendak masuk politik. MB secara bergurau berkata tak usahlah. Tapi saya beritahu saya sekadar merakamkan minat saya, kalau tidak dapat sudahlah, lepas ini orang boleh kata saya tidak campur. Habis di situ sahaja.

Apabila Dewan dibubarkan, saya minum kopi bersama beberapa orang kawan dekat Pejabat Kemajuan Negeri Pahang. Kami bertanya sesama sendiri siapa bakal jadi MB. Saya beritahu mereka, sayalah. Kami ketawa.

Kemudian pada satu lagi *occasion* lepas mesyuarat lembaga pengarah di Samudera, kami bergurau lagi tentang soal MB.

Pada *occasion* lain, saya jumpa MB lama baru habis. Orang tanya saya apa lama sangat, saya kata dia menyerahkan kedudukan MBnya kepada saya. Jadi lamalah pertemuan tu. Itu semua gurauan. Ini semua bermakna, saya tidak berminat. Kalau berminat, kita tentu tidak tunjukkan.

Sehari sebelum penamaan calon, saya menerima panggilan daripada Ali Shariff (Ketua UMNO Kuantan) yang kata saya kena bertanding. Saya tolak. Saya minta sejam dua bincang dengan isteri. Isteri saya kata jangan. Akhirnya, saya kata O.K, letak jawatan 24 jam dan bayar sebulan gaji. Pergi ke Temerloh untuk ambil surat tauliah bertanding. Tidak ada indikasi saya hendak jadi Menteri Besar.

Bagaimana saya jadi MB saya sendiri tidak tahu. Sebelum nama saya naik, nama Razak Hitam naik, Dato' Hamzah minta saya telefon Razak yang berada di luar negeri untuk beritahu

mintanya balik bertanding untuk jadi MB. Tidak dapat. Dato' Hiamzah dapat, Razak balik bertanding. Dalam pada itu, banyak surat layang tentang Razak ditulis menubruk-burukkannya. Betul atau tidak soal lain. Parti tersinggung untuk terus lantik Razak Hilim. Saya rasa itu caranya saya dapat jawatan MB ini.

agensi-agensi kerajaan yang lain, membenarkan saya bergeser bahu dengan pegawai-pegawai tinggi negeri - Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang, EXCO dan Menteri Besar. Kebetulan pula waktu itu, saya menyemai hubungan yang rapat dengan mendapat kepercayaan Menteri Besar, Dato' Mohamad Jusoh. Jadi, saya menjadi begitu berpengaruh di negeri di kalangan kakitangan kerajaan. Hinggakan pada masa-masa tertentu saya boleh mencabar keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dari segi itu, saya mempelajari dan merasa kuasa.

Dua bulan sebelum pilihan raya 1978, saya jumpa MB lepas bincang dengan kawan-kawan yang selalu bertanya mengapa saya tidak masuk politik. Saya hendak beritahu kesediaan saya hendak masuk politik. MB secara bergurau berkata tak usahlah. Tapi saya beritahu saya sekadar merakamkan minat saya, kalau tidak dapat sudahlah, lepas ini orang boleh kata saya tidak campur. Habis di situ sahaja.

Apabila Dewan dibubarkan, saya minum kopi bersama beberapa orang kawan dekat Pejabat Kemajuan Negeri Pahang. Kami bertanya sesama sendiri siapa bakal jadi MB. Saya beritahu mereka, sayalah. Kami ketawa.

Kemudian pada satu lagi *occasion* lepas mesyuarat lembaga pengarah di Samudera, kami bergurau lagi tentang soal MB.

Pada *occasion* lain, saya jumpa MB lama baru habis. Orang tanya saya apa lama sangat, saya kata dia menyerahkan kedudukan MBnya kepada saya. Jadi lamalah pertemuan tu. Itu semua gurauan. Ini semua bermakna, saya tidak berminat. Kalau berminat, kita tentu tidak tunjukkan.

Sehari sebelum penamaan calon, saya menerima panggilan daripada Ali Shariff (Ketua UMNO Kuantan) yang kata saya kena bertanding. Saya tolak. Saya minta sejam dua bincang dengan isteri. Isteri saya kata jangan. Akhirnya, saya kata O.K, letak jawatan 24 jam dan bayar sebulan gaji. Pergi ke Temerloh untuk ambil surat tauliah bertanding. Tidak ada indikasi saya hendak jadi Menteri Besar.

Bagaimana saya jadi MB saya sendiri tidak tahu. Sebelum nama saya naik, nama Razak Hitam naik. Dato' Hamzah minta saya telefon Razak yang berada di luar negeri untuk beritahu

minta dia balik bertanding untuk jadi MB. Tidak dapat. Dato' Hamzah dapat, Razak balik, bertanding. Dalam pada itu, banyak surat layang tentang Razak ditulis memburuk-burukkannya. Betul atau tidak soal lain. Parti tersinggung untuk terus lantik Razak Hitam. Saya rasa itu caranya saya dapat jawatan MB ini.

# PERISYTIHARAN PRINSIP-PRINSIP PERLEMBAGAAN

PERISYTIHARAN bertarikh 4 Julai 1992 DAN DIBUAT oleh KITA,

DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong IX Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullahu-Lahu Shah; DYMM Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan; DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan; DYMM Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus; KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, Sultan Pahang Darul Makmur; DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman; dan KDYMM Raja Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

BAHAWASANYA Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Persekutuan adalah menjamin hak raja sesebuah negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan raja negeri itu mengikut Perlembagaan negeri itu;

DAN BAHAWASANYA mengikut Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa raja-raja dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang, tertakluk kepada

peruntukan Perlembagaan berkenaan, adalah tetap tidak tersentuh;

DAN BAHAWASANYA KITA berhasrat supaya Perlembagaan dan Undang-Undang Malaysia dipatuhi oleh semua rakyat negara ini sepanjang masa;

DAN BAHAWASANYA KITA berpegang teguh kepada prinsip-prinsip "*the Rule of Law*";

DAN BAHAWASANYA untuk mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa:

MAKA, KITA, dengan ini membuat Perisytiharan mengenai bentuk dan had hak-hak keistimewaan dan bidang kuasa yang berikut:

## **1. PENGLIBATAN DALAM POLITIK**

1.1. Selaras dengan amalan dan konvensyen, KITA tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam parti politik.

## **2. PERLANTIKAN MENTERI BESAR**

2.1. Selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA memperkenankan pencalonan seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli dalam Dewan Undangan Negeri sebagai Menteri Besar.

2.2. Sekiranya tidak ada parti yang mendapat majoriti yang jelas di dalam Dewan Undangan Negeri, KITA hendaklah menggunakan budi bicara KITA dalam perlantikan tersebut selaras dengan prinsip-prinsip Perlembagaan yang tertentu.

2.3. Apabila KITA tidak puas hati di atas kesesuaian orang yang dicalonkan sebagai Menteri Besar, KITA boleh merujuk pencalonan tersebut bagi dipertimbangkan semula oleh pemimpin parti berkenaan untuk keputusan muktamad.

## **3. PERLANTIKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI**

3.1. KITA mengakui bahawa perlantikan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah atas nasihat Menteri Besar sendiri dan

selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA, memperkenankan perlantikan tersebut.

#### 4. BERTINDAK ATAS NASIHAT

4.1. KITA akan bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negeri masing-masing.

4.2. KITA, selaras dengan amalan Perlembagaan yang tertentu, mengakui bahawa istilah "*acting on advice*" atau "*Ruler in Council*" dan lain-lain istilah yang serupa bermaksud bahawa KITA akan menerima dan memperkenankan nasihat dari Kerajaan Negeri seperti mana yang dipersembahkan oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

4.3. Selaras dengan amalan Perlembagaan, KITA mempunyai hak untuk dirunding, hak memberi galakan, dan hak memberi peringatan kepada kerajaan.

4.4. Lanjutan dari hak KITA untuk mendapat sebarang maklumat mengenai pentadbiran negeri seperti mana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan setiap negeri, KITA adalah berhak untuk disembah taklimat oleh Menteri Besar apabila dititah mengadap pada bila-bila masa dan juga sebelum sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

#### 5. PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

5.1. KITA akan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri atas Perakuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan dan juga selaras dengan amalan dan peruntukan Perlembagaan Negeri, setelah nama calon dipersembahkan kepada KITA oleh Menteri Besar.

5.2. Selaras dengan amalan masa kini, KITA hendaklah dipersembah maklum terlebih dahulu semua perlantikan ketua-ketua Jabatan Persekutuan di peringkat negeri.

5.3. KITA akan melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan



Awam Negeri selaras dengan undang-undang negeri yang berkenaan.

## 6. PERNIAGAAN

6.1. KITA tidak boleh aktif dalam perniagaan melainkan melalui pemegang amanah.

6.2. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja boleh berniaga tetapi melalui pemegang amanah/penama (*nominees*).

## 7. PERBELANJAAN ISTANA

7.1. Dato' Pengelola Istana hendaklah mengawal dan mentadbir peruntukan perbelanjaan istana yang ditetapkan dalam Peruntukan Diraja (*Civil List*) mengikut peraturan kewangan.

## 8. AGAMA

8.1. Selaras dengan prinsip Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa KITA adalah Ketua Agama Islam di negeri masing-masing, KITA mengesahkan kedudukan KITA bahawa KITA akan terus mendokong ajaran dan amalan agama Islam.

## 9. MEDIA MASSA

9.1. KITA, selaras dengan amalan Perlembagaan, tidak seharusnya mendedah atau membincangkan dengan pihak media massa apa-apa perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi mengenai hal ehwal pentadbiran negeri.

## 10. DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

10.1. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan Persekutuan, Perisytiharan ini akan dipakai, *mutatis mutandis*, terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

## PERUNTUKAN KECUALIAN

Perisytiharan ini dibuat dengan tujuan untuk memberikan penjelasan dan jaminan dan sesungguhnya dibuat tanpa prasangka kepada mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, konvensyen yang sedia ada dan hak-hak keistimewaan.

DIBUAT di Istana Negara pada 4hb. Julai, 1992.

Dengan titah perintah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja,

(ENGKU DATUK IBRAHIM BIN ENGKU NGAH)

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,  
Malaysia.

# KOD ETIKA RAJA: CADANGAN UMNO

## MUKADIMAH

BERDASARKAN Perlembagaan Negara yang dengan jelas mendokong institusi Raja Berperlembagaan, dan demi memastikan agar institusi raja akan terus disanjung dan dipandang mulia serta menimbangkan pentingnya diwujudkan persefahaman, keharmonian antara istana dan kerajaan Pusat dan negeri, maka asas-asas berikut hendaklah dijadikan panduan dan dilaksanakan:

### 1. RAJA DAN PERLEMBAGAAN

#### Tafsiran mengenai nasihat dan '*Ruler In Council*'

Mengikut amalan sejagat dalam sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, hak dan tanggungjawab membuat sesuatu keputusan terletak kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Peranan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja adalah untuk menerima dan memperkenankan keputusan serta nasihat yang telah dibuat oleh kerajaan, iaitu Perdana Menteri dan Jemaah Menteri di peringkat Persekutuan dan Menteri Besar serta Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan di peringkat negeri.

### 2. TATACARA HUBUNGAN RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN AHLI-AHLI PENTADBIRAN

- 2.1. Perlantikan ahli-ahli pentadbiran Kerajaan Pusat dan negeri

2.1.1. Ahli-ahli pentadbiran di peringkat Persekutuan adalah terdiri daripada:

**2.1.1.1. Perdana Menteri**

Jawatan Perdana Menteri ditentukan oleh parti yang mendapat mandat majoriti dari rakyat dalam pilihan raya umum. Beliau akan dijemput oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membentuk kerajaan.

**2.1.1.2. Timbalan Perdana Menteri**

**2.1.1.3. Menteri-Menteri**

**2.1.1.4. Timbalan-Timbalan Menteri**

Kuasa membentuk Kerajaan kepada Perdana Menteri menurut budi bicara dan kebijaksanaannya. Perdana Menteri kemudiannya akan menyembahkan senarai Kabinet kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan baginda hendaklah memperkenankannya sebelum upacara mengangkat sumpah menyimpan rahsia dan jawatan.

2.1.2. Ahli-Ahli pentadbiran peringkat Negeri terdiri daripada:

**2.1.2.1. Menteri Besar**

Jawatan Menteri Besar ditentukan oleh ketua parti yang mendapat mandat majoriti dari rakyat dalam pilihan raya umum peringkat negeri. Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah memperkenankan perlantikan beliau.

**2.1.2.2. Ahli Majlis Kerja Kerajaan**

Kuasa membentuk Kerajaan Negeri adalah terletak kepada Menteri Besar

menurut budi bicara dan kebijaksanaan. Menteri Besar akan menyembahkan senarai Ahli Majlis Kerja Kerajaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan baginda hendaklah memperkenankannya sebelum upacara mengangkat sumpah jawatan dan menyimpan rahsia.

- 2.1.3. Sebarang keputusan yang dibuat oleh parti yang memerintah mengenai ahli-ahli pentadbiran baik di peringkat Persekutuan dan negeri hendaklah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan.
- 2.2. **Perlantikan Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan**
    - 2.2.1. Di peringkat Persekutuan, semua perlantikan akan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kecuali jawatan-jawatan 'Staff' yang akan diputuskan oleh Perdana Menteri dan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan.
    - 2.2.2. Perlantikan Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan dan Pegawai Undang-Undang akan dibuat atas nasihat Menteri Besar dan diperkenankan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk diperkenankan.
    - 2.2.3. Di peringkat Negeri, penempatan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan akan diputuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan akan dimaklumkan mengenainya.
  - 2.3. **Perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan**

Perlantikan ini hendaklah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

- 2.4. **Perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri**  
Perlantikan ini hendaklah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar.
- 2.5. **Hubungan Ketua Kerajaan dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja**
  - 2.5.1. Di peringkat Persekutuan, Perdana Menteri dan ahli-ahli Jemaah Menteri akan senantiasa mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bila-bila masa dirasakan perlu.
  - 2.5.2. Di peringkat Negeri, Menteri Besar akan senantiasa mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan pada bila-bila masa dirasakan perlu.
- 2.6. **Hubungan istana dengan Pentadbiran**
  - 2.6.1. Di peringkat Persekutuan, Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah segera melaporkan kepada Perdana Menteri tentang sebarang arahan atau permohonan yang diterima daripada istana sebelum sesuatu keputusan dan tindakan diambil.
  - 2.6.2. Di peringkat Negeri, Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri hendaklah segera melaporkan kepada Menteri Besar tentang sebarang arahan atau permohonan yang diterima daripada istana sebelum sesuatu keputusan dan tindakan diambil.
- 2.7. **Perbelanjaan istana**
  - 2.7.1. Perbelanjaan yang berkaitan dengan Institusi Raja hendaklah dikawal dan terhad kepada peruntukan yang telah diluluskan.
  - 2.7.2. Pembinaan dan ubah suai istana hanya dibuat atas peruntukan yang disediakan.
  - 2.7.3. Sambutan perayaan hari ulang tahun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja hendaklah dibuat secara sederhana dan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.

### 3. POLITIK

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak akan melibatkan diri sama sekali dalam politik kepartian.

### 4. PERNIAGAAN

4.1. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak boleh aktif dalam perniagaan melainkan melalui pemegang amanah.

4.2. Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota dan Raja Muda boleh berniaga tetapi hendaklah melalui penama (*nominees*).

4.3. Kerabat-kerabat raja boleh berniaga tetapi tidak akan diberi layanan istimewa.

### 5. KETUA AGAMA

Adalah menjadi tanggungjawab ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan kerajaan untuk mendaulatkan agama Islam selaras dengan Perkara 3(1), (2) dan (3) Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja adalah simbol keagungan agama Islam.

5.1. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja hendaklah melarang mana-mana pihak menggunakan institusi masjid dan mana-mana organisasi rasmi agama Islam dari digunakan untuk kepentingan politik pihak-pihak tertentu.

### 6. MEDIA MASSA

6.1. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak boleh membuat kenyataan terbuka mengenai hal ehwal pentadbiran, politik, agama serta lain-lain perkara yang bercanggah dengan Perlembagaan dan dasar negara.

6.2. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak boleh mengarahkan mana-mana wartawan ataupun akhbar untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan dasar kerajaan.

## 7. PERI LAKU KERABAT

- 7.1. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja hendaklah berusaha mengasuh para kerabat agar mereka dapat bersama-sama memelihara kesucian Institusi Raja sebagai lambang ketuanan Melayu dan Ketua Islam.
- 7.2. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja hendaklah berusaha mengawasi serta menasihatkan para kerabat supaya mereka tidak mencemarkan serta memperalatkan Institusi Raja bagi kepentingan peribadi.

## 8. KETENTERAAN

- 8.1. **Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia**

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah tertakluk kepada nasihat Jemaah Menteri ataupun kepada Menteri yang menjalankan tugas atas kuasa Jemaah Menteri.

- 8.2. **Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sebagai Kol. Yang Dipertua/Tentera Darat/Udara atau Kapt. Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia**

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dilantik sebagai Kol. Yang Dipertua/Kapt. Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai lambang kesetiaan, kebanggaan dan perpaduan sesuatu pasukan. Jawatan ini tidak membawa atau melibatkan kuasa kerja '*Executive Authority*' ke atas Rejimen/KOR atau perkhidmatan pegawai-pegawai dan laskar atau penggunaan latihan dan pentadbiran mereka.

## 9. RAJA-RAJA DAN PENDIDIKAN

- 9.1. Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sering dipilih menjadi Chanselor atau Ketua Perlembagaan universiti-universiti tempatan.



- 9.2. Untuk menjamin perjalanan dan pentadbiran universiti yang berkesan, maka Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja yang menjadi Chanselor atau Ketua Perlembagaan haruslah bertindak mengikut nasihat kepimpinan universiti.

## 10. RAJA-RAJA DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI

- 10.1. Lawatan rasmi Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh dibuat atas cadangan Perdana Menteri. Apa-apa cadangan daripada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai lawatan ke luar negeri hendaklah mendapat persetujuan daripada Kerajaan/Perdana Menteri.
- 10.2. Sebarang cadangan untuk mengurniakan bintang kehormatan kepada pembesar-pembesar luar negeri hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Kerajaan/Perdana Menteri.
- 10.3. Ke Bawah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh menerima bintang kehormatan negara asing setelah mendapat persetujuan Kerajaan/Perdana Menteri.
- 10.4. Rombongan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negeri serta peruntukan baginya akan diputuskan oleh Kerajaan/Perdana Menteri. Prinsip yang sama hendaklah diamalkan di peringkat negeri.
- 10.5. Segala atur cara yang bersabit dengan lawatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan ditentukan oleh Kerajaan/Perdana Menteri.
- 10.6. Semua peraturan dan prinsip yang tersebut di atas hendaklah diamalkan bagi lawatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

## 11. RAJA DAN UNDANG-UNDANG

Kedudukan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, mengatasi undang-undang. Walau bagaimanapun, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sebagai simbol kedaulatan negara perlulah mematuhi dan menghormati undang-undang.

## KOD ETIKA RAJA: TITAH SULTAN KELANTAN\*

SEGALA sanjungan dan kepujian terpulung kepada Allah yang telah menjadikan bulan Ramadan sebagai bulan yang diberkati dengan Nuzul Al-Quran dan ibadat puasa. Selawat dan salam dicururkan Allah ke atas junjungan kita Nabi Muhammad yang telah menggariskan contoh-contoh aktiviti ibadat yang murni pada bulan yang mulia ini dan ke atas sekalian keluarga dan para sahabatnya yang telah menghidupkan tradisi-tradisi Nabawi yang menjiwai bulan yang berkat ini.

Pada kesempatan yang mulia ini beta lebih dahulu ingin menyampaikan tahniah penghayatan bulan Ramadan yang diberkati Allah kepada seluruh kaum Muslimin semoga setiap Mukmin yang menghayati bulan ini dapat meningkatkan pengembangan diri, pembersihan hati, pengukuhan iman dan takwa melalui aktiviti-aktiviti ibadat dan latihan rohani yang dilakukan di sepanjang bulan yang mulia ini.

Beta merasa terharu kerana kedamaian suasana bulan Ramadan dan ketenteraman bulan yang mulia ini sejak beberapa hari yang lepas telah dikeruhkan oleh berita gempar yang tidak benar, yang diatur sedemikian rupa untuk maksud-maksud tertentu yang membayangkan niat yang tidak bersih dan motif yang dipimpin oleh prasangka buruk dan dendam-dendam halus yang bertentangan dengan kemurnian semangat Ramadan yang bertimbang rasa dan adil.

Berita hangat dan gempar yang tidak benar itulah yang mendorong beta mengambil kesempatan hari yang mulia ini un-

---

\*Titah ucapan Sultan Kelantan di Masjid Muhammadi Kota Bharu pada Jumaat 27 Mac 1992. Baginda bertitah selepas sembahyang Jumaat.

tuk menjelaskan kedudukan yang sebenar yang melibatkan maruah beta sebagai raja yang memerintah negeri ini kerana beta yakin bahawa maruah beta adalah maruah rakyat negeri ini.

Berita yang tidak benar itu telah dijadikan pokok berita oleh setengah-setengah media massa di negara ini. Ia merupakan berita sebelah pihak yang dirancang untuk tujuan penghinaan dan menjamu selera yang tertentu, tetapi kebenaran dan keadilan tidak mungkin dikelirukan semudah dan semurah itu.

Sebenarnya isu pembelian kereta yang dilakukan oleh beta, malah dilakukan oleh raja-raja Melayu yang lain bukanlah suatu isu yang rumit seperti yang mahu digambarkan oleh setengah-setengah pihak yang tidak senang dengan kedudukan raja di dalam perlembagaan atau oleh setengah-setengah pihak yang ingin terus berdendam kerana suatu cita-cita yang tersemat di dalam lubuk hati mereka.

Sebenarnya isu pembelian kereta oleh raja-raja Melayu adalah satu isu yang *simpel*, jelas dan diresstukan oleh peraturan-peraturan negeri yang sah. Oleh sebab itulah sebelum ini ia tidak pernah menjadi isu yang diberi liputan sebagai berita utama negara.

Jika peruntukan peraturan mengenai pembelian kereta oleh raja-raja Melayu itu dibaca tanpa prasangka dan dendam-dendam halus, tentulah tidak ada perkara yang boleh dijadikan isu hangat kerana istilah-istilah yang digunakan dalam peraturan-peraturan itu cukup jelas dan tidak mungkin mendatangkan kekeliruan.

Sehubungan dengan aspek ini beta tidak akan mengambil masa sidang hadirin yang berharga ini untuk menjelaskan dengan terperinci. Cukuplah dengan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Kelantan yang tersebar dengan luas di seluruh negara ini melalui akhbar *Strait Times* pada 25 Mac 1992, di mana dibutirkan dengan jelas peruntukan peraturan pembelian kereta oleh raja-raja dan beberapa imbasan suasana yang diwujudkan untuk maksud-maksud penghinaan dan penampilan budaya kasar dalam pengurusan untuk menerima kereta itu. Beta percaya sebahagian besar dari para hadirin telah pun membaca kenyataan akhbar itu.

Di masa-masa kebelakangan ini terdapat usaha-usaha membesar-besarkan isu-isu yang kecil untuk dijadikan alasan agar raja-raja Melayu tidak diberi imej dan gambaran yang wajar

seperti yang diperakukan di dalam perlembagaan, di mana fungsi-fungsi kekebalan dan keistimewaan raja-raja Melayu telah dibutirkan dengan terperinci.

Walau bagaimanapun, namun usaha-usaha itu tidak dapat menafikan bahawa Perlembagaan Negeri dan Persekutuan telah meletakkan dua tugas yang amat penting di atas bahu raja-raja Melayu.

Tugas pertama ialah menjadi Ketua Agama Islam. Jika tugas ini dihuraikan dengan konsep Islamiah, maka raja-raja Melayu harus dipandang sebagai iman, pemimpin dan pemerintah yang memikul amanah agama Allah dan bertanggungjawab terhadap kepimpinan dan kedaulatan agama Islam dan terhadap keselamatan dan keistimewaan agama Islam dalam segala bidang hidup di negeri ini.

Di sini perlembagaan telah memberi tapak yang kukuh kepada perkembangan agama Islam di bawah fungsi raja-raja di mana keunggulan Islam dan kepimpinannya tidak lagi merupakan sesuatu cita-cita seperti di setengah-setengah negara Islam yang lain, malah ia merupakan suatu hakikat perlembagaan yang menyediakan ruang keemasan untuk pengisian yang ikhlas dan bermakna.

Tugas kedua ialah menjadi pemelihara dan pelindung kedudukan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu, iaitu hak-hak yang tidak boleh dipinda, diubah dan dihapuskan oleh mana-mana kuasa tanpa persetujuan raja-raja Melayu.

Di sini juga perlembagaan telah memberi tapak yang kukuh kepada *survival* dan kesinambungan bangsa Melayu serta ketuanannya di atas negara ini di bawah fungsi raja-raja Melayu yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapun pun. Ini juga bermakna bahawa hak ketuanan bangsa Melayu di negara ini – di bawah fungsi raja-raja Melayu – bukanlah merupakan sesuatu impian dan cita, malah ia merupakan satu realiti yang kukuh dalam perlembagaan yang menunggu pengisian yang positif.

Sebagai ketua-ketua agama Islam di negeri masing-masing, maka tidak ada *Code of Ethic* yang lain yang mengikat raja-raja Melayu selain dari *Code of Ethic* Al-Quran, Al-Sunnah dan Sirah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasalliam. Inilah satu-satunya *Code of Ethic* yang berupaya mengikat setiap Muslim mulai dari raja-raja, ketua-ketua negara, Perdana Menteri-Perdana Menteri,

menteri-menteri kabinet, pegawai-pegawai dari semua lapisan dan rakyat jelata dari semua peringkat. Inilah satu-satunya *Code of Ethic* yang digubal di langit tanpa terpengaruh kepada segala kepentingan golongan dan bebas dari segala emosi dendam-dendam manusia yang halus. Ia adalah sesuai dengan ikrar raja-raja Melayu yang bersumpah dengan Al-Quranul Karim dalam upacara pertabalan masing-masing bahawa baginda akan memerintah dengan adil dan saksama.

Untuk mengakhiri ucapan beta, sekali lagi beta mengambil kesempatan di bulan yang mulia ini untuk mengingatkan sekalian rakyat Negeri Kelantan yang cintakan kebenaran dan keadilan supaya sentiasa berhati-hati, berwaspada dan peka terhadap segala perkembangan-perkembangan segala berita dan cerita yang berlaku agar mereka tidak menjadi mangsa kekeliruan dari dendam-dendam yang halus, keinginan-keinginan yang berkepentingan dan kehendak-kehendak yang tidak senang dengan status quo yang wujud pada hari ini.

Marilah kita bersama insaf dengan perasaan yang khusus dan rendah diri bahawa segala sesuatu berada di tangan kudrat dan iradat Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mencabut kekuasaan dari siapa yang dikehendaki-Nya dan seluruh manusia akan dikembalikan kepada Allah untuk membawa amalan masing-masing dan hati masing-masing yang telah dihiasi di dunia dengan iman dan takwa masing-masing atau dinodai oleh nafsu dan keinginan-keinginan buruk masing-masing.

## TUNKU ABDUL RAHMAN: TIADA SIAPA ATASI UNDANG-UNDANG

SELEPAS 30 tahun merdeka, Perlembagaan Malaysia kini sedang dikaji orang. Saya dapatlah menyatakan bahawa apabila kemerdekaan dipersetujui, langkah selanjutnya untuk kami di waktu itu ialah mencari atau memutuskan tentang bentuk perlembagaan yang dapat memuaskan kehendak masyarakat berbilang kaum kita.

Kami memilih Demokrasi Berparlimen dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara yang simbolik. Tindakan kami selepas itu ialah melantik satu Suruhanjaya Diraja untuk menyediakan perlembagaan tersebut.

Dengan dibantu oleh Kerajaan British, kami telah berjaya mendapatkan pakar-pakar dari Britain, Australia, India dan Pakistan. Lord Read telah dilantik sebagai pengerusi dengan Sir Ivor Jennings selaku pakar perlembagaan, Sir William MacKeall dari Australia, Hakim Malik dari India dan Hakim Abdul Hamid dari Pakistan.

Suruhanjaya berkenaan menjalankan kerjanya dengan tekun dan teliti, menemuramah dan merundingi semua parti politik, pihak-pihak agama, masyarakat perniagaan besar, badan-badan sosial, kelab dan dalam beberapa kes dengan orang-orang perseorangan. Kemudian syor-syornya mengenai perlembagaan telah dibentangkan dan kemudiannya diterima oleh semua rakyat.

Tidaklah boleh dinafikan bahawa perlembagaan negara kita ini adalah satu dokumen yang amat penting, hasil dari muhibah dan persefahaman serta kebijaksanaan.

Ia menjaga kepentingan berbagai kaum di Malaysia. Ia memberi persetujuan kepada sistem Demokrasi Berparlimen se-

perti yang diamalkan di England dengan seorang raja berperlembagaan dipilih di kalangan sembilan raja-raja Melayu berganti-ganti menjadi Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun. Dan Islam dijadikan agama rasmi.

Setiap pihak berpuas hati bahawa perlembagaan itu memaparkan keseimbangan antara berbagai kepentingan serta keadilan dan kesaksamaan bagi semua. Seperti juga dengan perlembagaan yang lain-lain, ia membenarkan pindaan-pindaan yang munasabah yang mencerminkan perubahan aspirasi dalam masyarakat itu. Pindaan apabila hendak dibuat memerlukan majoriti dua-pertiga undi ahli-ahli Parlimen yang hadir dan mengambil bahagian dalam pengundian.

## MELANGGAR DASAR

Banyak pindaan telah dibuat semenjak tahun 1957 - tarikh kemerdekaan. Akan tetapi tidak satupun dari pindaan-pindaan itu dianggap berat, kecualilah berhubung dengan pembuangan Singapura keluar dari Malaysia.

Pindaan berkenaan diluluskan pada 9 Ogos 1965 apabila kita terpaksa mengambil langkah-langkah pembendungan terhadap Kerajaan Singapura kerana melanggar dasar Kerajaan Malaysia dengan menggerakkan kempen Malaysian Malaysianya. Encik Lee Kuan Yew mengengkarinya untuk menghormati perlembagaan.

Kekhuatiran di hari ini tertumpu kepada ura-ura beberapa pertubuhan agama dan kumpulan pelampau hendak menjadikan Islam agama negara. Bagaimanapun ini tidak nampak boleh dicapai kerana pihak kerajaan tidak mungkin sama sekali akan bersetuju dengannya.

Ini ialah kerana adalah menjadi dasarnya dan janjinya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Demokrasi Berparlimen dengan setiap orang bebas menganuti agamanya sementara Islam ialah agama rasmi.

Mereka itu tidak akan berjaya mendapat majoriti dua pertiga seperti yang dikehendaki bagi membuat pindaan. Kekhuatiran tadi tidak harus menjadi satu masalah atau sumber kerunsingan kepada bukan Islam di negara ini. Ia juga tidak seharusnya merunsingkan mereka yang menghadiri persidangan ini.



Di sebuah negara seperti Malaysia dengan berbagai kaum dari berbagai keturunan serta agama yang berlainan, hak-hak asasi seperti kebebasan beragama, kebebasan bersuara, berpersatuan serta untuk berhimpun mestilah dipatuhi. Hanya dengan cara itu sahaja rakyat dapat hidup rukun damai.

Perubahan-perubahan yang akan dibuat terhadap perlembagaan kita mestilah dianggap sebagai sesuatu yang sangat perlu dan bukan hanya untuk membuat perubahan sahaja. Tanggungjawab kita ialah untuk memelihara Perlembagaan Malaysia yang telahpun membuktikan keunggulannya di waktu-waktu yang sulit.

Perlembagaan ini juga telah mendorong kepada penggubalan Rukunegara yang mengisytiharkan kepercayaan kepada lima kebebasan dan hak. Ia telah memberi keyakinan kepada setiap orang terhadapnya, menimbulkan perasaan selamat dan menenangkan fikiran. Kita berdoa agar ia akan terus menyumbangkan kepada keperluan-keperluan negara ini sepanjang masa.

## MENDAPAT PERHATIAN

Apa yang menarik perhatian saya ialah tentang kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu yang berada di luar undang-undang. Dengan lain perkataan baginda sekalian bebas melakukan jenayah tanpa boleh didakwa di bawah undang-undang. Kepada saya, perkara ini mesti mendapat perhatian yang serius dari semua pihak semasa menyemak perlembagaan.

Saya percaya tidak ada seorangpun yang harus dikecualikan dari undang-undang, tetapi sebuah mahkamah khas bolehlah disediakan untuk mengendalikan kes-kes bagi mereka yang berada di luar undang-undang. Mahkamah khas ini hendaklah dianggotai oleh kesemua raja-raja Melayu yang mana keputusannya adalah muktamad. Ini adalah untuk melindungi hak-hak asasi rakyat negara ini.

## UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: PANDANGAN TUN SUFFIAN

DALAM rundingan-rundingan antara pihak Malaya dengan pihak British yang membawa kepada kemerdekaan, tidak ada rasa was-was di kepala setiap orang yang terlibat bahawa negara baru merdeka itu akan mempunyai seorang ketua negara di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, maka diwujudkan jawatan Yang di-Pertuan Agong, seorang Sultan yang dipilih oleh sembilan raja-raja Melayu untuk bersemayam selama lima tahun.

Tidakpun terlintas di ketika itu sebarang hasrat untuk kembali kepada sistem kesultanan Melayu sebelum kedatangan British dalam mana terdapat raja yang berkuasa penuh dengan segala usaha membuat undang-undang, kuasa pentadbiran dan kuasa-kuasa kehakiman di tangan baginda.

Tidak juga terlintas sebarang keinginan mewujudkan jawatan Presiden yang dipilih oleh rakyat seperti di Amerika Syarikat ataupun dipilih oleh dewan-dewan perundangan seperti di India atau dipilih sahaja oleh pihak tentera seperti di setengah-setengah negara.

Berbeza dengan di India dan di Indonesia di mana kerabat diraja ditolak ke tepi setelah tercapainya kemerdekaan, di Malaysia Institusi Raja dikekalkan dan diberikan pula tempat yang disanjung tinggi. Ini ialah kerana raja-raja Melayu menyebelahi pihak pejuang kemerdekaan dan tidak di sebelah kerajaan penjajah.

Selepas Perang Dunia Kedua, raja-raja Melayu telah didorong menandatangani perjanjian-perjanjian MacMichael dalam tahun 1946. Melaluinya, raja-raja Melayu telah menyerah

kedaulatan serta kuasa mereka kepada British di bawah Malayan Union. Baginda sekalian hanya mempunyai kuasa dalam soal-soal berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu.

Kedudukan yang begitu rendah yang diberikan kepada raja-raja Melayu berbeza dengan layanan lebih baik yang diberikan oleh Pihak Bersekutu kepada Maharaja Jepun seorang musuh, menimbulkan rasa marah di kalangan orang-orang Melayu. Mereka berkempen bersungguh-sungguh supaya kuasa-kuasa raja mereka dikembalikan.

Orang-orang Melayu mengikut tradisi adalah setia kepada raja-raja mereka. Dan ada kemungkinan institusi kesultanan itu tidak berlarutan jika pihak British tidak mengenakan sistem ala MacMichael ke atas diri baginda sekalian itu.

Ataupun jika dalam waktu-waktu sebelum kemerdekaan, raja-raja telah menyebelahi dengan kerajaan penjajah, menentang perjuangan pihak nasionalis. Ataupun jika kemerdekaan di-menangi melalui perang yang amat teruk di ketika mana raja-raja berlindung di belakang garisan musuh.

## KHUATIR

Satu lagi sebab mengapa institusi itu terselamat ialah kerana kekhawatiran orang Melayu terhadap kuasa ekonomi bukan Melayu serta penguasaan mereka. Orang Melayu yakin raja-raja mereka akan melindungi mereka dan menghalang mereka dari terjerumus seperti nasib Red Indian di Amerika Syarikat dan Maori di New Zealand.

Raja Berperlembagaan: Dalam sistem yang dianuti di Malaysia, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri ataupun pihak berkuasa lain yang ditetapkan dalam perlembagaan. Seorang raja yang arif akan berpuas hati dengan ini.

Keputusan-keputusan rasmi, termasuklah yang dibuat khusus atas nama Yang di-Pertuan Agong, adalah sebenarnya keputusan-keputusan kerajaan. Memanglah bukan semua keputusan rasmi itu popular. Jika terlalu banyak keputusan yang dibuat oleh kerajaan tidak popular, padahnya terletak di atas bahu Perdana Menteri dan kawan-kawan sekabinetnya, bukanlah kepada Yang di-Pertuan Agong.

Dalam pilihan raya umum berikutnya, para pengundi akan mendapat peluang membuang kerajaan yang ada dan memilih yang lain. Kerajaan silih berganti; tetapi ketua negara terus bertakhta (sekurang-kurangnya sehingga akhir tempoh yang ditetapkan).

Dalam sistem raja penuh berkuasa, semua kuasa penting dipusatkan di tangan raja dan jawatan-jawatan terpenting diberikan kepada sanak saudara yang terdekat - seperti di beberapa buah negara Arab. Dan di Iran untuk beberapa dekad Shahanshah sendiri membuat semua keputusan yang penting. Kita ketahui betapa tidak ada seorangpun manusia yang dapat membuat keputusan yang betul pada setiap masa.

Jadi apabila akibatnya datang, kesemua kesalahan diletak di atas kepalanya dan beliau terpaksa lari untuk menyelamatkan dirinya.

Apa yang berlaku selepas itu telah menunjukkan betapa sebuah kerajaan Islam tidak semestinya lebih baik untuk rakyat: Para ulama tidak semestinya handal mengendalikan kerja sebagai sebuah kerajaan di sebuah negara moden seperti mana juga halnya dengan peguam, doktor, jurutera, ahli ekonomi, ahli bank, para pentadbir dan juga profesion-profesional lain hendak menyediakan lelaki dan perempuan untuk akhirat.

Bagaimana dengan masa depan? Saya tidak dapat membayangkan sebuah negara Malaysia yang menghapuskan jawatan raja kerana majoriti rakyat Malaysia telah begitu lama sejak abad ke-13 atau 14 lagi begitu biasa sekali dengan sistem ini.

Hari ini di Asia hanya di Bhutan, Brunei, Jepun, Malaysia, Nepal dan Thailand sahaja yang mempunyai raja. Raja-raja yang terakhir sekali dihapuskan ialah di Iran dan Afghanistan.

Jika raja mempunyai nama yang baik yang tidak dijejas oleh skandal, tidak ada sebarang sebab mengapa raja tidak akan berkekalan di Malaysia.

Keharuman nama raja di Malaysia kadangkala dijejas oleh jenayah yang dilakukan oleh Tunku-tunku yang tidak berkedudukan. Jawapan kepada masalah ini berada di tangan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu sendiri jika baginda sekalian misalnya mengurangkan jumlah mereka yang dapat memakai gelaran Raja, Tengku dan Tunku.

Hanya Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja yang dapat bertindak mengecilkan bilangan pemakai gelaran berkenaan yang ada hubung kait dengan raja. Tidak ada kerajaan walau betapa kuat sekalipun yang sanggup melakukannya dan menjadi tidak popular.

Dengan terwujudnya sembilan raja dan melalui poligami, Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil mempunyai terlalu ramai orang yang menggunakan gelaran Raja, Tengku dan Tunku walau betapa jauh sekali mereka itu dari takhta raja. (Di Kampung Bukit Candan di pekan Kuala Kangsar tempat asal saya, hampir kesemua orang ialah seorang raja. Ramai daripada mereka berpekerjaan rendah ataupun tidak bekerja langsung).

Ramai kerabat diraja, dari atas sehingga ke bawah, amat biasa sekali dengan hidup senang tetapi tidak memiliki pelajaran atau kelayakan yang baik. Akibat darinya, mereka tidak memiliki wang bagi menyokong cara hidup yang dianggap sebagai hak kepada diri mereka.

## MAMPU

Walaupun demikian, ramai daripada mereka hidup di luar kemampuan sendiri itu: Mereka memandu kereta, singgah di hotel-hotel yang mahal dan makan di restoran-restoran cantik yang mereka tidak mampu. Akhirnya mereka dihadapkan ke mahkamah dan kemudian dihantar ke penjara.

Nama buruk yang mereka dapati itu padanlah kepada diri mereka. Akan tetapi pada masa yang sama mereka itu membusukkan juga nama anak-anak raja yang lain yang berkelakuan baik dan sungguh-sungguh dihormati.

Kerabat diraja di England amat kecil sekali walaupun ia telah bertakhta buat beberapa abad. Oleh yang demikian, kemungkinan nama baiknya dijejas oleh angkara buruk anak-anak raja yang tidak berkedudukan bagaikan tidak ada langsung.

Di Thailand, bukan semua orang yang ada hubungan saudara dengan raja dipanggil putera dan puteri. Panggilan mereka digredkan mengikut kedekatan atau kejauhan kepada takhta. Jadi kemungkinan takhta dijejas oleh jenayah anak-anak raja amatlah terhad.

Di Thailand, hanya anak-anak raja bertakhta boleh menggunakan gelaran Chao Fah (Putera/Puteri). Cucu-cucunya hanyalah Prak Omchao. Cicit-cicitnya dikenali sebagai Mom Chao, dan seterusnya sebagai Mom Rachwong dan Mom Luang. Anak-anak kepada Mom Luang dipanggil encik dan cik sahaja, tetapi bolehlah menambahkan selepas nama mereka 'Ayuthia' yang menunjukkan mereka adalah dari keluarga diraja.

## HORMAT

Selagi Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu mematuhi Perlembagaan dan memainkan peranan mereka dengan sempurna sebagai bapa kepada negara ataupun bapa kepada negeri dalam kes raja-raja di negeri-negeri dan tidak terlibat dalam skandal, rakyat akan terus menghormati dan menyayangi mereka.

Kerajaan negeri dan Persekutuan memberi setiap dari baginda sekalian istana dengan api, air dan telefon percuma, lengkap dengan para pembantu istana serta kereta termasuk Rolls Royce dan pemandunya, elaun keraian yang mewah serta peruntukan diraja yang besar yang tidak dicukaikan. Kesemua ini ialah untuk membolehkan baginda sekalian melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat tanpa runsing, tanpa perlu mencari pendapatan tambahan dengan terlibat dalam perniagaan.

Dengan kedudukan kewangan itu, Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu tidak sukar memberi hidup yang baik kepada keluarga baginda sekalian.

Dalam menikmati kebebasan di luar undang-undang, setiap dari baginda haruslah menghormati semangat serta kandungan perlembagaan dan undang-undang yang mereka sendiri meluluskannya menjadi undang-undang. Yang di-Pertuan Agong sebagai orang yang berkedudukan tertinggi di Malaysia dan dalam kes raja-raja lain di negeri-negeri, jika dilihat sebagai suami dan bapa contoh oleh semua rakyat, maka masa depan sistem beraja adalah sesuatu yang pasti cerah.

Saya yakin sistem beraja di Malaysia akan terus kekal kecualilah selepas ini negara kita menghadapi revolusi komunis atau revolusi agama (yang mana sedang dipersediakan oleh beberapa pelampau yang mendapat inspirasi dari luar negeri)

dan diambil alih oleh kerajaan Islam. Jika ini berlaku, Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu akan terpaksa melarikan diri keluar negeri sebagaimana Shah Iran juga.

---

Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh Tun Mohammad Suffian di Persidangan Mengenai Perlembagaan Malaysia, anjuran Aliran di Kuala Lumpur pada 15 Ogos 1987.

## ZAID IBRAHIM: RAJA WAJIB PATUHI UNDANG-UNDANG

PERISTIWA Sultan Kelantan mengeluarkan kereta mewah Lamborghini Diablo tanpa membayar duti import dari Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telah menimbulkan beberapa persoalan yang amat serius dan mencabar kematangan dan keperibadian rakyat negara ini khususnya orang-orang Melayu.

Ada pihak yang beranggapan inti kontroversi ini berpunca dari tafsiran Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1991 (selepas ini disebut sebagai PDK, yang membenarkan raja-raja mengimport kereta mengikut jumlah yang ditentukan oleh *Ruler in Council* atau EXCO Kerajaan Negeri.

Oleh itu yang demikian, mengikut tafsiran mereka, Sultan Kelantan tidak perlu meminta kebenaran daripada Ketua Pengarah Kastam dan tidak melakukan apa-apa kesalahan dari perbuatan baginda.

Jika benar tafsiran ini maka semua raja-raja Melayu boleh mengimport kereta mengikut jumlah yang ditentukan oleh EXCO Kerajaan Negeri tanpa perlu membayar duti import.

Kerajaan Kelantan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), mengikut laporan akhbar, tidak pernah menghadkan bilangan kereta tanpa cukai yang patut dimiliki oleh Sultan. Pihak Kerajaan Pusat pula berpendapat, dengan merujuk kepada Seksyen 14 Akta Kastam 1967, Menteri Kewangan diperuntukkan kuasa untuk mengecualikan sebarang cukai yang dikenakan oleh pihak kastam.

PDK itu merupakan susulan kuasa Menteri Kewangan membenarkan pengecualian jika dua syarat berikut dipenuhi, iaitu:



- (i) Setelah ia terbukti memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa barang berkenaan diimport atau dikeluarkan daripada kawalan kastam untuk kegunaan peribadi atau kegunaan rasmi Sultan, raja yang memerintah negeri atau Yang Dipertua Negeri.
- (ii) Berhubung dengan soal kereta, bilangannya tidak melebihi daripada jumlah yang diputuskan oleh *Ruler in Council* (Majlis Raja atau lebih dikenali sebagai EXCO Kerajaan Negeri mengikut Akta Tafsiran).

Perkara yang menjadi punca masalah ialah penentuan jumlah kereta itu mesti diputuskan oleh *Ruler in Council*, sedangkan soal cukai berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Berdasarkan kepada kekeliruan ini mungkin ada baiknya PDK dipinda dan jumlah kereta ditetapkan oleh Menteri Kewangan sejajar dengan niat Seksyen 14(1) Akta Kastam yang berbunyi:

“Menteri boleh, melalui perintah, mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, apa-apa kelas barang-barang atau mana-mana golongan orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa duti kastam atau apa-apa fee atau caj lain yang ditetapkan yang kena dibayar.”

Dalam hal ini jika Kerajaan Negeri atau Penasihat Sultan Kelantan berpendapat baginda tidak perlu membayar sebarang cukai seharusnya merujuk kepada mahkamah bagi mendapatkan tafsiran sebenar PDK itu.

Tindakan sedemikian bukan sahaja menunjukkan Kerajaan Negeri dan Sultan menghormati peraturan dan undang-undang tetapi juga tidak akan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk memburuk-burukkan baginda.

Jika setiap rakyat atau raja mencari penyelesaian mengikut kefahaman masing-masing untuk mendapatkan hak mereka maka negara akan menjadi kucar-kacir akhirnya. Di sini Kerajaan Negeri telah gagal untuk memberi nasihat yang sebaik-baiknya kepada baginda.

Sebenarnya, kalau kekocohan dibataskan kepada tafsiran PDK sahaja ia tidak sepatutnya menjadi isu yang besar.

Tetapi malangnya isu-isu sampingan yang tidak ada kena-mengena dengan tafsiran PDK berkenaan telah ditimbulkan oleh protagonis tertentu hingga menjadikan isu itu amat besar.

Soal Sultan Kelantan menjual kereta misalnya, tidak relevan dengan tafsiran mana yang benar atau sah. Soal menjual kereta ini boleh ditimbulkan pada forum atau masa lain kerana rakyat sendiri sedia maklum adanya pihak istana yang menjual kerana tanpa cukai dan ia bukan sahaja terbatas di negeri Kelantan.

Tindakan Kerajaan Pusat pun tidak konsisten dalam isu yang melibatkan raja hingga ada yang berpendapat hanya Sultan Kelantan sahaja yang selalu menjadi sasaran kritikan.

Ada laporan yang mengatakan raja lain, setelah mendapat persetujuan Menteri Kewangan, turut mengimport kereta melebihi daripada jumlah yang diputuskan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 70-an.

Hal ini juga boleh dipertikaikan kerana budi bicara tidak diberikan kepada menteri untuk menambah bilangan kereta jika telah melebihi daripada cukai yang telah diputuskan oleh *Ruler in Council*.

Masalah ini timbul apabila ada raja dibenarkan mengimport kereta melebihi kuota dan ada raja yang lain tidak sedemikian. Kerajaan akan dikatakan bersikap pilih kasih dalam hal ini.

Oleh yang demikian, sewajarnya peraturan yang digubal itu juga dipatuhi oleh Kerajaan Pusat dengan tegas dan melaksanakannya kepada semua pihak.

Apa yang lebih membimbangkan ekor peristiwa tempoh hari itu ialah kenyataan Sultan Kelantan bahawa baginda tidak terikat kepada apa-apa peraturan atau etika sekalipun. Titah baginda, sebagai Ketua-ketua Agama Islam di negeri masing-masing, tidak ada '*Code of Ethics*' (Etika Peri laku) lain yang mengikat raja-raja Melayu selain dari '*Code of Ethics*' Al-Quran, Al-Sunnah dan Sirah Rasul. Kenyataan ini berbau pengaruh Al-Hili, seorang ulama yang terkemuka dengan kitab "*Minhajul Karamah*" yang berpendapat bahawa kepimpinan mendapat mandat daripada Allah SWT dan hanya bertanggungjawab kepadaNya.

Raja pada zaman dahulu memang bersandarkan kuasa yang kononnya dianugerahkan oleh Tuhan untuk memerintah. Tetapi konsep ini tidak lagi diterima oleh rakyat mana-mana di dunia kini.

Kuasa raja mesti berasaskan kepada undang-undang tertentu. Islam juga tidak pernah mengatakan bahawa raja sepatutnya mengetuai kepimpinan sesebuah negara Islam mengikut kedudukan raja.

Di negara kita, kuasa dan tanggungjawab raja diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan raja sebagai Ketua Agama diberikan oleh Kerajaan British sebelum merdeka.

Kedudukan itu bukan berdasarkan agama atau Al-Quran tetapi mengikut keperluan negara moden yang demokrasi dan konsep ini dikekalkan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Malaysia, sebagai sebuah negara demokrasi yang moden, setiap orang diwajibkan mematuhi undang-undang dan ini termasuklah raja-raja. Sungguhpun Perkara 32 dan 181 Perlembagaan Persekutuan mengecualikan Yang di-pertuan Agong dan raja-raja daripada tindakan mahkamah atas sebab apa sekalipun, tetapi ini tidak bererti raja-raja tidak perlu mematuhi undang-undang, peraturan atau konvensyen (iaitu peraturan yang tidak bertulis).

Mengikut sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini, kita iaitu rakyat, memberikan taraf Ketua Agama kepada raja. Oleh itu tidak tepat jika ada raja yang beranggapan taraf atau status baginda berpunca daripada agama.

Pemimpin kalau mengikut Ibnu Taimiya (1263-1328) M, sebuah negara Islam mestilah diberikan kepada orang yang dipilih berdasarkan kelayakan-kelayakan tertentu, bukannya mengikut salasilah keturunan sebagaimana raja-raja negara kita. Ini bermakna sekiranya layak hamba, sekalipun boleh menjadi pemimpin Islam.

Kedudukan raja dalam dunia moden sudah banyak berubah daripada zaman dahulu. Raja tidak seharusnya terikat dengan adat tradisi dan konsep-konsep yang mengasingkan diri mereka daripada masyarakat. Mereka perlu menyesuaikan diri dengan keadaan.

Inilah cara sebaik-baiknya untuk mengekalkan Institusi Raja di mana-mana negara sekalipun.

Di Eropah kini hanya tinggal enam orang raja. Dan raja-raja ini pula sentiasa cuba mengubah corak kehidupan mereka daripada raja yang mempunyai kuasa mutlak kepada raja yang

mematuhi kehendak undang-undang dan kemahuan rakyat dari masa ke semasa.

Mereka sentiasa bersikap terbuka kepada kritikan dan teguran yang dibuat oleh rakyat atau para pemimpinnya.

Tidak kesemua raja di dunia ini yang kaya raya seperti raja kita. Raja Sweden, King Carl Gustav dikatakan hanya mendapat kekayaan daripada pusaka datuknya yang bernilai sebanyak 300,000 paun. Elaun yang diterimanya daripada kerajaan pula amat sederhana.

Pada tahun 1974, Kerajaan Sweden telah menarik balik keistimewaan dan elaun baginda. Baginda juga membayar cukai pendapatan, tidak seperti raja-raja kita. Sebagaimana rakyat biasa, baginda juga terpaksa membayar duti kastam terhadap barangan yang diimportnya.

Raja Denmark pula amat sederhana cara kehidupannya. Prince Henrik tidak dibenarkan mempunyai jet persendirian misalnya. Oleh itu baginda menggunakan kapal terbang perdagangan seperti rakyat biasa. Sungguhpun demikian mereka masih disayangi oleh rakyat.

Malah ada di kalangan raja-raja itu yang menyatakan bahawa istana mereka itupun bukan hak mereka tetapi hak rakyat walaupun ianya diwarisi turun temurun.

Apa yang penting bagi mereka bukanlah kemewahan atau keistimewaan tertentu tetapi ingin diterima dan dihormati oleh rakyat seluruhnya.

Ratu Elizabeth di England, dari dinasti Windsor yang mempunyai sejarah beribu tahun juga menerima teguran dan segala keputusan rakyat.

Pada tahun 1969 semasa Britain mengalami kemerosotan ekonomi, pekerja-pekerja istana baginda terpaksa dikurangkan. Empat tahun kemudian, semasa zaman inflasi melanda negara itu, baginda terpaksa meminta peruntukan diraja ditambah.

Ahli-ahli Parlimen British dan akhbar membantah permintaan tersebut. Malah pada hari ini perbincangan hangat masih berlaku mengenai cadangan untuk mengenakan cukai pendapatan terhadap Ratu Elizabeth.

Di Eropah, Ratu Eeatrik dari Belanda merupakan golongan diraja yang paling kaya tetapi kekayaan baginda itu tidak menghindarkannya daripada kritikan dan teguran rakyat.

Sebagai contoh, apabila suaminya menerima komisen dari Lockheed berikutan dengan penjualan kapal terbang, akhbar telah memberi laporan meluas hinggakan Prince Bernhard memohon maaf secara terbuka kepada rakyat walaupun menerima komisen itu tidak menyalahi undang-undang negara Belanda. Cuma pada pandangan mereka tidak bersesuaian dengan taraf raja untuk menerima komisen.

Begitulah perubahan yang berlaku di Eropah di mana segala tindakan raja sentiasa di bawah perhatian rakyat. Dalam suasana sedemikian, raja-raja menerima hakikat bahawa mereka tidak boleh melanggar kehendak dan kepentingan rakyat.

Malah tidak pula merasa terhina apabila ditegur oleh rakyat terhadap tingkah laku mereka.

Tidak ada negara dalam dunia yang mempunyai lebih ramai raja daripada Malaysia.

Walaupun peruntukan diraja bagi setiap negeri adalah tidak kurang daripada setengah juta ringgit setahun (jumlah ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain), Kerajaan Pusat juga telah memberi kemudahan lain seperti memberi saham-saham kepada raja, walaupun tindakan ini amat mengecewakan.

Bagi pandangan saya, peruntukan saham seperti itu tidak harus diberikan kepada raja tetapi kepada rakyat Bumiputera biasa. Jika peruntukan saham ini diberikan kepada raja, bagaimana pula dengan lesen dan sebagainya.

Saya menceritakan semuanya ini semata-mata untuk menyedarkan orang ramai bahawa memberi teguran kepada raja itu adalah perkara biasa, seperti kita mempersoalkan para pemimpin politik kita jika teguran itu berasaskan fakta yang benar.

Soal raja jangan jadi perkara taboo! Orang-orang Melayu memang sayangkan raja dan amat sensitif tentang perkara-perkara yang ada kaitannya dengan istana. Mereka juga bersedia mempertahankan raja-raja mereka daripada tindakan liar yang tidak munasabah.

Tetapi tidak semua tindakan, kritikan dan teguran patut dianggap biadap dan kurang ajar kerana kita harus menerima kenyataan bahawa raja seperti juga manusia lain, boleh melakukan kesalahan.

Pendirian Dato' Sri Dr. Mahathir, Dato' Sri Anwar Ibrahim dan Senator Annuar Musa terhadap tindakan Sultan Kelantan

itu harus diterima secara rasional.

Jika Dato' Sri Anwar gagal melaksana dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang misalnya, beliau tidak akan dihormati oleh rakyat. Sebaliknya rakyat akan memberi sokongan kepada mana-mana pemimpin yang lurus dan tegas dalam melaksanakan tugas.

Dalam keadaan ini, kita berharap Kerajaan Kelantan akan menasihati baginda Sultan agar membayar cukai supaya perkara ini tidak lagi menjadi bahan yang boleh digunakan oleh puak-puak tertentu untuk memecah-belahkan orang-orang Melayu.

Maruah orang-orang Melayu bergantung kepada kepimpinan yang jujur dan menghormati undang-undang.

Rakyat Kelantan akan merasa bangga jika penyelesaian terhadap masalah ini dilakukan mengikut saluran undang-undang, bukan mengikut emosi dan saluran politik yang tidak menguntungkan.

RUSTAM A. SANI:  
**INSTITUSI RAJA DAN  
PERANANNYA**

KONTROVERSI yang tercetis setelah Sultan Kelantan bertindak "melarikan" kereta mewah yang tersimpan di kawasan stor kargo Penerbangan Malaysia telah menimbulkan reaksi yang berbagai-bagai bergantunglah pada sikap dan pandangan seseorang itu tentang tempat dan peranan Institusi Raja dalam masyarakat kita hari ini.

Dimensi hukum dan undang-undang dalam peristiwa itu juga tampaknya masih belum dapat diselesaikan hingga tuntas. Bagi saya, hal ini tidaklah menghairankan. Citra dan bentuk Institusi Raja Berparlimen di negara ini, sebagai sebuah institusi yang baru, masih perlu melalui proses pematangan dan pematapan.

Namun demikian, dari kontroversi yang tercetis itu, ada suatu perkara kurang menyenangkan yang saya rasa belum begitu banyak kita perkatakan. Persoalan itu adalah: Kontroversi yang hampir-hampir boleh mencetuskan krisis perlembagaan itu sebenarnya lahir hanya dari persoalan yang amat kecil, meskipun melibatkan wang yang banyak - yakni soal tabiat kepenggunaan di kalangan raja-raja dan keasyikan mereka akan cara hidup mewah, kononnya sebagai lambang status dan martabat.

Apakah martabat dan maruah pada raja dan Institusi Raja kita perlu digantungkan sepenuhnya pada pola gaya hidup dan kepenggunaan mereka yang penuh dengan kemewahan semata-mata? Apakah begitu mudah dan murah nilai martabat tersebut?

Secara tidak langsung persoalan ini menyebabkan kita berfikir lebih jauh tentang ke arah manakah Institusi Raja Berperlembagaan kita - yang dikatakan telah berkembang dari Institusi

Raja Melayu yang kononnya sudah begitu mantap sejarahnya itu – sedang berkembang.

Sering dikatakan bahawa istana, dan Institusi Raja, dalam masyarakat Melayu tradisional merupakan pusat bagi segala macam kegiatan dan kemantapan kebudayaan tinggi orang Melayu – dari sastera hinggalah kepada ilmu, dari perdagangan hinggalah kepada agama. Dalam segala hal ini, istana dan raja tidak sekadar merupakan penaung yang sepi, tetapi merupakan pelindung yang terlibat.

Begitu kuatnya citra dan peranan istana dalam bidang-bidang ini, sehingga ketika pemerintahan penjajah berhasil mengikis segala kekuasaan politik dan ekonomi raja-raja Melayu, peranan pelindung agama dan budaya itu terpaksa dipertahankannya. Namun peranan itu pada waktu ini tampaknya telah hampir terhakis sama sekali dari istana.

## TANGGAPAN UMUM

Kita kini sedang dalam proses mencari bentuk-bentuk keperibadian bangsa Malaysia sebagai sebuah bangsa moden. Dengan ilmu, kita sepatutnya dapat mengenal kekuatan keperibadian budaya kita, demi merintis jalan menjadi sebuah bangsa yang cukup tangkas untuk merebut tempatnya dalam dunia moden yang serba mencabar. Kita perlu menjadi sebuah masyarakat industri yang mempunyai keperibadian budayanya sendiri – yakni masyarakat industri dalam acuan kita sendiri.

Apakah peranan yang harus dimainkan oleh Institusi Raja, yang mempunyai sejarah purba yang mantap itu, dalam proses pertumbuhan negara moden itu?

Saya kira peranan intelektual, budaya dan ilmu – seperti yang dimainkannya dalam masyarakat Melayu tradisional – masih dapat dijadikan asas peranan Institusi Raja dalam masyarakat moden kita, tentunya dengan penyesuaian yang seperlunya. Contoh bagi peranan yang demikian itu tentu dapat kita pelajari daripada peranan para anggota kerabat diraja berperlembagaan yang moden di dunia hari ini seperti di Jepun, Britain, Belanda, Sweden dan sebagainya.

Penglibatan Prince Philips dalam kegiatan pemeliharaan alam sekitar sedunia; penglibatan keluarga diraja Jepun dalam



memelihara kesenian tradisional Jepun dan keghairahan para putera-puterinya dalam pengajian tinggi di Barat (seperti di Oxford); bantuan keluarga diraja Belanda terhadap kegiatan penerbitan buku di Indonesia dan negara-negara membangun lainnya; minat mendalam, dan kritikan pedas, Prince Of Wales terhadap kemerosotan seni binaan di Inggeris – semua ini adalah kegiatan-kegiatan dan peranan yang dapat dicontohi.

Sayangnya, Institusi Raja dalam masyarakat kita, dari segi tanggapan umum, lebih sering dihubungkan dengan keramaian, upacara, sukan, cara hidup mewah (*conspicuous consumption*), hiburan, para penghibur, dan sebagainya. Peranan ilmu dan kesenian – apa lagi penglibatan yang mendalam dalam bidang-bidang itu – jarang sekali dihubungkan dengan Institusi Raja.

Amatlah menyedihkan bahawa, dalam usaha kita memantangkan dan mencari relevan Institusi Raja dalam masyarakat, kita hanya dapat berbicara tentang perkara-perkara dangkal seperti kereta mahal, kapal mahal, perbelanjaan besar, isteri muda dan hal-hal seperti itu sahaja.

Quo vadis Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia?

CHAMIL WARIYA:

## 1. JAMINAN PERLEMBAGAAN SAJA TIDAK CUKUP

NEGARA kita mempunyai sistem pemerintahan yang agak unik yang diambil daripada sistem yang sama yang terdapat di negara yang pada satu ketika pernah menjajah kita.

Kerana tidak mahu melihat pemerintahan beraja lenyap begitu sahaja dan kerana pada waktu yang sama arus demokrasi tidak dapat disekat, maka para pengasas kemerdekaan negara ini telah mengadunkan kedua-dua unsur itu menjadi satu.

Hasilnya wujudlah apa yang sekarang ini dikenali sebagai pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Selain mempunyai Raja Berperlembagaan di peringkat pusat, kita juga mengekalkan raja di sembilan buah negeri yang lain.

Di negara-negara yang mengamalkan pemerintahan serupa itu, kuasa, dari segi teori dan juga amalan, telah bertukar tangan.

Sebelum itu, kuasa memerintah adalah monopoli mutlak raja-raja. Di sebilangan negara berpemerintahan raja mutlak keadaan itu masih dapat dipertahankan. Bagaimanapun di bawah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, yang berkuasa ialah rakyat melalui Parlimen.

Rakyat akan bertanding sesama mereka dalam pilihan raya yang diadakan dari masa ke masa berasaskan parti-parti yang mereka wakili.

Pihak yang menang dan mendapat majoriti untuk berkuasa baik secara sendirian atau melalui kerjasama di kalangan parti-parti politik yang sehaluan, tidak boleh ditolak untuk menegakkan kerajaan.

Kerajaan yang ditubuhkan itu amnya dan kabinet khususnya akan menjadi penasihat utama pemerintahan monarki itu.

Dalam hal-hal yang berkait dengan urusan rasmi – negeri dan negara – Raja Berperlembagaan dikehendaki akur pada nasihat yang diberikan sekalipun ia mungkin tidak disenangi. Nasihat dalam konteks Demokrasi Berparlimen sebenarnya tidak boleh ditolak oleh Raja Berperlembagaan.

Ini adalah peraturan asas sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di mana-mana juga negara yang memilih sistem itu. Malah seandainya sebuah parti politik yang terang-terang mempunyai program anti raja diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan, raja sebenarnya tidak boleh menolak.

Hal ini pernah berlaku di Britain. Parti Buruh memang diketahui mempunyai dasar-dasar yang anti raja; malah di dalam parti itu terdapat anasir-anasir ekstrim yang ingin menumbangkan pemerintahan monarki.

Tetapi apabila parti itu memenangi pilihan raya, Queen of England tidak pernah menafikannya daripada mengambil alih kuasa.

Menolak nasihat parti yang mendapat mandat rakyat untuk membentuk kerajaan adalah satu perbuatan yang melanggar sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dan ia boleh mencetuskan krisis perlembagaan yang boleh membuka jalan pada penghapusan institusi beraja itu sendiri seperti yang terjadi di beberapa buah negara Eropah yang lain.

Kerana tidak mahu melalui pengalaman yang serupa, maka Istana Buckingham terpaksa tunduk terhadap apa juga keputusan yang dibuat oleh rakyat melalui peti undi. Sekiranya Parti Komunis Britain sekalipun dipilih untuk menubuhkan kerajaan, baginda akan menerimanya.

Malah semasa Parti Buruh memerintah, ucapan-ucapan tentang dasar negara baginda Queen adalah program politik parti itu yang biasanya lebih mengutamakan rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

Baginda juga tidak pernah menolak nama-nama yang dicadangkan oleh Parti Buruh untuk mendapatkan bintang-bintang kebesaran negara.

Kerana adanya proses itu, pemimpin sosialis turut mendapat anugerah. Jika diberi pilihan, Queen Elizabeth serta penasihat

istananya barangkali tidak akan memberi mereka sebarang penghargaan kerana pada umumnya golongan kiri adalah anti raja.

Tetapi kerana perlembagaan menetapkan bahawa baginda tidak boleh menolak nasihat parti yang berkuasa, maka apa juga cadangan yang dikemukakan biasanya diberi perkenan. Tidak ada soal jawab tentangnya.

Kesediaan berpegang pada semangat sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam erti kata sebenarnya secara tersurat dan tersirat itulah yang telah menjadi resipi mengapa pemerintahan itu telah berjalan dengan baik tanpa sebarang gangguan di Britain dan juga di beberapa buah negara lain.

Sejak England menjadi negara pertama yang mengamalkan sistem itu pada abad ke tujuh belas, setiap raja yang silih berganti telah berpegang teguh pada apa yang telah dipersetujui dengan rakyat itu. Yang enggan menerima peranan sebagai Raja Berperlembagaan seperti Raja Charles I telah dihukum gantung.

Yang lain selepas beliau menerima hakikat bahawa kedudukan mereka sebagai Raja Berperlembagaan akhirnya akan ditentukan

Sekalipun perlembagaan memberi pelbagai jaminan bahawa kedudukan mereka adalah mulia dan kukuh, tetapi jaminan di atas kertas perlembagaan sebenarnya tidak memberi apa-apa pengertian kepada mereka. Jika rakyat tidak mahu, kedudukan mereka habis di situ sahaja.

## 2. RAJA MELAYU DAN DUNIA SAHAM

JIKA tidak kerana Sultan Kelantan melarikan kereka Lamborghini Diablo yang belum dibayar duti importnya kita mungkin tidak tahu bahawa kerajaan telah menawarkan saham khas Proton sebanyak 100,000 unit kepada setiap raja-raja Melayu.

Kecuali Sultan Kelantan, raja-raja Melayu yang lain (serta Yang Dipertua Negeri) telah menerima tawaran tersebut. Sultan Kelantan menolak tawaran saham bernilai setengah juta ringgit itu bukan kerana ia bercanggah dengan Kod Etika Al-Quran yang menjadi pegangannya sekarang tetapi kerana baginda bimbang perkara itu akan diungkit-ungkit kemudian hari nanti dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Jika itu terjadi, ia hanya akan memalukan diri baginda sebagai Ketua Agama Islam dan Pelindung Hak Istimewa Melayu di Kelantan.

Tersirat di sebalik pendirian itu ialah andainya baginda mendapat jaminan bahawa pemberian tawaran khas itu dapat dirahsiakan, baginda juga akan menyertai raja-raja Melayu yang lain untuk menerimanya.

Kerana ini adalah kali pertama kerajaan menawarkan saham khas kepada raja-raja Melayu, dan pengesahan tawaran itu dibuat sendiri oleh Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berita itu tentulah mendapat perhatian besar.

Hak kerajaan untuk menawarkan saham itu memang tidak dipersoalkan oleh sesiapa.

Sebagai autoriti tertinggi di negara ini ia memang berhak untuk memberikan apa juga kepada raja-raja Melayu sekalipun mereka tidak memintanya. Tambahan pula dalam kes saham

Proton ini, dua tiga orang raja telahpun membuat permohonan. Kerajaan boleh menolaknya. Tetapi ia tidak berbuat demikian; sebaliknya telah menawarkan saham itu kepada setiap raja.

Hakikat bahawa setiap raja ditawarkan dengan jumlah unit saham yang sama banyaknya termasuk kepada Sultan Kelantan adalah bukti jelas bahawa kerajaan ingin berlaku adil.

Tetapi pemberian saham Proton kepada raja-raja Melayu itu tentu ada implikasi-implikasi tertentu.

### TAWARAN KHAS

Apakah ia satu *precedent* yang baik? Apakah ini bayangan satu permulaan bahawa mulai sekarang kerajaan ingin menjadikan tawaran khas saham, setiap kali berlaku penyenaiaan kepentingan kerajaan kepada raja-raja Melayu?

Sekiranya penawaran kali ini adalah atas inisiatif kerajaan sebagai menghargai monarki di negara ini, bolehkah raja-raja Melayu itu nanti mengambil daya usaha untuk mendapatkan tawaran khas tanpa bertanding dengan orang Melayu lain yang ingin mendapatkannya?

Sewaktu menerangkan lebih lanjut pemberian saham tersebut dua sebab diberikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Rafidah Aziz bagi tindakan kerajaan itu.

Pertama, oleh kerana Proton adalah projek nasional yang berjaya, maka kejayaan itu wajar dinikmati sama oleh raja-raja Melayu.

Lantaran itu, apabila Proton disenaraikan, raja-raja itu tidak boleh dikecualikan daripada mendapat habuan mereka. Penerimaan sebab ini tidak menimbulkan apa-apa masalah.

Kedua, penawaran saham itu dibuat kerana membenarkan raja-raja Melayu memegang saham adalah tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan - Persekutuan dan Negeri yang melarang raja-raja Melayu melibatkan diri dalam apa-apa *enterprise* atau perniagaan.

Tidak seperti sebab pertama, sebab kedua Rafidah ini, tentu lah menarik untuk diperkatakan kerana ia secara langsung atau tidak langsung melontarkan satu dimensi baru berkait dengan soal raja-raja Melayu dan dunia perniagaan.

## PEMEGANG SAHAM

Sekalipun Rafidah mengatakan bahawa sebagai pemegang saham Proton, raja-raja Melayu sebenarnya telah tidak terlibat dalam perniagaan tetapi ada kalangan yang tidak setuju.

Golongan kedua ini melihat bahawa penawaran saham ini adalah satu permulaan bagi raja-raja Melayu, kalau ada yang mahu, untuk menceburi dunia perniagaan, sekurang-kurangnya perniagaan saham, sekalipun hanya sekadar pemegang saham.

Antaranya: Jika benar seperti yang dinyatakan bahawa memegang saham dalam sebuah syarikat yang berniaga seperti Proton tidak boleh dianggap satu perniagaan maka apakah ini bermakna raja-raja Melayu mulai sekarang dibolehkan untuk memiliki saham atau membeli saham di pasaran saham?

Jawapannya: Sekiranya mereka boleh menjadi pemegang saham Proton, mereka juga tentu boleh memegang saham-saham lain.

Yang tidak boleh diharapkan ialah untuk mendapatkan tawaran khas; tetapi mereka boleh membelinya di pasaran terbuka.

Raja-raja Melayu (kalau ada) yang memang berminat dengan dunia perniagaan saham tetapi dilarang menceburkan diri peruntukan perlembagaan, sudah tentu menilai kenyataan Rafidah itu dengan penuh ghairah.

Adakah antara mereka yang secara aktif akan menjadi pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat lain nanti kerana perbuatan itu dianggap tidak berniaga?

Sekiranya ada raja-raja Melayu itu menjadi pemegang saham terbesar dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di BKKL bolehkah mereka menjadi anggota lembaga pengarahnya atau malah menjadi pengerusi eksekutifnya?

Sekiranya logik kenyataan Rafidah itu diuruti hingga ke hujungnya, kemungkinan itu memang ada.

Tetapi rasional di sebalik kenyataan Rafidah itu tentulah bahawa tidak ada raja yang akan sampai ke tahap itu sebagai pemegang saham sesebuah syarikat.

Harapannya begitulah. Kalau tidak nanti masalah baru pula yang timbul.

### 3. NASIHAT YANG TIDAK BOLEH DITOLAK

NEGARA kita mempunyai sistem pemerintahan yang agak unik yang diambil daripada sistem yang sama yang terdapat di negara yang pada satu ketika pernah menjajah kita. Kerana tidak mahu melihat pemerintahan beraja Lop begitu sahaja dan kerana pada waktu itu yang sama harus demokrasi tidak dapat disekat, maka para pengasas kemerdekaan negara ini telah mengadunkan kedua-dua unsur itu menjadi satu.

Hasilnya wujudlah apa yang sekarang ini dikenali sebagai pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen beberapa lama. Sekalipun kita bukanlah yang pertama mengamalkan sistem serupa itu kerana beberapa buah negara lain (United Kindom dan Belgium) sudah pun mendahului kita, tetapi pemerintahan yang kita wujudkan pada 31 Ogos 1957 itu mempunyai keistimewaan tersendiri.

Di negara kita sebenarnya telah diwujudkan sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan pada dua peringkat – Persekutuan dan negeri sedangkan di Britain dan negara-negara Barat lain yang masih mengamalkan sistem yang serupa hanya mengekalkan seorang raja.

Malaysia, selain punyai Raja Berperlembagaan di peringkat Pusat, juga mengekalkan raja di sembilan buah negeri yang lain.

Negara-negara yang mengamalkan pemerintahan serupa itu, kuasa, dari segi teori dan juga amalan, telah bertukar tangan.

Sebelum itu, kuasa memerintah adalah monopoli mutlak raja-raja. Di sebilangan negeri berpemerintahan raja mutlak keadaan itu masih dapat dipertahankan. Bagaimanapun di bawah sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen, yang berkuasa ialah rakyat melalui Parlimen.



Rakyat akan bertanding sesama mereka melalui pilihan raya yang diadakan dari masa ke semasa berasaskan parti-parti yang mereka wakili.

Pihak yang menang dan mendapat majoriti untuk berkuasa, baik secara sendirian atau melalui kerjasama di kalangan parti-parti politik yang sehaluan, tidak boleh ditolak untuk menegakkan kerajaan.

## AKUR NASIHAT

Kerajaan yang ditubuhkan itu amnya dan kabinet dan Majlis Mesyuarat Negeri khususnya akan menjadi penasihat utama pemerintahan monarki itu.

Dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan rasmi - negeri dan negara - Raja Berperlembagaan dikehendaki akur pada nasihat yang diberikan sekalipun ia mungkin tidak disenangi.

Ini adalah peraturan asas sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di mana-mana juga negara yang memilih sistem itu.

Malah dalam sistem serupa itu, seseorang raja tidak boleh menolak pembentukan kerajaan oleh parti yang secara terang-terang mempunyai program yang tidak begitu memenangi kewujudan monarki.

Hal ini pernah berlaku di Britain. Parti Buruh memang diketahui mempunyai dasar-dasar yang anti raja; malah dalam parti itu terdapat anasir-anasir Inggeris yang ingin menubuhkan pemerintahan monarki.

Tetapi apabila parti itu memenangi pilihan raya, Queen of England tidak pernah menafikan daripada mengambil alih kuasa.

Menolak nasihat parti yang mendapat mandat rakyat adalah satu perbuatan yang melanggar sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dan ia boleh mencetuskan krisis perlembagaan yang boleh membuka jalan kepada penghapusan institusi beraja itu sendiri seperti yang terjadi di beberapa buah negara Eropah yang lain. Di negara-negara ini pemerintahan beraja telah dilenyapkan kerana mereka enggan akur pada perjanjian yang telah dipersetujui.

Kerana tidak mahu melalui pengalaman yang serupa, maka Istana Buckingham terpaksa akur terhadap apa juga keputusan

yang dibuat oleh rakyat melalui peti undi. Sekiranya parti komunis Britain sekalipun dipilih untuk menubuhkan kerajaan, baginda akan menerimanya.

Malah semasa Parti Buruh memerintah, ucapan-ucapan tentang dasar negara Baginda Queen adalah program politik parti itu yang biasanya lebih mengutamakan rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

## PEGANG SEMANGAT

Baginda juga tidak pernah menolak nama-nama yang dicalonkan oleh parti buruh untuk mendapatkan bintang-bintang kebesaran negara.

Kerana adanya proses itu, pemimpin sosialis turut mendapat anugerah. Jika diberi pilihan, Queen Elizabeth serta penasihat istana barangkali tidak akan memberi mereka sebarang penghargaan kerana pada umumnya golongan kiri adalah anti raja.

Tetapi kerana perlembagaan menafikan bahawa baginda tidak boleh menolak nasihat parti yang berkuasa, maka apa juga cadangan yang dikemukakan biasanya diberi perkenan. Tidak ada soal jawab tentangnya.

Kesediaan berpegang pada semangat sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam erti kata sebenar secara tersurat dan tersirat itulah yang telah menjadi resipi mengapa pemerintahan itu telah berjalan dengan baik tanpa sebarang gangguan di Britain dan juga di beberapa buah negara lain.

Sejak England menjadi negara pertama yang mengamalkan sistem itu pada abad ketujuh belas, setiap raja yang silih berganti telah berpegang teguh pada apa yang telah dipersetujui dengan rakyat itu yang akan menerima peranan sebagai Raja Berperlembagaan seperti Charles II telah dipancung kepalanya.

Yang lain selepas beliau menerima hakikat bahawa kedudukan mereka sebagai Raja Berperlembagaan akhirnya akan ditentukan oleh rakyat.

Sekalipun perlembagaan memberi pelbagai jaminan membawa kedudukan mereka adalah mulia dan kukuh, tetapi jaminan di atas kertas perlembagaan sebenarnya tidak memberi apa-apa pengertian kepada mereka. Juga rakyat tidak mahu, kedudukan mereka habis di situ sahaja.

## 4. MENJELASKAN LAGI MAKSUD NASIHAT

MALAYSIA mempunyai cara yang teratur untuk menentukan pucuk pimpinan negara dan negeri. Kerana kita mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen, kuasa menentukan pimpinan kerajaan adalah kuasa rakyat.

Mereka membuat perhitungan dalam pilihan raya yang diadakan dari masa ke semasa, biasanya tidak melebihi tempoh lima tahun. Parti politik yang diberi mandat kemudian akan menubuhkan kerajaan. Siapa juga yang memimpin parti itu akan menjadi Perdana Menteri yang kemudian akan menentukan anggota-anggota kabinet yang lain.

Di peringkat negeri pula, pemimpin parti yang menang akan menjadi Menteri Besar dan seterusnya membentuk kabinet negeri.

Dan oleh kerana Demokrasi Berparlimen negara ini digandingkan pula dengan pemerintahan Raja Berperlembagaan maka persetujuan para Sultan juga diperlukan. Tetapi menurut semangat Demokrasi Berparlimen, perkenan yang dikehendaki itu cuma soal formaliti sahaja. Raja tiada hak untuk menolak perkenan atau nasihat yang diberikan.

Ini kerana menurut semangat Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sebenarnya bertindak atas nasihat pemimpin kerajaan yang dibentuk oleh parti politik yang telah diberi kuasa oleh rakyat.

Malangnya dalam mentafsirkan maksud istilah 'nasihat' dan 'perkenan' seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan nampaknya telah menimbulkan beberapa kekeliruan. Ada pihak misalnya menganggap nasihat parti yang memerintah yang mewakili suara rakyat tidak perlu diikuti.

Akibatnya, berlakulah kelewatan dalam perlantikan Menteri Besar serta ahli Majlis Mesyuarat peringkat negeri. Dan mana-mana calon parti berkuasa yang tidak disenangi akan dilobi supaya jangan diberi kedudukan yang dicadangkan oleh parti.

Masalah ini muncul kerana barangkali hasrat dan semangat Demokrasi Berparlimen tidak benar-benar difahami. Atau para pencetus perlembagaan negara ini apabila kita mencapai kemerdekaan telah tidak memberi pengertian yang jelas dan berterus-terang tentangnya.

UMNO, yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional yang telah memerintah negara ini sejak merdeka, telahpun mengemukakan cadangan supaya maksud yang lebih jelas diberi terhadap istilah nasihat. Kerajaan Persekutuan sendiri, seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Abdul Ghafar Baba, masih lagi belum membuat keputusan yang muktamad tentangnya.

Tetapi memandangkan desakan-desakan ke arah itu semakin lantang, akan tiba masanya bagi kerajaan untuk membuat satu pendirian yang tegas sejajar dengan semangat demokrasi itu sendiri.

Perlu dijelaskan bahawa sebarang pindaan terhadap istilah nasihat dan perkenan dalam perlembagaan bukanlah bertujuan untuk merampas kuasa mana-mana pihak. Ia dibuat untuk menjelaskan lagi maksud Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan menurut perspektif yang sebenar.

Kedudukan Raja Berperlembagaan tidak akan terusik dengan pindaan itu. Malah kerana sayangkan Raja Berperlembagaan serta hasrat untuk melihat institusi monarki itu kekal dengan statusnya yang mulia dan tinggi, kita berpendapat pindaan yang dicadangkan itu perlu disegerakan.

Dengan itu sebarang konfrontasi atau perbalahan yang selama ini timbul berkait dengan perlantikan Menteri Besar, ahli Majlis Mesyuarat Negeri dapat dilenyapkan buat selama-lamanya bagi membolehkan para pemimpin kita menumpukan sepenuhnya tenaga dan sumber kepada membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara maju seperti yang dihayati oleh Wawasan 2020.

## 5. KOD ETIKA RAJA

PERTEMUAN raja-raja Melayu dengan rombongan Majlis Tertinggi UMNO di Istana Negara pada 25 dan 26 Februari 1992 berakhir dengan baik.

Persetujuan dicapai oleh kedua belah pihak bahawa untuk melicinkan lagi perjalanan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, satu kod etika akan dibentuk yang akan menjadi *guiding principle* (bersama-sama dengan perlembagaan) bagi raja-raja Melayu memenuhi fungsi mereka sebagai Raja Berperlembagaan yang bertindak atas nasihat kerajaan yang berkuasa.

Kod etika itu akan menjelaskan lagi mana-mana peruntukan perlembagaan tentang peranan raja dalam pemerintahan negara ini yang pada waktu ini memerlukan tafsiran lanjut. Dengan itu salah faham berkait dengan soal tafsiran yang ada waktunya telah menimbulkan ketegangan antara istana dengan kerajaan negeri, tidak akan berulang lagi.

Barangkali untuk memberi gigi yang lebih kuat pada pelaksanaan kod etika itu, ada baiknya ia dipertimbangkan untuk menjadi sebahagian daripada perlembagaan itu sendiri. Dengan itu barulah ia menjadi satu dokumen perundangan yang dihormati. Rakyat tahu apa yang terkandung dalam etika itu dan mereka juga akhirnya boleh menjadi hakim sama ada apa yang telah dipersetujui oleh raja-raja Melayu dengan Majlis Tertinggi UMNO benar-benar telah dipatuhi, atau kedua-dua pihak hanya sekadar memberi *lip service* terhadapnya.

Malah sekiranya peruntukan-peruntukan perlembagaan tentang fungsi Raja Berperlembagaan *vis a vis* dengan kuasa rakyat yang sekarang dianggap kabur boleh dibuat dalam bentuk hitam putih, itu adalah cadangan yang lebih baik. Satu kod etika yang

telah dicadangkan itu barangkali tidak diperlukan.

Bagaimanapun kerana pindaan terhadap perlembagaan yang ada kaitan dengan kedudukan dan martabat raja tidak boleh dipinda ikut suka tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja - dan proses ini barangkali mengambil masa - maka jalan tengah diambil dengan mewujudkan kod etika itu. Dalam keadaan sekarang itulah penyelesaian terbaik untuk mengelakkan sistem yang ada menemui jalan buntu.

Adalah juga jelas bahawa kod etika yang bakal digubal oleh Majlis Tertinggi UMNO, yang kemudian perlu mendapat persetujuan persidangan Majlis Raja-raja di Kuching Jun 1992, memerlukan ketegasan pada pihak Menteri Besar di setiap negeri untuk melaksanakan.

Pemimpin rakyat yang diberi kuasa di peringkat inilah yang akan bertindak sebagai *gate keeper* untuk melayan atau tidak melayan permintaan para Sultan untuk mendapat peruntukan tambahan, mendapatkan tanah, kawasan balak, lombong, membina istana baru atau membesarkan istana yang sedia ada yang selama ini dibuat secara sembunyi-sembunyi.

Para Menteri Besar sudah tahu kuasa mereka dan sekiranya mereka melayan permintaan istana di luar batas yang ditetapkan, maka merekalah yang gagal melaksanakan kod etika itu dengan semangat yang betul.

Malah dalam keadaan sekurang-kurangnya sekiranya setiap Menteri Besar berpegang teguh pada lunas-lunas perlembagaan dalam hubungan dengan Sultan masing-masing, sistem itu boleh berjalan dengan baik tanpa gangguan.

Tetapi kegagalan mereka untuk bertegas sama ada atas dasar hormat atau kerana inginkan populariti atau kerana mereka memang pemimpin yang lemahlah yang telah menyebabkan berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan institusi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Keadaan ini mesti dibetulkan oleh UMNO itu sendiri. Ia hendaklah menempatkan pemimpin di peringkat negeri yang tahu kuasa mereka dan tidak teragak-agak untuk melaksanakannya. Jika tidak, bentuklah beberapa kod etika, teguran-teguran serta keresahan yang telah dibuat oleh para perwakilan parti dalam perhimpunan 1990, 1991 tentang tindak-tanduk sesetengah raja Melayu akan berulang lagi.

## 6. ERA BARU HUBUNGAN RAJA - RAKYAT

KESAYANGAN UMNO terhadap sistem Raja Berperlembagaan memang tidak dapat disangsikan lagi.

Sebagai parti yang telah menginstitusikan sistem itu, UMNO dan Raja Berperlembagaan sebenarnya telah menjalin hubungan simbiotik yang cukup bermakna.

Pertalian antara kedua-duanya adalah ibarat aur dengan tebing atau irama dengan muzik.

Sekalipun pimpinan parti itu telah bertukar tangan beberapa kali sejak penubuhannya, komitmen setiap pemimpin terhadap sistem itu tidak pernah luntur.

Memanglah tindakan UMNO membincangkan secara terbuka peranan Raja Berperlembagaan dalam Demokrasi Berparlimen, kali pertama dalam perhimpunan agung 1990, kali kedua dalam perhimpunan 1991, boleh disalah ertikan sebagai petanda bahawa parti itu sudah mula tidak menyenangi institusi itu.

Anggapan serupa itu adalah tidak tepat. Teguran-teguran yang telah dibuat itu sebenarnya bukanlah bertujuan destruktif. UMNO tidak ada sebab untuk melenyapkan sistem itu kerana ia pada umumnya telah memenuhi kepentingan parti itu dengan baik. Ia juga tidak bertujuan menentang pemerintahan beraja, seperti yang didakwa oleh setengah pihak.

Lebih baiklah bagi UMNO mengekalkan sistem yang sedia ada daripada mencuba satu sistem yang belum tentu membawa faedah kepadanya. Seperti yang selalu ditegaskan oleh Presidennya, Mahathir Mohamad *'it is better to work with a devil you know well rather than an angel that you do not know.'*

Lantaran itu sekalipun dari masa ke masa timbul masalah

yang tidak diinginkan antara parti itu dengan Raja Berperlembagaan, pemikiran UMNO selalunya ialah untuk mempertahankan status quo. Kalaupun ada perubahan yang dibuat (ingat pindaan perlembagaan 1983 yang telah mencetuskan krisis), ia lebih bercorak evolusi, bukan revolusi.

Malah dalam perbahasan terbuka 1990 dan 1991, apa yang ditenang oleh UMNO bukanlah institusi Raja Berperlembagaan itu sendiri, tetapi pencabulan terhadap sistem itu oleh sesetengah pihak yang telah bertindak melampaui batas yang telah ditetapkan oleh perlembagaan.

Dengan berbuat demikian, UMNO sebagai tulang belakang parti yang memerintah setelah mendapat mandat rakyat, sebenarnya ingin membetulkan kegelinciran dalam sistem itu ke atas landasannya yang betul supaya kewujudannya dapat terus dipertahankan.

Jika mahu, pimpinan parti itu boleh bermuka-muka seperti yang dilakukan oleh para penasihat Shah Iran dan raja-raja lain yang telah mengalami nasib seperti beliau. Tetapi kerana sayangkan institusi itu, UMNO telah tidak berbuat demikian.

Pertemuan dengan raja-raja Melayu di Istana Negara pada 25 dan 26 Februari lalu memperlihatkan ketidaksediaan UMNO untuk bermain sandiwara dengan institusi yang telah diwujudkan.

Sekalipun pelbagai senario - termasuk yang buruk - telah dilukiskan sebelum pertemuan itu berlangsung, terbukti apa yang ditakuti itu tidak berlaku.

Raja-raja Melayu menerima memorandum UMNO dengan baik. Jaminan diberikan bahawa mereka akan akur pada sistem Raja Berperlembagaan seperti yang diinginkan oleh rakyat dalam erti kata yang sebenar.

Malah untuk membantu perjalanan licin sistem itu pada masa-masa akan datang, satu kod etika untuk raja-raja Melayu untuk menjelaskan lagi fungsi mereka *vis a vis* rakyat yang berkuasa telah dipersetujui.

Dengan terbentuknya satu kod etika serupa itu, sebarang salah faham mengenai kuasa Raja Berperlembagaan, khususnya tentang perlantikan Menteri Besar, EXCO, penglibatan istana dalam perniagaan, meminta berbagai-bagai kemudahan (balak, lombong, tanah), kedudukan mereka sebagai Ketua Agama Islam



dan adat istiadat yang memerlukan sahshiah atau peribadi yang mulia, yang pada waktu ini tidak dihuraikan dengan begitu terperinci oleh perlembagaan yang telah menimbulkan tafsiran yang berbeza antara raja dengan parti yang berkuasa, akan dapat dielakkan.

Kesediaan raja-raja Melayu untuk menerima satu kod etika serupa itu adalah testimoni jelas bahawa mereka sebenarnya adalah sensitif terhadap pandangan rakyat.

Mereka melihat teguran yang dibuat oleh UMNO, walaupun ada kalanya tidak sedap didengar, dari sudut yang positif yang akan hanya memuliakan lagi status mereka seperti yang dijamin, sepenuhnya oleh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri.

Tidak seperti Ketua UMNO Bahagian Batu, Senator Azman Attar, raja-raja Melayu tidak melihat bahawa tindakan media - cetak dan elektronik - membesar-besarkan teguran UMNO itu sebagai satu tindakan melaga-lagakan mereka dengan rakyat jelata umumnya dan UMNO khususnya yang boleh merendahkan martabat mereka pada kaca mata rakyat.

Sesungguhnya, Anwar Ibrahim, Naib Presiden UMNO yang telah bertindak sebagai jurucakap rombongan Majlis Tertinggi mengadap raja-raja Melayu itu telah membuat pengamatan yang tepat apabila beliau berkata bahawa satu lembaran baru sudahpun bermula dalam hubungan raja-rakyat selepas pertemuan itu berakhir.

Tersirat di sebalik kenyataan itu ialah: Campur tangan istana dalam politik, penglibatan raja-raja dan kerabat dalam perniagaan, secara langsung atau sebagai penaung, kecenderungan untuk berbelanja lebih daripada apa yang diperuntukkan untuk berjalan di luar negara atau membina istana baru serta membesarkan istana yang sedia ada, mulanya tidak lagi akan berulang.

Jika benar begitu, tiga sorakan untuk sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Bagi Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib khususnya dan Menteri-menteri Besar yang lain umumnya, mereka sekarang boleh tidur dengan lebih nyenyak lagi.

## 7. RAHSIA POPULARITI RAJA INGGERIS

DI EROPAH, tidak ada bangsa yang sayangkan raja mereka seperti orang Inggeris.

Tatkala negara-negara Eropah yang masih mempunyai pemerintahan beraja tidak begitu mengagung-agungkan sistem itu, di Britain keadaannya adalah berbeza.

Raja atau lebih tepat lagi Ratu mereka – Queen Elizabeth Ke-2 dan kaum kerabatnya – masih dipandang tinggi.

Tidak ada gerakan serius yang berjuang untuk menggulingkan pemerintahan beraja.

Golongan yang anti-raja kerana sistem itu sudah lapuk dan statusnya sebagai ketua negara tidak tertakluk pada akauntabiliti demokrasi, adalah agak kecil.

Sebahagian besar masih tetap merasakan tidak ada sebab mengapa pemerintahan beraja harus ditamatkan kerana “orang” yang menduduki takhta di Istana Buckingham pandai membawa diri.

Perdana Menteri, Margaret Thatcher sendiri menganggap “kerabat diraja Inggeris sebagai harta yang paling bernilai” bagi Britain.

Kerana itu tatkala kemudahan-kemudahan lain untuk rakyat biasa seperti pencen untuk orang-orang tua, faedah untuk kanak-kanak dan ganjaran untuk mereka yang berpendapatan rendah dipotong oleh kerajaan pimpinannya, beliau mencadangkan kenaikan perbelanjaan sebanyak 55 peratus untuk keluarga diraja mulai 1991.

Ratu Elizabeth mendapat hampir 8 juta (kira-kira \$40 juta) setahun, pencen untuk bonda baginda dinaikkan daripada 439,000

kepada 640,000 setahun manakala anak bongsu baginda dibayar elaun 100,000 (hampir \$500,000) sedangkan anak rakyat biasa dibayar faedah kanak-kanak sekadar 6 seminggu atau 600 setahun.

Tentu ada yang berkata akan berjoli hebatlah keluarga diraja Inggeris mulai tahun itu.

Jika itu hasratnya, London memanglah tempatnya.

## TIDAK KE KASINO HABISKAN WANG

London merupakan "syurga" yang menempatkan berbagai kegiatan perjudian dan hiburan.

Akan berjudikah Ratu Elizabeth setiap malam?

Setakat ini tidak ada laporan, atau malah desas-desus yang mengatakan bahawa Ratu Elizabeth, suaminya, Putera Philip atau anak-anaknya Charles, Anne, Andrew dan Edward menghabiskan waktu mereka berjoli di kasino-kasino membelanjakan wang yang diperuntukkan untuk membiayai keluarga diraja melaksanakan tugas-tugas negara seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan.

Yang ada cuma berita bahawa yang kerap ke kasino-kasino London ialah raja-raja dari luar yang bercuti di London.

Itu pun entah betul entah tidak.

Barangkali palsu dan taktik yang digunakan oleh Inggeris untuk memburuk-burukkan raja negara lain yang menghabiskan wang negara mereka untuk kegiatan perjudian.

Muslihatnya barangkali untuk memberi gambaran bahawa raja-raja lain berperangai buruk dan raja mereka tidak.

Juga tidak ada laporan keluarga diraja Inggeris banyak menghabiskan waktu mereka melancong keluar negeri atas alasan untuk merehatkan fikiran atau untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Barangkali mereka tidak perlu berbuat begitu kerana di negara mereka terdapat tempat rehat yang mencukupi, atau kerana mereka mempunyai rawatan perubatan yang terbaik di dunia.

Kerana keluarga diraja Inggeris banyak menghabiskan masa di dalam negeri maka soal pihak Istana Buckingham meminta peruntukan yang lebih besar daripada yang disediakan oleh kerajaan setiap tahun tidak timbul.

Cukup atau tidak, keluarga diraja terpaksa berbelanja mengikut peruntukan yang telah diberi.

Malah untuk mengelakkan tuduhan bahawa penghuni Istana Buckingham berbelanja ikut suka, atau menggunakan wang negara untuk memuaskan nafsu peribadi yang tidak ada kaitan dengan tugas rasmi, satu senarai perbelanjaan diraja boleh diminta sekiranya Parlimen merasa perlu berbuat demikian.

## TIDAK BAWA KERENAH BUKAN-BUKAN

Tetapi ini tidak berlaku kerana pihak istana jarang meminta perbelanjaan tambahan.

Malah dalam aspek menyediakan peruntukan diraja, segala aspek perbelanjaan diambil kira untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan penggunaan wang yang telah disediakan.

Sebab utama yang disebut-sebut sebagai faktor yang mendorong popularitinya ialah bahawa institusi diraja di Britain tidak membawa kerenah yang bukan-bukan.

Memang sekali-sekala ada kerabat diraja yang bertindak keterlaluan, tetapi tindakan yang dianggap menyolok mata itu akan didedahkan dalam akhbar-akhbar dan tidak akan terlepas daripada dikritik.

Malah tindakan seorang kerabat diraja memandu keretanya melebihi had laju yang ditetapkan di sebuah lebuh raya telah menyebabkan lesennya digantung untuk beberapa minggu sejajar dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Akhbar-akhbar di London, terutama akhbar popular, merupakan media yang paling gemar untuk mendedahkan keburukan yang dilakukan oleh keluarga diraja.

Mereka akan 'membelasah' keluarga diraja yang melakukan kesalahan cukup-cukup sehingga akhbar-akhbar popular itu tidak begitu disenangi oleh Istana Buckingham.

Tetapi tidak ada apa-apa yang boleh dibuat oleh pihak istana untuk menyekat 'kebebasan' akhbar-akhbar berkenaan daripada meneropongi perbuatan sumbang keluarga diraja.

Keluarga diraja Inggeris tahu bahawa jika mereka mengadakan, yang terjejas akhirnya populariti mereka sendiri.

Ratu Elizabeth sendiri barangkali sedar bahawa dengan membenarkan media meneropongi gelagat keluarga diraja,

perbuatan itu secara langsung dapat menyelamatkan institusi itu.

Apabila gelagat keluarga raja terutama yang boleh mencemarkan pemerintahan berjaya cuba ditutup menggunakan keistimewaan undang-undang seperti yang berlaku di negara-negara lain, maka raja merasakan mereka boleh berbuat apa saja dan tidak ada pihak yang berani menegurnya.

Perbuatan itu akhirnya akan membawa kepada kajatuhan pada sistem beraja itu sendiri.

Hal ini nampaknya cuba dielakkan daripada berlaku di Britain.

## 8. SISTEM MONARKI BRITISH LEBIH BAIK DARI REPUBLIK

DALAM dunia moden sekarang ini, terdapat dua sistem berkerajaan yang menjadi amalan. Jika sesebuah negara itu tidak menganuti pemerintahan yang berasaskan sistem raja, ia sudah pasti sebuah negara republik. Malah sekarang ini, jumlah negara-negara republik adalah besar dari negara-negara beraja.

Dan negara-negara beraja yang masih dapat mempertahankan sistem pemerintahan yang sudah dianggap usang untuk zaman ini hanya berjaya berbuat demikian kerana telah berlaku perubahan struktur dalam sistem monarki itu sendiri.

Perubahan ini membawa pengertian bahawa kedudukan mutlak raja-raja seperti satu waktu dulu telah dihapuskan kecuali barangkali di dua tiga buah negara di Asia Barat (seperti Arab Saudi, Maghribi, Jordan, Kuwait).

Di negara-negara beraja yang lain, apa yang wujud ialah pemerintahan Raja Berperlembagaan. Di bawah sistem ini, raja-raja wujud hanya pada nama saja atas sifat mereka sebagai ketua negara atau negeri, yang bertindak atas nasihat orang-orang politik yang membentuk kerajaan sokongan rakyat.

Ini adalah kompromi yang terpaksa diterima oleh raja-raja kerana tidak mahu melihat kedudukan yang mereka perolehi secara warisan dilenyapkan begitu saja, atau digantikan dengan sebuah pemerintahan yang bercorak republik yang tidak memberi sebarang tempat kepada pemerintahan yang dikuasai oleh seorang tokoh yang tidak mewakili suara terbanyak anggota masyarakat.

Di sebuah negara republik, siapa saja, termasuk rakyat biasa, jika mendapat sokongan majoriti boleh menjadi ketua negara yang biasanya bergelar Presiden.

Di negara-negara beraja kedudukan sebagai ketua negara ini biasanya dikuasai oleh seorang raja.

Orang lain tiada peluang kerana sekiranya raja mangkat atau turun takhta, kedudukan itu hanya boleh diwarisi oleh ahli keluarga yang terdekat.

Inilah salah satu sebab yang mendorong manusia untuk mewujudkan satu sistem pemerintahan alternatif kepada sebuah negara yang berasaskan sistem raja yang dipanggil republik. Ia lahir kerana terdapatnya kebencian sebahagian masyarakat terdapat kongkongan yang dikenakan oleh pemerintahan seorang tokoh berpengaruh yang menduduki puncak kuasa bukan kerana kebolehan atau kepandaian mereka, tetapi kerana orang ramai terpaksa menerima mereka kerana status quo telah menetapkan demikian. Ini kerana monarki mutlak, tidak seperti Raja Berperlembagaan, memberi pengertian bahawa ia mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menentukan haluan sesebuah negara. Kedudukan ini diperolehi, bukan dengan pilihan rakyat terbanyak, tetapi secara warisan.

Sekiranya apa yang dilakukan tidak lari dari kehendak majoriti, sistem seumpama itu boleh selamat. Ia juga boleh selamat dengan menggunakan cara-cara kekerasan untuk memaksa rakyat menerima pemerintahan mereka.

Tetapi cara itu biasanya tidak tahan lama. Sebaik saja rakyat mempunyai kekuatan, mereka akan bangun untuk menentang sistem raja menggunakan kekejaman, kezaliman pemerintahan raja itu sendiri sebagai senjata untuk menumbangkan mereka.

Di tempatnya akan diganti dengan pemerintahan bercorak republik seperti yang berlaku di Iran dalam tahun 1970-an atau di Afghanistan sebelum itu.

Jelas bahawa andainya sistem pemerintahan beraja ingin bertahan, ia terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan dan kehendak sebahagian besar masyarakat seperti yang berlaku di United Kingdom.

Di sana, walaupun pada satu ketika terdapat desakan kuat bagi ditegakkan sebuah pemerintahan republik, sistem monarki bukan saja dapat dipertahankan, tetapi dipertahankan sehingga menimbulkan kasih sayang di kalangan sebahagian besar rakyat.

Hal ini berlaku kerana ratu dan raja-raja England sebelum

ini telah memainkan peranan mereka sebagai Raja Berperlembagaan menurut cara yang telah ditetapkan.

Ini bermakna mereka menerima bahawa kuasa di negara itu untuk membuat dasar-dasar negara berada dalam genggaman badan eksekutif (kabinet) dan legislatif (Parlimen) yang dianggotai oleh orang-orang politik yang dipilih kedudukan mereka oleh rakyat.

Kesanggupan ratu England serta kaum kerabatnya untuk mendedahkan diri mereka kepada pemeriksaan umum baik dari segi tindak tanduk atau perbelanjaan telah membantu mempopularkan imej sistem negara beraja di Britain.

Lantaran itu, setiap kali belanjawan negara diumumkan, peruntukan yang disediakan kepada keluarga diraja juga dihebahkan kepada rakyat melalui Parlimen. Untuk tujuan apa peruntukan itu dibelanjakan juga digariskan secara terperinci.

Seolah-olah untuk tidak menimbulkan kebencian rakyat terhadap mereka, pihak istana tidak pernah berbelanja lebih dari yang diperuntukkan. Dalam kata-kata lain, apa yang telah memperkukuhkan sistem kerajaan beraja di United Kingdom ialah kerana adanya kesediaan untuk membiarkan diri penghuni Istana Buckingham diteropong kegiatan mereka dari dekat oleh masyarakat.

Ini pula dibantu oleh kesanggupan ratu untuk menunaikan fungsinya sebagai Raja Berperlembagaan menepati apa yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan secara tersurat dan tersirat. Inilah resipi yang berjaya mewujudkan satu sistem pemerintahan yang berjalan lancar serta mendapat pujian dari negara-negara lain termasuk yang mengamalkan corak pemerintahan republik yang pertama kali dicuba di zaman Roman beberapa abad lalu.

Malah ada yang mengatakan sistem monarki British itu adakalanya lebih baik dari pemerintahan bercorak republik itu sendiri terutamanya di negara-negara republik yang telah melahirkan pemimpin-pemimpin pilihan rakyat sebagai raja-raja baru yang juga memerintah secara kuasa mutlak.

Tetapi bezanya raja-raja baru yang naik takhta dengan sokongan rakyat ini ialah mereka tidak mendapat kedudukan mereka secara warisan seperti halnya dengan raja mutlak sebelum ini.

Dari segi ini, kebaikannya ialah rakyat boleh membuang



mereka sekiranya mahu dalam pilihan raya; sedangkan dengan sistem raja warisan, rakyat tidak berhak berbuat demikian walaupun raja yang bertakhta mungkin seorang yang bodoh, atau tidak memahami aspirasi rakyat terbanyak. Hanya revolusi saja yang boleh menumbangkan mereka.

Malah bagi raja-raja mutlak yang tidak sensitif kepada perkembangan di luar istana dan meneruskan pemerintahan kuku besi inilah berlaku seperti yang pernah terjadi di Perancis, di Soviet Union dan di beberapa negara Asia Barat seperti di Mesir, Libya, Iran.

Menyedari perkembangan itu, maka ramai raja lain, telah menerima konsep Raja Berperlembagaan.

Bagaimanapun, masa depan Raja Berperlembagaan banyak bergantung bagaimana raja-raja itu sendiri menerima peranan baru mereka.

Andainya mereka sanggup membiarkan diri mereka diperkatakan secara terbuka, sistem negara beraja mungkin kekal di hati rakyat seperti yang berlaku di England.

Andainya Raja Berperlembagaan, oleh kerana kedudukan mereka dilindungi oleh undang-undang dan lantaran itu tidak boleh ditegur atau disentuh atau cuba mengambil sikap bermusuhan dengan pemimpin-pemimpin yang berkuasa atas sokongan rakyat, maka mereka sebenarnya berdepan dengan masa depan yang tidak menentu. Ini kerana bila sistem kerajaan beraja tidak lagi disayangi oleh sebahagian besar rakyat seperti halnya di Iran dan di Mesir, India serta Indonesia maka idea menegakkan sebuah republik akan menyusupi masyarakat. Ini bermaksa menggantikan sistem yang ada kepada satu sistem lain secara sukarela atau paksa.

Hakikat bahawa wujudnya negara-negara republik yang berjalan dengan baik, tidak dapat tidak akan mendorong sesetengah pihak untuk menerimanya tanpa banyak soal. Aliran ke arah ini, sebaik saja bermula, susah untuk disekat!

## 9. JANGAN TAKUT BERKATA TIDAK

SETELAH termeterainya Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan yang menjelaskan lagi fungsi, peranan dan kuasa Raja Berperlembagaan dalam Demokrasi Berparlimen pada 4 Julai 1992, persoalan ditimbulkan: berakhirkah krisis Sultan-Menteri Besar selepas ini?

Membangkitkan pertanyaan ini adalah *valid*.

Jawapannya bergantung ... sekiranya raja-raja yang telah menandatangani pengisytiharan itu berpegang teguh pada Prinsip-Prinsip Perlembagaan yang telah dipersetujui, hubungan yang harmonis antara mereka dengan Menteri Besar akan dapat dijalin.

Sekiranya tidak, cerita lama yang pernah berlaku di Perak, Kelantan, Pahang, Johor dan Selangor akan berulang lagi. Tidak dapat disangkal lagi bahawa memastikan Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan itu dihormati tidak patut diserahkan kepada raja-raja sahaja.

Tanggungjawab Menteri Besar sebagai pemegang kuasa sebenar dalam Demokrasi Berparlimen adalah lebih utama.

Merekalah yang akan menegakkan pengisytiharan itu.

Oleh kerana kekaburan peranan, fungsi dan kuasa raja *vis a vis* peranan, fungsi dan kuasa Menteri Besar dalam perlembagaan-perlembagaan negeri yang dikatakan menjadi punca pergeseran selama ini sudah lebih jelas sekarang, salah faham yang boleh mencetuskan krisis tidak patut lagi timbul.

Mulai sekarang, pergeseran Sultan-Menteri Besar adalah sesuatu yang boleh diikuti dalam sejarah. Hubungan masa depan sepatutnya adalah lebih harmonis. Sebagai *gate-keeper* di peringkat

negeri, Menteri Besar mempunyai tanggungjawab untuk melayan atau tidak melayan permohonan Sultan (bagi mendapatkan apa juga).

Permohonan yang *legitimate* memang tidak boleh ditolak. Tetapi permintaan yang bukan-bukan yang biasanya dibuat dari masa ke masa, tidak perlu dilayan.

Menteri Besar mestilah mempunyai keberanian untuk berkata 'tidak' kepada Sultan andainya mereka berada pada pihak yang benar.

Melalaikan tanggungjawab itu bermakna mereka telah gagal melaksanakan fungsi perlembagaan mereka.

Sebelum ini, keadaan itu memang diketahui berlaku. Ada Menteri Besar yang melayan kehendak Sultan kerana mereka tidak ada keberanian untuk berkata 'tidak' atau atas sebab-sebab tertentu yang lain.

Kebanyakannya ada kaitan dengan kelemahan mereka sendiri atau kerana mereka ingin mencari populariti, lalu memuaskan apa juga kehendak Sultan sekalipun apa yang dibuat itu bertentangan dengan perlembagaan.

Mengambil kesempatan dari keadaan itu menyebabkan ada Sultan yang keterlanjuran dan melampaui fungsi mereka. Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan itu bertujuan untuk membetulkan kelemahan itu.

Memanglah untuk berkata 'tidak' kepada Sultan, seorang Menteri Besar bukan saja perlu berani, tetapi dia sendiri mempunyai rekod yang bersih, tidak korup dalam mengagih-agihkan kekayaan negeri.

Menteri Besar yang diketahui melakukan pelbagai bentuk penyelewengan akan berada pada kedudukan yang tempang. Kewibawaannya akan dipersoalkan.

Sekiranya yang diutamakan adalah kepentingan sendiri atau kelompoknya sahaja maka sukar bagi mana-mana Menteri Besar untuk berfungsi dengan berkesan.

Ketegasan Menteri Besar (untuk menghadapi Sultan) juga bergantung kepada dua faktor lain.

Pertama, kemampuannya untuk mendapatkan sokongan padu, partinya di peringkat negeri dan kedua, sokongan pemimpin yang lebih tinggi, terutamanya Perdana Menteri.

Kedua-dua sokongan ini adalah instrumental. Sekiranya

Menteri Besar dilihat terkontang-kanting, beliau berada pada dahan yang cukup rapuh.

Dengan mudah kedudukannya boleh diancam oleh taktik pecah dan perintah.

Menteri Besar yang tegas dan adil dalam menegakkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan wajar mendapat sokongan pemimpin yang atas.

Dia tidak wajar dikorbankan semata-mata kerana katakana Perdana Menteri ingin menjaga hubungan yang baik dengan sultan-sultan tertentu.

Berbuat demikian adalah satu *precedent* yang tidak baik. Ia tidak harus berlaku dan jangan dibiarkan berlaku.

Dr. Mahathir Mohamad telah menunjukkan rekod yang konsisten dalam perjuangan ini.

Kesediaan beliau membenarkan UMNO menegur, mengkritik dan mendedahkan kerenah-kerenah raja yang dianggap telah melebihi fungsi perlembagaan yang telah membawa kepada penggubalan Kod Etika Raja yang kemudian dikenali sebagai Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan adalah testimoni jelas rekod Perdana Menteri itu.

Dan selepas wujudnya Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan janganlah ada lagi Menteri Besar yang takut berkata 'tidak' kepada Sultan andainya ada asas yang baik untuk berbuat demikian. Lakukanlah tugas itu dengan sopan santun, saksama dan bukannya secara kurang ajar. Janganlah lukakan hati sesiapa.